UNDANG2 PERKAPALAN PEDAGANG, 1982

SUSUNAN BAB2.

BAHAGIAN I

PERMULAAN

BAB.

1. Gelaran pendek dan permulaan.
2. Tafsiran.
3. Pengenaan Undang2.
4. Pengenaan Undang2 kapada hovercraft dan binaan2 tertentu, dsb.

BAHAGIAN II

PEJABAT PENDAFTARAN BRUNEI

Kewajipan untok mendaftar Kapal2 Brunei

5. Kewajipan untok mendaftar kapal2 Brunei.
6. Pengechualian2 dari pendaftaran.

Tatachara Pendaftaran

7. Pendaftar kapal2 Brunei.
8. Buku daftar.
9. Pengukoran dan penyukatan kapal.
10. Penandaan kapal.
11. Permohonan bagi pendaftaran.
12. Pernyataan kepunyaan tatkala pendaftaran.
13. Bukti keterangan tatkala mula2 mendaftarkan.
14. Chatetan butir2 dalam buku daftar.
15. Dokumen2 hendak-lah di-simpan oleh pendaftar.
16. Pelabohan pendaftaran.

Sijil Pendaftaran

17. Sijil pendaftaran.
18. Penyimpanan sijil.
19. Hukuman bagi penggunaan sijil yang tidak betul.
20. Kuasa untok memberi sijil baharu.
21. Sharat kerana kehilangan sijil.
22. Chatetan mengenai penukaran juragan dalam sijil.
23. Chatetan mengenai penukaran kepunyaan dalam sijil.
24. Penyerahan sijil kapal yang hilang, dsb.

25. Pas2 sementara sebagai ganti sijil2 pendaftaran.
26. Sijil sementara bagi kapal yang di-sesabuah negeri asing menjadi kepunyaan Brunei.

Pemindahan2 Milek dan Penyerahan2 Harta

27. Pemindahan milek kapal2 atau sher2.
28. Pengakuan pindah milek.
29. Pendaftaran pindah milek.
30. Penyerahan harta dalam kapal manakala jatoh bengkerap atau mati, dsb.
31. Perentah bagi penjualan atas penyerahan kapada orang yang tidak berkelayakan.
32. Pindah milek kapal atau penjualan dengan perentah mahkamah.
33. Kuasa mahkamah melarang pemindahan milek.

Chagaran2

34. Chagaran kapal atau sher.
35. Chatetan pelaksanaan chagaran.
36. Keutamaan bagi chagaran2.
37. Penerima chagaran tidak di-anggap sebagai tuanpunya.
38. Penerima chagaran akan mempunyai kuasa menjual.
39. Chagaran tidak terjejas oleh kebengkerapan.
40. Pemindahan chagaran2.
41. Penyerahan kepentingan dalam chagaran oleh sebab kebengkerapan atau kematian, dsb.

Nama Kapal

42. Atoran2 mengenai nama kapal.
43. Pengubahan kapal.
44. Pemindahan pendaftaran.
45. Sekatan2 keatas pendaftaran semula kapal2 terbengkalai.

Orang2 Yang Tidak Berdaya

46. Sharat2 bagi perkara2 maseh kanak2 atau tidak berdaya yang lain.

Amanah2 dan Hak2 Saksama

47. Notis amanah2 tidak di-terima.

Tanggongan Tuanpunya Yang Mendapat Faedah

48. Tanggongan tuanpunya2.

BAB.

Tuanpunya Yang Mengurus

49. Tuanpunya yang mengurus atau pengurus kapal hendak-lah di-daftarkan.

Pengakuan2

50. Kuasa Pendaftar untok tidak memerlukan pengakuan2 dan bukti keterangan lain.
51. Chara membuat pengakuan2.

Pemereksaan Daftar, Bukti Keterangan dan Borang2

52. Pemereksaan buku daftar.
53. Bukti keterangan buku daftar, sijil pendaftaran, dan dokumen2 lain.
54. Borang2.

Pemalsuan dan Pengakuan2 bohong

55. Pemalsuan dokumen2.
56. Pengakuan2 bohong.

Keperibadian Negara dan Bendera

57. Senarai2 anak kapal bagi kapal2 Brunei yang berdaftar.
58. Hukuman kerana menggunakan sechara tidak patut keperibadian Brunei.
59. Hukuman kerana menyembunyikan keperibadian Brunei atau menggunakan keperibadian asing.
60. Hukuman kerana memperolehi kepunyaan jika tidak berkelayakan.
61. Tanggongan2 kapal yang tidak di-akui sebagai kapal Brunei.
62. Lambang negara bagi kapal2 Brunei yang berdaftar.
63. Hukuman kerana tidak menunjokkan lambang.

Perampasan Kapal

64. Tindakan mengenai perampasan kapal.

Ukoran Kapal2 dan Berat Muatan

65. Penentuan berat muatan yang di-daftarkan.
66. Berat muatan apabila di-pastikan dan di-daftarkan hendak-lah menjadi berat muatan sesabuah kapal.
67. Berat muatan kapal2 negeri2 asing.

BAHAGIAN III

JURAGAN2 DAN KELASI2

Menempatkan Kakitangan

68. Menempatkan kakitangan.

69. Sijil2 kechekapan khas.
70. Orang2 yang tidak berkelayakan pergi ka-laut sebagai pegawai2 dan kelasi berkelayakan.
71. Mengemukakan sijil2 kelayakan dan dokumen2 kelayakan lain.

Pengambilan dan Pemberhentian Anak2 Kapal

72. Perjanjian2 anak2 kapal.
73. Peratoran2 mengenai perjanjian anak2 kapal.
74. Sekatan keatas pengambilan kerja orang2 di-bawah umor di-dalam kapal.
75. Pemberhentian kelasi2.
76. Kelasi2 yang tertinggal di-luar negeri selain dari yang di-berhentikan.
77. Pemberhentian kelasi2 apabila kapal tidak lagi menjadi kapal Brunei.

Gaji, dll.

78. Pembayaran gaji2 kelasi2, dll.
79. Kuasa Pengarah dan orang2 lain untok menentukan pertikaian2 terhadap gaji2.

Harta-benda kelasi2 yang mati

80. Penjagaan dan penyelesaian harta-benda kelasi2 yang mati.

Perbekalan2, Kesihatan dan Tempat Tinggal

81. Perbekalan, ayer dan persediaan2 perubatan.
82. Rawatan perubatan dalam kapal.
83. Perbelanjaan2 rawatan perubatan dan lain2 semasa pelayaran.
84. Peratoran2 berkenaan dengan tempat tinggal anak2 kapal.

Tatatertib

85. Sharat2 mengenai tatatertib.
86. Penangkapan dan penahanan kelasi2 yang lari, dll.
87. Kehadiran yang tidak di-benarkan di-dalam kapal.
88. Kuasa juragan untok menangkap.

Kemudahan2 untok Membuat Aduan

89. Kemudahan2 untok membuat aduan.

Dokumen2

90. Buku2 harian rasmi kapal.
91. Daftar anak2 kapal.
92. Penyata kelahiran dan kematian dalam kapal2 Brunei.
93. Penyerahan dokumen2 apabila juragan bertukar.

BAB.

BAHAGIAN IV

KAWALAN DAN MELESENI KAPAL2

94. Sekatan terhadap perdagangan di-Brunei.
95. Meleseni kapal2.
96. Bagaimana pemberian lesen di-laksanakan.
97. Tempoh lama-nya lesen.
98. Tuanpunya dan juragan berdaftar.
99. Memberi nombor dan menandai kapal2.
100. Pengeluaran lesen.
101. Pembatalan lesen.
102. Peratoran2.

BAHAGIAN V

KESELAMATAN

Penchegahan Pelanggaran

103. Peratoran2 pelanggaran.
104. Pematohan peratoran2 pelanggaran.
105. Pemereksaan keatas lampu2 dan isharat2 kabus.
106. Arahan2 jurumudi.

Kewajipan untok Memberi Bantuan

107. Kewajipan untok memberi bantuan kapada orang2 yang dalam bahawa di-laut.
108. Kewajipan kapal untok membantu kapal yang lain semasa perlanggaran.

Kelengkapan

109. Pembetulan alat2 pedoman.
110. Menaroh berat yang tidak berpatutan keatas pentil keselamatan.
111. Peratoran2 mengenai alat2 penyelamatan.

Laporan2 Kemalangan dan Kehilangan Kapal2

112. Laporan2 kemalangan dan kehilangan kapal2.

Keselamatan dan Konvenshen2 Garis2 Muatan

113. Sijil2 Konvenshen Keselamatan.
114. Sijil2 Garis Muatan.
115. Peratoran2 Tambahan.
116. Pengenaan bab2 113 hingga 115 kapada kapal2 Brunei.

BAB.

Kapal2 Yang Tidak Selamat Di-layarkan

117. Kesalahan berthabit dengan yang tidak selamat yang merbahaya.
118. Kuasa untok menahan kapal yang tidak selamat, dan tatachara bagi penahanan sedemikian.
119. Tanggongan terhadap perbelanjaan2 dan gantirugi.
120. Kuasa untok mengkehendaki jaminan terhadap perbelanjaan2 dari pengadu.
121. Sharat2 tambahan mengenai penahanan kapal.
122. Pengenaan sharat2 mengenai penahanan kapal2 asing.
123. Kewajipan di-pehak tuanpunya kapal kapada anak2 kapal terhadap usaha2 yang munasabah untok keselamatan kapal.

Kapal2 yang Membawa Penumpang2

124. Kapal2 yang membawa penumpang2.

BAHAGIAN VI

PENYELIDEKAN2 PERKAPALAN DAN MAHKAMAH KHAS

Penyelidekan2 dan Penyiasatan2

125. Ta'arif2.
126. Penyelidekan permulaan.
127. Duli Yang Maha Mulia boleh menubohkan mahkamah penyiasatan.

Kuasa2 mengenai Sijil2 pegawai, dll.

128. Kuasa mahkamah penyiasatan mengenai sijil2.
129. Kuasa2 mahkamah selanjut-nya.
130. Duli Yang Maha Mulia boleh mengendali sijil.
131. Sharat bagi di-dengar semula dan rayuan.
132. Peratoran2 mengenai tatachara, bayaran2, dsb.

Mahkamah2 Pemereksaan

133. Penubohan, kuasa2 dan tatachara mahkamah pemereksaan.
134. Merujok kapada orang2 ilmiah dalam perkara2 yang rumit.

Bayaran2 kapada Pegawai2 Mahkamah

135. Bayaran2 kapada pegawai2 mahkamah.

Lepas Tanggongan

136. Lepas Tanggongan.

BAB.

BAHAGIAN VII

KANDASAN DAN PENYELAMATAN BARANG2

Kapal2 dalam Bahaya

137. Tafsiran.
138. Lantekan penerima kandasan.
139. Tugas penerima kandasan apabila kapal dalam bahaya.
140. Kuasa2 penerima kandasan apabila kapal2 dalam bahaya.
141. Kuasa untok melalui tanah2 yang berhampiran.
142. Kuasa penerima untok menindas perampasan dan kekachauan dengan kekerasan.
143. Menjalankan kuasa2 penerima pada masa ketiadaan-nya.
144. Pemereksaan terhadap kapal dalam bahaya.

Penyelenggaraan Kandasan

145. Atoran2 yang mesti di-patohi oleh orang2 yang menjumpai kandasan.
146. Hukuman terhadap pengambilan kandasan pada waktu kemalangan.
147. Notis kandasan hendak-lah di-berikan oleh penerima.
148. Tuntutan2 pemilek2 keatas kandasan.
149. Penjualan kandasan dengan serta-merta oleh penerima dalam perkara2 tertentu.

Kandasan yang Tidak Di-tuntut

150. Hak Kerajaan terhadap kandasan yang tidak di-tuntut.
151. Kandasan yang tidak di-tuntut.
152. Penyampaian kandasan yang tidak di-tuntut oleh penerima tidak-lah memudharatkan hakmilek.

Memindahkan Kandasan

153. Pemindahan kandasan oleh penerima.
154. Kuasa2 untok memindah kandasan termasok kelengkapan, barang muatan, dll.

Kesalahan2 Berthabit dengan Kandasan

155. Membawa kandasan keluar dari Brunei.
156. Mengganggu kapal yang telah binasa atau kandasan.
157. Menyembunyikan kandasan.

Bayaran Penyelamatan

158. Bayaran penyelamatan hendak-lah di-bayar kerana menyelamatkan nyawa.
159. Penyelamatan barang muatan atau kandasan.

BAB.

Atoran Mengenai Bayaran Penyelamatan

160. Menyelesaikan pertikaian2 mengenai bayaran penyelamatan.
161. Pertolongan penaksir2 dalam pertikaian2 mengenai bayaran penyelamatan.
162. Rayuan dalam perkara pertikaian mengenai bayaran penyelamatan.
163. Penaksir harta-benda oleh penerima.
164. Penahanan harta-benda yang boleh di-kenakan bayaran penyelamatan oleh sa-saorang penerima.
165. Penjualan harta-benda yang di-tahan.
166. Pembahagian bayaran penyelamatan oleh penerima.
167. Pembahagian bayaran penyelamatan oleh Mahkamah Tinggi.
168. Pembahagian bayaran penyelamatan antara tuanpunya2 kapal asing dan lain2.

Bidangkuasa Keatas Bayaran Penyelamatan

169. Bidangkuasa keatas bayaran penyelamatan.

Bayaran2 Kapada Penerima Kandasan

170. Bayaran2 penerima.

BAHAGIAN VIII

PENYAMPAIAN BARANG2

Penyampaian Barang2 dan Hak Pegangan (Lien) terhadap Biaya Pengangkutan

171. Tafsiran.
172. Kuasa2 tuanpunya kapal untok mendaratkan barang2.
173. Hak pegangan (lien) terhadap biaya pengangkutan manakala mendaratkan barang2.
174. Perlepasan hak pegangan.
175. Sharat2 mengenai wang2 pendahuluan oleh tuanpunya2 barang2.
176. Penjualan barang2.
177. Penggunaan hasil2 penjualan.
178. Sewa dan perbelanjaan2 penyelenggara gudang.
179. Perlindongan penyelenggara gudang.

BAHAGIAN IX

TANGGONGAN PENGANGKUT2, TUANPUNYA2 KAPAL DAN PENYELAMAT2

Pengangkutan Penumpang2 dan Barang2 Bawaan dengan Jalan Laut

180. Konvenshen yang di-jadualkan akan mempunyai kuatkuasa undang2.
181. Pengenaan Jadual 1 kapada pengangkutan antarabangsa sebelum berjalan-nya kuatkuasa bab 180(1) dan (2).

BAB.

Tanggongan tuanpunya2 kapal dan penyelamat2

182. Had tanggongan.
183. Terkeluar dari tanggongan.
184. Pengenaan bab2 182 dan 183.

BAHAGIAN X

SHARAT2 MENGENAI PELANGGARAN2 DAN HAD

Sharat2 Mengenai Pelanggaran2, dsb.

185. Atoran2 mengenai pembahagian kerugian.
186. Gantirugi terhadap kechederaan2 diri.
187. Hak mendapatkan sumbangan.

Sharat2 'Am

188. Had2 tindakan.
189. Penggenaan Bahagian.

BAHAGIAN XI

PENGANGKUTAN BARANG2 MELALUI LAUT

190. Pengenaan Hague Rules (Atoran2 Hague) sebagaimana di-pinda.
191. Negeri2 yang menyertai perjanjian, dsb.
192. Jaminan penoh terhadap keselamatan kapal belayar tidak akan di-sifatkan ada dalam perjanjian2 terhadap mana Atoran2 di-kenakan.
193. Tambahan.

BAHAGIAN XII

LANGKAH2 PEMBICHARAAN DI-SISI UNDANG2

Penda'awaan terhadap Kesalahan2

194. Penda'awaan2 siapa yang akan memulakan.
195. Kenyataan2 tidak benar, pemalsuan, dsb.
196. Melanggar Undang2 ada-lah suatu kesalahan.
197. Mahkamah untok pembicharaan kesalahan2.

Tanggongan dan Perlindongan Pegawai2 Kerajaan

198. Tanggongan dan perlindongan pegawai2 Kerajaan.

Bidangkuasa

199. Sharat mengenai bidangkuasa jika berlaku kesalahan2.

BAB.

200. Bidangkuasa keatas kapal2 yang berlaboh dekat pantai.
201. Bidangkuasa jika berlaku kesalahan2 di-dalam kapal.

Penahanan Kapal dan Penahanan Harta Kapal

202. Menguatkuasakan penahanan kapal.
203. Wang2 yang di-perentahkan supaya di-bayar di-pungut dengan menahan harta kapal.

Keterangan dan Penyampaian Dokumen2

204. Keterangan2 dengan bersumpah hendak-lah di-terima dalam keterangan bilamana saksi tidak dapat di-hadapkan.
205. Penggunaan buku harian rasmi dan perjanjian anak2 kapal sebagai keterangan.
206. Penyampaian dokumen2.

BAHAGIAN XIII

TAMBAHAN

Kawalan 'Am Jabatan Laut

207. Pengawasan perkapalan pedagang oleh Jabatan Laut.

Kuasa2 bagi menguatkuasakan Pematohan Undang2

208. Kuasa untok memastikan supaya Undang2 ini di-patohi.

Pemereksa2 Kerajaan

209. Lantekan pemereksa2 Kerajaan.
210. Kuasa pemereksa Kerajaan bagi maksud pemereksaan kapal2.
211. Laporan2 oleh pemereksa2 Kerajaan.

Merinyu2

212. Lantekan merinyu untok melaporkan kemalangan2, dsb.
213. Kuasa2 merinyu.
214. Kemudahan2 untok memereksa dan menyelidek.

Rampaian

215. Kuasa2 menangkap dan menaiki kapal.
216. Tugas2 Pengarah dan Pendaftar kapal2 Brunei.
217. Peratoran2.

BAB.

218. Kuasa untok menguatkuasakan perjanjian2 antarabangsa.
219. Hak pegangan (lien) Pendaftar dan Pengarah.
220. Pindaan, pemansokhan dan pengechualian2.

JADUAL2

Jadual 1 — KONVENSHEN BERHUBONG DENGAN PENGANGKUTAN PENUMPANG DAN BARANG2 BAWAAN MEREKA MELALUI LAUT
Jadual 2 — KONVENSHEN MENGENAI HAD TANGGONGAN TERHADAP TUNTUTAN2 EHWAL LAUT 1976
Jadual 3 — ATORAN2 HAGUE SEBAGAIMANA DI-PINDA OLEH PROTOKOL BRUSSELS 1968
Jadual 4 — PINDAAN UNDANG2 PAMPASAN PEKERJA2, 1957
Jadual 5 — PEMANSOKHAN2

NEGERI BRUNEI

E 16 TAHUN 1983

UNDANG2 PERKAPALAN PEDAGANG, 1982

Beta bersetuju,

MOHOR

DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN.

20 - 7 - 83

Satu Undang2 untok membuat sharat2 bagi pendaftaran kapal2 untok membolehkan sharat2 yang lebeh baik di-buat bagi keselamatan dan kelengkapan2 kapal2, bagi kelayakan, kebajikan dan tatatertib pegawai2 dan kelasi2 dan untok pengangkutan penumpang2 dan barang2 muatan dalam kapal ; untok membuat sharat2 bagi memberi lesen kapada kapal2 dan menyelenggara kandasan ; untok mengator penyelamatan barang2 ; untok menubohkan mahkamah penyiasatan dan pemereksaan ; untok meminda undang2 mengenai penyampaian barang2 dan pengangkutan barang2 melalui laut dan tanggongan tuanpunya2 kapal dan lain2 orang ; dan bagi maksud2 yang berkaitan.

[ ]

ADA-LAH DI-PERBUAT oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan nasehat dan persetujuan Majlis Mashuarat Negeri saperti berikut :—

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran pendek dan permulaan.

1. Undang2 ini boleh di-gelar sebagai Undang2 Perkapalan Pedagang, 1982 dan hendak-lah berjalan kuatkuasa-nya pada suatu tarikh yang Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, menetapkan, dan tarikh2 lain boleh di-tetapkan bagi sharat2 lain dari Undang2 ini atau bagi maksud2 lain dari sharat yang sama.

Tafsiran.

2. Dalam Undang2 ini, kechuali jika maksud-nya berkehendakkan ma'ana yang lain —

(a) ''perubahan'' termasok kemerosotan ;

''binatang'' berma'ana sebarang benda yang bernyawa jenis apa pun jua kechuali manusia ;

''bengkerap'' termasok tidak berkemampuan ;

''kapal British'' mempunyai ma'ana yang sama saperti dalam Akta2 Perkapalan Pedagang ;

''kapal Brunei'' berma'ana sesabuah kapal yang di-punyai keselurohan-nya oleh orang2 Brunei atau oleh badan2 bersekutu yang di-tubohkan di-bawah, dan terta'alok kapada, undang2 Brunei dan mempunyai tempat perniagaan utama-nya di-Brunei ;

''kapal berlesen Brunei'' berma'ana sesabuah kapal yang di-beri lesen di-bawah Bahagian IV ;

''peratoran2 perlanggaran'' berma'ana peratoran2 yang dari masa ka-semasa berkuatkuasa di-bawah sharat2 bab 103 ;

''pegawai konsol'' berma'ana pegawai yang di-akui oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berhubong dengan sesabuah negeri asing sebagai pegawai konsol negeri itu ;

''mahkamah'' termasok, berthabit dengan sebarang tindakan Undang2, mana2 mahkamah, hakim atau majistret yang mempunyai bidang kuasa dalam perkara terhadap mana tindakan itu ada mempunyai hubongan ;

''mahkamah pemereksaan'' berma'ana sebuah mahkamah pemereksaan yang di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di-bawah bab 133(1) ;

''perjanjian anak2 kapal'' berma'ana perjanjian yang di-sebut dalam bab 72 ;

''penumpang dek'' berma'ana sesaorang penumpang yang tidak menyewa mana2 kabin, bilek istimewa atau bilek besar ;

''Pengarah'' berma'ana pegawai yang pada masa itu di-lantek menjadi Pengarah Laut di-bawah Undang2 Pelabohan2, 1981 atau terus memegang jawatan tersebut di-bawah Undang2 itu, dan termasok Timbalan Pengarah Laut yang di-lantek atau terus memegang jawatan tersebut di-bawah Undang2 itu ;

E. 12 tahun 1982.

''tugas2'' termasok kuasa2 dan kewajipan2 ;

''pemereksa kerajaan'' berma'ana sesaorang pemereksa yang di-lantek di-bawah bab 209 ;

''hovercraft'' berma'ana sesabuah kenderaan yang beralaskan udara ;

''merinyu'' berma'ana sesaorang merinyu yang di-lantek di-bawah bab 212 ;

''Konvenshen Garis2 Muatan'' berma'ana Konvenshen Antarabangsa mengenai Garis2 Muatan yang di-tandatangani di-London pada 5hb. April 1966 serta peratoran2 yang di-tambah kapada-nya, dan termasok sebarang pindaan-nya dan mana2 perjanjian antarabangsa yang dari masa ka-semasa menggantikan Konvenshen atau peratoran2 tersebut ;

''juragan'' termasok setiap orang, kechuali sesaorang juru pandu, yang mempunyai kuasa atau tanggongjawab ka-atas sebarang kapal ;

''Akta2 Perkapalan Pedagang'' berma'ana Akta2 Perkapalan Pedagang yang dari masa ka-semasa berkuatkuasa di-United Kingdom ;

''pegawai'' termasok sesaorang juragan, pegawai di-bawah juragan, jurutera, juru meriam, pengemudi dan penjalan enjin ;

''pegawai2 Jabatan Laut'' berma'ana pegawai2 yang pada masa itu di-lantek menjadi pegawai2 Jabatan Laut di-bawah Undang2 Pelabohan2, 1981 atau terus memegang jawatan tersebut di-bawah Undang2 itu ; E. 12 tahun 1982.

''penumpang'' berma'ana setiap orang yang di-bawa dalam sesabuah kapal selain dari —

(i) juragan dan anak2 kapal atau lain2 orang yang bekerja atau membuat apa jua pekerjaan dalam sesabuah kapal atas urusan sesabuah kapal itu ; dan

(ii) sesaorang kanak2 di-bawah umor satu tahun ;

''juru pandu'' berma'ana mana2 orang yang tidak menjadi ahli sebuah kapal yang mempunyai kuasa untok memandu kapal itu ;

''pelabohan di-Brunei'' berma'ana mana2 kawasan di-Brunei yang di-ishtiharkan sebagai sebuah pelabohan di-bawah Undang2 Pelabohan2, 1981 ; E. 12 tahun 1982.

''di-tetapkan'' berma'ana di-tetapkan oleh peraturan yang di-buat oleh Sultan dalam Majlis Mashuarat ;

''tanah atau bangunan2'' '(premises)' termasok rumah2 tempat tinggal serta bangunan2 tambahan-nya dan pekarangan serta tanah yang berdampingan untok di-pergunakan, rumah2, bangunan2, tanah2, bahagian2 rumah yang di-

sewakan, hak2 penggunaan harta-benda (easements) dan harta-benda yang boleh di-warithi bagi sebarang tempoh pegangan, sama ada terbuka atau tertutop, sama ada di-bena sechara tetap atau tidak, sama ada awam atau prevet, sama ada di-atas tanah atau ayer, dan sama ada di-senggarakan atau tidak di-bawah kuasa undang2 ;

''Konvenshen Menchegah Pelanggaran2 di-Laut'' berma'ana Konvenshen mengenai Peratoran2 Antarabangsa bagi Menchegah Pelanggaran2 di-Laut, 1972 yang di-tandatangani di-London pada 20hb Oktober 1972 serta peratoran2 yang di-tambah kapada-nya, dan termasok apa jua pindaan-nya dan apa jua perjanjian an-tarabangsa yang dari masa ka-semasa menggan-tikan Konvenshen atau peratoran2 tersebut ;

''kapal Brunei yang berdaftar'' berma'ana se-sabuah kapal yang di-daftarkan di-bawah Bahagian II ;

''perwakilan'' berma'ana probet, pentadbiran, pengesahan, atau surat kuasa yang lain yang memberi hak kapada sesaorang sebagai orang yang melaksanakan wasiat, pentadbir atau wakil si-mati yang lain, dan ''wakil per-saorangan yang sah'' berma'ana orang yang melaksanakan wasiat, pentadbir atau wakil si-mati yang lain ;

''Konvenshen Keselamatan'' berma'ana Konven-shen Antarabangsa bagi Keselamatan Nyawa di-Laut yang di-tandatangani di-London pada 1hb. Nobember 1974 dan termasok apa jua pindaan-nya dan apa jua perjanjian antarabangsa yang dari masa ka-semasa menggantikan Konvenshen tersebut ;

''kapal layar'' berma'ana mana2 kapal yang tidak di-pasangkan dengan apa jua dorongan jentera ;

''penyelamat'' berma'ana, dalam perkara ber-thabit dengan kerja2 untok menyelamatkan barang2 yang di-berikan oleh pegawai2 dan anak2 kapal atau sebahagian dari anak2 kapal dari mana2 kapal perang, orang yang berkuasa di-kapal itu ;

''kapal atau perahu laut'' berma'ana sesabuah kapal atau perahu yang belayar melimpasi had2 kawasan pelabohan ;

''kelasi'' termasok setiap orang kechuali juragan2 dan juru2 pandu, yang bekerja atau menjalankan apa jua pekerjaan dalam mana2 kapal ;

''kapal terbang laut'' termasok sesabuah bot terbang dan sebarang kapal udara yang di-reka untok bergerak di-permukaan ayer ;

''kapal'' termasok apa jua jenis kapal yang tidak di-dorong oleh dayong2 ;

''perahu kapal'' termasok perahu penyelamat ;

''kapal api'' termasok sebarang kapal yang di-dorong oleh wap dan, terta'alok kapada sebarang pengubahsuaian yang boleh di-tetapkan, termasok-lah sesabuah kapal yang di-dorong oleh kuasa letrik atau jentera ;

''perayeran pasang surut'' berma'ana mana2 bahagian laut dan sebarang bahagian sungai dalam kawasan pasang surut laut ketika pasang purnama biasa ;

''perahu'' termasok apa jua kapal atau bot atau kenderaan beralas udara atau perahu pelengkap terapong atau pelantar yang di-gunakan dalam pelayaran atau dalam apa jua chara gerakan lain di-mana2 laut, sungai atau perayeran lain, atau apa jua jenis perahu lain ;

''pelayaran'' berma'ana seluroh masa dan keselurohan jarak jauh antara pelabohan kapal itu atau tempat bertolak dan pelabohan-nya yang terakhir atau tempat tiba ; dan

''gaji'' termasok pendapatan2 ;

(b) sebarang sebutan mengenai kegagalan untok melakukan sebarang tindakan atau perkara adalah meliputi sesuatu sebutan mengenai keengganan untok melakukan sebarang tindakan atau perkara itu ; dan

(c) sebarang sebutan mengenai Undang2 ini atau mana2 Bahagian atau bab hendak-lah di-anggap sebagai meliputi suatu sebutan mengenai sebarang peratoran, atoran atau suratchara yang lain yang di-buat di-bawah Undang2 ini atau di-bawah Bahagian atau bab itu, mengikut mana yang berkenaan.

Penggenaan Undang2.

3. (1) Undang2 ini tidak, kechuali sebalek-nya di-persharatkan dengan khas-nya dan terta'alok kapada sharat2 cheraian (2), di-kenakan kapada kapal2 kepunyaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau Kerajaan atau kapada kapal2 perang mana2 negeri.

(2) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh dengan peratoran2 mengarahkan supaya mana2 sharat Undang2 ini di-kenakan kapada mana2 kapal yang di-nyatakan dalam cheraian (1) sebagaimana yang boleh di-tetapkan dalam peratoran2 itu.

(3) Dengan tidak menyentoh sebarang kuasa2 lain yang di-beri oleh atau di-bawah Undang2 ini, Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh, jika pada fikiran Baginda munasabah, dan terta'alok kapada sharat2 yang di-fikirkan oleh Baginda patut di-kenakan, mengechualikan mana2 kapal atau sebarang kelas kapal dari semua atau mana2 kehendak yang terkandong di-dalam atau yang di-tetapkan di-bawah Undang2 ini atau dari mematohi mana2 kehendak itu dalam perkara sebarang kapal atau kelas kapal2.

Pengenaan Undang2 kapada hovercraft dan binaan2 tertentu, dsb.

4. (1) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh dengan peratoran2 mempersharatkan supaya, dalam pengenaan-nya kapada hovercraft atau kapada orang2, barang2 dan tempat2 yang berkaitan dengan hovercraft, mana2 dari sharat2 Undang2 ini hendak-lah di-kenakan dengan pengubahsuaian2 yang mungkin nampak kapada Sultan dalam Majlis Mashuarat sebagai wajar.

(2) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh dengan peratoran2 mempersharatkan supaya sesuatu barang yang di-reka atau di-sesuaikan bagi penggunaan di-laut dan di-huraikan dalam peratoran2 tersebut hendak-lah atau tidak boleh di-anggap sebagai sebuah kapal bagi maksud2 mana2 sharat yang di-tetapkan dalam peratoran2 dari Un-dang2 ini atau sebarang undang2 tambahan yang di-buat di-bawah-nya ; dan peratoran2 sedemikian boleh —

(a) membuat sharat yang berlainan berhubong dengan ketika2 yang berlainan ;

(b) jika peratoran2 sedemikian mempersharatkan supaya sesuatu barang itu hendak-lah di-anggap sebagai sebuah kapal bagi maksud2 sesuatu sharat yang di-tetapkan dalam peratoran2 tersebut, mempersharat supaya sharat tersebut hendak-lah berkuatkuasa berhubong dengan barang tersebut dengan pengubahsuaian2 sebagaimana yang di-tetapkan itu.

BAHAGIAN II

PEJABAT PENDAFTARAN BRUNEI

Kewajipan untok mendaftar Kapal2 Brunei

Kewajipan untok mendaftar kapal2 Brunei.

5. (1) Tiap2 kapal Brunei hendak-lah, melainkan di-kechualikan dari pendaftaran, di-daftarkan di-bawah Bahagian ini.

(2) Jika sesabuah kapal yang di-kehendaki oleh bab ini supaya di-daftarkan tidak di-daftarkan, maka kapal itu tidak-lah di-akui sebagai kapal Brunei.

(3) Sesabuah kapal yang di-kehendaki oleh bab ini supaya di-daftarkan boleh di-tahan sehingga juragan kapal itu, jika di-kehendaki, mengemukakan sijil pendaftaran kapal itu.

(4) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh membuat peratoran2 berthabit dengan chara-nya yang kapal2, atau kelas2 kapal, kepunyaan Kerajaan atau mana2 badan berkanun, boleh di-daftarkan di-bawah Bahagian ini.

Pengechu-alian2 dari pendaftaran.

6. (1) Kapal2 yang berikut ada-lah di-kechualikan dari pendaftaran di-bawah Bahagian ini —

(a) apa jua kapal yang tidak melebehi muatan seberat lima belas ton (yang di-pastikan menurut bab 65) yang di-pergunakan semata2 dalam pelayaran di-perayeran Brunei ; dan

(b) mana2 kapal berlesen Brunei ;

Dengan sharat bahawa Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, terta'alok kapada sharat2 dan penentuan2 yang Baginda fikirkan patut untok mengenakan, mengechualikan sebarang kapal atau kelas kapal2 dari pendaftaran.

(2) Pemberitahuan mengenai tiap2 pengechualian di-bawah bab ini hendak-lah di-siarkan dalam *Warta Kerajaan.*

Tatachara Pendaftaran

Pendaftar kapal2 Brunei.

7. (1) Pengarah ada-lah menjadi Pendaftar kapal2 Brunei.

(2) Pendaftar kapal2 Brunei (selepas ini di-sebut sebagai "Pendaftar") tidak boleh di-pertanggongjawabkan terhadap kerosakan2 atau pun terhadap sebarang kerugian yang berlaku kapada mana2 orang di-sebabkan oleh sebarang perbuatan yang di-lakukan atau kemungkiran yang di-buat oleh-nya dalam peranan-nya sebagai Pendaftar kechuali kejadian2 itu telah berlaku kerana kechuaian atau perbuatan sengaja.

Buku daftar.

8. (1) Di-tiap2 pelabohan di-Brunei Pendaftar hendak-lah menyimpan sebuah buku daftar, dan chatetan2 dalam buku itu hendak-lah di-buat menurut sharat2 yang berikut :—

(a) harta-benda di-dalam sesabuah kapal hendak-lah di-bahagikan kapada enam puloh empat sher ;

(b) terta'alok kapada sharat2 Bahagian ini ber-thabit dengan tuanpunya2 bersama atau tuan-punya2 sechara pemindahan, tidak lebeh dari enam puloh empat individu ada-lah berhak un-tok di-daftarkan pada ketika yang sama sebagai tuanpunya2 mana2 sebuah kapal ; tetapi sharat ini tidak-lah menjejas hak berapa jua bilangan orang2 yang mendapat faedah atau mana2 sharikat yang di-wakilkan oleh atau melalui mana2 tuanpunya berdaftar atau tuanpunya bersama ;

(c) sesaorang itu tidak-lah berhak untok di-daftarkan sebagai tuanpunya sebahagian

kechil dari sesuatu sher dalam sesabuah kapal ; tetapi berapa jua bilangan orang yang tidak melebehi lima orang boleh di-daftarkan sebagai tuanpunya2 bersama sesabuah kapal atau apa jua sher atau sher2 di-dalam-nya ;

(d) tuanpunya2 bersama hendak-lah di-anggap sebagai merupakan seorang sahaja berkenaan dengan orang2 yang berhak untok di-daftarkan, dan tidak-lah berhak menjual sechara berasingan apa jua kepentingan di-dalam sesabuah kapal, atau di-dalam apa jua sher di-dalam-nya berthabit dengan mana mereka itu di-daftarkan ; dan

(e) sesabuah perbadanan boleh di-daftarkan sebagai tuanpunya dengan nama perbadanan-nya.

(2) Di-dalam Bahagian ini, kechuali jika maksud-nya berkehendakkan ma'ana yang lain, ''buku daftar'' berma'ana, berhubong dengan sesabuah kapal Brunei, buku daftar yang di-simpan oleh Pendaftar di-bawah cheraian (1) di-pelabohan di-Brunei di-mana kapal itu di-daftarkan atau di-maksudkan akan di-daftarkan di-bawah Bahagian ini.

Pengukoran dan penyukatan kapal.

9. Tiap2 kapal Brunei hendak-lah sebelum pendaftaran di-ukor oleh sesaorang juru ukor kerajaan dan berat muatan-nya di-pastikan menurut sharat2 Bahagian ini, dan juru ukor itu hendak-lah memberikan sijil-nya dengan menyatakan berat muatan dan bentok badan kapal itu, serta butir2 lain yang menggambarkan chara pengenalan kapal itu yang mungkin pada masa itu di-kehendaki oleh Pendaftar, dan sijil sedemikian hendak-lah di-serahkan kapada Pendaftar sebelum pendaftaran.

Penandaan kapal.

10. (1) Tiap2 kapal Brunei hendak-lah sebelum pendaftaran di-buboh tanda yang kekal dan ketara sehingga memuaskan Pendaftar saperti berikut :—

(a) nama kapal itu hendak-lah di-tandakan di-tiap2 bahagian haluan-nya, dan nama-nya dan nama pelabohan pendaftaran-nya di-Brunei di-tandakan di-buritan-nya, berlatarkan warna gelap dengan huruf2 berwarna puteh atau

kuning, atau berlatarkan warna cherah dengan huruf2 berwarna hitam, huruf2 sedemikian hendak-lah berukoran sepanjang tidak kurang dari empat inchi, dan ukoran lebar-nya yang sebandingan ;

(b) nombor rasmi-nya dan nombor yang menunjokkan berat muatan-nya yang di-daftarkan hendak-lah di-sela di-rusok badan-nya ; dan

(c) ukoran kaki yang menunjokkan terbenam-nya kapal dalam ayer hendak-lah di-tandakan di-tiap2 bahagian tepi tiang haluan dan buritan-nya dengan huruf2 besar Rumi atau dengan angka2, tidak kurang dari enam inchi panjang-nya, garis yang di-sebelah bawah huruf2 atau angka2 itu hendak-lah bertepatan dengan garis ukoran terbenam-nya kapal dalam ayer yang di-tunjokkan oleh-nya, dan huruf2 atau angka2 itu hendak-lah di-tandakan dengan chara di-sela dan di-chat dengan warna puteh atau kuning yang berlatarkan warna gelap atau dengan chara laın yang Pendaftar membenarkan.

(2) Pendaftar boleh mengechualikan apa jua kelas kapal dari semua atau mana2 dari kehendak2 bab ini.

(3) Jika ukoran kaki yang menunjokkan ukoran terbenam-nya kapal dalam ayer dalam apa jua perkara tidak tepat, supaya mungkin akan mengelirukan, maka tuanpunya kapal itu ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak dua ribu ringgit.

(4) Tanda2 yang di-kehendaki oleh bab ini hendak-lah terus-menerus di-kekalkan, dan tiada sebarang perubahan boleh di-buat di-dalam-nya, kechuali jika mana2 dari butir2 yang di-tunjokkan-nya itu di-ubah sechara yang di-persharatkan oleh Bahagian ini.

(5) Jika sesaorang tuanpunya atau juragan sesabuah kapal Brunei chuai untok menyebabkan kapal-nya supaya di-tanda sebagaimana yang di-kehendaki oleh bab ini, atau meneruskan-nya bertanda, atau jika sesiapa jua menyembunyikan, menghilangkan, mengubah, merosakkan atau memadam atau membiarkan sesiapa jua di-bawah kawalan-nya supaya menyembunyikan, menghilangkan, mengubah, merosakkan atau memadam mana2 dari tan-

da2 tersebut, kechuali jika berlaku kejadian yang di-sebutkan tadi, atau bagi tujuan melepaskan diri dari di-tawan oleh musoh, maka tuanpunya, juragan atau orang itu ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak dua ribu ringgit ; dan atas sesuatu surat akuan daripada sesaorang pemereksa kerajaan bahawa sesabuah kapal itu di-tanda dengan tidak menchukopi atau tidak tepat maka kapal itu boleh di-tahan sehingga tanda yang tidak menchukopi atau tidak tepat itu telah di-betulkan.

Permohonan bagi pendaftaran.

11. Satu permohonan bagi pendaftaran sesabuah kapal hendak-lah di-buat mengenai dengan individu2 oleh orang yang berkehendakkan supaya di-daftarkan sebagai tuan-punya, atau oleh sesaorang atau orang2 yang berkehen-dakkan demikian jika lebeh dari seorang, atau oleh wakil-nya atau wakil mereka, dan mengenai perbadanan2 oleh wakil mereka, dan kuasa wakil itu hendak-lah di-buktikan sechara bertulis, jika di-lantek oleh individu2, dengan di-tandatangani oleh orang2 yang melantek, dan, jika di-lantek oleh sesabuah perbadanan, dengan meterai biasa perbadanan itu.

Pernyataan kepunyaan tatkala pendaftaran.

12. Sesaorang itu tidak-lah berhak untok di-daftarkan sebagai tuanpunya sesabuah kapal Brunei atau mem-punyai satu sher di-dalam-nya sehingga ia, atau mengenai sesabuah perbadanan orang yang di-beri kuasa oleh Bahagian ini untok membuat pernyataan bagi pehak per-badanan itu, telah membuat dan menandatangani satu pernyataan kepunyaan, yang merujok kapada kapal yang di-huraikan dalam sijil pemereksa, dan mengandongi butir2 yang berikut :—

(a) satu keterangan tentang kelayakan-nya untok mempunyai sebuah kapal Brunei, atau mengenai sesabuah perbadanan, tentang perihal2 penubohan dan perniagaan-nya yang membuktikan ia-nya layak mempunyai sebuah kapal Brunei ;

(b) satu keterangan mengenai masa-nya bila dan tempat-nya di-mana kapal itu telah di-bina, atau, jika masa dan tempat pembinaan-nya tidak di-ketahui, satu keterangan bahawa pem-buatakuan itu tidak mengetahui masa dan tempat pembinaan-nya ; dan, selain dari itu, mengenai sesabuah kapal asing, satu keterangan tentang nama asing-nya, atau,

mengenai sesabuah kapal yang telah di-putuskan tidak sesuai untok di-gunakan, satu keterangan tentang masa-nya, tempat dan mahkamah di-mana dan oleh siapa ia-nya telah di-putuskan tidak sesuai untok di-gunakan ;

(c) satu kenyataan tentang nama juragan-nya ;

(d) satu keterangan tentang banyak-nya sher dalam kapal itu dari mana ia atau perbadanan itu, yang mana satu berkenaan, ada-lah berhak untok di-daftarkan sebagai tuanpunya ; dan

(e) satu pengakuan bahawa, sepanjang pengetahuan dan keperchayaan-nya, tiada sebarang orang atau kumpolan orang2 yang tidak berkelayakan berhak menjadi tuanpunya terhadap sebarang kepentingan di-segi un-dang2 atau faedah dalam kapal itu atau apa jua sher di-dalam-nya.

Bukti keterangan tatkala mula2 mendaftarkan.

13. (1) Tatkala mula2 mendaftarkan sesabuah kapal bukti keterangan yang berikut hendak-lah di-kemukakan selain dari pengakuan kepunyaan :—

(a) mengenai sesabuah kapal yang di-bina di-Brunei, satu sijil pembina, ya'ani, satu sijil yang di-tandatangani oleh pembina kapal itu dan mengandongi penjelasan yang benar ten-tang ukoran yang betul dan berat muatan kapal itu, sebagaimana yang di-anggarkan oleh-nya, dan tentang masa-nya bila dan tempat-nya di-mana ia-nya telah di-bina, dan nama orang-nya (jika ada) untok siapa kapal itu telah di-bina, dan jika telah berlaku sebarang penjualan, bil jualan di-bawah mana kapal itu, atau sesuatu sher di-dalam-nya, telah di-letakkan ka-dalam tangan pemohon bagi pendaftaran ;

(b) mengenai sesabuah kapal yang di-bina di-negeri asing, bukti keterangan yang sama saperti sesabuah kapal yang di-bina di-Brunei, melainkan pembuatakuan yang membuat pengakuan kepunyaan menerangkan bahawa masa dan tempat pembinaan-nya tidak di-ketahui-nya, atau sijil pembina-nya tidak

dapat di-perolehi, dalam hal mana apa yang di-kehendaki hanya-lah bil jualan di-bawah mana kapal itu, atau sesuatu sher di-dalam-nya, telah di-letakkan di-dalam tangan pemohon bagi pendaftaran ; dan

(c) mengenai sesabuah kapal yang telah di-putuskan tidak sesuai di-gunakan oleh mana2 mahkamah yang layak, satu salinan rasmi keputusan tersebut.

(2) Jika orang yang memberi sesuatu sijil pembina di-bawah bab ini dengan sengaja membuat sesuatu keterangan yang tidak benar di-dalam sijil itu maka ia ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak dua ribu ringgit.

Chatetan butir2 dalam buku daftar.

14. Sebaik sahaja kehendak2 Bahagian ini sebagai permulaan sebelum pendaftaran telah di-patohi, maka Pendaftar hendak-lah menchatetkan dalam buku daftar butir2 yang berikut berthabit dengan kapal itu :—

(a) nama kapal itu dan nama pelabohan di-Brunei dari mana kapal itu berasal ;

(b) butir2 yang terkandong dalam sijil pemereksa kerajaan ;

(c) butir2 berthabit dengan asal-nya yang di-nyatakan dalam pengakuan kepunyaan ; dan

(d) nama dan keterangan mengenai tuanpunya atau tuanpunya2 berdaftar-nya dan jika ada lebeh dari seorang tuanpunya, bahagian2-nya dalam mana mereka mempunyai kepentingan di-dalam-nya.

Dokumen2 hendak-lah di-simpan oleh Pendaftar.

15. Tatkala pendaftaran sesabuah kapal Pendaftar hendak-lah menyimpan dalam milek-nya dokumen2 yang berikut, ia-itu, sijil pemereksa kerajaan, sijil pembina, apa jua bil jualan kapal itu yang di-buat dahulu, salinan keputusan tidak sesuai untok di-gunakan (jika ada), dan semua pengakuan kepunyaan.

Pelabohan pendaftaran.

16. Pelabohan di-Brunei di-mana sesabuah kapal Brunei di-daftarkan pada masa itu hendak-lah di-anggap sebagai pelabohan pendaftaran-nya dan pelabohan dari mana kapal itu berasal.

Sijil Pendaftaran

Sijil pendaftaran.

17. Manakala siap pendaftaran sesabuah kapal Brunei, Pendaftar hendak-lah memberikan satu sijil pendaftaran yang mengandongi butir2 berthabit dengan-nya di-chatetkan dalam buku daftar, dengan nama juragan-nya.

Penyimpanan sijil.

18. (1) Sijil pendaftaran hendak-lah di-gunakan hanya bagi pelayaran kapal itu, dan tidak boleh di-kenakan tahanan di-sebabkan oleh sebarang hakmilek, hak pegangan (lien), chagaran atau kepentingan apa pun jua yang di-punyai atau di-tuntut oleh penerima chagaran atau orang lain terhadap, keatas, atau di-dalam kapal itu.

(2) Jika sesiapa jua, sama ada mempunyai kepentingan di-dalam kapal itu atau tidak, enggan atas permintaan untok menyerahkan sijil pendaftaran ketika dalam milek-nya atau di-bawah kawalan-nya kapada orang yang berhak menyimpan-nya bagi maksud2 pelayaran kapal itu yang sah di-sisi undang2, atau kapada Pendaftar, seorang pegawai kastam, atau mana2 orang lain yang berhak menurut undang2 untok mengkehendaki penyerahan sedemikian, maka mana2 Majistret boleh memanggil orang enggan itu supaya hadzir di-hadapan-nya, dan supaya di-selideki berhubong dengan keengganan sedemikian, dan kechuali di-buktikan sehingga memuaskan mahkamah bahawa ada sebab yang berpatutan kerana keengganan sedemikian, maka pesalah itu ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak dua ribu ringgit, tetapi sekira-nya di-tunjokkan kapada mahkamah bahawa sijil itu telah hilang, maka orang yang di-panggil itu hendak-lah di-lepaskan, dan mahkamah hendak-lah mengesahkan bahawa sijil pendaftaran itu telah hilang.

(3) Jika orang yang enggan itu telah melarikan diri, atau jika ia berdegil tidak mahu menyerahkan sijil tersebut, maka mahkamah hendak-lah mengesahkan hal itu, dan tindakan yang sama boleh di-ambil saperti hal-nya dalam perkara sijil yang telah tidak dapat di-chari letak-nya, hilang atau musnah, atau yang seakan2 hal-nya yang keadaan2-nya mengizinkan.

Hukuman bagi penggunaan sijil yang tidak betul.

19. Jika juragan atau tuanpunya sesabuah kapal Brunei menggunakan atau chuba menggunakan bagi pelayaran-nya sesuatu sijil pendaftaran yang tidak di-berikan dengan sah di-segi undang2 berthabit dengan kapal itu, maka ia ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak lima ribu

ringgit dan penjara selama satu tahun, dan kapal itu boleh di-kenakan rampasan di-bawah Undang2 ini.

Kuasa untok memberi sijil baharu.

20. Pendaftar boleh, manakala di-serahkan kapada-nya sijil pendaftaran sesabuah kapal Brunei, memberikan satu sijil baharu untok menggantikan-nya.

Sharat kerana kehilangan sijil.

21. Jika sijil pendaftaran sesabuah kapal Brunei tidak dapat di-chari letak-nya, hilang atau musnah, maka Pendaftar hendak-lah memberi satu sijil pendaftaran baharu sebagai ganti sijil asal-nya.

Chatetan mengenai penukaran juragan dalam sijil.

22. Jika juragan sesabuah kapal Brunei yang berdaftar di-tukar, maka Pendaftar hendak-lah menchatetkan dan menandatangani di-dalam sijil pendaftaran satu peringatan penukaran ; dan sesiapa jua di-mana2 pelabohan atau tempat di-Brunei boleh tidak hendak menerima sesiapa jua orang lain untok melakukan apa jua perbuatan di-situ sebagai juragan sesabuah kapal Brunei kechuali nama orang lain itu telah di-masokkan di-dalam atau di-chatetkan dalam sijil pendaftaran-nya sebagai juragan-nya yang terakhir di-lantek.

Chatetan mengenai penukaran kepunyaan dalam sijil.

23. (1) Bilamana sahaja sesuatu penukaran berlaku mengenai kepunyaan sesabuah kapal yang berdaftar, maka penukaran kepunyaan itu hendak-lah di-chatetkan dalam sijil pendaftaran-nya oleh Pendaftar.

(2) Juragan itu hendak-lah, bagi maksud chatetan sedemikian oleh Pendaftar, menyerahkan sijil pendaftaran itu kapada-nya, seketika itu juga selepas penukaran-nya, jika penukaran itu berlaku manakala kapal itu berada di-Brunei, dan jika penukaran itu berlaku semasa ketiadaan-nya di-Brunei, ketika kapal itu mula2 balek ka-Brunei.

(3) Jika juragan itu gagal menyerahkan kapada Pendaftar sijil pendaftaran-nya sebagaimana yang di-kehendaki oleh bab ini maka ia ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak dua ribu ringgit.

Penyerahan sijil kapal yang hilang, dsb.

24. (1) Sekira-nya sesabuah kapal Brunei yang berdaftar sama ada sebenar-nya atau di-ambil kesimpulan telah hilang, di-tawan oleh musoh, terbakar atau pechah, atau tidak lagi menjadi kapal Brunei yang berdaftar di-sebabkan oleh pemindahan milek kapada orang2 yang tidak layak menjadi tuanpunya2 kapal2 Brunei, atau sechara lain, menjadi sebuah kapal Brunei maka tiap2

tuanpunya kapal atau apa jua sher di-dalam kapal itu hendak-lah, sebaik sahaja mendapat tahu mengenai kejadian itu, jika tidak ada sebarang notis mengenai-nya yang telah pun di-berikan kapada Pendaftar, memberikan notis mengenai-nya kapada Pendaftar, siapa hendak-lah membuat satu chatetan mengenai-nya di-dalam buku daftar dan pendaftaran kapal itu di-dalam buku itu ada-lah di-anggap tidak ada lagi kechuali setakat yang berhubong dengan apa jua chagaran yang belum di-selesaikan atau si-jil2 chagaran yang wujud yang di-chatetkan di-dalam-nya.

(2) Dalam sesuatu perkara sedemikian, kechuali jika sijil pendaftaran kapal itu telah hilang atau musnah, maka juragan kapal itu hendak-lah, jika kejadian itu berlaku di-sesabuah pelabohan atau tempat di-Brunei dengan serta-merta, tetapi jika kejadian itu berlaku di-tempat lain dalam tempoh sepuloh hari selepas ketibaan-nya di-sesabuah pelabohan atau tempat di-Brunei, mengemukakan sijil itu kapada Pendaftar.

(3) Jika mana2 tuanpunya atau juragan gagal, tanpa sebab yang berpatutan, untok mematohi bab ini, ia adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak dua ribu ringgit.

Pas2 sementara sebagai ganti sijil2 pendaftaran.

25. Jika di-fikirkan oleh Pengarah bahawa di-sebabkan oleh perihal2 yang istimewa akan menjadi perlu supaya kebenaran sepatut-nya di-berikan kapada mana2 kapal Brunei untok lalu, tanpa di-daftarkan terlebeh dahulu, dari mana2 pelabohan atau tempat di-Brunei ka-mana2 pelabohan atau tempat lain di-luar Brunei, maka Pengarah boleh memberikan sesuatu pas berikutan-nya, dan pas itu ada-lah, bagi sementara waktu dan dalam kawasan yang di-sebutkan di-dalam pas itu, mempunyai kuatkuasa yang sama saperti sesuatu sijil pendaftaran.

Sijil sementara bagi kapal yang di-sesabuah negeri asing menjadi kepunyaan Brunei.

26. (1) Jika, di-sesabuah pelabohan di-sesabuah negeri selain dari Brunei di-mana terdapat pada masa itu seorang pegawai yang berkuasa, sesabuah kapal menjadi harta orang2 yang berkelayakan untok mempunyai sesabuah kapal Brunei yang berdaftar, dan jika sesaorang atau lebeh dari orang2 itu membuat pengakuan kapada pegawai yang berkuasa itu di-pelabohan itu tujuan-nya untok memohon supaya kapal itu di-daftarkan di-Brunei, atau jika juragan kapal itu membuat sesuatu pengakuan sedemikian dan mengakui di-dalam-nya bahawa ia-nya di-beri kuasa oleh sesaorang atau lebeh dari tuanpunya2 kapal itu untok

membuat pengakuan itu, maka pegawai yang berkuasa itu boleh memberikan kapada juragan kapal itu, atas permohonan oleh-nya, satu sijil sementara, yang menyatakan —

(a) nama kapal itu ;

(b) masa dan tempat pembelian-nya, dan nama2 serta alamat2 pembeli2-nya ;

(c) nama juragan-nya ; dan

(d) butir2 yang setepat2-nya berthabit dengan berat muatan, ukoran badan serta huraian mengenai kapal itu yang ia dapat memperolehi,

dan hendak-lah dengan serta-merta mengemukakan satu salinan sijil itu kapada Pendaftar.

(2) Sesuatu sijil sementara yang di-berikan menurut cheraian (1) hendak-lah di-anggap sebagai satu sijil pendaftaran sehingga tamat-nya tempoh enam bulan dari tarikh manakala ia-nya di-berikan, atau sehingga ketibaan kapal itu di-Brunei, yang mana satu tarikh yang lebeh awal, dan selepas itu tidak-lah mempunyai sebarang kuatkuasa.

(3) Juragan tiap2 kapal yang berthabit dengan mana sesuatu sijil sementara ada di-berikan di-bawah bab ini hendak-lah, dalam tempoh sepuloh hari dari selepas mula-nya tiba kapal itu di-Brunei menyerahkan sijil itu kapada Pendaftar ; dan, jika mana2 juragan gagal mematohi cheraian ini, ia ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak dua ribu ringgit.

(4) Di-dalam bab ini "pegawai yang berkuasa" berma'ana, berhubong dengan mana2 pelabohan di-sesabuah negeri selain dari Brunei, orang yang, jika ada, Pengarah boleh, atas pertimbangan mutlak-nya, memberi kuasa sechara bertulis, untok menunaikan pada masa itu tugas2 sesaorang yang berkuasa di-bawah cheraian (1) di-pelabohan itu.

Pemindahan2 Milek dan Penyerahan2 Harta

Pemindahan milek kapal2 atau sher2.

27. (1) Sesabuah kapal Brunei yang berdaftar atau sesuatu sher di-dalam-nya (bilamana di-jual kapada sesaorang yang berkelayakan untok mempunyai sesabuah kapal Brunei) hendak-lah di-pindah milek dengan satu bil jualan.

(2) Bil jualan itu hendak-lah dalam bentok yang di-tetapkan atau yang hampir sama dengan-nya yang kea-daan2 mengizinkan dan hendak-lah mengandongi huraian mengenai kapal itu saperti yang terkandong dalam sijil pemereksa kerajaan, atau sesuatu huraian lain yang memadai untok mengenal kapal itu sehingga memuaskan Pendaftar, dan hendak-lah di-tandatangani oleh pemindah milek itu di-hadapan, dan di-saksikan oleh, sesaorang saksi atau saksi2.

Pengakuan pindah milek.

28. Jika sesabuah kapal Brunei yang berdaftar atau sesuatu sher di-dalam-nya di-pindah milek maka penerima pindah milek-nya tidak-lah berhak di-daftarkan sebagai tuanpunya kapal itu sehingga ia, atau, mengenai sesabuah perbadanan, orang yang di-berikuasa oleh Bahagian ini untok membuat pengakuan2 bagi pehak per-badanan itu, telah membuat dan menandatangani sesuatu pengakuan (selepas ini di-dalam Bahagian ini di-sebut sebagai ''pengakuan pindah milek'') yang merujok kapada kapal itu, dan mengandongi —

(a) satu pernyataan mengenai kelayakan penerima pindah milek-nya untok mem-punyai sesabuah kapal Brunei, atau jika penerima pindah milek itu sebuah per-badanan, mengenai perihal2 pertubohan dan perniagaan-nya yang membuktikan-nya berkelayakan untok mempunyai sesabuah kapal Brunei ; dan

(b) satu pengakuan bahawa, sepanjang pengetahuan dan keperchayaan-nya, tiada sebarang orang atau kumpulan orang2 yang tidak berkelayakan berhak sebagai tuanpunya terhadap apa jua kepentingan di-segi undang2 atau faedah di-dalam kapal itu atau apa jua sher di-dalam-nya.

Pendaftaran pindah milek.

29. (1) Tiap2 bil jualan bagi pemindahan milek sesabuah kapal Brunei yang berdaftar atau sesuatu sher di-dalam-

nya, manakala telah di-sempurnakan, hendak-lah di-kemukakan kapada Pendaftar, dengan pengakuan pindah milek, dan Pendaftar hendak-lah tatkala itu menchatetkan dalam buku daftar nama penerima pindah milek-nya sebagai tuanpunya kapal atau sher itu, dan hendak-lah menchatetkan dalam bil jualan-nya kenyataan bahawa chatetan itu telah di-buat, dengan hari dan jam-nya.

(2) Bil2 jualan sesabuah kapal atau sesuatu sher di-dalam-nya hendak-lah di-chatetkan dalam buku daftar mengikut susunan ia-nya di-kemukakan kapada Pendaftar.

Penyerahan harta dalam kapal manakala jatoh bengkerap atau mati, dsb.

30. (1) Jika harta di-dalam sesabuah kapal Brunei yang berdaftar atau sher di-dalam-nya di-serahkan kapada sesaorang yang berkelayakan untok mempunyai sesabuah kapal Brunei manakala mana2 tuanpunya berdaftar jatoh bengkerap atau mati, atau dengan apa jua chara yang sah di-sisi undang2 selain dari pemindahan milek di-bawah Bahagian ini —

(a) orang itu hendak-lah mengesahkan penyerahan itu dengan membuat dan menandatangani suatu pengakuan (selepas ini di-dalam Bahagian ini di-sebut sebagai "pengakuan penyerahan") mengenalkan kapal itu dan mengandongi beberapa pernyataan yang sebelum ini di-kehendaki supaya di-isikan dalam pengakuan pindah milek, atau yang hampir sama dengan-nya sebagaimana yang keadaan2 mengizinkan, dan jua satu pernyataan tentang chara-nya dengan mana dan orang-nya kapada siapa harta itu telah di-serahkan ;

(b) jika penyerahan itu ada-lah akibah dari jatoh-nya bengkerap, maka pengakuan penyerahan itu hendak-lah di-sertai dengan bukti keterangan yang pada masa itu boleh di-terima dalam mahkamah2 ke'adilan sebagai bukti hak orang2 yang membuat tuntutan di-bawah perkara kebengkerapan ; dan

(c) jika penyerahan itu ada-lah akibah dari kematian, maka pengakuan penyerahan itu hendak-lah di-sertai dengan suratchara pernyataan, atau petekan rasmi daripada-nya.

(2) Pendaftar, manakala menerima pengakuan penyerahan yang di-sertai itu, hendak-lah menchatetkan dalam buku daftar nama orang yang berhak di-bawah penyerahan itu sebagai tuanpunya kapal atau sher yang harta di-dalam-nya telah di-serahkan, dan, jika ada lebeh dari seorang sedemikian, hendak-lah menchatetkan nama2 semua orang itu, tetapi orang2 itu, berapa banyak pun, ada-lah, bagi maksud sharat2 Bahagian ini berthabit dengan bilangan orang2 yang berhak untok di-daftarkan sebagai tuanpunya2, di-anggap sebagai satu orang.

Perentah bagi penjualan atas penyerahan kapada orang yang tidak berkelayakan.

31. (1) Jika harta di-dalam sesabuah kapal Brunei yang berdaftar atau sher di-dalam-nya di-serahkan manakala jatoh bengkerap atau mati atau dengan chara lain kapada sesaorang yang tidak berkelayakan untok mempunyai sesabuah kapal Brunei, maka Mahkamah Tinggi boleh, atas permohonan oleh atau bagi pehak orang yang tidak berkelayakan itu, memerentahkan penjualan harta yang telah di-serahkan demikian, dan mengarahkan supaya hasil penjualan itu, selepas menolak perbelanjaan-nya, di-bayar kapada orang yang berhak di-bawah penyerahan sedemikian atau sechara lain sebagaimana yang mahkamah boleh mengarahkan.

(2) Mahkamah boleh mengkehendaki apa jua bukti keterangan sebagai menyokong permohonan itu yang di-fikirkan-nya perlu, dan boleh membuat perentah itu atas apa jua sharat dan penentuan yang di-fikirkan-nya adil, atau boleh enggan membuat perentah itu, dan pada 'am-nya boleh bertindak dalam perkara itu sebagaimana yang keadilan terhadap perkara itu memerlukan.

(3) Tiap2 permohonan bagi penjualan sedemikian hendak-lah di-buat dalam tempoh empat minggu selepas berlaku-nya kejadian bilamana penyerahan itu telah berlaku, atau dalam masa yang lebeh lama lagi (yang tidak melebehi satu tahun penoh dari tarikh berlaku-nya kejadian itu) yang mahkamah mungkin membenarkan.

(4) Jika sesuatu permohonan sedemikian tidak di-buat dalam masa yang di-sebutkan tadi, atau jika mahkamah enggan membuat sesuatu perentah bagi penjualan, maka kapal atau sher yang di-serahkan itu tatkala itu boleh di-kenakan rampasan di-bawah Bahagian ini.

Pindah milek kapal atau penjualan dengan perentah mahkamah.

32. Jika mana2 mahkamah, sama ada di-bawah mana2 sharat dari Undang2 ini atau lain, memerentahkan penjualan apa jua kapal atau sher di-dalam-nya, perentah mahkamah itu hendak-lah mengandongi pernyataan yang meletakkan ka-dalam tangan sesaorang yang di-namakan oleh mahkamah hak untok memindah milek kapal atau sher itu, dan orang itu ada-lah tatkala itu berhak memindahkan milek kapal atau sher itu sechara yang sama dan setakat yang sama seolah2 ia-nya tuanpunya yang berdaftar terhadap kapal atau sher itu ; dan Pendaftar hendak-lah menurut permintaan orang yang di-namakan demikian berthabit dengan apa jua pemindahan milek sedemikian setakat yang sama seolah2 orang itu ia-lah tuanpunya yang berdaftar.

Kuasa mahkamah melarang pemindahan milek.

33. Mahkamah Tinggi boleh, jika di-fikirkan-nya patut (dengan tidak menyentoh perjalanan sebarang kuasa mahkamah yang lain), atas permohonan mana2 orang yang mempunyai kepentingan membuat sesuatu perentah yang melarang selama masa yang di-tetapkan apa jua urusan mengenai sesabuah kapal atau apa jua sher di-dalam-nya, dan mahkamah boleh membuat perentah itu atas apa jua sharat dan penentuan yang di-fikirkan-nya adil, atau boleh enggan membuat perentah itu atau pelaksanaan perentah itu bilamana telah di-buat, dengan atau tanpa bayaran perbelanjaan (costs) dan pada 'am-nya boleh bertindak dalam perkara itu sebagaimana yang keadilan terhadap perkara itu memerlukan ; dan Pendaftar, dengan tidak di-jadikan pehak kapada tindakan tersebut, hendak-lah manakala di-sampaikan perentah tersebut atau salinan rasmi-nya mematohi-nya.

Chagaran2

Chagaran kapal atau sher.

34. (1) Sesabuah kapal Brunei yang di-daftarkan atau sesuatu sher di-dalam-nya boleh di-jadikan jaminan bagi sesuatu pinjaman atau balasan berharga lain, dan suratchara yang mewujudkan jaminan itu (selepas ini di-dalam Bahagian ini di-sebut sebagai "chagaran") hendak-lah di-buat dalam bentok yang di-tetapkan, atau yang hampir sama dengan-nya yang keadaan2 mengizinkan, dan manakala di-kemukakan suratchara sedemikian maka Pendaftar hendak-lah menchatetkan-nya di-dalam buku daftar.

(2) Chagaran2 hendak-lah di-chatetkan oleh Pendaftar mengikut susunan masa yang chagaran2 itu di-kemukakan kapada-nya bagi maksud itu, dan ia hendak-lah menchatet dan menandatangani satu peringatan dalam tiap2 chagaran dengan menyatakan tarikh dan masa chatetan itu di-buat.

Chatetan pelaksanaan chagaran.

35. Jika sesuatu chagaran yang berdaftar telah di-laksanakan, maka Pendaftar hendak-lah, manakala di-kemukakan chagaran itu, dengan resit bagi wang chagaran di-chatetkan di-dalam-nya, yang telah di-tandatangani dan di-saksikan, membuat chatetan dalam buku daftar yang bermaksud bahawa chagaran itu telah di-laksanakan, dan manakala chatetan itu telah di-buat maka harta pesaka, jika ada, yang berpindah kapada penerima chagaran ada-lah terletak ka-dalam tangan orang kapada siapa (satelah mempertimbangkan apa jua tindakan dan perihal yang menghalang, jika ada,) harta pesaka itu akan di-letakkan, sekira-nya chagaran itu telah tidak di-ubat.

Keutamaan bagi chagaran2.

36. Jika terdapat lebeh dari satu chagaran yang di-daftarkan berthabit dengan kapal atau sher yang sama, maka penerima2 chagaran-nya ada-lah, dengan tidak menghiraukan apa jua notis yang nyata, di-sifatkan ada atau yang di-ertikan, berhak mengikut keutamaan, yang dahulu di-dahulukan, mengikut tarikh-nya yang tiap2 chagaran itu di-chatetkan dalam buku daftar dan bukan mengikut tarikh tiap2 chagaran itu sendiri.

Penerima chagaran tidak di-anggap sebagai tuanpunya.

37. Kechuali setakat yang mungkin perlu untok men-jadikan sesabuah kapal atau sher yang di-chagarkan sebagai sesuatu jaminan bagi hutang berchagar, penerima chagaran tidak boleh di-sebabkan oleh chagaran itu di-anggap sebagai tuanpunya kapal atau sher itu, demikian juga pemberi chagaran-nya tidak boleh di-anggap telah tidak lagi menjadi tuanpunya kapal atau sher itu.

Penerima chagaran akan mempunyai kuasa menjual.

38. Tiap2 penerima chagaran yang berdaftar ada-lah mempunyai sechara mutlak untok menjual kapal atau sher yang berthabit dengan mana ia-nya di-daftarkan, dan untok memberi resit2 yang berkesan bagi wang pembelian ; tetapi jika terdapat lebeh dari seorang yang telah di-daftarkan sebagai penerima2 chagaran bagi kapal atau sher yang sama, sesaorang penerima chagaran selepas itu tidak boleh, kechuali di-bawah perentah Mahkamah Tinggi, menjual kapal atau sher itu tanpa persetujuan tiap2 penerima chagaran yang sebelum itu.

Chagaran tidak terjejas oleh kebengkerapan.

39. Sesuatu chagaran kapal atau sher yang di-daftarkan tidak-lah terjejas oleh apa jua langkah kebengkerapan yang di-ambil oleh pemberi chagaran selepas tarikh chatetan chagaran itu, dengan tidak menghiraukan bahawa pemberi chagaran itu pada mula-nya ia-nya jatoh bengkerap telah mempunyai pada milek-nya kapal atau sher itu, kuasa atau pengurusan, atau telah di-anggap tuanpunya kapal atau sher itu, dan chagaran itu hendak-lah di-beri keutamaan terhadap sebarang hak, tuntutan atau kepentingan si-piutang2 lain si-bengkerap itu atau mana2 pemegang amanah atau pemegang harta bagi pehak mereka di-dalam kapal atau sher itu.

Pemindahan chagaran2.

40. Sesuatu chagaran kapal atau sher yang di-daftarkan boleh di-pindahkan kapada mana2 orang, dan suratchara yang menguatkuasakan pemindahan itu hendak-lah di-buat dalam bentok yang di-tetapkan atau yang hampir sama dengan-nya sebagaimana yang perihal2 membenarkan, dan manakala di-hadapkan suratchara sedemikian, maka Pendaftar hendak-lah menchatetkan pemindahan itu dengan menchatetkan dalam buku daftar nama penerima pemindahan itu sebagai penerima chagaran kapal atau sher itu, dan hendak-lah men-chatetkan dan menandatangani dalam suratchara pemin-dahan itu satu peringatan bahawa pemindahan itu telah di-chatetkan oleh-nya dengan menyatakan tarikh-nya dan masa chatetan itu.

Penyerahan kepentingan dalam chagaran oleh sebab kebengke-rapan atau kematian dsb.

41. (1) Jika kepentingan sesuatu chagaran di-dalam sesabuah kapal Brunei yang berdaftar atau apa jua sher di-dalam-nya di-serahkan atas kebengkerapan atau kematian penerima chagaran, atau dengan apa jua chara yang sah di-sisi undang2 selain dari dengan pemindahan di-bawah Undang2 ini, maka penyerahan itu hendak-lah di-sahkan dengan pengakuan oleh orang yang kapada siapa kepen-tingan itu telah di-serahkan.

(2) Sesuatu pengakuan yang di-buat di-bawah bab ini hendak-lah mengandongi pernyataan mengenai chara-nya bagaimana, dan orang-nya kapada siapa, harta pesaka itu telah di-serahkan, dan hendak-lah di-sertai dengan bukti keterangan yang serupa saperti yang di-kehendaki oleh Undang2 ini dalam perkara penyerahan yang bersamaan mengenai kepunyaan sesabuah kapal Brunei yang berdaf-tar atau sher di-dalam-nya.

(3) Pendaftar manakala menerima pengakuan dan bukti keterangan yang di-kemukakan tersebut tadi, hendak-lah menchatetkan nama orang yang berhak di-bawah penyerahan itu di-dalam buku daftar sebagai penerima chagaran kapal atau sher itu.

Nama Kapal

Atoran2 mengenai nama kapal.

42. (1) Sesabuah kapal Brunei yang di-daftarkan tidak boleh di-nyatakan dengan apa jua nama selain dari nama yang dengan mana ia-nya pada masa itu di-daftarkan.

(2) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh membuat peratoran2, yang tidak bertentangan dengan cheraian (3), yang membolehkan Pendaftar menolak, atas alasan2 yang mungkin di-nyatakan dalam peratoran2 itu, pendaftaran mana2 kapal dengan nama dengan mana ada-lah di-chadangkan supaya di-daftarkan kapada kapal itu.

(3) Pendaftar boleh menolak untok mendaftarkan mana2 kapal dengan nama dengan mana ada-lah di-chadangkan supaya di-daftarkan kapal itu jika nama itu sudah pun menjadi nama sebuah kapal yang di-daftarkan di-Brunei, atau jika nama dengan mana ada-lah di-chadangkan supaya di-daftarkan kapal itu ada-lah seakan2 serupa dengan nama sebuah kapal Brunei yang di-maksudkan akan memperdayakan. Mengenai kapal2 terhadap mana cheraian (10) atau (11) ada-lah di-kenakan, Pendaftar boleh mengkehendaki supaya nama sesabuah kapal sedemikian di-tukar sebaik sahaja kapal itu telah di-daftarkan.

(4) Sesuatu penukaran tidak boleh di-buat dalam nama sesabuah kapal Brunei tanpa kebenaran bertulis Pendaftar terlebeh dahulu.

(5) Permohonan bagi kebenaran itu hendak-lah di-buat sechara bertulis, dan jika Pendaftar berpendapat bahawa permohonan itu ada-lah berpatutan maka ia boleh melayani-nya, dan tatkala itu mengkehendaki supaya notis mengenai-nya di-siarkan dengan bentok dan chara yang di-fikirkan-nya patut.

(6) Sesiapa jua yang ingin hendak mengemukakan sesuatu bantahan terhadap penukaran nama yang di-chadangkan itu boleh berbuat demikian sechara bertulis yang di-alamatkan kapada Pendaftar yang mana hendak-

lah sampai kapada-nya tidak lewat dari tujoh hari daripada tarikh penyiaran notis itu.

(7) Jika Pendaftar tidak menerima sebarang bantahan terhadap penukaran nama yang di-chadangkan itu atau setelah menerima bantahan tidak menyetujui bantahan itu, maka ia boleh atas pembayaran bayaran yang di-tetapkan membenarkan penukaran nama itu.

(8) Manakala kebenaran di-berikan untok menukar nama, maka nama kapal itu hendak-lah dengan serta-merta di-ubah dalam buku daftar, dalam sijil pendaftaran kapal itu, dan di-bahagian haluan dan buritan kapal itu.

(9) Jika di-buktikan sehingga memuaskan Pendaftar bahawa nama mana2 kapal yang di-daftarkan di-Brunei telah di-tukar tanpa kebenaran-nya maka ia boleh mengarahkan supaya nama-nya di-ubah kapada nama yang ia telah gunakan sebelum penukaran itu, dan nama-nya hendak-lah di-ubah dalam buku daftar, dalam sijil pendaftaran kapal itu, dan di-bahagian haluan dan buritan kapal itu berikutan-nya.

(10) Jika sesabuah kapal telah pada suatu masa di-daftarkan tidak lagi di-daftarkan maka tiada sesaorang pun kechuali tidak tahu tentang pendaftaran yang lalu itu (tanggongan membuktikan-nya ada-lah terletak pada-nya) boleh memohon untok mendaftar, dan Pendaftar tidak boleh dengan setahu-nya mendaftarkan kapal itu, kechuali dengan nama yang ia-nya telah di-daftarkan dahulu, melainkan dengan kebenaran bertulis Mentri Besar terlebeh dahulu.

(11) Jika mana2 kapal, yang tidak pernah pada bila2 masa dahulu di-daftarkan sebagai sebuah kapal Brunei, menjadi sebuah kapal Brunei, maka tiada sesiapa pun boleh memohon supaya di-daftarkan, dan Pendaftar tidak boleh dengan setahu-nya mendaftarkan kapal itu, kechuali dengan nama yang ia telah gunakan sebaik saha-ja sebelum menjadi sebuah kapal Brunei, melainkan dengan kebenaran bertulis Mentri Besar terlebeh dahulu.

(12) Jika sesiapa jua bertindak, atau membiarkan sesiapa jua di-bawah kawalan-nya untok bertindak, dengan melanggar bab ini, atau meninggalkan untok melakukan, atau membiarkan sesiapa jua di-bawah kawalan-nya meninggalkan untok melakukan, apa jua yang di-kehendaki oleh bab ini, maka ia ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak dua ribu ringgit, dan (kechuali

dalam perkara sesuatu permohonan yang di-buat di-bawah bab ini berthabit dengan sesabuah kapal yang, belum pernah pada bila2 masa dahulu di-daftarkan sebagai sebuah kapal Brunei, telah menjadi sebuah kapal Brunei) kapal itu boleh di-tahan sehingga sharat2 bab ini telah di-penohi.

Pengubahan kapal.

43. (1) Bilamana sesabuah kapal Brunei yang berdaftar ada-lah di-ubah supaya tidak sama dengan butir2 berhubong dengan berat muatan-nya atau rupa bentok yang terkandong di-dalam buku daftar, maka tuanpunya kapal itu hendak-lah memohon supaya kapal itu di-daftarkan sekali lagi.

(2) Pendaftar hendak-lah, bilamana menerima permohonan itu dan manakala di-kemukakan satu sijil daripada sesaorang pemereksa yang menyatakan butir2 mengenai perubahan itu, melakukan saperti dalam hal pendaftaran pertama dan manakala di-serahkan kapada-nya sijil pendaftaran yang ada dan manakala keperluan2 lain mengenai pendaftaran telah di-penohi, hendak-lah membuat pendaftaran sekali lagi dan memberikan satu si-jil pendaftaran baharu yang mengandongi rupa bentok kapal itu sebagaimana yang di-ubah.

(3) Jika kemungkiran di-lakukan pada pendaftaran sekali lagi sesabuah kapal Brunei yang di-ubah saperti yang di-sebutkan tadi, maka tuanpunya kapal itu ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak dua ribu ringgit dan, tambahan kapada itu, denda sebanyak sa-ratus ring-git bagi tiap2 hari sepanjang mana masa kesalahan itu terus di-lakukan setelah di-thabitkan kesalahan.

Pemindahan pendaftaran.

44. (1) Pendaftaran mana2 kapal Brunei yang berdaftar boleh di-pindahkan daripada sesabuah pelabohan di-Brunei ka-sesabuah pelabohan lain atas permohonan kapada Pendaftar di-buat dengan pengakuan bertulis oleh semua orang yang tertera dalam buku daftar sebagai mem-punyai kepentingan di-dalam-nya sebagai tuanpunya2 atau penerima2 chagaran, tetapi pemindahan itu tidak-lah dengan apa jua chara pun menjejas hak orang2 itu (selepas ini di-sebut sebagai ''orang2 yang mempunyai kepen-tingan'') atau sesiapa jua dari mereka, dan hak2 itu ada-lah dalam segala hal terus berkuatkuasa sechara yang sama sa-olah2 tidak ada sebarang pemindahan telah di-lakukan.

(2) Bilamana di-terima pengakuan tersebut tadi oleh Pendaftar dan di-serahkan kapada-nya sijil pendaftaran kapal itu maka Pendaftar hendak-lah menchatetkan di-dalam buku daftar pelabohan pendaftaran kapal yang di-maksudkan di-Brunei semua butir berhubong dengan kapal itu dan nama2 semua orang yang mempunyai kepentingan, dan memberikan satu sijil pendaftaran baharu di-Brunei, dan setelah itu kapal itu ada-lah di-anggap sebagai telah di-daftarkan di-pelabohan pendaftaran baharu, dan nama pelabohan pendaftaran kapal itu yang dahulu hendak-lah di-gantikan dengan nama pelabohan pendaftaran kapal itu yang baharu di-bahagian buritan kapal itu.

Sekatan2 keatas pendaftaran semula kapal2 terbengkalai.

45. Jika sesabuah kapal sudah tidak lagi di-daftarkan sebagai sebuah kapal Brunei oleh sebab terkandas atau terbengkalai, atau kerana apa jua sebab selain dari di-tawan oleh musoh atau penyerahan kapada sesaorang yang tidak berkelayakan untok mempunyai sesabuah kapal Brunei, maka kapal itu tidak boleh di-daftarkan semula sehingga ia telah, atas perbelanjaan pemohon bagi pendaftaran itu di-pereksa oleh sesaorang pemereksa Kerajaan dan di-sahkan oleh-nya selamat di-layarkan.

Orang2 Yang Tidak Berdaya

Sharat2 bagi perkara2 masch kanak2 atau tidak berdaya yang lain.

46. Jika oleh sebab maseh kanak2, gila, atau apa jua sebab lain mana2 orang yang mempunyai kepentingan di-dalam mana2 kapal atau apa jua sher di-dalam-nya, tidak ber-daya membuat sebarang pengakuan atau melakukan apa jua yang di-kehendaki atau di-benarkan oleh Bahagian ini supaya di-buat atau di-lakukan berkaitan dengan pendaf-taran kapal atau sher itu, maka penjaga atau jawatankuasa, jika ada, kapada orang itu, atau, jika tidak ada penjaga atau jawatankuasa, mana2 orang yang di-lantek atas permohonan yang di-buat bagi pehak orang yang tidak berdaya itu, atau mana2 orang lain yang mem-punyai kepentingan, oleh mana2 mahkamah atau hakim yang mempunyai bidangkuasa berthabit dengan harta orang2 yang tidak berdaya, boleh membuat pengakuan sedemikian atau suatu pengakuan yang hampir sama dengan-nya sebagaimana yang keadaan mengizinkan, dan melakukan sesuatu perbuatan atau benda atas nama dan bagi pehak orang yang tidak berdaya itu ; dan segala per-buatan yang di-lakukan oleh yang mengganti-nya ada-lah berkuatkuasa seolah2 telah di-lakukan oleh orang yang ia telah di-gantikan.

Amanah2 dan Hak2 Saksama

Notis amanah2 tidak di-terima.

47. (1) Tiada sebarang notis apa jua amanah, yang nyata, di-sifatkan ada atau yang di-ertikan, boleh di-chatetkan dalam buku daftar atau di-terima oleh Pendaftar, dan, ter-ta'alok kapada sebarang hak dan kuasa yang di-terakan oleh buku daftar itu telah di-letakkan ka-dalam tangan mana2 orang lain, tuanpunya berdaftar sesabuah kapal atau sesuatu sher di-dalam-nya ada-lah mempunyai kuasa mutlak untok menjual sechara yang di-dalam Bahagian ini di-persharatkan kapal atau sher itu, dan untok memberikan resit2 yang berkesan bagi apa jua wang yang telah di-bayar atau di-dahulukan sechara balasan.

(2) Dengan tidak menghiraukan sharat2 cheraian (1) dan bab 38, dan dengan tidak menghiraukan sharat2 Bahagian ini berhubong dengan pengeluaran orang2 yang tidak berkelayakan dari mempunyai kapal2 Brunei, kepentingan2 yang timbul di-bawah perjanjian atau kepentingan2 saksama yang lain boleh di-kuatkuasakan oleh atau terhadap tuanpunya2 dan penerima2 chagaran kapal2 berthabit dengan kepentingan mereka di-dalam-nya dengan chara yang sama saperti yang berthabit dengan apa jua harta persaorangan yang lain.

Tanggongan Tuanpunya Yang Mendapat Faedah

Tanggongan tuanpunya2.

48. (1) Jika mana2 orang mempunyai kepentingan yang berfaedah, selain dari dengan chara chagaran, di-dalam mana2 kapal atau sher dalam sesabuah kapal yang di-daftarkan atas nama sesaorang lain sebagai tuanpunya, maka orang yang mempunyai kepentingan itu ada-lah, dan juga tuanpunya berdaftar itu, terta'alok kapada semua denda dengan wang yang di-kenakan oleh Undang2 ini atau sebarang undang2 bertulis yang lain keatas tuan-punya2 kapal2 atau sher2 di-dalam-nya, supaya walaubagaimana pun tindakan boleh di-ambil bagi penguatkuasaan apa jua denda sedemikian terhadap kedua2-nya atau salah satu dari pehak2 tersebut tadi, dengan atau dengan tidak menyatukan satu sama lain.

(2) Di-dalam Bahagian ini "kepentingan yang men-dapat faedah" termasok, berhubong dengan kapal2 Brunei, kepentingan2 yang timbul di-bawah perjanjian dan kepentingan2 saksama yang lain.

Tuanpunya Yang Mengurus

Tuanpunya yang mengurus atau pengurus kapal hendak-lah di-daftarkan.

49. (1) Pendaftar hendak-lah menchatetkan dalam buku daftar nama dan alamat tuanpunya yang mengurus pada masa itu bagi tiap2 kapal Brunei yang berdaftar.

(2) Jika tidak ada sebarang tuanpunya yang mengurus maka hendak-lah di-daftarkan nama ejen kapal itu atau orang lain kapada siapa pengurusan kapal itu ada-lah di-amanahkan oleh atau bagi pehak tuanpunya kapal itu ; dan mana2 orang yang nama-nya ada-lah di-daftarkan ada-lah, bagi maksud2 Undang2 ini, mempunyai tanggong-jawab yang sama, dan terta'alok kapada tanggongan2 yang sama seolah2 ia telah menjadi tuanpunya yang mengurus kapal itu.

(3) Jika kemungkiran di-lakukan pada mematohi sharat2 bab ini maka tuanpunya, atau jika ada lebeh dari seorang tuanpunya maka tiap2 tuanpunya, ada-lah ber-salah setiap kali kapal itu meninggalkan mana2 pelabohan atau tempat di-Brunei : Hukuman, denda sebanyak sa-ribu ringgit atau, jika ada lebeh dari seorang tuanpunya, sebahagian dari denda itu yang bersamaan dengan bahagian kepentingan tiap2 tuanpunya di-dalam kapal itu.

Pengakuan2

Kuasa Pendaftar untok tidak memerlukan pengakuan2 dan bukti keterangan lain.

50. Bilamana, di-bawah Bahagian ini, mana2 orang ada-lah di-kehendaki membuat sesuatu pengakuan bagi pehak diri-nya sendiri atau mana2 perbadanan, atau apa jua bukti keterangan ada-lah di-kehendaki supaya di-kemukakan kapada Pendaftar, dan ada-lah di-buktikan sehingga memuaskan Pendaftar bahawa dari apa jua sebab yang berpatutan orang itu tidak dapat membuat pengakuan itu, atau bahawa bukti keterangan itu tidak dapat di-kemukakan, maka Pendaftar boleh, bilamana di-kemukakan sesuatu bukti keterangan lain, dan terta'alok kapada sharat2 yang ia mungkin memikirkan patut, tidak memerlukan pengakuan atau bukti keterangan itu.

Chara membuat pengakuan2.

51. (1) Pengakuan2 yang di-kehendaki oleh Bahagian ini hendak-lah di-buat di-hadapan Pendaftar atau sesaorang Majistret.

(2) Pengakuan2 yang di-kehendaki oleh Bahagian ini boleh di-buat bagi pehak sesabuah perbadanan oleh setiausaha atau mana2 pegawai lain perbadanan itu yang di-benarkan oleh perbadanan itu bagi maksud itu.

Pemereksaan Daftar, Bukti Keterangan dan Borang2

Pemereksaan buku daftar.

52. Sesaorang, atas pembayaran sesuatu bayaran yang akan di-tetapkan dari masa ka-semasa oleh Pendaftar, boleh atas permohonan kapada Pendaftar pada sesuatu masa yang berpatutan dalam waktu kehadziran rasmi-nya, memereksa mana2 buku daftar.

Bukti keterangan buku daftar, sijil pendaftaran, dan dokumen2 lain.

53. Dokumen2 yang berikut boleh di-terima sebagai bukti keterangan sechara yang di-persharatkan oleh Undang2 ini, ia-itu —

(a) apa jua buku daftar di-bawah Bahagian ini manakala di-kemukakan dari simpanan Pen-daftar atau orang lain yang menyimpan-nya dengan sah ;

(b) sesuatu sijil pendaftaran di-bawah Bahagian ini yang di-katakan telah di-tandatangani oleh Pendaftar atau pegawai lain yang layak ;

(c) sesuatu chatetan dalam sesuatu sijil pendaf-taran yang di-katakan telah di-tandatangani oleh Pendaftar atau pegawai lain yang layak ;

(d) tiap2 pengakuan yang di-buat menurut Bahagian ini berthabit dengan sesabuah kapal Brunei.

Borang2.

54. Pendaftar boleh menentukan borang2 bagi maksud2 Bahagian ini.

Pemalsuan dan Pengakuan2 bohong

Pemalsuan dokumen2.

55. Jika sesiapa jua memalsukan, atau mengubah sechara menipu, atau membantu dalam memalsukan atau mengubah sechara menipu, atau menyebabkan supaya memalsukan atau mengubah sechara menipu, mana2 dari dokumen2 yang berikut, ia-itu, apa jua buku daftar, sijil pembina, sijil pemereksa Kerajaan, sijil pendaftaran, pengakuan, bil jualan, suratchara chagaran, atau sijil chagaran atau penjualan di-bawah Bahagian ini, atau apa jua chatetan atau penulisan yang di-kehendaki oleh Bahagian ini supaya di-buat di-dalam atau di-atas mana2 dari dokumen2 itu, maka orang itu ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak lima ribu ringgit dan penjara selama dua tahun.

Pengakuan2 bohong.

56. (1) Jika sesiapa jua berkenaan dengan apa jua pengakuan yang di-buat di-hadapan atau di-kemukakan kapada Pendaftar di-bawah Bahagian ini, atau di-dalam apa jua dokumen atau bukti keterangan lain yang di-kemukakan kapada Pendaftar —

(a) dengan sengaja membuat, atau membantu dalam membuat, atau menyebabkan supaya di-buat apa jua kenyataan bohong mengenai hak atau kepunyaan terhadap, atau kepentingan yang terdapat di-dalam mana2 kapal, atau apa jua sher di-dalam sesabuah kapal ; atau

(b) menyibarkan, mengemukakan, atau mempergunakan apa jua pengakuan atau dokumen yang mengandongi sesuatu kenyataan bohong dengan mengetahui yang ia-nya bohong,

maka ia ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak dua ribu ringgit dan penjara selama satu tahun.

(2) Jika sesiapa jua dengan sengaja membuat sesuatu pengakuan bohong yang menyentoh kelayakan diri-nya sendiri atau mana2 orang lain atau mana2 perbadanan untok mempunyai sesabuah kapal Brunei atau apa jua sher di-dalam-nya, maka ia ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak dua ribu ringgit dan penjara selama satu tahun ; dan kapal atau sher itu ada-lah terta'alok kapada rampasan di-bawah Bahagian ini, setakat kepentingan pembuat pengakuan itu di-dalam-nya, dan juga kechuali di-buktikan bahawa pengakuan itu telah di-buat tanpa kebenaran, mana2 orang atau perbadanan bagi pehak siapa pengakuan itu di-buat.

Keperibadian Negara dan Bendera

Senarai2 anak kapal bagi kapal2 Brunei yang berdaftar.

57. (1) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh membuat peratoran2 yang mengkehendaki kapal2 Brunei yang berdaftar kapada mana bab ini di-kenakan supaya mengadakan dalam senarai2 anak kapal mereka peratusan pegawai2 dan peratusan kelasi2 yang terdiri dari orang2 Brunei yang mungkin di-tetapkan dalam peratoran2 itu.

(2) Peratoran2 di-bawah bab ini hendak-lah menentukan kapal2 atau jenis kapal2 kapada mana bab ini akan di-kenakan dan boleh membuat sharat2 yang berlainan bagi jenis2 kapal yang berlainan atau bagi kapal yang sama jenis-nya dalam keadaan2 yang berlainan.

Hukuman kerana menggunakan sechara tidak patut keperibadian Brunei.

58. (1) Jika sesaorang menggunakan bendera Brunei dan menggunakan keperibadian negara Brunei di-dalam sesabuah kapal yang di-punyai keselurohan-nya atau sebahagian-nya oleh sesiapa jua yang tidak berkelayakan untok mempunyai sesabuah kapal Brunei, bagi maksud menjadikan kapal itu kelihatan saperti kapal Brunei, maka kapal itu boleh di-kenakan rampasan di-bawah Bahagian ini, kechuali penggunaan itu telah di-lakukan bagi maksud mengelakkan tawanan oleh musoh atau oleh kapal perang asing dalam menjalankan hak peperangan.

(2) Dalam mana2 perbicharaan kerana mengenakan apa jua rampasan sedemikian tanggongjawab membuktikan hak untok menggunakan bendera Brunei dan menggunakan keperibadian negara Brunei ada-lah terletak kapada orang yang menggunakan-nya.

Hukuman kerana menyembunyikan keperibadian Brunei atau menggunakan keperibadian asing.

59. Jika juragan atau tuanpunya sesabuah kapal Brunei melakukan apa jua atau membenarkan apa jua supaya di-lakukan, atau membawa atau membenarkan supaya di-bawa apa jua surat atau dokumen, dengan tujuan untok menyembunyikan keperibadian Brunei kapal itu dari sesiapa jua yang berhak untok menyelideki mengenai-nya, atau dengan tujuan untok menggunakan keperibadian asing, atau dengan tujuan untok menipu sesiapa jua yang berhak saperti yang di-sebutkan tadi, maka kapal itu boleh di-kenakan rampasan di-bawah Bahagian ini dan juragan-nya, jika melanggar atau mengetahui tentang pelanggaran bab ini, ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak dua ribu ringgit dan penjara selama satu tahun.

Hukuman kerana memperolehi kepunyaan jika tidak berkelayakan.

60. Jika sesaorang yang tidak berkelayakan memperolehi sebagai tuanpunya, selain dari dengan penyerahan sebagaimana yang sebelum ini di-persharatkan, apa jua kepentingan, sama ada yang sah atau yang mendapat faedah, di-dalam sesabuah kapal yang menggunakan bendera Brunei dan menggunakan keperibadian Brunei, maka faedah itu boleh di-kenakan rampasan di-bawah Bahagian ini.

Tanggongan2 kapal yang tidak di-akui sebagai kapal Brunei.

61. Jika di-ishtiharkan oleh Bahagian ini bahawa sesabuah kapal Brunei tidak akan di-akui sebagai kapal Brunei, maka kapal itu tidak akan berhak terhadap sebarang keuntongan, keistimewaan, faedah, atau perlindungan yang lazim-nya di-nikmati oleh kapal2 Brunei atau pun untok menggunakan bendera Brunei atau menggunakan keperibadian negara Brunei, tetapi setakat yang mengenai pembayaran wang2 yang sepatut-nya di-bayar, tanggongan terhadap denda2 dan rampasan, serta hukuman kerana kesalahan2 yang di-lakukan di-dalam kapal sedemikian, atau oleh mana2 orang dari kapal itu, kapal itu hendak-lah di-selanggarakan dengan chara yang sama dalam semua perkara seolah2 ia-nya ia-lah sebuah kapal Brunei yang di-akui.

Lambang negara bagi kapal2 Brunei yang berdaftar.

62. (1) Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh menentukan satu panji2, yang akan menjadi lambang negara yang sesuai bagi sesabuah kapal Brunei yang berdaftar.

(2) Jika sebarang lambang negara yang berbedza selain dari panji2 tersebut di-naikkan dalam mana2 kapal sedemikian tanpa perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, maka juragan kapal itu atau tuanpunya kapal itu jika berada di-dalam kapal itu, dan tiap2 orang lain yang menaikkan lambang itu ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak sa-ribu ringgit.

Hukuman kerana tidak menunjokkan lambang.

63. (1) Sesabuah kapal Brunei hendak-lah menaikkan lambang negara yang sesuai manakala masok atau meninggalkan mana2 pelabohan Brunei atau pelabohan asing.

(2) Jika kemungkiran di-lakukan dalam mana2 kapal sedemikian pada mematohi sharat2 bab ini, maka juragan kapal itu ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak saribu ringgit.

Perampasan Kapal

Tindakan mengenai perampasan kapal.

64. (1) Jika mana2 kapal telah keselurohan-nya atau mengenai dengan mana2 sher di-dalam-nya di-kenakan rampasan di-bawah Bahagian ini, maka Pengarah boleh merampas dan menahan kapal itu, dan membawa perkara kapal itu untok di-jatohkan hukuman di-hadapan Mahkamah Tinggi, dan mahkamah itu boleh tatkala itu

menjatohkan hukuman supaya kapal itu berserta dengan alat2, kelengkapan dan perabot-nya hendak-lah di-rampas dan membuat sesuatu perentah dalam perkara itu sebagaimana yang kapada mahkamah nampak-nya 'adil, dan boleh menghadiahkan kapada pegawai yang membawa perkara kapal itu di-jatohkan hukuman sebahagian dari hasil dari penjualan kapal itu, atau mana2 sher di-dalam-nya, sebagaimana yang mahkamah fikirkan patut.

(2) Pengarah tidak-lah bertanggongjawab sama ada sechara sivil atau jenayah terhadap sesiapa jua pun berthabit dengan apa2 rampasan atau penahanan saperti yang di-sebutkan tadi, walaupun perkara kapal itu tidak di-bawa untok di-jatohkan hukuman, atau sekira-nya di-bawa perkara itu di-ishtiharkan tidak di-kenakan rampasan, jika di-buktikan sehingga memuaskan mahkamah yang di-hadapan mana apa2 perbicharaan berhubong dengan kapal atau perampasan atau penahanan sedemikian di-adakan bahawa ada terdapat alasan2 yang berpatutan bagi perampasan atau penahanan sedemikian ; tetapi jika tidak ada sebarang alasan sedemikian di-buktikan maka mahkamah boleh menganugerahkan belanja perbicharaan dan gantirugi kapada mana2 pehak yang tidak puashati, dan membuat sesuatu perentah lain dalam perkara tersebut sebagaimana yang mahkamah fikirkan 'adil.

Ukoran Kapal2 dan Berat Muatan

Penentuan berat muatan yang di-daftarkan.

65. (1) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh membuat peratoran2 untok menentukan berat muatan kapal2 yang akan di-daftarkan di-bawah Bahagian ini.

(2) Peratoran2 di-bawah bab ini —

(a) boleh membuat sharat yang berlainan bagi rupa bentok kapal2 yang berlainan atau bagi rupa bentok kapal2 yang sama dalam keadaan yang berlainan ;

(b) boleh membuat sebarang sharat mengenai-nya bergantong kapada pematohan sharat2, yang akan di-buktikan dengan sesuatu chara, yang mungkin di-tentukan dalam peratoran2 tersebut ; dan

(c) boleh melarang atau menyekat pengangkutan barang2 (goods or stores) dalam ruang2 yang tidak termasok dalam berat muatan sesabuah kapal yang di-daftarkan.

(3) Peratoran2 di-bawah bab ini boleh membuat sharat bagi memperuntokkan kapada sesabuah kapal, sama ada sebagai ganti atau selain dari berat muatan yang telah di-tentukan menurut sharat2 lain dari peratoran2 tersebut, sesuatu berat muatan yang lebeh rendah yang dapat di-sesuaikan jika kapal itu tidak di-isi muatan sepenoh-nya ka-dalam mana ia-nya boleh di-muatkan dengan selamat-nya, dan bagi menunjokkan di-dalam kapal itu, dengan sesuatu tanda yang mungkin di-tentukan dalam peratoran2 tersebut, bahawa sesuatu berat muatan yang lebeh rendah telah di-peruntokkan kapada-nya dan, jika berat muatan sedemikian telah di-peruntokkan kapada-nya sebagai ganti, isi muatan ka-dalam mana kapal itu boleh di-isikan berat muatan yang lebeh rendah yang dapat di-sesuaikan.

(4) Peratoran2 di-bawah bab ini boleh mengadakan sharat bagi ukoran dan sukatan kapal2 supaya di-ambil, dalam perihal2 yang mungkin di-tentukan dalam peratoran2 tersebut dan dengan tidak menghiraukan bab 9, oleh orang2 yang di-lantek oleh pertubohan2 yang mungkin di-beri kuasa bagi maksud itu oleh Sultan dalam Majlis Mashuarat ; dan peratoran2 sedemikian boleh membuat sharat bagi pembayaran kapada orang2 yang di-lantek menurut cheraian ini bayaran2 yang mungkin di-tentukan oleh Sultan dalam Majlis Mashuarat.

(5) Peratoran2 di-bawah bab ini boleh membuat sharat bagi perubahan (dengan tidak menghiraukan bab 66) mengenai butir2 berhubong dengan berat muatan sesabuah kapal yang di-daftarkan.

(6) Peratoran2 di-bawah bab ini boleh mengadakan sharat bagi pengeluaran oleh Pengarah atau oleh orang2 yang di-lantek oleh pertubohan2 yang mungkin di-beri kuasa bagi maksud itu oleh Sultan dalam Majlis Mashuarat sijil2 bagi berat muatan mana2 kapal yang di-daftarkan atau bagi berat muatan yang akan di-ambil bagi apa jua maksud yang di-tentukan dalam peratoran2 tersebut sebagai berat muatan sesabuah kapal yang tidak di-daftarkan di-Brunei, dan bagi pembatalan dan penyerahan sijil2 sedemikian dalam perihal2 yang mungkin di-tentukan oleh peratoran2 tersebut.

(7) Kechuali setakat yang sharat ada-lah di-buat di-bawah bab ini, atoran2 yang dari masa ka-semasa berkuatkuasa di-United Kingdom bagi menentukan berat muatan kapal2 British ada-lah di-pakai di-Brunei setakat yang keadaan Negeri ini mengizinkan dan terta'alok kapada pengubahsuaian2 yang keadaan mungkin menjadikan-nya perlu.

Berat muatan apabila di-pastikan dan di-daftarkan hendak-lah menjadi berat muatan sesabuah kapal.

66. Bilamana berat muatan mana2 kapal telah di-pastikan dan di-daftarkan di-bawah Bahagian ini, maka berat muatan itu hendak-lah mulai dari itu di-anggap sebagai berat muatan kapal itu, dan hendak-lah di-ulangi dalam tiap2 pendaftaran berat muatan kapal itu selepas itu, kechuali apa2 perubahan ada di-buat dalam bentok atau muatan kapal itu, atau kechuali di-dapati bahawa berat muatan kapal itu telah salah kira ; dan dalam salah satu dari perkara2 ini maka kapal itu hendak-lah di-ukor semula, dan berat muatan-nya di-tentukan dan di-daftarkan menurut Bahagian ini.

Berat muatan kapal2 negeri2 asing.

67. (1) Bagi maksud2 Undang2 ini, berat muatan sesabuah kapal asing, selain dari sesabuah kapal British atau sesabuah kapal kapada mana cheraian (2) ada-lah di-kenakan, hendak-lah di-tentukan seberapa tepat yang boleh menurut Bahagian ini seolah2 kapal itu ia-lah sebuah kapal Brunei yang perlu di-daftarkan.

(2) Bilamana saja Sultan dalam Majlis Mashuarat, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, mengishtiharkan bahawa bagi maksud2 cheraian ini atoran2 mana2 negeri asing bagi pengukoran berat muatan kapal2 negeri itu (selain dari peratoran2 berat muatan dari Akta2 Perkapalan Saudagar (Merchant Shipping Acts)) nampak-nya kapada Sultan dalam Majlis Mashuarat tidak berlainan dalam hal yang mustahak dari atoran2 di-bawah Bahagian ini bagi memastikan berat muatan berdaftar kapal2 Brunei, ketika itu, sehingga perishtiharan itu di-batalkan atau had tempoh kuatkuasa-nya tamat, maka cheraian ini hendak-lah di-kenakan kapada mana2 kapal dari negeri itu.

(3) Mana2 kapal British dan mana2 kapal kapada mana cheraian (2) ada-lah di-kenakan ada-lah, tanpa di-ukor semula di-Brunei, di-anggap mempunyai berat muatan yang di-tunjokkan dalam sijil pendaftaran-nya atau surat2 negara yang lain, dengan chara yang sama, setakat yang sama, dan bagi maksud2 yang sama saperti berat muatan

yang di-tunjokkan dalam sijil pendaftaran sesabuah kapal Brunei di-anggap sebagai berat muatan kapal itu dan mana2 ruang yang di-tunjokkan oleh sijil pendaftaran atau kertas2 negara yang lain itu bagi mana2 kapal sedemikian yang di-potong daripada berat muatan tersebut ada-lah, jika pemotongan yang serupa mengenai sesabuah kapal Brunei bergantong kapada pematohan mana2 sharat atau manakala pematohan itu di-buktikan dengan apa jua chara, di-anggap telah mematohi sharat2 itu dan telah di-buktikan, kechuali sesaorang pemereksa Kerajaan mengesahkan kapada Pengarah bahawa binaan dan kelengkapan kapal itu berthabit dengan ruang itu tidak sampai ka-taraf ukoran yang akan di-kehendaki jika kapal itu sebuah kapal Brunei yang di-daftarkan di-bawah Bahagian ini.

(4) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh menghadkan masa-nya dalam tempoh mana sesuatu perishtiharan di-bawah cheraian (2) berjalan kuatkuasa-nya, dan membuat perishtiharan terta'alok kapada sharat2 dan kelayakan2 (jika ada) yang Baginda mungkin menganggap mustahak, dan kuatkuasa perishtiharan itu hendak-lah di-hadkan tempoh-nya dan di-ubahsuai berikut-nya.

BAHAGIAN III

JURAGAN2 DAN KELASI2

Menempatkan Kakitangan

Menempatkan kakitangan.

68. (1) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh membuat peratoran2 —

(a) menghendaki kapal2 terhadap mana bab ini di-kenakan supaya membawa sejumlah apa jua jenis pegawai2 yang berkelayakan, tukang2 ubat yang berkelayakan dan tukang2 masak yang berkelayakan dan sejumlah kelasi2 yang lain atau sebarang jenis kelasi2 yang berkelayakan sebagaimana yang boleh di-tetapkan dalam peratoran2 itu ; dan

(b) menentukan atau membolehkan Pengarah untok menentukan darjah kechekapan yang akan di-chapai dan sharat lain yang di-patohi

(terta'alok kapada sebarang pengechualian yang di-benarkan oleh atau di-bawah peratoran2 itu) oleh pegawai2, tukang2 ubat, tukang2 masak, dan sebarang jenis kelasi yang lain supaya dapat memenohi sharat2 bagi maksud2 bab ini.

(2) Bab ini ada-lah di-kenakan kapada tiap2 kapal Brunei yang berdaftar dan juga kapada kapal2 lain atau jenis kapal2 yang mungkin di-tentukan dalam peratoran2 yang di-buat di-bawah cheraian (1).

(3) Peratoran2 di-bawah bab ini boleh membuat sharat yang berlainan bagi jenis2 kapal yang berlainan atau bagi kapal2 yang sama jenis-nya dalam perihal2 yang berlainan.

(4) Dengan tidak mengurangkan keluasan ma'ana cheraian (1) (b), sharat2 yang di-tetapkan atau di-tentukan di-bawah perenggan itu boleh memasokkan sharat2 terhadap kewarganegaraan, dan peratoran2 yang di-buat bagi maksud2 perenggan itu boleh membuat sharat2, atau membolehkan Pengarah membuat sharat2, terhadap —

(a) chara-nya bagaimana menchapai apa jua dar-jah atau memenohi sebarang sharat lain akan di-buktikan ;

(b) perjalanan sebarang pepereksaan2, sharat2 untok memasoki-nya dan lantekan dan gaji pemereksa2 ; dan

(c) pengeluaran, bentok dan penchatetan sijil2 dan lain2 dokumen ;

dan lain2 sharat boleh di-buat atau di-bolehkan supaya di-buat dalam hal2 keadaan yang berlainan.

(5) Sesaorang pegawai atau kelasi tidak-lah di-anggap sebagai berkelayakan bagi maksud2 bab ini kechuali ia memegang pada masa itu sesuatu sijil kelayakan yang sah yang di-beri di-bawah bab ini yang mana kelas-nya ada-lah sesuai dengan tugas-nya dalam kapal atau kelas yang lebeh tinggi lagi.

(6) Peratoran2 di-bawah bab ini boleh mengechua-likan atau membolehkan Pengarah mengechualikan

mana2 kapal atau jenis kapal2 dari sebarang kehendak2 peratoran2 yang di-buat di-bawah bab ini dan sebarang pengechualian yang di-berikan sedemikian boleh di-hadkan kapada sesuatu tempoh yang tertentu atau kapada satu pelayaran atau lebeh dari satu pelayaran yang tertentu.

(7) Jika sesabuah kapal terhadap mana bab ini di-kenakan belayar di-laut atau chuba belayar di-laut tanpa membawa pegawai2, kelasi2 dan lain2 orang yang mana kapal itu di-kehendaki membawa di-bawah bab ini maka tuanpunya kapal itu atau juragan-nya ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak dua ribu ringgit dan kapal tersebut, jika berada dalam Brunei, boleh di-tahan.

Sijil2 kechekapan khas.

69. Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh, dengan peratoran, membolehkan Pengarah supaya mengeluarkan dan menchatet dokumen2 yang mensahkan sebarang darjah kechekapan yang di-chapai berthabit dengan kapal2 atau perjalanan-nya, meskipun darjah itu tidak termasok dalam darjah2 yang di-tetapkan atau di-tentukan di-bawah bab 68 (1) (b), dan boleh, berthabit dengan-nya, membuat peratoran2 bagi maksud2 yang sama dengan yang di-nyatakan dalam bab 68(4).

Orang2 yang tidak berkelayakan pergi ka-laut sebagai pegawai2 dan kelasi berkelayakan.

70. (1) Barangsiapa yang —

(a) pergi ka-laut sebagai sesaorang pegawai, kelasi, atau lain2 orang yang berkelayakan tetapi bukan sebenar-nya pegawai, kelasi atau orang yang berkelayakan, atau

(b) mengambil berkerja sesaorang sebagai seorang pegawai, kelasi atau orang lain yang berkelayakan dengan tidak memastikan sama ada orang yang di-ambil berkerja itu berkelayakan,

ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak dua ribu ringgit.

(2) Dalam bab ini ''berkelayakan'' berma'ana berkelayakan bagi maksud2 bab 68 atau memegang sesuatu sijil kechekapan yang sah di-bawah bab 69.

Mengemukakan sijil2 kelayakan dan dokumen2 kelayakan lain.

71. Sesiapa yang berkhidmat atau bekerja dalam mana2 kapal terhadap mana bab 68 di-kenakan dan memegang sebarang sijil atau lain2 dokumen sebagai keterangan bahawa ia-nya berkelayakan bagi maksud2 bab itu atau bab 69 hendak-lah apabila di-kehendaki mengemukakan-nya kapada Pengarah atau pegawai polis dan (jika ia-nya sendiri bukan juragan) kapada juragan kapal itu, dan jika ia gagal membuat demikian tanpa alasan yang munasabah ia ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak dua ratus ringgit.

Pengambilan dan Pemberhentian Anak2 Kapal

Perjanjian2 anak2 kapal.

72. (1) Kechuali sebagaimana yang di-persharatkan di-bawah cheraian (5), sesuatu perjanjian bertulis hendak-lah di-buat antara setiap orang yang di-ambil bekerja sebagai kelasi dalam sesabuah kapal Brunei yang berdaftar dan majikan-nya dan hendak-lah di-tandatangani bersama oleh-nya dan oleh atau bagi pehak majikan-nya.

(2) Perjanjian2 yang di-buat di-bawah bab ini dengan beberapa orang yang di-ambil berkerja dalam sesabuah kapal hendak-lah di-buat dalam satu dokumen (dalam Undang2 ini di-sebut sebagai "perjanjian anak2 kapal") kechuali dalam perkara2 yang boleh di-benarkan oleh Pengarah.

(3) Sharat2 dan bentok sesuatu perjanjian anak2 kapal hendak-lah sejenis yang di-benarkan oleh Pengarah ; dan lain2 sharat dan bentok boleh di-benarkan dalam hal2 keadaan yang berlainan.

(4) Terta'alok kapada sharat2 berikut dari bab ini, sesuatu perjanjian anak2 kapal hendak-lah di-bawa dalam kapal terhadap mana perjanjian itu berhubong bilamana saja kapal tersebut pergi ka-laut.

(5) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh membuat peratoran2 mensharatkan pengechualian2 dari kehendak2 bab ini —

(a) berthabit dengan jenis2 kapal sebagaimana yang boleh di-tetapkan dalam peratoran2 itu atau berthabit dengan pelayaran2 dalam kawasan2 atau jenis pelayaran2 yang boleh di-tetapkan ; atau

(b) berthabit dengan jenis2 kelasi yang boleh di-tetapkan dalam peratoran2 itu ;

dan Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh memberi kuasa kapada Pengarah untok membenarkan lain2 pengechualian dari kehendak2 itu (sama ada terhadap kelasi2 yang tertentu atau terhadap kelasi2 yang di-ambil berkerja oleh sesaorang yang tertentu atau dalam sesabuah kapal yang tertentu atau dalam kapal2 sesaorang yang tertentu) dalam perkara2 yang Pengarah berpuas hati bahawa kelasi2 yang akan di-ambil bekerja selain dari yang di-buat di-bawah sesuatu perjanjian anak2 kapal ada-lah di-lindongi sechukup-nya.

(6) Jika, tetapi oleh kerana sesuatu pengechualian telah di-berikan di-bawah cheraian (5), sesuatu perjanjian anak2 kapal akan di-kehendaki supaya di-bawa dalam sesabuah kapal atau sesuatu perjanjian anak2 kapal yang di-bawa dalam sesabuah kapal akan di-kehendaki supaya memasokkan sesuatu perjanjian dengan sesaorang yang di-ambil bekerja dalam kapal itu, maka kapal tersebut hendak-lah membawa dokumen itu sebagai keterangan pengechualian itu sebagaimana Pengarah boleh mengarahkan.

(7) Jika sesabuah kapal belayar ka-laut atau chuba belayar ka-laut bertentangan dengan kehendak2 bab ini juragan dan majikan anak2 kapal itu ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak lima ratus ringgit dan kapal itu, jika dalam Brunei, boleh di-tahan.

Peratoran2 mengenai perjanjian anak2 kapal.

73. (1) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh membuat peratoran2 —

(a) menghendaki notis sebagaimana yang boleh di-tetapkan dalam peratoran2 itu supaya di-sampaikan kapada Pengarah atau mana2 orang lain sebagaimana yang boleh di-tentukan dalam peratoran2 itu, kechuali dalam hal2 keadaan sebagaimana yang boleh di-tetapkan, sebelum sesuatu perjanjian anak2 kapal di-buat atau sesuatu perjanjian dengan mana2 orang di-tambah kapada apa yang terkandong dalam sesuatu perjanjian anak2 kapal ;

(b) menghendaki supaya perjanjian2 anak2 kapal di-buat di-hadapan orang dan di-tempat

sebagaimana yang boleh di-tentukan dalam peratoran2 itu ;

(c) mensharatkan bagi penyampaian kapada Pengarah atau mana2 orang lain sebagaimana yang boleh di-tetapkan dalam peratoran2 dari perjanjian2 anak2 kapal itu dan perjanjian2 yang di-tambah kapada apa yang terkandong dalam sesuatu perjanjian anak2 kapal dan salinan2 perjanjian2 anak2 kapal dan perjanjian2 yang di-tambah itu ;

(d) menghendaki supaya salinan2 atau chabutan2 dari perjanjian2 anak2 kapal di-lekatkan dalam kapal2 ;

(e) menghendaki supaya salinan2 atau chabutan2 dari perjanjian2 anak2 kapal di-bekalkan kapada ahli2 anak kapal yang meminta-nya dan menghendaki supaya salinan2 dan chabutan2 dari dokumen2 yang di-sebutkan dalam perjanjian2 anak2 kapal dapat di-perolehi, dalam perkara2 yang boleh di-tetapkan dalam peratoran2 itu, untok di-pereksa oleh ahli2 anak kapal ;

(f) menghendaki apa jua dokumen2 yang di-bawa dalam sesabuah kapal menurut bab 72 supaya di-kemukakan apabila di-minta kapada orang2 yang boleh di-tentukan dalam peratoran2 itu ;

(g) menghendaki supaya sebarang perubahan keatas anak2 kapal sesabuah kapal yang berlaku selepas sesuatu perjanjian telah di-tandatangani dan sebelum kapal itu meninggalkan Brunei di-laporkan kapada Pengarah.

(2) Peratoran2 di-bawah bab ini boleh membuat sharat2 lain berthabit dengan lain2 pelayaran, kapal2 lain atau jenis2 kelasi.

Sekatan keatas pengambilan kerja orang2 di-bawah umor di-dalam kapal.

74. (1) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh membuat peratoran2 —

(a) menegah pengambilan dalam sesabuah kapal mana2 orang di-bawah umor sebagaimana yang boleh di-tetapkan dalam peratoran2 itu kechuali yang di-benarkan oleh peratoran2 itu ;

(b) menentukan perkara2 dalam mana dan sharat2 terta'alok kapada mana orang2 yang di-bawah umor sebagaimana yang boleh di-tetapkan dalam peratoran2 itu boleh di-ambil bekerja dalam sesabuah kapal dengan jawatan2 yang di-tentukan ;

(c) menentukan keadaan2 dan jawatan2 dalam mana orang2 yang lebeh dari umor yang boleh di-tetapkan dalam peratoran2 itu tetapi di-bawah umor yang boleh di-tetapkan dalam peratoran2 itu tidak boleh di-ambil bekerja dalam sesabuah kapal Brunei yang berdaftar atau hanya boleh di-ambil berkerja terta'alok kapada sharat2 yang boleh di-tetapkan dalam peratoran2 itu.

(2) Peratoran2 yang di-buat bagi maksud2 bab ini boleh membuat sharat2 lain terhadap lain2 pekerjaan dan lain2 jenis kapal dan sebarang perkara2 lain.

Pemberhentian kelasi2.

75. (1) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh membuat peratoran2 menetapkan tatachara yang akan di-ikuti berkaitan dengan pemberhentian kelasi2 dari kapal2 Brunei yang berdaftar dan bagi pemberhentian dalam Brunei kelasi2 dari kapal2 selain dari kapal2 Brunei yang berdaftar.

(2) Dengan tidak mengurangkan keluasan ma'ana cheraian (1), peratoran2 di-bawah bab ini boleh membuat sharat —

(a) menghendaki supaya notis pemberhentian itu di-berikan pada waktu yang boleh di-tetapkan dalam peratoran2 itu kapada Pengarah atau orang lain yang boleh di-tetapkan dalam peratoran2 itu, di-suatu tempat yang di-tetapkan dalam atau di-tentukan di-bawah peratoran2 tersebut ;

(b) menghendaki supaya sesuatu pemberhentian itu di-chatet, sama ada dengan memasokkan-nya dalam perjanjian anak2 kapal dan buku pemberhentian atau dengan chara lain, dan menghendaki supaya salinan2 chatetan yang di-masokkan itu di-berikan kapada Pengarah atau orang lain yang boleh di-tetapkan dalam peratoran2 itu ;

(c) melarang dalam perkara2 yang boleh di-tetapkan dalam peratoran2 itu, atau kechuali dalam perkara2 yang boleh di-tetapkan dalam atau di-tentukan di-bawah peratoran2 itu, pemberhentian mana2 kelasi dari sesabuah kapal Brunei yang berdaftar di-luar Brunei tan-pa kebenaran Pengarah atau orang lain yang boleh di-tetapkan dalam peratoran2 itu.

(d) menghendaki supaya apabila mana2 kelasi di-berhentikan juragan kapal itu hendak-lah —

(i) memberi kapada kelasi itu pada waktu pemberhentian satu surat berhenti-nya ber-tulis dan di-tandatangani dalam borang yang di-persetujui oleh Pengarah dengan menyatakan waktu dan jenis perkhidmatan-nya dan masa dan tempat di-mana ia-nya berhenti ; dan

(ii) membuat dan menandatangani dalam borang yang di-persetujui oleh Pengarah suatu laporan terhadap kelakuan, perangai dan kelayakan2 kelasi yang di-berhentikan itu atau boleh menyatakan dalam borang tersebut bahawa ia enggan untok memberi apa jua pendapat atas perkara2 atau sebarang dari perkara2 itu.

Kelasi2 yang tertinggal di-luar negeri selain dari yang di-berhentikan.

76. Peratoran2 yang di-buat di-bawah bab 75 boleh meng-genakan mana2 sharat2-nya, dengan perubahan2 yang wajar pada fikiran Sultan dalam Majlis Mashuarat, dalam perkara2 di-mana sesaorang kelasi yang di-ambil bekerja dalam sesabuah kapal Brunei yang berdaftar tertinggal di-luar Brunei selain dari yang di-berhentikan dari kapal itu.

Pemberhen-tian kelasi2 apabila kapal tidak lagi menjadi kapal Brunei.

77. Jika sesabuah kapal Brunei yang berdaftar tidak lagi menjadi sesabuah kapal Brunei yang berdaftar, mana2 kelasi yang di-ambil bekerja dalam kapal itu hendak-lah, jika ia ingin, di-berhentikan dari kapal itu.

Gaji, dll.

Pembayaran gaji2 kelasi2, dll.

78. (1) Terta'alok kapada sharat2 berikut bab ini —

(a) gaji2 yang harus di-bayar kapada sesaorang kelasi di-bawah sesuatu perjanjian anak2 kapal hendak-lah di-bayar dengan penoh pada waktu ia meninggalkan kapal apabila di-berhentikan dari kapal itu ;

(b) sesaorang kelasi boleh, dengan menggunakan surat pembahagian membahagikan kapada mana2 orang atau orang2 sebahagian dari gaji2 yang ia akan berhak menerima pada masa ia-nya bekerja dalam sesabuah kapal atau kapal2 Brunei yang berdaftar.

(2) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh membuat peratoran2 yang boleh —

(a) membenarkan pemotongan2 supaya di-buat daripada gaji2 yang harus di-bayar kapada sesaorang kelasi di-bawah sesuatu perjanjian anak2 kapal (selain dari yang di-benarkan oleh mana2 sharat dari Undang2 ini atau mana2 un-dang2 bertulis yang lain yang pada masa itu berkuatkuasa) dalam perkara2 jika sesuatu kemungkiran terhadap tanggongan2-nya di-bawah perjanjian tersebut ada-lah di-tudohkan terhadap-nya dan sharat2, jika ada, yang mungkin di-tetapkan dalam peratoran2 itu di-patohi, atau dalam lain2 perkara2 yang mungkin di-tetapkan dalam peratoran2 tersebut ;

(b) mengator chara-nya bagaimana apa jua jumlah2 yang di-potong di-bawah peratoran2 itu akan di-selanggarakan ;

(c) menentukan chara-nya bagaimana gaji2 yang harus di-bayar kapada sesaorang kelasi di-bawah perjanjian anak2 kapal akan di-bayar atau boleh di-bayar ;

(d) mengator chara-nya bagaimana gaji2 itu di-selanggarakan dan di-kira dalam perkara2 jika sesaorang kelasi meninggalkan kapal-nya kechuali jika ia di-berhentikan dari kapal tersebut ;

(e) menentukan bentok dan chara-nya sebarang kira2 mengenai gaji2 yang akan di-sediakan dan keterangan2 yang akan di-masokkan ka-dalam kira2 itu (yang boleh memasokkan jumlah2 yang di-anggarkan) ;

(f) menghadkan perkara2 dalam mana pem-bahagian2 boleh di-buat ;

(g) menghadkan (sama ada dengan menyebutkan sesuatu jumlah atau dengan menyebutkan sebahagian-nya) bahagian gaji2 yang boleh di-bahagikan dan jumlah orang2 kapada siapa bahagian itu boleh di-bahagikan dan boleh menentukan chara-nya bagaimana bahagian itu akan di-kira ;

(h) menghadkan orang2 kapada siapa pem-bahagian boleh di-buat oleh sesaorang kelasi kapada jenis2 orang atau orang2 yang berkaitan dengan-nya sebagaimana yang boleh di-tetapkan oleh peratoran2 itu ;

(i) menentukan waktu2 dan lat2 masa bagi pem-bayaran akan di-buat di-bawah surat2 pem-bahagian.

Kuasa Pengarah dan orang2 lain untok menentukan pertikaian2 terhadap gaji2.

79. (1) Sebarang pertikaian terhadap jumlah wang yang harus di-bayar kapada sesaorang kelasi yang bekerja di-bawah sesuatu perjanjian anak2 kapal boleh di-hadapkan kapada Pengarah oleh pehak2 itu, atau kapada orang yang lain sebagaimana Pengarah dengan chara bertulis melantek, untok keputusan ; tetapi Pengarah atau orang yang lain itu tidak-lah terikat untok menerima pertikaian yang di-hadapkan itu atau jika ia telah menerima-nya, un-tok membuat keputusan, jika pada fikiran-nya pertikaian itu, sama ada dengan sebab jumlah wang yang terlibat atau sebarang sebab lain, tidak sepatut-nya di-putuskan oleh-nya.

(2) Keputusan Pengarah atau orang yang lain itu terhadap sesuatu pertikaian yang di-hadapkan kapada-nya di-bawah bab ini ada-lah muktamad dan tidak terta'alok kapada rayuan kapada atau ulang kaji di-dalam mana2 mahkamah.

Harta-benda kelasi2 yang mati

Penjagaan dan penyelesaian harta-benda kelasi2 yang mati.

80. (1) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh membuat peratoran2 —

(a) mensharatkan penjagaan dan penyelenggaraan —

(i) apa jua harta-benda yang di-tinggalkan dalam kapal Brunei yang berdaftar oleh sesaorang kelasi yang mati sewaktu atau selepas berkhidmat dalam kapal itu ;

(ii) apa jua harta-benda yang di-tinggalkan di-sebuah negeri di-luar Brunei oleh sesaorang kelasi yang mati sewaktu atau dalam enam bulan selepas berkhidmat dalam kapal itu ; dan

(iii) apa jua harta-benda yang di-tinggalkan di-sebuah negeri di-luar Brunei oleh sesaorang kelasi Brunei yang mati sewaktu berkhidmat atau dalam enam bulan selepas berkhidmat dalam sesabuah kapal selain dari kapal Brunei yang berdaftar,

sehingga harta-benda itu di-selesaikan oleh atau di-bawah arahan Pengarah ;

(b) mensharatkan penggambilan balek oleh Pengarah mana2 gaji yang mana, pada masa kematian kelasi itu, seharus-nya di-bayar kapada kelasi tersebut berthabit dengan perkhidmatan-nya dalam sesabuah kapal Brunei yang berdaftar ;

(c) menghendaki chatetan butir2 keterangan dan penyerahan kira2 ;

(d) membolehkan Pengarah atau mana2 orang yang menjaga harta-benda sesaorang kelasi yang mati untok menjual-nya dengan sechara lelong atau dengan chara lain dan memberikan keterangan terhadap hasil penjualan itu.

(2) Terta'alok kapada mana2 peratoran di-bawah cheraian (1), juragan sesabuah kapal Brunei yang berdaftar yang mempunyai di-dalam kapal-nya apa jua harta-benda sesaorang kelasi yang mati hendak-lah menjaga harta-benda itu dan, sechepat mungkin yang boleh, menyampaikan harta-benda sedemikian kapada Pengarah dan membayar kapada Pengarah apa2 wang yang harus di-bayar kapada kelasi yang mati berthabit dengan gaji2 yang belum di-bayar atau memberi keterangan berthabit dengan gaji2 itu.

(3) Jika apa jua harta-benda sesaorang kelasi yang mati jatoh ka-tangan Pengarah, Pengarah itu, selepas menolak perbelanjaan2 yang di-lakukan berthabit dengan kelasi itu atau harta-benda-nya, hendak-lah mengurus baki-nya saperti berikut —

(a) jika harta-benda itu melebehi nilai harga lima ribu ringgit, ia hendak-lah membayar dan menyampaikan baki-nya kapada wakil diri si-mati yang sah ; atau

(b) jika harta-benda itu tidak melebehi nilai harga lima ribu ringgit, Pengarah boleh sebagaimana yang di-fikirkan-nya patut sama ada membayar atau menyampaikan baki-nya kapada mana2 orang yang menuntut yang di-buktikan sehingga kepuasan hati Pengarah sebagai janda atau sesaorang anak si-mati atau yang berhak keatas baki itu sama ada di-bawah wasiat si-mati (jika ada) atau mana2 undang2 pembahagian atau dengan chara lain, atau sebagai sesaorang yang berhak untok mendapat surat kuasa, walau pun surat kuasa itu belum lagi di-ambil, dan dengan itu ada-lah di-lepaskan dari semua tanggongan selanjut-nya berthabit dengan baki yang telah di-bayar atau di-sampaikan itu ; atau

(c) ia boleh, jika ia memikirkan patut, menghendaki supaya surat kuasa di-ambil, dan membayar dan menyampaikan baki-nya kapada wakil diri si-mati yang sah ; atau

(d) jika pada fikiran Pengarah bahawa mana2 orang kapada siapa sebarang wang atau lain2

harta-benda sesaorang kelasi yang mati boleh di-bayar atau di-sampaikan sebagaimana di-nyatakan tadi tinggal di-sebuah negeri asing, ia boleh membayar atau menyampaikan, wang atau harta-benda itu kapada sesaorang pegawai konsol negeri itu bagi pehak orang itu.

(4) Mana2 orang kapada siapa baki itu di-bayar atau di-sampaikan di-bawah cheraian (3) hendak-lah menyelenggarakan saperti sharat2 di-atas bagi pentadbiran-nya.

(5) Dalam bab ini "kelasi" termasok juragan sesabuah kapal itu.

Perbekalan2, Kesihatan dan Tempat Tinggal

Perbekalan, ayer dan persediaan2 perubatan.

81. (1) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh membuat peratoran2 —

(a) menghendaki supaya perbekalan2 dan ayer di-bekalkan kapada kelasi2 yang bekerja dalam kapal2 Brunei yang berdaftar dan alat2 untok menimbang dan menyukat perbekalan2 dan ayer itu sebagaimana yang boleh di-tetapkan dalam peratoran2 itu ;

(b) menghendaki ubat2 dan lain2 persediaan perubatan dan perkakas2 (termasok petunjok2 dan nasehat) supaya di-bawa dalam kapal2 Brunei yang berdaftar sebagaimana yang boleh di-tetapkan dalam peratoran2 itu ;

(c) memberi kuasa2 kapada mana2 orang sebagaimana yang boleh di-tetapkan dalam peratoran2 itu untok memereksa perbekalan2, ayer atau persediaan2 perubatan yang di-bawa dalam kapal2 ;

dan peratoran2 itu boleh membuat sharat2 lain terhadap kapal2 lain atau lain2 jenis kapal, dalam hal2 keadaan yang berlainan dan terhadap lain2 jenis kelasi2.

(2) Terta'alok kapada mana2 peratoran yang di-buat di-bawah cheraian (1), setiap kapal Brunei yang di-

daftarkan hendak-lah, apabila memulakan sesuatu pelayaran, mempunyai dalam kapal itu perbekalan2 dan ayer, yang menchukupi dan berpatutan, memandang kapada jenis pelayaran serta keperluan2 anak2 kapal itu.

(3) Jika sesaorang yang di-beri kuasa di-bawah Undang2 ini untok memereksa perbekalan2, ayer atau persediaan2 perubatan yang di-bawa di-dalam sesabuah kapal tidak berpuas hati bahawa kapal itu membawa perbekalan2, ayer atau persediaan2 perubatan yang ia-nya di-kehendaki untok membawa oleh bab ini atau mana2 peratoran yang di-buat di-bawah-nya, maka kapal itu, jika dalam Brunei, boleh di-tahan.

Rawatan perubatan dalam kapal.

82. Jika sesabuah kapal Brunei yang berdaftar tidak membawa sesaorang tukang ubat antara anak2 kapal yang bekerja dalam kapal itu juragan hendak-lah menguruskan untok membolehkan supaya rawatan perubatan dalam kapal ada-lah di-berikan sama ada oleh-nya atau di-bawah pengawasan-nya oleh sesaorang yang di-lantek oleh-nya bagi maksud itu.

Perbelanjaan2 rawatan perubatan dan lain2 semasa pelayaran.

83. Jika sesaorang, semasa bekerja dalam sesabuah kapal Brunei yang berdaftar, menerima di-luar Brunei sebarang pembedahan atau rawatan perubatan atau rawatan gigi atau mata (termasok pembetulan atau penggantian sebarang alat) yang tidak dapat di-tanggohkan hingga ia kembali ka-Brunei tanpa menggangu kechekapan, perbelanjaan2 yang patut bagi-nya hendak-lah di-biayi oleh majikan-nya ; dan jika ia mati sewaktu bekerja dan di-kebumikan atau di-bakar di-luar Brunei, perbelanjaan pengkebumian atau pembakaran itu hendak-lah juga di-biayai oleh majikan2-nya itu.

Peratoran2 berkenaan dengan tempat2 tinggal anak2 kapal.

84. (1) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh membuat peratoran2 berthabit dengan tempat2 tinggal anak2 kapal yang akan di-sediakan dalam kapal2 Brunei yang berdaftar.

(2) Dengan tidak menyentoh keluasan ma'ana cheraian (1), peratoran2 yang di-buat di-bawah cheraian (1) boleh, khusus-nya —

(a) menentukan ruang yang paling kechil yang mesti di-sediakan bagi setiap orang dalam mana2 kapal terhadap mana peratoran2 itu di-

kenakan untok tempat tidor bagi kelasi2 dan jumlah maksima orang yang boleh menggunakan mana2 bahagian tempat tidor yang di-tetapkan itu ;

(b) mengator kedudokan dalam mana2 kapal itu dalam mana tempat tinggal anak2 kapal atau mana2 bahagian-nya boleh di-tentukan dan bentok ukoran yang akan di-ikut dalam binaan, peralatan dan kelengkapan mana2 tempat tinggal itu ;

(c) menghendaki supaya pelan2 dan perinchian mana2 kerja yang di-chadangkan yang akan di-jalankan bagi maksud itu atau penggubahan kapada mana2 tempat tinggal itu di-hadapkan kapada pemereksa Kerajaan dan memberi kuasa pemereksa Kerajaan untok memereksa mana2 kerja sedemikian ;

(d) mempersharatkan pemeliharaan dan pembaikan mana2 tempat tinggal dan melarang atau menyekat penggunaan mana2 tempat tinggal itu bagi tujuan selain dari tujuan2 ia-nya di-maksudkan ;

dan boleh membuat sharat2 lain berthabit dengan lain2 jenis kapal dan berthabit dengan tempat tinggal anak2 kapal yang di-sediakan untok lain2 golongan orang.

(3) Dalam bab ini "tempat tinggal anak2 kapal" termasok bilek2 tidor, bilek2 makan, bilek kesihatan, bilek sakit, bilek2 penyimpanan dan tempat perbekalan.

Tatatertib

Sharat2 mengenai tatatertib.

85. (1) Mana2 juragan atau kelasi dari sesabuah kapal Brunei yang berdaftar yang dengan senghaja gagal menjalankan kewajipan-nya atau dengan mengabaikan kewajipan-nya atau oleh sebab mabok atau dalam keadaan yang di-pengarohi oleh dadah —

(a) melakukan sesuatu yang serta-merta akan merugikan, memusnahkan atau merosakkan terok kapada kapal atau jentera-nya, alat2

pelayaran atau alat2 keselamatan-nya atau melakukan sesuatu yang sechara langsong akan membahayakan nyawa, atau menyebabkan kechederaan parah kapada, sesaorang dari kapal itu atau yang berada di-dalam-nya ; atau

(b) enggan atau meninggalkan untok membuat sesuatu tindakan yang sah yang wajar di-kehendaki dari-nya untok menyelamatkan kapal itu atau jentera-nya, alat2 pelayaran atau alat2 keselamatan-nya dari kerugian langsong, musnah atau kerosakan terok atau untok menyelamatkan mana2 orang dari kapal itu atau yang berada di-dalam-nya dari bahaya maut atau kechederaan terok,

ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak dua ribu ringgit dan penjara selama dua tahun.

(2) Mana2 kelasi yang bekerja dalam sesabuah kapal Brunei yang berdaftar yang —

(a) meninggalkan kapal-nya ;

(b) mengabaikan atau enggan tanpa alasan yang munasabah mengikut kapal-nya atau belayar ka-laut dalam kapal-nya atau tidak hadzir tanpa izin pada bila2 masa dalam dua puloh empat jam sejak kapal itu meninggalkan pelabohan ; atau tidak hadzir pada bila2 masa tanpa izin dan yang demikian kapal itu terlambat atau berlayar ka-laut dengan ketiadaan-nya ;

(c) meninggalkan kapal-nya dengan tidak mendapat izin selepas ketibaan kapal dan sebelum kapal itu di-tetapkan dalam kawalan ;

(d) berada, semasa menjalankan tugas, dalam keadaan yang di-pengarohi oleh minuman keras atau sesuatu dadah sehingga kebolehan-nya untok menjalankan tugas-nya terganggu ;

(e) dengan berterusan dan dengan senghaja mengabaikan tugas-nya atau dengan ber-

terusan dan dengan senghaja tidak mematohi perentah2 yang sah ;

(f) memukul juragan atau mana2 pegawai kapal itu ;

(g) berfakat dengan mana2 ahli anak2 kapal supaya tidak mematohi perentah2 yang sah atau mengabaikan tugas atau menghalang pelayaran kapal atau perjalanan-nya ;

(h) dengan senghaja merosakkan kapal atau dengan tidak jujor mengambil atau men-jadikan bagi penggunaan-nya sendiri atau dengan senghaja merosakkan mana2 barang simpanan atau barang muatan ;

ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak dua ratus ringgit dan penjara selama dua bulan.

(3) Dalam tindakan undang2 terhadap sesuatu kesalahan di-bawah bab ini ada-lah menjadi satu pembelaan jika di-buktikan bahawa pada waktu per-buatan atau ketinggalan membuat yang di-katakan terhadap orang yang di-tudoh ia berada dalam keadaan yang di-pengarohi dadah yang di-makan-nya bagi maksud2 perubatan dan sama ada ia memakan-nya atas nasehat doktor atau ia tidak mempunyai sebab untok memperchayai bahawa dadah itu mungkin mempunyai pengaroh sedemikian.

(4) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh mengarahkan, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* supaya cheraian (1) dan (2) atau mana2 bahagian atau bahagian2-nya di-kenakan kapada kapal2 selain dari kapal2 Brunei yang berdaftar dan dalam hal2 keadaan yang boleh di-tetapkan dalam arahan sedemikian.

(5) Sesaorang kelasi yang di-penjarakan di-bawah bab ini boleh dengan arahan sesaorang majistret supaya di-hantar ka-kapal-nya.

(6) Bagi maksud menyelenggarakan tatatertib dalam kapal2 Brunei yang berdaftar Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh membuat peratoran2 menentukan sebarang kelakuan salah dalam kapal sebagai kesalahan tatatertib dan —

(a) membolehkan juragan, atau pegawai yang boleh di-bawah peratoran2 itu di-kehendaki atau di-beri kuasa untok menjalankan kuasa2 juragan itu, untok mengenakan denda keatas kelasi2 yang melakukan kesalahan2 tatatertib ;

(b) menetapkan jumlah maksima sebarang denda ;

(c) membolehkan juragan meringankan kesemua atau sebahagian dari apa jua denda ;

(d) menetapkan tatachara yang hendak di-ikut dalam menyelesaikan kesalahan2 tatatertib ;

(e) mensharatkan bagi sesuatu rayuan terhadap sesuatu denda.

Penangkapan dan penahanan kelasi2 yang lari, dll.

86. Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh membuat peratoran2 mensharatkan bagi penangkapan dan penahanan kelasi2 —

(a) dari anak kapal sesabuah kapal Brunei yang berdaftar yang meninggalkan kapal itu atau tidak hadzir untok menjalankan tugas mereka ;

(b) dari anak kapal sesabuah kapal selain dari sebuah kapal Brunei yang berdaftar yang meninggalkan kapal itu atau tidak hadzir untok menjalankan tugas mereka semasa kapal itu berada dalam perayeran Brunei.

Kehadziran yang tidak di-benarkan di-dalam kapal.

87. (1) Barang siapa pergi ka-laut dalam sebuah kapal Brunei yang berdaftar atau dalam mana2 kapal dalam perayeran Brunei tanpa kebenaran yang sah dan tanpa kebenaran sama ada dari juragan atau dari mana2 orang lain yang berhak untok memberi kebenaran itu ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak sa-ribu ringgit dan penjara selama enam bulan.

(2) Jika mana2 kapal berada dalam sesabuah pelabohan dalam Brunei atau dalam perayeran Brunei dan sesaorang yang tidak di-berikuasa oleh Undang2 untok berbuat demikian —

(a) pergi kedalam kapal itu dengan tidak mendapatkan kebenaran dari juragan atau dari sebarang orang lain yang di-beri kuasa untok memberi kebenaran itu ; atau

(b) tinggal di-dalam kapal selepas di-minta meninggalkan kapal itu oleh juragan, sesaorang pegawai polis atau Pengarah atau mana2 orang yang di-beri kuasa oleh Pengarah untok bertindak bagi maksud itu ;

ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak lima ratus ringgit.

Kuasa juragan untok menangkap.

88. Juragan sebarang kapal Brunei yang berdaftar boleh menyebabkan mana2 orang di-dalam kapal itu supaya di-kenakan sekatan jika dan selama penggenaan sekatan itu nampak-nya pada juragan perlu atau mustahak bagi kepentingan keselamatan atau bagi menjaga ketenteraman atau tatatertib di-dalam kapal.

Kemudahan2 untok membuat Aduan

Kemudahan2 untok membuat aduan.

89. (1) Jika sesaorang kelasi semasa berada dalam sesabuah kapal Brunei yang berdaftar memberitahu juragan kapal itu kehendak-nya untok membuat sesuatu aduan kapada Pengarah atau sesaorang Majistret terhadap juragan atau mana2 kelasi, juragan hendak-lah, sechepat mungkin yang perkhidmatan di-kapal mengizinkan, membenarkan pengadu mendarat atau menghantar-nya dengan jagaan yang sewajar-nya supaya ia boleh membuat aduan-nya.

(2) Mana2 juragan yang gagal tanpa sebarang sebab yang munasabah untok mematohi bab ini ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak dua ratus ringgit.

Dokumen2

Buku2 harian rasmi kapal.

90. (1) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh membuat peratoran2 —

(a) menghendaki supaya sesuatu buku harian rasmi kapal dalam bentok yang di-benarkan

oleh Pengarah di-simpan dalam kapal2 Brunei yang berdaftar sebagaimana yang boleh di-tetapkan ;

(b) menentukan butir2 keterangan yang hendak di-chatet dalam buku2 harian rasmi kapal, orang2 yang akan membuat chatetan2 itu, menandatangani atau menyaksikan dan atoran yang hendak di-ikuti dalam membuat chatetan2 itu dan dalam menggubah dan memotong-nya ;

(c) menghendaki supaya buku2 rasmi kapal di-kemukakan atau di-berikan kapada orang2, dalam keadaan2 dan jangka2 waktu yang boleh di-tetapkan ;

(2) Barangsiapa dengan senghaja memusnahkan, memotong atau menjadikan sebarang chatetan dalam sesabuah buku harian rasmi kapal tidak boleh di-bacha, atau dengan senghaja membuat atau mendapatkan supaya di-buat atau menolong membuat sesuatu chatetan palsu atau membuat chatetan dengan penipuan dalam sesabuah buku harian rasmi atau meninggalkan dari menchatet dalam buku itu, ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak dua ribu ringgit dan penjara selama dua tahun.

Daftar anak2 kapal.

91. (1) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh membuat peratoran2 —

(a) menghendaki supaya juragan sesabuah kapal Brunei yang berdaftar membuat dan menyenggarakan satu daftar anak2 kapal yang mengandongi butir2 keterangan sebagaimana yang di-kehendaki oleh peratoran2 itu ;

(b) menghadkan tempoh bagi sesuatu daftar anak2 kapal boleh terus berkuatkuasa ;

(c) mensharatkan penyelenggaraan oleh orang2 dan sama ada dalam tempat yang mungkin di-tetapkan dalam peratoran2 itu atau, jika tempat itu telah di-tetapkan, dalam kapal itu, satu salinan atau salinan2 setiap daftar anak2 kapal, dan bagi pemberitahuan kapada orang2 itu tentang apa jua perubahan2 dalam-nya ;

(d) bagi sesuatu daftar anak2 kapal di-kemukakan kapada orang2, dalam perkara2 dan dalam waktu sebagaimana yang boleh di-tentukan dalam peratoran2 itu ; dan

(e) untok mengemukakan sesuatu daftar anak2 kapal atau salinan-nya yang di-senggarakan di-bawah peratoran2 itu kapada orang dan dalam hal2 keadaan yang mungkin di-tetapkan dan untok memberi tahu orang itu tentang apa jua perubahan dalam senarai tersebut.

(2) Pengarah hendak-lah, dengan chara mana2 dokumen yang di-kirim kapada-nya menurut Undang2 ini dan dengan sebarang chara lain dalam kuasa-nya, menyimpan di-pejabat-nya satu daftar semua orang yang bekerja dalam kapal2 Brunei yang berdaftar.

Penyata kelahiran dan kematian dalam kapal2 Brunei.

92. (1) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh membuat peratoran2 menghendaki supaya juragan mana2 kapal Brunei yang berdaftar menchatet dalam buku harian rasmi kapal-nya atau sebalek-nya butir2 keterangan sebagaimana yang boleh di-tentukan tentang sebarang kelahiran atau kematian yang berlaku dalam kapal itu, atau sebarang kematian di-mana saja berlaku di-luar negeri Brunei mana2 orang yang bekerja dalam kapal itu, dan memberi tahu sebarang kematian atau kelahiran sedemikian kapada orang, dengan chara dan dalam jangka waktu sebagaimana yang boleh di-tetapkan.

(2) Bagi maksud bab ini sesaorang yang mati dalam bot sesabuah kapal atau hilang dari sesabuah kapal atau bot sesabuah kapal hendak-lah di-anggap sebagai mati dalam kapal itu.

Penyerahan dokumen2 apabila juragan bertukar.

93. Jika sesaorang berhenti menjadi juragan sesabuah kapal Brunei yang berdaftar ia hendak-lah menyerahkan kapada pengganti-nya semua dokumen mengenai kapal itu atau anak2 kapal-nya yang di-simpan di-bawah Undang2 ini dan yang dalam jagaan-nya.

BAHAGIAN IV

KAWALAN DAN MELESENI KAPAL2

Sekatan terhadap perdagangan di-Brunei.

94. (1) Tiada sebarang kapal boleh berdagang dalam atau dari perayeran Brunei kechuali ia-nya ada di-peruntokkan dengan —

(a) sijil pendaftaran di-bawah Bahagian II ;

(b) sijil pendaftaran asing atau dokumen lain yang serupa atau sama dengan apa yang di-kehendaki di-bawah Bahagian II berkenaan dengan sesabuah kapal Brunei ;

(c) sesuatu lesen di-bawah Bahagian ini ; atau

(d) sesuatu lesen yang di-maksudkan untok membenarkan kapal itu memasoki perayeran Brunei yang di-keluarkan di-bawah undang2 mana2 negeri atau wilayah di-luar Brunei sebagaimana yang Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh dari masa ka-semasa menamakan bagi maksud2 bab ini dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan.*

(2) Setiap daftar, sijil atau lesen yang di-benarkan atau di-kehendaki oleh bab ini boleh di-boktikan sama ada mengemukakan surat asal atau salinan-nya yang merupakan sesuatu salinan yang sah yang di-tandatangani oleh Pengarah atau mana2 pendaftar asing atau pegawai lain yang kebetulan menjaga surat asal-nya.

(3) Setiap dokumen apabila di-boktikan sedemikian hendak-lah, sehingga di-boktikan sebalek-nya, di-terima sebagai keterangan bagi semua perkara2 yang di-terangkan, di-nyatakan atau tertera di-dalam-nya.

(4) Juragan, tuanpunya dan ejen setiap kapal yang melanggar cheraian (1) ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak dua ribu ringgit dan kapal itu boleh di-tahan.

Meleseni kapal2.

95. (1) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh membuat peratoran2 menetapkan kapal2 mana yang di-gunakan dalam perayeran Brunei yang boleh di-beri lesen di-bawah Bahagian ini.

(2) Sehingga sharat ada di-buat di-bawah cheraian (1), mana2 kapal yang tidak melebehi sa-ratus tan berat muatan jumlah kasar yang di-gunakan di-perayeran Brunei ada-lah layak di-beri lesen di-bawah Bahagian ini.

Bagaimana pemberian lesen di-laksanakan.

96. (1) Mana2 tuanpunya sesabuah kapal yang berkelayakan yang ingin supaya kapal itu di-beri lesen di-Brunei untok membawa penumpang2 atau barang muatan, untok menunda, atau untok menangkap ikan atau untok apa jua perdagangan atau perniagaan lain hendak-lah memohon kapada Pengarah, siapa yang akan menyebabkan kapal itu supaya di-pereksa dan, jika ia ber-puashati bahawa kapal itu layak untok di-beri lesen di-bawah Bahagian ini dan bahawa kapal itu selamat di-layarkan dan layak bagi penggunaan yang di-maksudkan, boleh menyebabkan supaya kapal itu di-beri lesen bagi mana2 dari maksud2 yang di-sebutkan tadi, dan memberikan suatu lesen berikut-nya terta'alok kapada sharat2 mengenai —

(a) tujuan atau tujuan2 tertentu terhadap mana kapal itu mungkin di-gunakan ;

(b) kelayakan juragan dan anak2 kapal dan jumlah anak2 kapal yang akan bekerja ;

(c) mengenai sesabuah kapal untok membawa penumpang2, jumlah penumpang-nya selain dari anak2 kapal, yang boleh di-bawa ;

(d) mengenai sesabuah kapal pengangkut barang muatan, had muatan kapal itu, dan jumlah penumpang-nya, selain dari anak2 kapal, yang boleh di-bawa —

(i) apabila kapal itu membawa barang muatan, dan

(ii) apabila barang muatan tidak ada dalam kapal ;

(e) had2 kawasan dalam mana kapal itu boleh berulang alek ;

(f) butir2 keterangan mengenai alat2 keselamatan yang akan di-bawa, dan

(g) apa jua perkara lain yang boleh di-tetapkan oleh peratoran2 di-bawah bab 102,

sebagaimana ia boleh menentukan.

(2) Bagi maksud2 cheraian (1), sesaorang ada-lah di-anggap sebagai tuanpunya yang berkelayakan jika ia ada-lah tuanpunya kapal yang berthabit dengan mana ia memohon mendapatkan sesuatu lesen dan peratoran2 yang di-buat di-bawah bab 102(j) membenarkan-nya men-jadi tuanpunya sesabuah kapal berlesen.

(3) Pengarah hendak-lah memperuntokkan nombor tetap kapada setiap kapal berlesen Brunei dan hendak-lah menyimpan satu daftar lesen2.

(4) Pengarah boleh dengan menulis di-dalam lesen sesabuah kapal pengangkut barang muatan memberi kapal itu lesen untok membawa sejumlah penumpang2 yang di-fikirkan-nya patut dan dalam perkara sedemikian tidak-lah perlu bagi kapal pengangkut barang muatan itu di-beri lesen yang berasingan sebagai sesabuah kapal un-tok membawa penumpang2.

(5) Terta'alok kapada sharat2 cheraian (4), daftar2 yang berasingan hendak-lah di-simpan bagi lesen2 bagi mana2 satu maksud yang di-sebutkan dalam cheraian (1).

(6) Melainkan peratoran2 di-bawah bab 102 men-sharatkan sebalek-nya, butir2 keterangan berikut hendak-lah di-chatetkan dalam daftar lesen2 :

(a) nombor lesen, tarikh lesen dan tarikh tempoh lesen itu berakhir ;

(b) nama dan alamat tuanpunya dan juragan, kelas dan nombor sijil juragan, jika ada, dan jika membawa sesaorang penjalan enjin, nama-nya dan nombor dan kelas sijil-nya, jika ada ;

(c) panjang-nya, lebar-nya, dalam-nya, ukoran keliling dan jumlah tan kapal itu, jika di-ketahui, atau anggaran jumlah tan kapal itu, jika tidak di-ketahui ;

(d) chara dorongan, termasok butir2 mengenai en-jin, jika ada ;

(e) nombor tetap yang di-peruntokkan kapada kapal itu ;

(f) nama kapal itu ;

(g) sharat2 yang di-tetapkan dalam cheraian (1)(a) hingga (g) tertaalok kapada mana lesen itu telah di-berikan.

(7) Pemberian sesuatu lesen di-bawah bab ini berthabit dengan mana2 kapal bagi maksud menangkap ikan tidak-lah membenarkan mana2 orang untok menggunakan kapal sedemikian kerana menangkap ikan atau kerana membawa ikan atau alat2 atau perkakas2 menangkap ikan yang melanggar Undang2 Perikanan, 1972 atau apa jua peratoran2 yang di-buat di-bawah-nya. No. 13 tahun 1972.

Tempoh lama-nya lesen.

97. (1) Setiap lesen hendak-lah, melainkan di-sharatkan sebalek-nya dalam peratoran2 yang di-buat di-bawah bab 102 atau dalam lesen itu, berakhir pada 31hb Disember pada tahun dalam mana lesen itu di-keluarkan.

(2) Setiap pertukaran tuanpunya dan juragan dan sebarang butir2 keterangan lain dalam lesen itu hendaklah di-laporkan kapada Pengarah siapa yang akan menchatet perubahan itu dalam daftar dan mengubah lesen itu seterus-nya.

(3) Mana2 tuanpunya atau juragan yang gagal untok melaporkan pertukaran itu ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak sa-ratus ringgit.

Tuanpunya dan juragan berdaftar.

98. Melainkan ada di-nyatakan sebalek-nya, nama2 orang yang di-nyatakan dalam daftar itu ada-lah, bagi semua maksud Bahagian ini dan semua maksud polis dan penchegahan berlaku-nya kesalahan2, di-anggap masing2 sebagai tuanpunya dan juragan.

Memberi nombor dan menandai kapal2.

99. (1) Tuanpunya setiap kapal yang di-beri lesen Brunei sedemikian, sebelum ia menerima sesuatu sijil bahawa kapal-nya itu di-beri lesen, hendak-lah menyebabkan supaya nama dan nombor lesen itu di-chat, di-tandai atau di-lekatkan di-kedua2 belah bahagian kapal itu atau di-tempat lain yang di-arahkan oleh Pengarah dan nombor tetap yang di-peruntokkan oleh Pengarah kapada kapal itu supaya di-ukir atau di-chap di-sisi kapal atau di-bahagian kapal yang mudah di-lihat.

(2) Menchat, menandai, melekat, mengukir atau menchap sebagaimana yang di-kehendaki oleh bab ini hendaklah di-lakukan sehingga kepuasan hati Pengarah, dan tidak boleh di-padam, di-ubah atau di-rosakkan kechuali dengan kebenaran bertulis dari-nya.

Pengeluaran lesen.

100. Pengarah hendak-lah menyampaikan kapada tuanpunya setiap kapal yang telah di-beri lesen Brunei sesuatu lesen yang mengandongi butir2 keterangan yang di-sebutkan dalam daftar lesen2 dan tuanpunya boleh menyebabkan lesen itu atau salinan-nya yang di-sahkan oleh Pengarah supaya di-simpan pada bila2 masa dalam kapal-nya dalam jagaan orang yang berkuasa dalam kapal itu, dan orang yang di-sebutkan kemudian ini hendak-lah menunjokkan lesen itu kapada Pengarah atau sebarang pegawai polis yang menuntut untok melihat-nya.

Pembatalan lesen.

101. Pengarah boleh membatalkan mana2 lesen kapal yang di-keluarkan di-bawah Bahagian ini.

Peratoran2.

102. Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh membuat peratoran2 —

(a) menentukan bentok dan tempoh lama-nya lesen2 ;

(b) menetapkan bayaran2 bagi lesen2 dan mempersharatkan bagi pengutipan bayaran2 itu ;

(c) bagi pengedalian dan perjalanan kapal2 yang telah di-beri lesen Brunei ;

(d) bagi mengawal penyewaan kapal2 itu dan bayaran2 yang di-kenakan bagi penyewaan-nya ;

(e) mengenai keselamatan kapal2 itu belayar ;

(f) mengenai jumlah penumpang2 dek atau lain2 penumpang, dan banyak-nya barang muatan yang akan di-benarkan ;

(g) mengenai jumlah orang2 dalam kapal sebagai anak2 kapal dan pengurus2 atau orang2 yang akan berkuasa dalam kapal2 itu ;

(h) mengenai barang2 yang tertinggal dalam kapal2 itu ;

(i) mengenai laporan2 kemalangan ;

(j) mengenai kewarganegaraan atau kelayakan2 lain orang2 yang di-benarkan memiliki atau bekerja atau di-bawa dalam kapal2 itu ;

(k) mengenai persediaan gambar2, dokumen2 dan butir2 keterangan yang lain oleh pemohon2 bagi mendapatkan lesen2 kapal dan oleh tuanpunya2 yang baru bilamana hak milek bertukar ;

(l) bagi mensharatkan keselamatan orang2, binatang2 dan harta-benda yang di-bawa dalam kapal itu dan bagi menchegah supaya kesalahan2 tidak di-lakukan oleh orang2 yang bekerja dalam kapal itu atau yang berada dalam-nya ;

(m) bagi chara-nya bagaimana permohonan2 untok mendapatkan lesen2 kapal hendak di-buat dan di-uruskan ;

(n) menentukan butir2 keterangan yang akan di-masokkan dalam daftar lesen2 ;

(o) menentukan apa jua rupa bentok kapal2 yang di-beri lesen Brunei yang bukan kapal2 Brunei dan mengarahkan supaya mana2 dari sharat2 Undang2 ini sebagaimana yang boleh di-tentukan dalam peratoran2 itu hendak-lah di-perluaskan kapada kapal2 yang mempunyai rupa bentok sedemikian dan kapada juragan2 dan kelasi2 yang berkerja di-dalam-nya seolah2 kapal2 tersebut ia-lah kapal2 Brunei, dengan pengechualian2, penyelarasan2 atau pengubahsuaian2 yang mungkin di-tentukan.

(p) bagi menentukan jumlah tan kapal2 yang akan di-beri lesen di-bawah Bahagian ini ; dan

(q) am-nya bagi maksud2 memberi lesen2 kapada kapal2, dan pengawalan kapal2 yang berlesen.

BAHAGIAN V

KESELAMATAN

Penchegahan Pelanggaran

Peratoran2 pelanggaran.

103. (1) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh membuat peratoran2 untok menchegah perlanggaran2 di-laut (selepas ini di-sebut sebagai "peratoran2 perlanggaran"), dan boleh dengan itu mengator lampu2 yang hendak di-bawa dan di-pasang, lampu2 isharat kabus yang hendak di-bawa dan di-gunakan, dan atoran2 memandu dan belayar yang hendak di-patohi oleh kapal2.

(2) Peratoran2 yang di-buat di-bawah cheraian (1) boleh memasokkan sharat yang di-fikirkan oleh Sultan dalam Majlis Mashuarat akan perlu bagi membolehkan Brunei untok melaksanakan Konvenshen Menchegah Pelanggaran2 di-Laut (Preventing Collisions at Sea Convention).

(3) Kuasa di-bawah cheraian (1) ada-lah termasok kuasa untok membuat peratoran2 untok menchegah perlanggaran2 di-laut —

(a) antara kapal-terbang2 laut di-permukaan laut ; dan

(b) antara kapal2 dan kapal-terbang2 laut di-permukaan laut.

(4) Dengan tidak menghiraukan sebarang apa yang terkandong di-dalam bab ini, Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh, berhubong dengan kapal2 Brunei dan pelayaran2 oleh kapal2 Brunei, membuat peratoran2 di-bawah cheraian (1) kedua2-nya sebelum, dan juga selepas, penyertaan Brunei ka-Konvenshen Menchegah Pelanggaran2 di-Laut.

Bil. E 12 tahun 1982.

(5) Apa jua peratoran2 bilamana saja di-buat di-bawah kuatkuasa Undang2 Pelabohan2, 1981, mengenai lampu2 dan isharat2 yang akan di-bawa, atau langkah2 bagi mengelakkan perlanggaran yang akan di-ambil oleh kapal2 yang belayar dalam perayeran sesabuah pelabohan di-Brunei dan jalan2 masok kepelabohan itu ada-lah, dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun di-dalam Undang2 ini, mempunyai kuatkuasa sepenoh-nya.

Pematohan peratoran2 perlanggaran.

104. (1) Semua tuanpunya dan juragan2 kapal2 Brunei di-mana2 saja kapal2 itu berada, hendak-lah mematohi peratoran2 perlanggaran, dan tidak boleh membawa atau memasang sebarang lampu lain atau menggunakan sebarang lampu isharat kabus yang lain selain dari yang di-kehendaki oleh peratoran2 itu.

(2) Semua tuanpunya dan juragan2 kapal2 selain dari kapal2 Brunei hendak-lah mematohi peratoran2 perlang-garan dalam perayeran Brunei dan, dalam apa jua perkara pun di-hadapan sesabuah mahkamah Brunei berthabit dengan sesuatu perlanggaran peratoran2 itu yang ber-bangkit dalam perayeran Brunei, kapal2 selain dari kapal2 Brunei hendak-lah, setakat yang mengenai peratoran2 perlanggaran, di-anggap seolah2 kapal2 itu kapal2 Brunei.

(3) Jika sesuatu perlanggaran terhadap peratoran2 perlanggaran ada-lah di-sebabkan oleh juragan atau tuan-punya kapal dengan senghaja memungkiri peratoran2 itu maka juragan atau tuanpunya kapal itu ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak dua ribu ringgit.

(4) Jika apa jua kerugian kapada orang atau harta-benda berbangkit kerana sebarang kapal tidak mematohi mana2 peratoran perlanggaran itu, kerugian itu hendak-lah di-anggap sebagai telah di-sebabkan oleh orang yang menjaga dek kapal pada masa itu dengan senghaja tidak mematohi-nya, kechuali di-tunjokkan sehingga kepuasan hati mahkamah bahawa dalam hal2 keadaan perkara itu ada-lah perlu supaya peratoran2 itu tidak di-patohi.

(5) Cheraian2 (1), (2) dan (3) ada-lah di-kenakan kapada tuanpunya2 dan juruterbang2 kapal2 terbang laut di-permukaan ayer sebagaimana cheraian2 itu di-kenakan kapada tuanpunya2 dan juragan2 kapal, dan cheraian (4) ada-lah di-kenakan kapada juruterbang atau lain2 orang yang berkuasa dalam sesabuah kapal-terbang laut sebagaimana cheraian tersebut di-kenakan kapada orang yang menjaga dek sesabuah kapal itu.

Pemereksaan keatas lampu2 dan isharat2 kabus.

105. (1) Sesaorang pemereksa Kerajaan boleh memereksa mana2 kapal bagi maksud untok memastikan bahawa kapal itu ada-lah di-lengkapi dengan sempurna dengan lampu2 dan alat2 untok membuat isharat2 kabus menurut peratoran2 perlanggaran.

(2) Jika pemereksa Kerajaan itu mendapati bahawa kapal tersebut tidak di-lengkapi sedemikian, ia hendak-lah memberi notis kapada juragan atau tuanpunya sechara bertulis, menyatakan kekurangan-nya, dan apa jua, yang pada pendapat-nya, di-perlukan untok menampong kekurangan itu.

(3) Setiap notis yang di-berikan itu hendak-lah di-beritahu kapada Pengarah oleh pemereksa Kerajaan, dan melainkan Pengarah mengarahkan sebalek-nya, kapal tersebut hendak-lah di-tahan sehingga sesuatu surat keterangan yang di-tandatangani oleh sesaorang pemereksa Kerajaan di-kemukakan mengatakan bahawa kapal itu ada-lah di-lengkapi dengan sempurna dengan lampu2 dan alat2 untok membuat isharat2 kabus, menurut peratoran2 perlanggaran.

(4) Bagi maksud sesuatu pemereksaan di-bawah Bahagian ini sesaorang pemereksa Kerajaan ada-lah mempunyai semua kuasa merinyu di-bawah Undang2 ini.

Arahan2 jurumudi.

106. (1) Tiada siapa pun dalam sebarang kapal Brunei boleh apabila kapal maju ka-hadapan memberi arahan pengemudian atau panduan yang mengandongi perkataan ''sebelah kanan kapal'' atau ''kanan'' atau perkataan yang sama dengan ''sebelah kanan kapal'' atau ''kanan'', kechuali ia bertujuan supaya haluan kapal berbelok ka-kanan, atau memberi arahan pengemudian atau panduan yang mengandongi perkataan ''sebelah kiri kapal'' atau ''kiri'', atau perkataan2 yang sama dengan ''sebelah kiri kapal'' atau ''kiri'', kechuali ia bertujuan supaya haluan kapal berbelok ka-kiri.

(2) Sesiapa yang melanggar sharat2 bab ini ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak dua ribu ringgit.

Kewajipan Untok Memberi Bantuan

Kewajipan untok memberi bantuan kapada orang2 yang dalam bahaya di-laut.

107. (1) Juragan atau orang yang berkuasa dalam sesabuah kapal hendak-lah, dengan sebeberapa yang boleh dengan tidak terlalu membahayakan kapal-nya, anak2 kapal dan penumpang2-nya (jika ada), memberi bantuan kapada setiap orang, meskipun orang itu sesaorang warga negara sesabuah negara asing yang sedang berperang dengan Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, yang di-jumpai di-laut dalam bahaya kehilangan, dan, jika ia gagal berbuat demikian, ia ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak empat ribu ringgit dan penjara selama tiga tahun.

(2) Juragan atau orang yang berkuasa dalam sesabuah kapal yang mematohi sharat2 bab ini tidak-lah tersentoh hak-nya atau hak sebarang orang lain keatas bayaran penyelamatan.

Kewajipan kapal untok membantu kapal yang lain semasa perlanggaran.

108. (1) Dalam setiap perkara perlanggaran di-antara dua buah kapal, ada-lah menjadi kewajipan juragan atau orang yang berkuasa dalam tiap2 kapal itu, jika dan setakat yang ia boleh melakukan dengan tidak membahayakan kapal-nya sendiri, anak kapal dan penumpang2-nya (jika ada),

(a) memberi kapada kapal yang lain itu juragan, anak2 kapal, dan penumpang2-nya (jika ada) bantuan yang boleh di-lakukan-nya, dan mungkin perlu untok menyelamatkan mereka dari apa jua bahaya yang di-sebabkan oleh perlanggaran itu, dan menunggu kapal yang lain itu sehingga kapal itu tidak memerlukan bantuan lagi, dan

(b) memberi kapada juragan atau orang yang berkuasa dalam kapal yang lain itu nama kapal-nya dan pelabohan kapal itu dan nama2 pelabohan dari mana dan kemana kapal itu berlayar.

(2) Kegagalan di-pehak juragan atau orang yang berkuasa dalam sesabuah kapal untok mematohi sharat2 cheraian (1) tidak-lah menimbulkan anggapan di-segi undang2 bahawa perlanggaran itu telah di-sebabkan oleh perbuatan salah, kechuaian atau kesalahan-nya.

(3) Jika juragan atau orang yang berkuasa itu gagal tanpa sebab yang munasabah untok mematohi sharat2 bab ini, ia ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak empat ribu ringgit dan penjara selama tiga tahun.

Kelengkapan

Pembetulan alat2 pedoman.

109. (1) Alat pedoman setiap kapal api laut Brunei hendak-lah di-sesuaikan dari masa kesemasa.

(2) Jika mana2 kapal api tersebut pergi ka-laut dari sebarang pelabohan atau tempat dalam negeri Brunei dengan tidak menyesuaikan alat pedoman-nya menurut sharat2 bab ini, tuanpunya, jika menyalahi, ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak sa-ribu ringgit.

Menaroh berat yang tidak berpatutan keatas pentil keselamatan.

110. Tiada sesiapa boleh menaroh berat yang tidak berpatutan keatas pentil keselamatan (safety-valve) sebarang kapal api, dan, jika ia melakukan-nya jua, ia ada-lah, selain dari apa jua tanggongan lain yang di-tanggong-nya dengan berbuat demikian, bersalah : Hukuman, denda sebanyak dua ribu ringgit.

Peratoran2 mengenai alat2 penyelamatan.

111. (1) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh, berhubong dengan mana2 kapal terhadap mana bab ini di-kenakan, membuat peratoran2 (selepas ini di-gelar "peratoran2 bagi alat2 penyelamatan") berthabit dengan semua atau mana2 dari perkara2 berikut, ia-itu :—

(a) mengator kapal2 menurut jenis2-nya, memandang kapada perkhidmatan2 yang di-jalankan oleh kapal2 itu, jenis dan lama-nya pelayaran itu dan jumlah orang2 yang di-bawa ;

(b) jumlah, rupa bentok, dan chara-nya pembenaan bot2, rakit2 keselamatan, alat2 pembuang tali, alat2 pengapong, pelampong2 keselamatan yang akan di-bawa oleh kapal2, menurut jenis2-nya kapal2 itu di-ator ;

(c) perkakas yang akan di-bawa oleh mana2 bot dan rakit sedemikian dan chara2 yang akan di-sediakan untok menurunkan bot2 dan alat2 keselamatan lain ka-ayer, termasok penggunaan minyak dalam masa ribut ;

(d) menguntokkan dalam kapal2 pembekalan lampu2 yang tidak padam dalam ayer dengan sechukup-nya, dan di-pasang untok di-lekatkan kapada pelampong2 keselamatan ;

(e) banyak-nya, mutu dan rupa bentok alat2 penimbul yang akan di-bawa di-dalam kapal2, sama ada tambahan kapada atau sebagai menggantikan bot2, rakit2 keselamatan, alat2 pengapong dan pelampong2 keselamatan ;

(f) kedudokan dan chara mengikat bot2, rakit2 keselamatan, alat2 pengapong, pelampong2 keselamatan dan alat2 penimbul ;

(g) menandai bot2, rakit2 keselamatan dan alat2 penimbul untok menunjokkan ukoran2-nya dan jumlah orang2 yang di-benarkan di-bawa di-atas-nya ;

(h) menempatkan orang2 di-bot2 penyelamat dan kelayakan2 dan sijil2 orang2 bot penyelamat ;

(i) sharat2 yang akan di-buat untok mengum-pulkan orang2 di-dalam kapal, dan bagi menaikkan mereka ka-dalam bot2 itu (ter-masok sharat bagi memasang lampu2 dan tempat2 keluar masok, lain2 bahagian kapal itu) ;

(j) menyediakan alat yang sesuai yang di-tempatkan di-luar bilek enjin di-mana ayer yang di-lepaskan yang masok kedalam bot boleh di-chegah ;

(k) menetapkan tugas2 tertentu kapada setiap ahli anak2 kapal jika berlaku kechemasan ;

(l) chara2 yang hendak di-pakai dan alat2 yang hendak di-bawa dalam kapal2 untok men-chegah, mengesan, dan memadam kebakaran ;

(m) membekalkan dalam kapal2 pelan2 dan lain2 ma'alumat berthabit dengan chara2 men-chegah, mengesan, mengawal dan memadam kebakaran ;

(n) kelaziman kawat bot dan kawat kebakaran yang di-lakukan dalam kapal2 ;

(o) menyediakan dalam kapal2 alat2 untok membuat isharat bahaya dengan berkesan pada waktu siang dan malam ;

(p) menyediakan, dalam kapal2 yang sedang belayar dalam mana juru2 pandu mungkin dinaikkan, tangga2 yang sesuai, dan tali2, lampu2 dan alat2 lain yang di-bentok supaya penggunaan tangga itu ada-lah selamat ; dan

(q) pemereksaan dan penyenggaran berkala yang akan di-tetapkan oleh peratoran2 bagi mana2 alat atau perkakas yang di-kehendaki oleh atoran2 itu supaya di-bawa,

dan sharat2 lain boleh di-buat berthabit dengan lain2 jenis kapal dan bagi kapal2 yang sama jenis-nya dalam hal2 keadaan yang berlainan.

(2) Bab ini ada-lah di-kenakan kapada —

(a) kapal2 Brunei ; dan

(b) semua kapal lain semasa kapal2 itu berada dalam perayeran Brunei.

(3) Ada-lah menjadi kewajipan tuanpunya dan juragan setiap kapal terhadap mana bab ini di-kenakan supaya memastikan yang kapal-nya di-lengkapi, menurut atoran2 alat2 penyelamat, dengan alat2 yang, memandang kapada jenis perkhidmatan yang di-lakukan oleh kapal itu, dan menghindarkan rintangan2 yang tidak seharus-nya di-dek kapal, paling sesuai di-gunakan untok keselamatan anak2 kapal dan penumpang2-nya dan supaya alat2 itu di-simpan dengan sesuai dan siap sedia untok di-gunakan pada bila2 masa.

Laporan2 Kemalangan dan Kehilangan Kapal2

Laporan2 kemalangan dan kehilangan kapal2.

112. (1) Jika sesabuah kapal Brunei telah mendapat atau menyebabkan mana2 kemalangan yang mengakibatkan kehilangan jiwa atau apa jua kechederaan yang terok kapada mana2 orang, atau telah mengalami sebarang kerosakan yang mengganggu keselamatan dan kechekapan kapal itu belayar, tuanpunya atau juragan

hendak-lah sechepat mungkin yang boleh selepas kemalangan atau kerosakan itu, menghantar kapada Pengarah dengan surat yang di-tandatangani oleh tuan-punya atau juragan suatu laporan tentang kemalangan atau kerosakan tersebut dan kemungkinan kejadian-nya, menyatakan nama kapal, nombor rasmi-nya, pelabohan asal-nya, dan tempat mana kapal itu berada dan memberi apa jua butir2 keterangan yang di-tetapkan.

(2) Jika tuanpunya atau ejen mana2 kapal Brunei ada mempunyai alasan, oleh sebab ketiadaan kapal itu atau apa jua perkara lain, bahawa kapal itu di-takuti telah hilang, ia hendak-lah sechepat mungkin yang boleh menghantar kapada Pengarah notis bertulis mengenai kehilangan dan kemungkinan kejadian-nya, menyatakan nama kapal itu dan nombor rasmi-nya, pelabohan asal-nya dan memberi apa jua butir2 keterangan lain yang di-tetapkan.

(3) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh dengan peratoran2 menggenakan sharat2 bab ini dalam perkara2 dan kapada kapal2 atau lain2 jenis kapal selain dari kapal2 Brunei yang boleh di-tetapkan dalam peratoran2 itu.

Keselamatan dan Konvenshen2 Garis2 Muatan

Sijil2 Konvenshen Keselamatan.

113. (1) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh membuat peratoran2 berkenaan dengan kapal2 dan pelayaran2 terhadap mana Konvenshen Keselamatan di-kenakan sebagaimana pada fikiran Baginda akan melaksanakan sharat2 Konvenshen Keselamatan.

(2) Dengan tidak mengurangkan keluasan ma'ana cheraian (1), peratoran2 sedemikian boleh mengadakan sharat2 bagi —

(a) pengeluaran sesuatu sijil yang sesuai menurut sharat2 Konvenshen Keselamatan (selepas ini di-gelar "Sijil Konvenshen Keselamatan") berthabit dengan sesabuah kapal yang mematohi peratoran2 itu ;

(b) pengeluaran sesuatu sijil Konvenshen Keselamatan yang sesuai dalam negeri Brunei berthabit dengan sesabuah kapal yang di-daftar dalam negeri lain dan oleh Kerajaan negeri lain itu berthabit dengan sesabuah kapal Brunei ;

(c) pemereksaan kapal2 dan pengeluaran, pembatalan dan penyampaian sijil2 Konvenshen Keselamatan ;

(d) jenis2 dan bentok2 sijil2 itu ;

(e) benaan dan kelengkapan kapal2 termasok pembekalan dan penggunaan alat2 penyelamat, radiotelegraphy, radiotelephony, alat2 penchari haluan (direction-finders) dan lain2 alat bantuan pelayaran ;

(f) keselamatan pelayaran ;

(g) pengangkutan biji2an ; dan

(h) pengangkutan barang2 yang merbahaya.

(3) Peratoran2 itu boleh menegah mana2 kapal dari meneruskan pelayaran kemana atau dari mana2 pelabohan atau tempat dalam negeri Brunei melainkan ada di-kuatkuasakan sesuatu sijil Konvenshen Keselamatan yang berthabit dengan kapal itu.

Bil. E 12 tahun 1982.

(4) Di-dalam cheraian (2)(h), ''barang2 yang merbahaya'' mempunyai ma'ana yang di-berikan kapada perkataan2 itu di-bawah dan dengan kuatkuasa Undang2 Pelabohan2, 1981.

Sijil2 Garis Muatan.

114. (1) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh membuat peratoran2 berkenaan dengan kapal2 dan pelayaran2 terhadap mana Konvenshen Garis2 Muatan di-kenakan dan bagi pengeluaran sijil2 menurut sharat2 Konvenshen Garis2 Muatan (selepas ini di-gelar ''sijil garis muatan'') sebagaimana yang pada fikiran Baginda akan melaksanakan sharat2 Konvenshen Garis Muatan.

(2) Dengan tidak mengurangkan keluasan ma'ana cheraian (1), peratoran2 itu boleh membuat sharat2 bagi —

(a) pemereksaan dan penyelidekan berkala keatas kapal2 dan pengeluaran, pengawasan dan pembatalan sijil2 garis muatan ;

(b) pengeluaran sesuatu sijil garis muatan dalam negeri Brunei bagi sesabuah kapal yang di-

daftarkan di-negeri lain dan oleh Kerajaan negeri lain itu bagi sesabuah kapal Brunei ;

(c) jenis2 dan bentok2 sijil2 itu ;

(d) menentukan jarak antara paras ayer dengan dek kapal (freeboards) pada kapal2 dari masa kesemasa ;

(e) menetapkan, berhubong dengan mana2 kapal, dek yang akan di-anggap sebagai jarak antara paras ayer dengan dek kapal itu, dan bagi menghendaki kedudokan dek tersebut supaya di-tunjokkan di-kedua2 belah bahagian kapal dengan sesuatu tanda yang bentok-nya di-tetapkan oleh peratoran2 itu ;

(f) menentukan, berthabit dengan tanda itu dan jarak antara paras ayer dengan dek kapal yang pada waktu itu di-tetapkan pada sesabuah kapal, kedudokan di-sebelah bahagian mana kapal tersebut yang akan di-tandakan dengan garisan2 yang bentok-nya di-tetapkan oleh peratoran2 itu, dengan menunjokkan beberapa had maksima dalam-nya kapal itu boleh di-muati dalam hal2 keadaan yang di-tetapkan oleh peratoran2 tersebut ;

(g) kehendak2 berthabit dengan badan2 kapal, bahagian2 atas kapal, kelengkapan dan alat2 kapal terhadap mana Konvenshen Garis Muatan di-kenakan sebagaimana yang di-kehendaki oleh peratoran2 itu untok menen-tukan jarak antara paras ayer dengan dek kapal pada kapal2 ; dan

(h) pemberian ma'alumat mengenai keseim-bangan, memuat dan menaroh tolak bara pada mana2 kapal dan lain2 ma'alumat yang berkaitan yang mungkin di-kehendaki oleh peratoran2 itu.

(3) Peratoran2 tersebut boleh —

(a) menegah sebarang kapal dari meneruskan sesuatu pelayaran dari mana2 pelabohan atau

tempat dalam negeri Brunei melainkan ada di-kuatkuasakan sesuatu sijil garis muatan yang sesuai berthabit dengan kapal itu ;

(b) membuat sharat2 lain berthabit dengan lain2 jenis kapal, kawasan2 yang lain, lain2 musim dalam setahun dan sebarang perkara lain.

Peratoran2 Tambahan.

115. Peratoran2 yang di-buat di-bawah bab2 113 dan 114 boleh mensharatkan —

(a) pemereksaan sesabuah kapal bagi maksud untok memastikan supaya kehendak2 peratoran2 tersebut mengenai kapal itu di-patohi ;

(b) supaya mana2 sijil yang di-kehendaki oleh peratoran2 tersebut supaya di-kuatkuasakan hendak-lah di-berikan kapada orang atau orang2 yang mungkin di-tetapkan, dan sesuatu surat kebenaran belayar mungkin tidak di-keluarkan, dan kapal itu boleh di-tahan hingga sijil sedemikian di-kemukakan ; dan

(c) kenyataan yang menentukan negeri2 dan wilayah2 terhadap mana Konvenshen Keselamatan (Safety Convention) dan Konvenshen Garis2 Muatan (Load Lines Convention) masing2-nya di-kenakan dari masa kesemasa.

Pengenaan bab2 113 hingga 115 kapada kapal2 Brunei.

116. Dengan tidak memudzaratkan apa jua yang terkandong dalam bab2 113 hingga 115 Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh, berthabit dengan kapal2 Brunei dan pelayaran2 yang di-lakukan oleh kapal2 Brunei, membuat peratoran2 dan menjalankan mana2 dari kuasa2 di-bawah bab2 tersebut atau mana2 satu dari bab2 itu sama ada sebelum, atau selepas, Brunei menyertai Konvenshen Keselamatan dan Konvenshen Garis2 Muatan atau salah satu dari-nya.

Kapal2 Yang Tidak Selamat Di-Layarkan

Kesalahan berthabit dengan yang tidak selamat yang merbahaya.

117. (1) Jika —

(a) sesabuah kapal di-mana2 pelabohan atau tempat di-Brunei ; atau

(b) sesabuah kapal Brunei yang berdaftar yang berada di-mana2 pelabohan atau tempat lain,

ada-lah, memandangkan kapada jenis perkhidmatan yang kapal itu di-maksudkan, tidak selamat oleh kerana keadaan badan kapal2, alat2 atau jentera kapal itu atau oleh kerana kurang anak2 kapal atau kerana muatan yang terlalu berat atau memuatkan barang2 dengan tidak senonoh untok belayar ka-laut dengan tidak sangat membahayakan nyawa ma'anusia, maka, terta'alok kapada cheraian (2), juragan dan tuanpunya kapal itu masing2 ada-lah bersalah : Hukuman, denda dan penjara selama dua tahun.

(2) Ada-lah menjadi satu pembelaan dalam perbicharaan terhadap kesalahan di-bawah cheraian (1) untok membuktikan bahawa pada ketika kesalahan yang di-katakan itu —

(a) susunan2 telah di-buat yang wajar untok memastikan bahawa sebelum kapal itu belayar ka-laut kapal itu telah di-jadikan selamat untok belayar ka-laut dengan tidak sangat membahayakan nyawa ma'anusia oleh sebab hal2 yang di-sebutkan tadi yang di-nyatakan dalam tudohan berkenaan ; atau

(b) berpatutan yang susunan2 sedemikian telah tidak di-buat.

(3) Tiada sebarang tindakan terhadap kesalahan di-bawah cheraian (1) boleh di-mulakan kechuali oleh atau dengan persetujuan Peguam Negara.

Kuasa untok menahan kapal yang tidak selamat, dan tatachara bagi penahanan sedemikian.

118. (1) Jika sesabuah kapal Brunei, yang sedang berada di-perayeran Brunei, ada-lah sebuah kapal yang tidak selamat, ya'ani, ada-lah, oleh kerana kechachatan badan kapal itu, alat2 atau jentera-nya atau oleh kerana kurang anak2 kapal atau oleh kerana muatan yang terlalu berat atau memuatkan barang2 dan tidak senonoh, tidak selamat belayar ka-laut dengan tidak sangat membahayakan nyawa ma'anusia, memandangkan kapada jenis perkhidmatan yang kapal itu di-maksudkan, maka kapal sedemikian (selepas ini di-sebut sebagai tidak selamat) boleh di-tahan buat sementara bagi maksud di-pereksa atau bagi memastikan yang anak2 kapal-nya menchukopi dan sama ada akhir-nya di-tahan atau di-lepaskan saperti berikut :—

(a) Pengarah, jika ia mempunyai sebab untok memperchayai, atas aduan atau sebalek-nya, bahawa sesabuah kapal Brunei ada-lah tidak selamat, boleh memerentahkan supaya kapal itu di-tahan buat sementara bagi maksud di-pereksa atau bagi memastikan yang anak2 kapal-nya menchukopi ;

(b) bilamana sesabuah kapal telah di-tahan buat sementara, maka hendak-lah dengan serta-merta di-sampaikan kapada juragan kapal itu satu pernyataan bertulis tentang alasan2 penahanan itu, dan Pengarah boleh, jika di-fikirkan-nya patut, melantek sesaorang atau orang2 yang layak untok memereksa kapal itu dan melaporkan kapada-nya ;

(c) Pengarah manakala menerima laporan itu boleh sama ada memerentahkan supaya kapal itu di-lepaskan atau, jika pada pendapat-nya kapal itu tidak selamat, boleh memerentahkan supaya kapal itu akhir-nya di-tahan, sama ada sechara mutlak, atau sehingga pelaksanaan sharat2 berthabit dengan melakukan kerja2 membaiki atau menggubah atau memunggah atau memunggah semula barang2 muatan atau menempatkan orang2 dalam kapal sebagai yang Pengarah memikirkan perlu untok perlindungan nyawa ma'anusia, dan ia boleh mengubah atau menambah mana2 perentah sedemikian ;

(d) sebelum perentah bagi penahanan terakhir di-buat satu salinan laporan itu hendak-lah di-sampaikan kapada juragan kapal itu, dan dalam tempoh tujoh hari selepas penyampaian itu, tuanpunya atau juragan kapal itu boleh merayu kapada mahkamah pemereksaan ;

(e) jika sesabuah kapal telah di-tahan buat sementara, maka tuanpunya atau juragan kapal itu, pada bila2 masa sebelum orang yang di-lantek di-bawah bab ini untok memereksa kapal itu membuat pemereksaan, boleh mengkehendaki supaya ia-nya di-sertai oleh sesaorang yang berkemahiran dan berpengalaman dalam pelayaran, kejuruteraan berkemahiran dan

berpengalaman khas yang lain yang akan di-persetujui oleh Pengarah sebagaimana tuan-punya atau juragan-nya boleh memileh, dan dalam hal itu, jika pemereksa dan orang itu bersetuju, maka Pengarah boleh menyebabkan supaya kapal itu di-tahan atau di-lepaskan berikut-nya, tetapi jika mereka itu tidak bersetuju, maka Pengarah boleh bertin-dak seolah2 rayuan itu telah tidak di-buat yang menyentoh laporan pemereksa itu sebagaimana yang sebelum ini di-persharatkan oleh bab ini ;

(f) jika sesabuah kapal di-tahan buat sementara, Pengarah boleh pada bila2 masa, jika di-fikirkan-nya mustahak, merujokkan perkara itu ka-mahkamah pemereksaan ;

(g) Pengarah boleh pada bila2 masa jika ber-puashati bahawa sesabuah kapal yang di-tahan di-bawah bab ini ada-lah selamat, memeren-tahkan supaya kapal itu di-lepaskan sama ada dengan atau tanpa sebarang sharat.

(2) Sesabuah kapal yang di-tahan di-bawah bab ini tidak boleh di-lepaskan oleh kerana pendaftaran Brunei-nya di-tamatkan berikut-nya.

Tanggongan terhadap perbelanjaan2 dan gantirugi.

119. (1) Jika nampak-nya tiada ada kemungkinan atau sebab munasabah, akibat dari keadaan kapal itu atau per-buatan atau kesalahan tuanpunya, bagi menahan kapal tersebut buat sementara di-bawah bab 118 Kerajaan ada-lah bertanggongjawab untok membayar kapada tuan-punya kapal itu perbelanjaan2 dan perbelanjaan2 berhubong dengan penahanan dan pemereksaan kapal itu dan gantirugi terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang di-tanggong oleh-nya atas sebab penahanan atau pemereksaan itu.

(2) Jika sesabuah kapal akhir-nya di-tahan di-bawah Undang2 ini atau jika nampak-nya sesabuah kapal yang telah di-tahan buat sementara pada ketika penahanan itu ada-lah tidak selamat, tuanpunya kapal itu ada-lah ber-tanggongjawab untok membayar kapada Kerajaan perbelanjaan2 dan perbelanjaan2 berhubong dengan penahanan dan pemereksaan kapal itu, dan perbelanjaan2 tersebut boleh dengan tidak menyentoh sebarang

pembetulan yang lain di-perolehi balek dengan chara yang sama sebagaimana jua denda yang di-kenakan oleh Mahkamah Majistret.

(3) Bagi maksud2 Undang2 ini, perbelanjaan2 dan perbelanjaan2 berhubong dengan sebarang tindakan undang2 di-hadapan sesabuah mahkamah pemereksaan dan perbelanjaan2 yang berhubong dengan-nya dan sesuatu jumlah yang berpatutan berthabit dengan bayaran pemereksa yang di-lantek di-bawah bab 118(1)(b) ada-lah menjadi sebahagian dari perbelanjaan2 penahanan dan pemereksaan kapal itu.

(4) Sebarang pertikaian mengenai jumlah perbelanjaan2 dan perbelanjaan2 berhubong dengan penahanan dan pemereksaan sesabuah kapal yang harus di-bayar di-bawah cheraian (2) kapada Kerajaan boleh di-rujokkan kapada sesaorang Pendaftar, siapa hendak-lah, manakala rujokan sedemikian di-buat kapada-nya menentukan dan mengesahkan jumlah perbelanjaan2 itu yang betul.

(5) Sesuatu tuntutan keatas sebarang perbelanjaan atau gantirugi yang harus di-bayar oleh Kerajaan di-bawah bab ini boleh di-ambil terhadap Pengarah atas gelaran jawatan-nya seolah2 ia ada-lah sebuah perbadanan tunggal.

Kuasa untok mengkehendaki jaminan terhadap perbelanjaan2 dari pengadu.

120. (1) Jika sesuatu aduan di-buat kapada Pengarah bahawa sesabuah kapal Brunei tidak selamat, maka ia boleh mengkehendaki pengadu-nya supaya memberi jaminan sehingga memuaskan-nya terhadap perbelanjaan2 dan gantirugi yang ia mungkin kena membayar di-bawah cheraian (3).

(2) Jaminan sedemikian tidak-lah di-kehendaki jika aduan itu di-buat oleh satu-per-empat, yang tidak kurang dari tiga, dari kelasi2 kapal itu, dan tidak pada pendapat Pengarah tidak penting atau menyusahkan, dan Pengarah hendak-lah, jika aduan itu di-buat dalam jangka masa yang menchukopi sebelum pelayaran kapal itu, mengambil langkah2 yang wajar untok memastikan sama ada kapal itu patut di-tahan.

(3) Jika sesabuah kapal ada-lah di-tahan berikutan dengan apa2 aduan, dan kedudokan-nya ada-lah sedemikian rupa sehingga Kerajaan kena membayar di-

bawah Undang2 ini kapada tuanpunya kapal itu apa jua perbelanjaan atau gantirugi, maka pengadu-nya ada-lah bertanggongjawab untok membayar kapada Kerajaan semua perbelanjaan dan gantirugi yang di-lakukan oleh Kerajaan atau bertanggongjawab untok membayar berthabit dengan penahanan dan pemereksaan kapal itu.

Sharat2 tambahan mengenai penahanan kapal.

121. (1) Sesuatu perentah untok menahan sesabuah kapal, sama ada untok sementara atau terus-menerus, dan sesuatu perentah untok menggubah tempoh penahanan itu, hendak-lah di-sampaikan sechepat mungkin kapada juragan kapal tersebut.

(2) Pengarah dan sesaorang yang di-beri kuasa untok memereksa sesabuah kapal di-bawah Bahagian ini bagi maksud itu ada-lah mempunyai semua kuasa sesaorang merinyu dan, selain dari itu, mempunyai kuasa untok mengumpulkan anak2 kapal.

Pengenaan sharat2 mengenai penahanan kapal2 asing.

122. (1) Jika sesabuah kapal asing (yang bukan yang di-beri lesen Brunei) semasa berada dalam perayeran Brunei ada-lah tidak selamat oleh sebab kechachatan badan kapal, alat2 atau jentera, atau dengan sebab kurang anak2 kapal atau memuat barang2 dengan terlalu berat atau memuat barang2 dengan tidak senonoh, maka sharat2 Bahagian ini berthabit dengan penahanan kapal2 ada-lah di-kenakan kapada kapal asing itu seolah2 kapal2 tersebut sesabuah kapal Brunei, dengan pengubahsuaian2 yang berikut :—

(a) satu salinan surat perentah bagi penahanan sementara kapal itu hendak-lah dengan serta-merta di-sampaikan kapada pegawai konsul negeri yang mempunyai kapal tersebut dan juga kapada juragan kapal itu ;

(b) jika sesabuah kapal telah di-tahan buat sementara, pegawai konsul atas permintaan tuanpunya atau juragan kapal itu dan jika pegawai konsul sedemikian tidak ada tuanpunya atau juragan kapal itu, boleh menghendaki orang yang di-lantek oleh Pengarah, jika ada, untok memereksa kapal tersebut hendak-lah di-sertai oleh orang yang boleh di-pileh oleh pegawai atau tuanpunya atau juragan itu, yang mana satu berkenaan, dan dalam hal sedemikian,

jika pemereksa itu dan orang tersebut bersetuju, Pengarah boleh menyebabkan supaya kapal itu seterus-nya di-tahan atau di-lepaskan, tetapi kalau mereka tidak bersetuju, maka Pengarah boleh bertindak seolah2 permintaan itu belum lagi di-buat dan tuanpunya dan juragan boleh membuat rayuan yang serupa kapada sesabuah mahkamah pemereksaan yang menyentoh laporan pemereksa itu sebagaimana yang di-sharatkan sebelum ini mengenai sesabuah kapal Brunei ;

(c) jika tuanpunya atau juragan kapal itu merayu kapada mahkamah pemereksaan, pegawai konsul, atas permintaan tuanpunya atau juragan itu, boleh mengangkat mana2 orang atau orang2 yang berkelayakan, tidak lebeh dari dua orang, untok menjadi ahli2 mahkamah pemereksaan dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantek sesaorang atau orang2 sedemikian untok menjadi ahli2 mahkamah pemereksaan itu menurut bab 133(1).

(2) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh di-kenakan kapada mana2 kapal asing yang tidak belayar ka-Brunei yang masok keperayeran Brunei bagi apa jua tujuan selain dari mengambil atau menurunkan penumpang atau mengambil atau menurunkan barang muatan atau mengambil minyak.

Kewajipan di-pehak tuanpunya kapal kapada anak2 kapal terhadap usaha2 yang munasabah untok keselamatan kapal.

123. (1) Dalam tiap2 kontrek perkhidmatan, yang nyata atau di-sifatkan ada, di-antara tuanpunya kapal dan juragan atau mana2 kelasi-nya, hendak-lah di-sifatkan ada, dengan tidak menghiraukan sebarang perjanjian yang bertentangan dengan-nya, kewajipan di-pehak tuanpunya kapal, bahawa tuanpunya kapal itu, dan juragan-nya, dan setiap ejen yang di-tugaskan untok memuat barang muatan kedalam kapal, atau persediaan kapal itu untok belayar ka-laut, atau menghantar kapal itu ka-laut, hendak-lah mengambil langkah2 yang wajar untok memastikan keselamatan kapal itu belayar pada ketika pelayaran bermula, dan menjaga-nya dalam keadaan yang selamat bagi pelayaran itu semasa belayar.

(2) Tiada sebarang apa dalam bab ini —

(a) boleh mena'alokkan tuanpunya sesabuah kapal kapada apa jua tanggongan dengan sebab kapal yang sedang di-hantar ka-laut itu berada dalam keadaan yang tidak selamat jika, di-sebabkan oleh hal2 keadaan istimewa, penghantaran kapal itu ka-laut dalam keadaan yang sedemikian ada-lah munasabah dan patut, atau

(b) boleh di-kenakan kapada mana2 kapal yang di-gunakan semata2 untok perdagangan atau belayar dari satu tempat kesatu tempat dalam mana2 sungai atau perayeran dalam negeri yang mana keselurohan-nya atau sebahagian-nya berada dalam negeri Brunei.

Kapal2 Yang Membawa Penumpang2

Kapal2 yang membawa penumpang2.

124. Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh membuat peratoran2 menegah mana2 kapal atau jenis kapal2 dari berulang alek atau membawa penumpang2 kemana2 pelabohan atau dari mana2 pelabohan atau tempat dalam Brunei kechuali dalam perkara2 dan tertaalok kapada sharat2 yang di-tetapkan dalam peratoran2 itu dan khusus-nya dan dengan tidak mengurangkan keluasan kuasa sebelum ini, peratoran2 boleh mensharatkan —

(a) pemereksaan2 atau lain2 penyiasatan keatas kapal2 penumpang ; dan

(b) pengeluaran sesuatu sijil yang menentukan, tertaalok kapada sharat2 yang boleh di-tentukan, jumlah maksima penumpang2 dek dan lain2 penumpang yang mana2 kapal itu boleh membawa dan pelayaran2 atau jenis pelayaran2 yang mana kapal itu boleh berulang alek atau had2 yang kapal itu tidak boleh berulang alek dengan melimpasi-nya ;

(c) penyediaan tempat berlindong dan tempat tinggal untok perlindongan dan penggunaan penumpang2 dek dan lain2 penumpang, jika ada, memandang kapada jenis pelayaran itu, jumlah penumpang2 yang akan di-bawa,

musim tahun itu, keselamatan kapal itu dan hal2 keadaan-nya sebagaimana yang boleh di-tetapkan ;

(d) pemeliharaan ketenteraman dalam kapal2 yang membawa penumpang2.

BAHAGIAN VI

PENYELIDEKAN2 PERKAPALAN DAN MAHKAMAH KHAS

Penyelidekan2 dan Penyiasatan2

Ta'arif2.

125. (1) Bagi maksud penyelidekan2 dan penyiasatan2 di-bawah Bahagian ini suatu kemalangan perkapalan ada-lah di-anggap berlaku —

(a) bilamana dalam sebarang tempat sesabuah kapal Brunei hilang, binasa, terkandas, rosak atau di-tinggalkan terbiar ; atau

(b) bilamana sebarang kehilangan nyawa terjadi oleh sebab apa jua kemalangan atau kerosakan besar yang di-sebabkan oleh atau terjadi kapada atau dalam sesabuah kapal Brunei.

(2) Dalam Bahagian ini ''pegawai berkelayakan'' ber-ma'ana sesaorang pegawai yang berkelayakan bagi maksud2 bab 68 atau yang memegang sesuatu sijil kechekapan di-bawah bab 69.

Penyelidekan permulaan.

126. (1) Apabila sesuatu kemalangan perkapalan telah berlaku, suatu penyelidekan permulaan boleh di-adakan, berthabit dengan kemalangan itu, oleh Pengarah atau mana2 orang yang di-lantek oleh-nya bagi maksud itu.

(2) Bagi maksud mana2 penyiasatan sedemikian orang yang melakukan-nya ada-lah mempunyai kuasa2 sesaorang merinyu di-bawah Undang2 ini.

(3) Selepas melakukan penyiasatan itu, orang yang melakukan-nya itu hendak-lah menghadapkan dengan tidak berlengah2 lagi suatu laporan kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Duli Yang Maha Mulia boleh menubohkan mahkamah penyiasatan.

127. (1) Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh menubohkan sebuah mahkamah penyiasatan bagi maksud mengadakan suatu penyiasatan rasmi dalam sebarang perkara —

(a) jika sesuatu kemalangan perkapalan telah berlaku, sama ada sesuatu penyelidekan permulaan telah di-adakan atau tidak ; atau

(b) bilamana Duli Yang Maha Mulia ada sebab untok memperchayai bahawa mana2 pegawai berkelayakan dengan sebab tidak chekap atau berkelakuan salah ada-lah tidak layak menjalankan tugas-nya ; atau

(c) bilamana Duli Yang Maha Mulia memikirkan bahawa penyiasatan sedemikian ada-lah perlu :

Dengan sharat bahawa sesabuah mahkamah penyiasatan tidak boleh di-tubohkan bagi maksud mengadakan penyiasatan rasmi terhadap sebarang kemalangan perkapalan yang terjadi kapada sesabuah kapal yang di-daftarkan dalam sesabuah negeri selain dari negeri Brunei, melainkan sama ada kemalangan itu terjadi dalam perayeran Brunei atau penubohan mahkamah itu ada-lah atas permintaan atau di-persetujui oleh Kerajaan negeri di-mana kapal tersebut di-daftarkan.

(2) Sesabuah mahkamah penyiasatan hendak-lah terdiri dari sesaorang hakim atau sesaorang majistret, dengan pertolongan tidak kurang dari dua orang dan tidak lebeh dari empat orang penaksir.

(3) Pengarah tidak-lah menjadi seorang ahli sesabuah mahkamah apabila ia telah mengadakan sesuatu penyelidekan permulaan terhadap kemalangan yang menjadi perkara penyiasatan itu.

(4) Jika sesuatu penyiasatan melibatkan atau nampaknya mungkin melibatkan sebarang masa'alah mengenai pembatalan atau penggantongan sebarang sijil, maka mahkamah itu hendak-lah mengadakan penyiasatan dengan pertolongan tidak kurang dari dua orang penaksir yang berpengalaman dalam perkhidmatan perkapalan pedagang.

(5) Mahkamah selepas membicharakan kes itu hendak-lah membuat satu laporan kapada Duli Yang Maha Mulia yang mengandongi keterangan penoh kes tersebut dan pendapat mahkamah mengenai-nya, berserta laporan atau chabutan2 dari keterangan dan pemerhatian2 yang di-fikirkan mahkamah patut.

(6) Setiap penaksir hendak-lah sama ada menandatangani laporan itu atau menyatakan dengan bertulis dalam laporan tersebut pendapat-nya yang berlainan dari pendapat mahkamah dan sebab2 bagi pendapat-nya yang berlainan itu.

(7) Mahkamah boleh membuat perentah yang di-fikirkan mahkamah patut terhadap perbelanjaan penyiasatan atau sebahagian dari-nya, dan perentah sedemikian hendak-lah di-kuatkuasakan oleh mahkamah dengan sechara yang sama saperti sesuatu denda dalam sesabuah Mahkamah Majistret.

(8) Duli Yang Maha Mulia boleh, jika dalam apa jua perkara yang di-fikirkan Baginda sesuai untok berbuat demikian, memerentahkan supaya perbelanjaan sebarang penyiasatan itu di-bayar dari Kumpulan Wang Yang Di-Satukan.

(9) Bagi maksud2 bab ini mahkamah yang mengadakan sesuatu penyiasatan rasmi ada-lah mempunyai semua kuasa sesabuah Mahkamah Majistret dan ada-lah juga mempunyai semua kuasa sesaorang merinyu di-bawah Undang2 ini.

(10) Setiap penyiasatan rasmi terhadap sesuatu kemalangan perkapalan hendak-lah di-lakukan dengan chara bahawa jika sesuatu tudohan di-buat terhadap mana2 orang maka orang itu hendak-lah di-beri peluang untok membuat pembelaan.

Kuasa2 mengenai Sijil2 pegawai, dll.

Kuasa mahkamah penyiasatan mengenai sijil2.

128. (1) Sijil sesaorang pegawai berkelayakan boleh di-batalkan atau di-gantongkan oleh sesabuah mahkamah yang mengadakan sesuatu penyiasatan terhadap sesuatu kemalangan perkapalan, atau terhadap kelakuan sesaorang pegawai berkelayakan, jika mahkamah men-

dapati bahawa kehilangan atau tinggalan terbiar, atau kerosakan terok kapada, sebarang kapal, atau kehilangan nyawa, telah di-sebabkan oleh perbuatan-nya yang salah atau kemungkiran-nya, atau ia-nya tidak chekap, atau telah melakukan perbuatan yang terlampau burok, mabok atau kejam, atau jika dalam sesuatu perlanggaran ia telah gagal untok memberi bantuan atau memberi maalumat sebagaimana yang di-kehendaki di-bawah bab 107 atau 108.

(2) Jika mahkamah yang mengadakan sesuatu penyiasatan itu di-ketuai oleh sesaorang majistret, maka mahkamah itu tidak boleh membatalkan atau menggan-tongkan sesuatu sijil melainkan seorang daripada penaksir2 itu bersetuju dengan pendapat mahkamah itu.

(3) Jika mana2 kes yang di-hadapkan dalam mana2 mahkamah sebagaimana yang di-nyatakan tadi melibati sesuatu soal mengenai pembatalan atau penggantongan sesuatu sijil, mahkamah itu hendak-lah, pada penutup kes itu atau sechepat mungkin yang boleh selepas itu, menyatakan dalam mahkamah terbuka keputusan yang telah di-ambil oleh mahkamah terhadap pembatalan atau penggantongan sijil itu.

(4) Sesuatu sijil tidak boleh di-batalkan atau di-gantongkan oleh sesabuah mahkamah di-bawah bab ini, kechuali satu salinan laporan itu, atau sesuatu kenyataan kes itu yang mana penyiasatan-nya telah pun di-perentahkan, telah di-berikan kapada pemegang sijil itu sebelum penyiasatan di-mulakan.

Kuasa2 mahkamah selanjut-nya.

129. (1) Sebuah mahkamah penyiasatan ada-lah mem-punyai kuasa2 selanjut-nya saperti berikut —

(a) ia boleh memechat juragan mana2 kapal jika pemechatan itu di-boktikan sehingga memuaskan mahkamah dengan keterangan bersumpah ada-lah perlu. Pemechatan itu boleh di-buat atas permohonan mana2 tuan-punya kapal itu atau ejen-nya, atau penerima amanah kapal itu, atau mana2 jurumudi yang di-sahkan, atau satu-per-tiga atau lebeh dari anak2 kapal itu ;

(b) ia boleh melantek seorang juragan baru sebagai pengganti juragan yang telah di-pechatkan itu :

Dengan sharat bahawa jika tuanpunya, ejen atau penerima amanah kapal itu berada dalam negeri Brunei, perlantekan itu tidak boleh di-buat dengan tidak mendapat persetujuan dari tuanpunya, ejen atau penerima amanah kapal itu ;

(c) ia boleh membuat perentah sebagaimana yang di-fikirkan-nya patut terhadap perbelanjaan penyiasatan atau sebahagian dari-nya, dan perentah sedemikian hendak-lah di-kuatkuasakan oleh mahkamah dengan chara yang sama saperti jua sesuatu perentah bagi perbelanjaan perbicharaan dalam Mahkamah Majistret.

Duli Yang Maha Mulia boleh mengendali sijil.

130. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, jika pada fikiran Baginda keadilan kes itu berkehendakkan-nya, mengeluarkan semula dan memulangkan mana2 sijil yang di-batalkan atau di-gantongkan, atau memendekkan tempoh penggantongan sijil itu, atau memberi sesuatu sijil baru yang sama kelas-nya atau sebarang sijil yang lebeh rendah kelas-nya untok mengganti-nya.

Sharat bagi di-dengar semula dan rayuan.

131. Mana2 orang yang tidak berpuas hati dengan sebarang keputusan sesabuah mahkamah penyiasatan boleh merayu ka-Mahkamah Tinggi yang boleh —

(a) membatalkan, mengesahkan atau menggubah keputusan mahkamah penyiasatan itu ; atau

(b) jika Mahkamah Tinggi mendapati bahawa keterangan yang mustahak yang telah tidak dapat di-kemukakan dalam mahkamah penyelidekan itu telah di-ketahui atau ada sebab2 untok menshaki bahawa salah menjalankan keadilan telah berlaku, memerentahkan supaya kes itu di-dengar semula sama ada oleh mahkamah yang membicharakan-nya pada mula-nya atau oleh mahkamah penyiasatan yang lain.

Peratoran2 mengenai tatachara, bayaran2, dsb.

132. Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh membuat peratoran2 'am bagi menguatkuasakan sharat2 berhubong dengan penyelidekan2 dan penyiasatan2, mengenai per-

mohonan2 yang di-buat di-bawah bab 129 dan juga mengenai pendengaran semula atau rayuan dari sebarang penyeledikan, penyiasatan atau permohonan itu dan khusus-nya, berthabit dengan tatachara, perlantekan dan panggilan penaksir2, pehak2, orang2 yang di-benarkan hadzir, notis kapada pehak2 atau orang2 sedemikian atau kapada orang2 yang berkenaan, dan jumlah dan pengenaan bayaran2.

Mahkamah2 Pemereksaan

Penubohan, kuasa2 dan tatachara mahkamah pemereksaan.

133. (1) Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bilamana hal keadaan-nya memerlukan boleh menubohkan sesabuah mahkamah pemereksaan yang terdiri dari tidak kurang dari tiga dan tidak lebeh dari lima orang ahli, siapa seorang dari mereka ada-lah seorang hakim atau majistret dan siapa yang akan mempengerusikan mahkamah itu, dan yang lain-nya ada-lah terdiri dari juragan2 perkapalan pedagang atau orang2 yang mahir dalam kejuruteraan perkapalan dan pelayaran atau lain2 kemahiran atau pengetahuan, dan dalam perkara sedemikian sharat2 berikut hendak-lah berkuatkuasa —

(a) kes itu hendak-lah di-bicharakan dalam mahkamah terbuka ;

(b) setiap ahli mahkamah boleh memereksa kapal itu, dan ada-lah mempunyai bagi maksud sedemikian semua kuasa sesaorang merinyu di-bawah Undang2 ini ;

(c) mahkamah, atau jika terjadi perselisehan faham golongan terbesar dari ahli2 mahkamah, boleh memerentahkan supaya kapal itu di-pereksa dan boleh melantek sebarang orang yang berkelayakan untok memereksa kapal tersebut dan melaporkan-nya kapada mahkamah dan orang itu ada-lah mempunyai semua kuasa sesaorang merinyu di-bawah Undang2 ini ;

(d) mahkamah boleh memerentahkan kapal itu supaya di-bebaskan atau akhir-nya di-tahan, tetapi kechuali jika golongan terbesar dari

ahli2 bersetuju dengan perentah untok menahan kapal itu maka kalau tidak kapal tersebut hendak-lah di-bebaskan ; dan

(e) tuanpunya atau ejen dan juragan kapal itu dan mana2 orang yang di-lantek oleh tuanpunya, ejen atau juragan itu, boleh menghadziri sebarang pemereksaan atau penyelidekan (inspection or survey) yang di-jalankan menurut bab ini.

(2) Selain dari tugas2 yang di-serahkan kapada mahkamah2 pemereksaan di-bawah Undang2 ini, Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh dengan peratoran2, memberi kuasa sesabuah mahkamah pemereksaan untok menimbangkan perbicharaan dan menentukan perkara2 yang boleh di-tetapkan dalam peratoran2 itu dan Baginda boleh, dengan peratoran2, menetapkan dan mensharatkan penguatkuasaan sharat2 Undang2 ini terhadap sesabuah mahkamah pemereksaan dan rayuan2 kapada-nya, dan khusus-nya berkenaan dengan menyaman dan tatachara dalam mahkamah, jaminan yang di-kehendaki bagi perbelanjaan perbicharaan dan gantirugi terhadap sesuatu rayuan dan jumlah serta pengenaan bayaran2.

(3) Mahkamah boleh membuat perentah terhadap perbelanjaan sebarang perbicharaan dalam mahkamah sebagaimana yang di-fikirkan-nya patut, dan perentah itu hendak-lah di-kuatkuasakan sechara yang sama saperti sesuatu perentah untok membayar perbelanjaan perbicharaan dalam sebuah Mahkamah Majistret.

Merujok kapada orang2 ilmiah dalam perkara2 yang rumit.

134. (1) Jika Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berpendapat bahawa sebarang perkara di-hadapan sebuah mahkamah pemereksaan membabitkan sesuatu masa'alah benaan atau pelan, atau kesulitan saintifik, atau asas penting, Baginda boleh merujokkan perkara itu kapada seorang atau lebeh dari satu senarai orang2 ilmiah yang di-perkenankan dari masa ka-semasa oleh Duli Yang Maha Mulia yang nampak-nya ada mempunyai kelayakan2 khas perlu untok perkara berkenaan itu, dan boleh di-pileh dengan persetujuan antara pehak2 berkenaan, atau jika berlaku kemungkiran terhadap persetujuan tersebut oleh Duli Yang Maha Mulia, dan tatkala itu rayuan itu hendak-lah di-putuskan oleh orang atau orang2 tengah, dan bukan oleh mahkamah pemereksaan.

(2) Jika mana2 pehak menghendaki sedemikian dan memberi jaminan sehingga memuaskan Duli Yang Maha Mulia untok membayar perbelanjaan dan perbelanjaan2 yang berkaitan dengan rujokan itu, sebarang perkara hendak-lah di-rujokkan kapada orang atau orang2 tengah yang telah di-pileh sebagaimana di-katakan tadi.

(3) Orang atau orang2 tengah itu ada-lah mempunyai kuasa2 yang sama saperti sesaorang hakim mahkamah pemereksaan.

Bayaran2 Kapada Pegawai2 Mahkamah

Bayaran2 kapada pegawai2 mahkamah.

135. Bayaran2, jika ada, sebagaimana yang di-arahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh di-bayar dari Kumpolan Wang Yang Di-Satukan kapada mana2 hakim, majistret, penaksir atau pegawai2 lain dari atau dalam sebarang mahkamah penyiasatan atau mahkamah pemereksaan.

Lepas Tanggongan

Lepas Tanggongan.

136. Tiada sebarang tindakan, daawaan atau lain2 langkah pembicharaan boleh di-ambil terhadap mana2 orang bagi apa jua perkara yang telah di-lakukan atau di-tinggalkan untok di-lakukan oleh-nya sebagai seorang ahli sesabuah mahkamah penyiasatan atau sesabuah mahkamah penyiasatan di-bawah Bahagian ini.

BAHAGIAN VII

KANDASAN DAN PENYELAMATAN BARANG2

Kapal2 dalam Bahaya

Tafsiran.

137. Dalam Bahagian ini, kechuali jika maksud-nya berkehendakkan ma'ana yang lain —

"penerima" berma'ana penerima kandasan ;

"bayaran penyelamatan" termasok semua perbelanjaan yang di-biayai dengan wajar oleh penyelamat dalam menjalankan kerja2 menyelamat ;

''kandasan'' termasok barang2 buangan, apong2an yang hanyut dari kapal, muatan yang tenggelam dan bangkai kapal yang di-tinggalkan yang di-jumpai di-laut atau di-pantai atau di-sebarang ayer pasang/surut.

Lantekan penerima kandasan.

138. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, melantek mana2 orang sebagai seorang penerima kandasan dalam mana2 daerah dan untok menjalankan kerja2 penerima kandasan di-bawah Bahagian ini.

Tugas penerima kandasan apabila kapal dalam bahaya.

139. (1) Jika sesabuah kapal binasa, terkandas, atau dalam bahaya di-mana2 tempat di-pantai atau dekat pantai Brunei atau di-sebarang ayer pasang/surut dalam kawasan2 Brunei, penerima kandasan bagi daerah di-mana tempat kejadian itu berlaku hendak-lah, apabila di-beritahu mengenai hal2 kejadian itu, dengan serta-merta pergi ketempat itu, dan sebaik2 saja tiba penerima berkuasa keatas semua orang yang ada dan boleh menentukan tugas2 dan memberi arahan2 kapada setiap orang sebagaimana yang di-fikirkan-nya patut untok memelihara kapal dan nyawa orang2 dari kapal itu (dalam Bahagian ini di-sebut sebagai ''orang2 kapal-binasa'') dan barang2 muatan dan kelengkapan kapal tersebut.

(2) Barang siapa dengan senghaja tidak mematohi arahan2 penerima ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak dua ribu ringgit, akan tetapi penerima tidak boleh champor tangan antara juragan dan anak2 kapal terhadap pengendalian kapal itu kechuali ia-nya di-minta berbuat demikian oleh juragan.

Kuasa2 penerima kandasan apabila kapal2 dalam bahaya.

140. (1) Penerima boleh, dengan tujuan untok memelihara orang2 kapal-binasa, atau kapal, barang2 muatan atau kelengkapan-nya sebagaimana di-nyatakan tadi —

(a) menghendaki orang2 yang di-fikirkan-nya perlu untok membantu-nya ;

(b) menghendaki juragan atau lain2 orang yang mempunyai kuasa dalam mana2 kapal yang berhampiran supaya memberi bantuan dengan orang2-nya atau kapal yang dalam kuasa-nya ;

(c) mendesak penggunaan sebarang kenderaan atau binatang yang mungkin berhampiran.

(2) Barangsiapa enggan tanpa sebab yang munasabah untok mematohi sebarang kehendak atau desakan itu ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak dua ribu ringgit.

Kuasa untok melalui tanah2 yang berhampiran.

141. (1) Apabila sesabuah kapal-binasa, terkandas atau dalam bahaya sebagaimana di-nyatakan tadi, semua orang boleh, bagi maksud untok memberi bantuan kapada kapal itu, atau untok menyelamatkan nyawa orang2 kapal-binasa itu, atau untok menyelamatkan barang2 muatan atau kelengkapan kapal itu, melainkan ada jalan raya yang juga dapat di-gunakan, melalui dan berulang alek, sama ada atau tidak dengan menggunakan kenderaan atau binatang2, atas tanah2 yang berhampiran tanpa di-ganggu oleh tuanpunya atau orang yang mendudoki tanah2 itu, neschaya mereka hanya dapat melakukan sekechil2 kerosakan, dan boleh juga, atas sharat yang sama, menaroh di-atas tanah2 ini apa jua barang muatan atau lain2 benda yang di-perolehi balek dari kapal itu.

(2) Sebarang kerugian yang di-tanggong oleh sesaorang tuanpunya atau orang yang mendudoki tanah2 itu akibat dari menjalankan hak2 yang di-beri oleh bab ini ada-lah di-kenakan bayaran-nya keatas kapal, barang muatan atau benda2, terhadap mana atau oleh mana kerugian itu di-sebabkan dan jumlah yang kena di-bayar terhadap kerugian itu hendak-lah, jika ada pertikaian, di-tentukan dan boleh, jika gagal membayar-nya, di-perolehi balek sechara yang sama saperti jumlah bayaran penyelamatan yang di-tentukan atau di-perolehi balek di-bawah Bahagian ini.

(3) Mana2 tuanpunya atau orang yang mendudoki mana2 tanah yang —

(a) mengganggu atau menghalang mana2 orang yang menjalankan hak2 yang di-beri oleh bab ini dengan menutup pintu2 pagar, atau eng-gan, membuka pintu pagar, apabila di-minta berbuat demikian, atau dengan chara lain ; atau

(b) mengganggu atau menghalang penarohan apa jua barang muatan atau benda2 lain yang di-

perolehi balek dari kapal di-atas tanah itu sebagaimana di-nyatakan tadi ; atau

(c) menghindar atau chuba menghindar mana2 barang muatan sedemikian atau lain2 benda dari terus di-taroh di-atas tanah itu selama yang berpatutan sehingga ia-nya di-pindahkan kesuatu tempat penarohan awam yang selamat,

ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak dua ribu ringgit.

Kuasa penerima untok menindas perampasan dan kekachauan dengan kekerasan.

142. (1) Apabila sesabuah kapal-binasa, terkandas, atau dalam bahaya sebagaimana di-nyatakan tadi, dan sebarang orang yang merampas, melakukan kekachauan atau menghalang penyelamatan kapal atau orang2 kapal-binasa itu atau barang muatan atau alat kelengkapan-nya, penerima boleh menyebabkan supaya orang itu di-tahan.

(2) Penerima boleh menggunakan kekerasan untok menindas sebarang perampasan, kekachauan atau halangan sedemikian, dan boleh memerintahkan semua orang supaya menolong-nya dalam menggunakan kekerasan itu.

(3) Jika sebarang orang terbunoh, kudong atau luka, oleh sebab ia menentang penerima itu atau mana2 orang yang bertindak di-bawah arahan2 penerima demi untok melaksanakan tugas2 yang di-serahkan di-bawah Bahagian ini kapada penerima, sama ada penerima atau orang yang bertindak di-bawah arahan2-nya tidak boleh di-kenakan apa jua hukuman atau bayaran sebarang ganti-rugi dengan di-sebabkan oleh orang itu terbunoh, kudong atau luka.

Menjalankan kuasa2 penerima pada masa ketiadaan-nya.

143. (1) Jika sesaorang penerima tidak hadzir, pegawai2 atau orang2 berikut sebagai ganti-nya, kalau salah seorang tidak hadzir orang yang satu lagi itu, menurut susunan nama2 mereka, ia-itu, penguasa atau penolong penguasa polis, majistret atau pegawai bertauliah yang bergaji penoh dalam angkatan bersenjata boleh melakukan sesuatu di-bawah Bahagian ini yang di-benarkan oleh penerima supaya di-lakukan.

(2) Mana2 pegawai yang bertindak di-bawah bab ini bagi pehak seorang penerima hendak-lah, berthabit

dengan apa jua barang2 atau benda2 kepunyaan sesabuah kapal yang mana penyampaian-nya kapada penerima itu di-kehendaki oleh Undang2 ini, di-anggap sebagai ejen penerima itu, dan hendak-lah menempatkan barang2 dan benda2 itu dalam jagaan penerima, tetapi ia tidak-lah berhak mendapat apa jua bayaran yang harus di-bayar kapada penerima2 atau di-luchutkan hak-nya dengan sebab ia bertindak sedemikian untok mendapatkan bayaran penyelamatan terhadap mana ia sepatut-nya sebalek-nya berhak.

Pemereksaan terhadap kapal dalam bahaya.

144. (1) Jika sebarang kapal berada atau telah berada dalam bahaya di-pantai Brunei, sesaorang penerima kandasan, atau jika ketiadaan-nya seorang majistret, hendak-lah dengan seberapa segera yang boleh memereksa dengan bersumpah mana2 orang dari kapal itu, atau mana2 orang lain yang boleh memberi sebarang keterangan mengenai-nya atau barang muatan atau simpanan-nya, mengenai perkara2 berikut :—

(a) nama dan jenis kapal itu ;

(b) nama juragan dan tuanpunya2 ;

(c) nama tuanpunya barang muatan ;

(d) nama2 pelabohan dari mana dan kemana kapal itu telah belayar ;

(e) waktu berlaku-nya bahaya ka-atas kapal itu ;

(f) perkhidmatan yang telah di-berikan ;

(g) lain2 perkara atau hal2 yang berthabit dengan kapal itu atau barang2 muatan di-dalam-nya sebagaimana orang yang melakukan pemereksaan itu memikirkan-nya perlu.

(2) Orang yang melakukan pemereksaan itu hendak-lah menchatet pemereksaan tersebut sechara bertulis, dan hendak-lah menghantar dua keping salinan-nya kapada Pengarah, siapa yang akan menyebabkan satu daripada salinan2 itu supaya di-tempatkan di-suatu tempat yang mudah di-lihat untok pemereksaan orang2 yang ingin memereksa-nya.

(3) Orang yang melakukan pemereksaan hendak-lah mempunyai bagi maksud2 itu semua kuasa sesaorang merinyu di-bawah Undang2 ini.

Penyelenggaraan Kandasan

Atoran2 yang mesti di-patohi oleh orang2 yang menjumpai kandasan.

145. (1) Jika sesiapa menemui atau mengambil milek sebarang kandasan dalam kawasan2 negeri Brunei atau sebarang kandasan yang di-jumpai atau di-ambil milek di-luar kawasan2 negeri Brunei dan di-bawa ka-dalam kawasan2 negeri Brunei, ia hendak-lah —

(a) jika ia pemilek-nya, memberi notis kapada penerima daerah itu menyatakan bahawa ia telah menemui atau mengambil milek kandasan itu, dan menerangkan tanda2 dengan mana kandasan itu boleh di-kenali ;

(b) jika ia bukan pemilek-nya sechepat mungkin yang boleh menghantar notis itu kapada penerima daerah itu.

(2) Sesiapa yang gagal, tanpa sebab yang munasabah, untok mematohi bab ini, ada-lah bersalah ; Hukuman, denda sebanyak dua ribu ringgit, dan hendak-lah selain dari itu, jika ia bukan pemilek-nya, meluchutkan sebarang hak menuntut keatas bayaran penyelamatan, dan kena membayar pemilek kandasan itu jika bayaran penyelamatan itu di-tuntut, atau jika ia-nya tidak di-tuntut kapada orang yang berhak keatas bayaran itu, dua kali ganda nilai harga-nya, yang boleh di-perolehi balek dengan sechara yang sama saperti bayaran pembicharaan dalam Mahkamah Majistret.

Hukuman terhadap pengambilan kandasan pada waktu kemalangan.

146. (1) Jika sesabuah kapal binasa, terkandas, atau dalam bahaya di-sebarang tempat di-pantai atau dekat pantai Brunei atau di-perayeran ayer pasang/surut dalam kawasan2 Brunei, apa2 barang muatan atau benda2 lain kepunyaan kapal itu atau yang hanyut dari kapal itu ka-darat atau hilang atau di-ambil dari kapal itu hendak-lah di-sampaikan kapada penerima.

(2) Barang siapa, sama ada pemilek-nya atau bukan, yang menyembunyikan atau mengambil milek apa2 barang muatan atau benda2 itu, atau enggan menyam-

paikan barang muatan dan benda2 itu kapada penerima atau orang yang di-beri-nya kuasa untok menuntut-nya, ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak dua ribu ringgit.

(3) Penerima atau mana2 orang yang di-beri kuasa boleh mengambil mana2 barang atau benda2 itu dengan kekerasan dari orang yang enggan menyampaikan barang muatan dan benda2 tersebut.

Notis kandasan hendak-lah di-berikan oleh penerima.

147. Jika sesaorang penerima mengambil milek sebarang kandasan, ia hendak-lah dalam empat puloh lapan jam menyebabkan supaya sesuatu keterangan tentang kandasan itu dan sebarang tanda2 yang boleh mengenali-nya di-lekatkan di-pejabat Pengarah, dan, jika pada fikiran-nya perlu, ia boleh mengirim-nya kapada setiausaha Lloyd's di-London.

Tuntutan2 pemilek2 keatas kandasan.

148. (1) Pemilek sebarang kandasan yang dalam pemilekan penerima, apabila di-buktikan tuntutan-nya keatas kandasan itu sehingga memuaskan penerima dalam tempoh sa-bulan dari ketika kandasan itu jatoh kadalam pemilekan penerima, ada-lah, selepas menjelaskan bayaran penyelamatan dan perbelanjaan2 yang harus di-bayar, berhak supaya kandasan atau hasil-nya di-serahkan kapada-nya.

(2) Jika mana2 benda yang di-punyai oleh atau yang menjadi sebahagian dari sesabuah kapal asing yang telah binasa di-pantai atau dekat pantai2 Brunei, atau yang terdiri dari atau yang menjadi sebahagian dari barang muatan, di-jumpai di-pantai atau dekat pantai2 itu atau di-bawa dalam kawasan2 negeri Brunei, pegawai konsul negeri terhadap mana kapal itu atau, dalam perkara barang muatan, terhadap tuanpunya2 dari mana barang muatan itu mungkin datang ada-lah, jika tiada tuanpunya dan juragan atau lain2 ejen tuanpunya, di-anggap sebagai ejen tuanpunya, setakat yang berhubong dengan penjagaan dan pengurusan benda2 itu.

Penjualan kandasan dengan serta-merta oleh penerima dalam perkara2 tertentu.

149. (1) Sesaorang penerima pada bila2 masa boleh menjual mana2 kandasan dalam jagaan-nya, jika pada fikiran-nya —

(a) kandasan itu di-bawah nilai harga sa-ribu ringgit ;

(b) kandasan itu rosak terok atau jenis yang tidak tahan lama dan menyimpan-nya tidak akan mendatangkan faedah ; atau

(c) nilai harga-nya tidak menchukupi untok membayar penyimpanan-nya dalam gudang.

(2) Hasil penjualan-nya hendak-lah, selepas membayar perbelanjaan2 penjualan itu, di-pegang oleh penerima bagi maksud2 yang sama dan tertaalok kapada tuntutan2, hak2 dan tanggongan2 yang sama seolah2 kandasan itu belum lagi di-jual.

Kandasan Yang Tidak Di-Tuntut

Hak Kerajaan terhadap kandasan yang tidak di-tuntut.

150. Kerajaan ada-lah berhak terhadap semua kandasan yang tidak di-tuntut yang di-jumpai di-mana2 bahagian negeri Brunei.

Kandasan yang tidak di-tuntut.

151. Jika tiada sebarang pemilek membuktikan sesuatu tuntutan keatas sebarang kandasan yang di-jumpai dalam negeri Brunei atau keatas sebarang kandasan yang di-jumpai atau di-ambil milek di-luar negeri Brunei dan telah di-bawa kedalam negeri Brunei, dan dalam pemilekan sesaorang penerima dalam tempoh sa-bulan selepas kandasan itu jatoh kedalam milek-nya, maka penerima boleh menjual kandasan tersebut, dan hendak-lah membayar hasil penjualan itu kapada Kumpulan Wang Yang Di-Satukan, selepas menolak perbelanjaan penjualan dan sebarang perbelanjaan lain yang di-tanggong-nya dan pembayaran2 dan membayar daripada bayaran2 itu kapada penyelamat2 sejumlah bayaran penyelamatan sebagaimana di-tentukan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam setiap perkara atau sebagaimana yang di-tentukan oleh sebarang atoran 'am.

Penyampaian kandasan yang tidak di-tuntut oleh penerima tidak-lah memudharatkan hakmilek.

152. Manakala di-sampaikan kandasan atau pembayaran hasil penjualan kandasan itu oleh sesaorang penerima, menurut Bahagian ini, maka penerima ada-lah di-lepaskan dari semua tanggongan berthabit dengan kandasan itu, akan tetapi penyampaian itu tidak-lah memudharatkan atau menyentoh sebarang soal yang di-bangkitkan oleh pehak2 ketiga mengenai hak atau hakmilek terhadap kandasan itu.

Memindahkan Kandasan

Pemindahan kandasan oleh penerima.

153. (1) Jika sebarang kapal tenggelam, terkandas atau ditinggalkan terbiar dalam perayeran Brunei, dengan chara yang, pada fikiran penerima, menjadi atau mungkin menjadi suatu halangan atau bahaya kapada pelayaran, maka penerima boleh —

(a) mengambil milek, dan menimbulkan, memindah atau memusnahkan keselurohan atau sebahagian dari kapal itu ;

(b) memasang lampu atau pelampong kapada kapal itu atau bahagian-nya sehingga ia-nya di-timbulkan, di-pindahkan atau di-musnahkan ; dan

(c) menjual, dengan chara yang di-fikirkan-nya patut, mana2 kapal atau bahagian yang di-timbulkan atau di-pindahkan sedemikian, dan juga apa jua harta-benda lain yang di-perolehi balek dalam menjalankan kuasa2-nya di-bawah bab ini, dan dari hasil penjualan itu mengambil sebagai ganti perbelanjaan yang di-biayai oleh-nya berhubong dengan-nya di-bawah bab ini, dan penerima boleh memegang baki hasil penjualan itu, jika ada, dengan amanah untok orang2 yang berhak terhadap-nya.

(2) Sesuatu penjualan tidak boleh, kechuali mengenai jenis harta-benda yang tidak tahan lama, atau yang akan kurang nilai harga-nya sebab kelewatan, di-buat di-bawah bab ini sehingga sekurang2-nya telah di-beri notis selama tujoh hari penoh sebelum penjualan yang di-maksudkan itu dengan 'iklan dalam surat khabar tempatan yang di-edarkan dalam atau dekat daerah di-mana penerima berkuasa.

(3) Pada bila2 masa sebelum sebarang harta-benda di-jual di-bawah bab ini, pemilek-nya ada-lah berhak supaya harta-benda itu di-sampaikan kapada-nya manakala di-bayar kapada penerima mengikut nilai harga pasaran-nya yang patut, yang akan di-tentukan dengan persetujuan di-antara penerima dan pemilek itu, atau jika tiada persetu-juan, oleh sesaorang yang akan di-lantek bagi maksud itu

oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(4) Wang yang di-bayar kapada penerima sebagai nilai harga mana2 harta-benda itu di-bawah sharat ini ada-lah, bagi maksud2 bab ini, di-anggap sebagai hasil penjualan harta-benda tersebut.

Kuasa2 untok memindah kandasan termasok kelengkapan, barang muatan, dll.

154. Sharat2 Bahagian ini mengenai pemindahan kandasan ada-lah di-kenakan kapada setiap benda atau barang atau kumpulan barang2 yang menjadi atau menjadi sebahagian dari kelengkapan, perkakas2, barang muatan, barang2 simpanan atau pemberat sesabuah kapal dengan chara yang sama seolah2 benda2 itu termasok dalam istilah "kapal" itu, dan bagi maksud2 sharat2 ini sebarang hasil penjualan dari sesabuah kapal dan dari barang muatan-nya, atau mana2 harta-benda lain yang di-perolehi balek dari kapal itu, ada-lah di-anggap sebagai kumpulan wang bersama.

Kesalahan2 Berthabit Dengan Kandasan

Membawa kandasan keluar dari Brunei.

155. Barangsiapa membawa keluar dari Brunei mana2 kapal, yang terkandas, terlantar atau sebalek-nya dalam bahaya yang di-jumpai dalam had2 kawasan Brunei atau dalam sebarang ayer pasang/surut dalam had2 kawasan Brunei, atau apa jua bahagian barang muatan atau kelengkapan atau sebarang benda kepunyaan kapal itu, atau sebarang kandasan yang di-jumpai dalam had2 kawasan tersebut, dan menjual benda2 itu, ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak lima ribu ringgit dan penjara selama lima tahun.

Mengganggu kapal yang telah binasa atau kandasan.

156. (1) Tiada sesiapa boleh, tanpa kebenaran juragan, menaiki atau chuba menaiki sebarang kapal yang binasa, terkandas, atau dalam bahaya, melainkan orang itu, atau bertindak di-bawah perentah, penerima atau sesaorang yang bertindak sedemikian dengan sah.

(2) Barangsiapa yang bertindak dengan melanggar cheraian (1) ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak dua ribu ringgit, dan juragan kapal itu boleh menghalang-nya dengan kekerasan.

(3) Tiada sesiapa pun boleh —

(a) mengganggu atau menghalang, atau chuba dengan apa jua chara pun mengganggu atau menghalang, penyelamatan sebarang kapal yang terkandas atau dalam bahaya akan terkandas atau sebalek-nya dalam bahaya di-sebarang pinggir laut atau berdekatan dengan-nya atau di-perayeran pasang/surut, atau mana2 bahagian barang muatan atau kelengkapan kapal itu atau mana2 kandasan ;

(b) menyembunyikan sebarang kandasan, atau merosakkan atau menghapuskan apa jua tanda2 yang ada pada-nya ; atau

(c) dengan salah membawa atau memindahkan mana2 bahagian sesabuah kapal yang terkandas atau dalam bahaya akan terkandas, atau sebalek-nya dalam bahaya di-sebarang pinggir laut atau berdekatan dengan-nya atau di-perayeran pasang/surut, atau mana2 bahagian barang muatan atau kelengkapan kapal itu atau mana2 kandasan.

(4) Sesiapa yang bertindak dengan melanggar cheraian (3) ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak dua ribu ringgit, dan denda sedemikian boleh di-kenakan selain dari apa jua hukuman yang boleh di-kenakan keatas-nya oleh undang2 di-bawah Undang2 ini atau Undang2 lain.

Menyembunyikan kandasan.

157. (1) Jika sesaorang penerima menshaki atau menerima ma'alumat bahawa sesuatu kandasan ada di-sembunyikan atau dalam pemilekan sesaorang yang bukan pemilek-nya atau bahawa sebarang kandasan sebalek-nya tidak di-selenggarakan dengan sewajar-nya, penerima boleh memohon kapada mana2 Mahkamah Majistret untok mendapatkan sesuatu waran penggeledahan.

(2) Mahkamah itu boleh mengeluarkan sesuatu waran tersebut, dan penerima dengan kuatkuasa waran itu, boleh memasoki mana2 rumah atau tempat lain di-mana saja letak-nya dan juga mana2 kapal dan menchari, merampas dan menahan apa jua kandasan yang di-jumpai di-tempat itu.

(3) Jika sebarang rampasan sedemikian di-lakukan akibah dari ma'alumat yang di-beri oleh mana2 orang kapada penerima, maka orang yang memberi ma'alumat itu ada-lah berhak, dengan chara bayaran penyelamatan, keatas sejumlah wang yang tidak melebehi dalam apa jua perkara sa-ratus ringgit sebagaimana penerima membenarkan.

Bayaran Penyelamatan

Bayaran penyelamatan hendak-lah di-bayar kerana menyela-matkan nyawa.

158. (1) Jika perkhidmatan2 itu di-beri sepenoh-nya atau sebahagian-nya dalam negeri Brunei dalam menyelamatkan nyawa sesaorang dari mana2 kapal, atau di-mana2 sahaja dalam menyelamatkan nyawa sesaorang dari mana2 kapal Brunei, maka tuanpunya kapal, barang muatan atau kelengkapan yang di-selamatkan itu hendak-lah membayar kapada penyelamat itu sejumlah bayaran penyelamatan yang patut, yang akan di-tentukan jika berlaku pertikaian dengan chara yang di-nyatakan selepas ini.

(2) Bayaran penyelamatan berthabit dengan pemeliharaan nyawa bilamana seharus-nya di-bayar oleh tuanpunya2 kapal itu hendak-lah di-bayar dan di-utamakan dari segala tuntutan lain terhadap bayaran penyelamatan.

(3) Jika kapal, barang muatan dan kelengkapan kapal di-musnahkan, atau nilai harga-nya tidak menchukupi, selepas membayar perbelanjaan2 yang sebenar-nya di-biayai, untok membayar bayaran penyelamatan yang harus di-bayar berthabit dengan pemeliharaan nyawa, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, atas pertimbangan Baginda, menganugerahi kapada penyelamat sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Di-Satukan yang di-fikirkan Baginda patut pada menyelesaikan keselurohan-nya atau sebahagian-nya dari apa jua jumlah bayaran penyelamatan yang belum di-jelaskan itu.

Penyelamatan barang muatan atau kandasan.

159. Jika sesabuah kapal binasa, terkandas, atau dalam bahaya di-sebarang tempat di-pinggir laut Brunei atau yang berdekatan dengan-nya atau di-perayeran ayer pasang/surut dalam kawasan2 Brunei, dan perkhidmatan di-berikan oleh sesaorang dalam menolong kapal itu atau untok menyelamatkan barang muatan atau kelengkapan

kapal tersebut atau mana2 bahagian-nya, dan jika perkhidmatan di-berikan oleh mana2 orang selain dari sesaorang penerima dalam menyelamatkan apa jua kandasan, maka tuanpunya kapal, barang muatan, kelengkapan atau kandasan itu hendak-lah membayar kapada penyelamat tersebut, sejumlah bayaran penyelamatan yang patut yang akan di-tentukan jika berlaku pertikaian dengan chara yang di-nyatakan selepas ini.

Atoran Mengenai Bayaran Penyelamatan

Menyelesaikan pertikaian2 mengenai bayaran penyelamatan.

160. (1) Pertikaian2 terhadap bayaran penyelamatan, sama ada yang berthabit dengan nyawa atau harta-benda dan sama ada perkhidmatan itu di-beri dalam atau di-luar negeri Brunei, yang berbangkit di-antara penyelamat dan tuanpunya2 mana2 kapal, barang muatan, kelengkapan atau kandasan hendak-lah, jika tidak di-selesaikan dengan persetujuan, timbangtara atau dengan chara lain, di-tentukan oleh sesabuah Mahkamah Majistret dalam perkara2 jika —

(a) pehak2 kapada pertikaian itu bersetuju ; atau

(b) nilai harta-benda yang di-selamatkan itu tidak melebehi lima puloh ribu ringgit ; atau

(c) jumlah yang di-tuntut tidak melebehi sa-puloh ribu ringgit.

(2) Terta'alok kapada apa yang di-nyatakan tadi, pertikaian2 terhadap bayaran penyelamatan hendak-lah di-putuskan oleh Mahkamah Tinggi, akan tetapi jika penuntut tidak mendapat balek dalam Mahkamah Tinggi lebeh dari sa-puloh ribu ringgit, maka ia tidak-lah berhak mendapatkan balek apa jua perbelanjaan, bayaran2 atau belanja2 yang di-tanggong-nya dalam tindakan menuntut-nya melainkan mahkamah sedemikian mensahkan bahawa kes itu ada-lah patut untok di-bicharakan oleh Mahkamah Tinggi.

(3) Pertikaian2 berhubong dengan bayaran penyelamatan boleh di-selesaikan atas permohonan sama ada daripada penyelamat-nya atau dari pemilek harta-benda yang di-selamatkan itu atau ejen2 mereka masing2.

Pertolongan penaksir2 dalam pertikaian2 mengenai bayaran penyelamatan.

161. Sesabuah mahkamah boleh, bagi maksud menyelesaikan sesuatu pertikaian terhadap bayaran penyelamatan, mengundang untok membantu-nya sebarang orang yang mahir dalam hal2 laut sebagai penaksir, dan hendak-lah di-bayar sebagai sebahagian dari perbelanjaan perbicharaan kapada setiap penaksir itu terhadap perkhidmatan-nya wang sejumlah sebagaimana yang Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mengarahkan.

Rayuan dalam perkara pertikaian mengenai bayaran penyelamatan.

162. Tiada sebarang rayuan boleh di-buat dari sesuatu keputusan mana2 mahkamah terhadap bayaran penyelamatan melainkan jumlah yang di-pertikaikan itu melebehi lima ratus ringgit.

Penaksiran harta-benda oleh penerima.

163. (1) Jika apa jua pertikaian terhadap bayaran penyelamatan berbangkit, penerima dari daerah di-mana harta-benda itu berada terhadap mana tuntutan bayaran penyelamatan di-buat boleh, atas permohonan dari salah satu pehak, melantek seorang penaksir untok menilai harta-benda itu, dan hendak-lah memberi naskah2 penaksiran tersebut kapada kedua2 pehak.

(2) Sebarang naskah penaksiran yang di-katakan sebagai telah di-tandatangani oleh penaksir itu, dan yang akan di-sahkan sebagai naskah yang benar oleh penerima, ada-lah di-terima sebagai keterangan dalam sebarang per-bicharaan berikut-nya.

(3) Sejumlah bayaran sebagaimana yang Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mengarahkan hendak-lah di-bayar berthabit dengan penaksiran itu oleh orang yang memohon bayaran penyelamatan itu.

Penahanan harta-benda yang boleh di-kenakan bayaran penyelamatan oleh sesaorang penerima.

164. (1) Jika bayaran penyelamatan seharus-nya di-bayar kapada mana2 orang di-bawah Undang2 ini, maka penerima-nya hendak-lah —

(a) jika bayaran penyelamatan itu seharus-nya di-bayar terhadap perkhidmatan yang di-berikan dalam menolong mana2 kapal, atau dalam menyelamatkan nyawa dari kapal itu, atau dalam menyelamatkan barang muatan atau kelengkapan-nya, menahan kapal dan barang muatan atau kelengkapan itu ; dan

(b) jika bayaran penyelamatan itu seharus-nya di-bayar terhadap penyelamatan sebarang kandasan, dan kandasan itu tidak di-tuntut di-bawah Undang2 ini, menahan kandasan tersebut.

(2) Tertaalok kapada apa yang di-nyatakan selepas ini, penerima hendak-lah menahan kapal itu serta barang muatan dan kelengkapan-nya, atau kandasan itu (selepas ini di-sebut sebagai ''harta-benda yang di-tahan''), sehingga bayaran di-buat bagi penyelamatan kalau tidak surat perentah mahkamah akan di-keluarkan untok menangkap atau menahan-nya oleh Mahkamah Tinggi.

(3) Sesaorang penerima boleh melepaskan sebarang harta-benda yang di-tahan jika jaminan di-berikan sehingga memuaskan-nya atau, jika tuntutan bagi penyelamatan itu melebehi sa-ribu ringgit dan sebarang soal di-timbulkan mengenai kechukupan jaminan tersebut, sehingga memuaskan sesaorang Pendaftar.

(4) Sebarang jaminan yang di-berikan bagi penyelamatan menurut bab ini sejumlah yang melebehi sa-ribu ringgit boleh di-kuatkuasakan oleh Mahkamah Tinggi dengan chara yang sama seolah2 jaminan (bail) telah di-berikan dalam mahkamah itu.

Penjualan harta-benda yang di-tahan.

165. (1) Penerima boleh menjual sebarang harta-benda yang di-tahan jika orang2 yang kena membayar bayaran penyelamatan berthabit dengan mana harta-benda itu di-tahan mengetahui penahanan itu dalam perkara berikut :

(a) jika jumlah-nya tidak di-pertikaikan dan bayaran yang harus di-jelaskan tidak di-buat dalam tempoh dua puloh hari selepas bayaran itu seharus-nya di-bayar ;

(b) jika jumlah-nya di-pertikaikan dan rayuan tidak di-buat, dan bayaran tidak di-jelaskan dalam tempoh dua puloh hari selepas keputusan mahkamah itu ; atau

(c) jika jumlah-nya di-pertikaikan dan suatu rayuan di-buat dari keputusan mahkamah itu dan dalam tempoh dua puloh hari dari ketika keputusan itu tiada sebarang bayaran yang

harus di-bayar di-jelaskan dan juga tiada sebarang langkah perbicharaan bagi maksud rayuan itu di-lakukan.

(2) Hasil penjualan harta-benda yang di-tahan hendak-lah, selepas membayar perbelanjaan2 jualan itu, di-gunakan oleh penerima bagi membayar perbelanjaan2, bayaran2 dan bayaran penyelamatan, dan, setakat yang tidak di-kehendaki bagi maksud itu, hendak-lah di-bayar kapada pemilek2 harta-benda itu atau mana2 orang lain yang berhak menerima pembayaran itu.

Pembahagian bayaran penyelamatan oleh penerima.

166. (1) Jika jumlah kumpulan bagi bayaran penyelamatan yang harus di-bayar terhadap perkhid-matan penyelamatan yang di-beri dalam negeri Brunei telah di-tetapkan akhir-nya, sama ada dalam sesabuah Mahkamah Majistret atau dengan persetujuan, dan tidak melebehi sa-puloh ribu ringgit, akan tetapi suatu per-tikaian berbangkit tentang pembahagian-nya di-antara beberapa pehak yang menuntut, maka orang yang kena membayar jumlah bayaran itu boleh memohon kapada penerima kebebasan untok membayar jumlah bayaran itu kapada penerima.

(2) Penerima hendak-lah, jika pada fikiran-nya patut, menerima jumlah bayaran itu seterus-nya, dan hendak-lah memberi kapada orang yang menjelaskan jumlah bayaran tersebut sesuatu surat akuan mengenai jumlah bayaran yang di-jelaskan dan perkhidmatan terhadap mana ia-nya di-bayar, dan surat akuan itu ada-lah sebagai pembebasan penoh dan lepas tanggongan orang yang menjelaskan wang itu dan kapal, barang muatan, kelengkapan dan harta-benda-nya dari tuntutan semua orang sesiapa jua pun berthabit dengan perkhidmatan yang di-nyatakan dalam surat akuan itu.

(3) Penerima hendak-lah dengan seberapa chepat yang boleh membahagikan apa jua jumlah wang yang di-terima-nya di-bawah bab ini di-antara orang2 yang berhak terhadap-nya atas keterangan dan dengan bahagian2 dan kadar2 sebagaimana penerima memikirkan patut, dan boleh menyimpan sebarang wang yang pada fikiran-nya seharus-nya di-bayar kapada mana2 orang yang tidak hadir.

(4) Sesuatu pembahagian yang di-buat oleh penerima menurut bab ini ada-lah muktamad dan tidak boleh di-

ubah2 terhadap semua orang yang menuntut sebagai berhak keatas sebarang bahagian dari jumlah wang yang di-bahagikan dan pembahagian tersebut tidak-lah terta'alok kapada rayuan atau kajian semula di-mana2 mahkamah.

Pembahagian bayaran penyelamatan oleh Mahkamah Tinggi.

167. Bilamana jumlah kumpulan bayaran penyelamatan yang harus di-bayar terhadap perkhidmatan penyelamatan yang di-beri dalam negeri Brunei telah di-tetapkan akhir-nya dan melebehi sa-puloh ribu ringgit, dan bilamana jumlah kumpulan bayaran penyelamatan yang harus di-bayar terhadap perkhidmatan penyelamatan yang di-beri di-tempat lain itu telah di-tetapkan akhir-nya, apa jua jumlah-nya, maka, jika ber-bangkit sebarang kelambatan atau pertikaian mengenai pembahagian-nya, Mahkamah Tinggi boleh —

(a) menyebabkan jumlah bayaran penyelamatan itu supaya di-bahagikan di-antara orang2 yang berhak keatas-nya dengan chara yang di-fikirkan-nya patut, dan boleh bagi maksud itu, jika di-fikirkan-nya patut, melantek mana2 orang untok melakukan pembahagian itu ;

(b) memaksa mana2 orang dalam tangan siapa atau di-bawah jagaan siapa jumlah wang itu mungkin berada supaya membahagikan-nya atau membawa-nya ka-mahkamah untok di-selesaikan sebagaimana mahkamah mengarahkan ; dan

(c) bagi maksud2 yang di-nyatakan tadi mengeluarkan perentah2 sebagaimana mahkamah memikirkan patut.

Pembahagian bayaran penyelamatan antara tuanpunya2 kapal asing dan lain2.

168. Jika apa jua pertikaian berbangkit terhadap pem-bahagian sebarang jumlah bayaran penyelamatan di-antara tuanpunya2, juragan, juru pandu, anak2 kapal, dan lain2 orang dalam perkhidmatan mana2 kapal asing, jumlah bayaran itu hendak-lah di-bahagikan oleh mahkamah atau orang yang melakukan pembahagian tersebut menurut undang2 negeri yang mempunyai kapal itu.

Bidangkuasa Keatas Bayaran Penyelamatan

Bidangkuasa keatas bayaran penyelamatan.

169. Terta'alok kapada sharat2 Undang2 ini, Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Majistret, mengikut mana yang berkenaan, ada-lah mempunyai bidangkuasa untok membuat penentuan terhadap semua tuntutan apa jua yang berthabit dengan bayaran penyelamatan, sama ada kerja2 terhadap mana bayaran penyelamatan di-tuntut telah di-lakukan di-luar atau dalam negeri Brunei, atau sebahagian-nya di-luar dan sebahagian-nya dalam negeri Brunei, dan sama ada kandasan, terhadap mana bayaran penyelamatan di-tuntut di-jumpai di-laut atau di-darat atau sebahagian-nya di-laut dan sebahagian-nya di-darat.

Bayaran2 Kapada Penerima Kandasan

Bayaran2 penerima.

170. (1) Maka hendak-lah di-bayar kapada setiap penerima perbelanjaan2 yang di-tanggong oleh-nya dengan sewajar-nya dalam menjalankan tugas2-nya, dan juga, berthabit dengan perkara2 lain sebagaimana yang mungkin di-tetapkan, bayaran2 yang tidak melebehi jumlah2, sebagaimana yang mungkin di-tetapkan, akan tetapi sesaorang penerima tidak-lah berhak keatas sebarang pembayaran selain dari bayaran2 itu.

(2) Penerima ada-lah, selain dari mempunyai semua hak dan pembetulan2 bagi memperolehi balek perbelanjaan2 atau bayaran2 itu, mempunyai hak2 dan pembetulan2 yang sama keatas perbelanjaan2 dan bayaran2 itu saperti jua sesaorang penyelamat mempunyai berthabit dengan bayaran penyelamatan yang harus di-bayar kapada-nya.

(3) Apabila sebarang pertikaian berbangkit terhadap jumlah wang yang harus di-bayar kapada mana2 penerima berthabit dengan perbelanjaan2 atau bayaran2, pertikaian itu hendak-lah di-putuskan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, atau sesaorang yang Baginda boleh melantek bagi maksud itu, keputusan siapa ada-lah mu'tamad dan tidak terta'alok kapada rayuan atau kajian semula di-mana2 mahkamah.

(4) Semua bayaran yang di-terima oleh sesaorang penerima berthabit dengan sebarang kerja yang di-lakukan oleh-nya selaku penerima hendak-lah di-terangkan kapada Kerajaan, dan hendak-lah di-gunakan

untok membiayai mana2 perbelanjaan2 yang di-tanggong-nya dalam menjalankan kuatkuasa Undang2 ini, dan, ter-taalok kapada pengenaan itu, ada-lah merupakan sebahagian dari Kumpulan Wang Yang Di-Satukan.

BAHAGIAN VIII

PENYAMPAIAN BARANG2

Penyampaian Barang2 dan Hak Pegangan (Lien) terhadap Biaya Pengangkutan

Tafsiran.

171. Dalam Bahagian ini, kechuali jika maksud-nya berkehendakkan ma'ana yang lain —

"barang2" termasok setiap jenis barang dagangan (wares) dan barang peniagaan (merchandise) ;

"pemilek" jika di-gunakan berthabit dengan barang2 berma'ana tiap2 orang yang pada masa itu berhak, sama ada sebagai pemilek atau ejen bagi pemilek itu, keatas pemilekan barang2 tersebut, tertaalok dalam perkara hak pegangan (lien), jika ada, keatas hak pegangan itu ;

"tuanpunya kapal" termasok juragan kapal dan setiap orang yang di-beri kuasa untok bertindak sebagai ejen tuanpunya atau berhak untok menerima bayaran pengangkutan, gantirugi terhadap penahanan kapal, atau lain2 bayaran yang kena di-bayar berthabit dengan kapal itu ;

"gudang" termasok semua gudang, bangunan2/ kawasan dalam mana barang2, apabila di-punggah dari kapal2, boleh di-tempatkan dengan sah ;

"penyelenggara gudang" berma'ana pemegang jawatan penyelenggara sesabuah gudang ;

"tambatan" termasok semua tambatan, pengkalan2, dok2 dan bangunan2/kawasan dalam mana atau di-mana apa jua barang2, apabila di-punggah dari kapal2, boleh di-tempatkan dengan sah ;

"tuandermaga" berma'ana penjaga sesabuah der-maga.

Kuasa2 tuanpunya kapal untok mendaratkan barang2.

172. (1) Dengan tiada-nya sebarang susunan dengan mana pemilek apa jua barang2 yang telah di-impot dalam mana2 kapal kedalam mana2 pelabohan atau tempat dalam Brunei berhak untok mendaratkan atau menerima barang2 tersebut, atau jika pemilek barang2 itu tidak bersedia atau tidak mengemukakan untok mendaratkan atau menerima di-bawah susunan itu sesaorang punya kapal boleh sebaik2 sahaja kapal itu bersedia untok memunggah, mendaratkan atau memunggah dari kapal barang2 yang di-impot dalam sebarang kapal ka-Brunei pada bila2 masa selepas ketibaan kapal itu.

(2) Jika sesaorang tuanpunya kapal mendaratkan barang2 menurut bab ini, maka ia hendak-lah menempatkan-nya, atau menyebabkan-nya supaya di-tempatkan —

(a) jika mana2 dermaga atau gudang ada di-namakan dalam perjanjian pengangkutan (charter-party), senarai barang2 muatan (bill of lading) atau perjanjian, di-dermaga atau gudang di-mana barang2 itu akan di-tempatkan dan jika barang2 itu boleh di-terima dengan mudah, di-dermaga atau dalam gudang itu ; dan

(b) dalam sebarang hal yang lain, di-sesabuah dermaga atau dalam sesabuah gudang di-mana atau dalam mana barang2 sejenis yang serupa biasa-nya di-tempatkan.

Hak pegangan (lien) terhadap biaya pengangkutan manakala mendaratkan barang2.

173. (1) Jika pada bila2 masa bilamana barang2 di-daratkan dari sebarang kapal dan di-tarohkan dalam jagaan sesiapa jua sebagai tuandermaga (wharfinger) atau penyelenggara gudang (warehouseman) tuanpunya kapal itu ada memberikan kapada tuandermaga atau penyelenggara gudang notis bertulis bahawa barang2 itu akan terus terta'alok kapada hak pegangan (lien) terhadap biaya pengangkutan atau pengenaan2 bayaran lain yang kena di-bayar kapada tuanpunya sejumlah yang di-sebutkan dalam notis tersebut, maka barang2 yang di-daratkan itu ada-lah, yang di-dalam jagaan tuandermaga atau penyelenggara gudang itu, terus terta'alok kapada hak pegangan yang sama, jika ada, terhadap pengenaan2 bayaran sedemikian, sama saperti barang2 itu telah terta'alok sebelum pendaratan-nya.

(2) Tuandermaga atau penyelenggara gudang yang menerima barang2 itu hendak-lah menyimpan-nya sehingga hak pegangan itu di-lepaskan sebagaimana yang selepas ini di-nyatakan, dan hendak-lah, sekira-nya ia gagal berbuat demikian, menggantikan kapada tuanpunya kapal apa jua kerugian yang di-sebabkan oleh-nya.

Perlepasan hak pegangan.

174. Hak pegangan terhadap biaya pengangkutan dan pengenaan2 bayaran lain hendak-lah di-lepaskan —

(a) bilamana di-kemukakan kapada tuandermaga atau penyelenggara gudang suatu resit bagi jumlah yang di-tuntut yang seharus-nya di-bayar, dan penyampaian kapada tuandermaga atau penyelenggara gudang satu salinan resit itu atau satu surat pembebasan barang2 pengangkutan daripada tuanpunya kapal itu ; dan

(b) bilamana di-bayar wang pendahuluan oleh tuanpunya barang2 itu kapada tuandermaga atau penyelenggara gudang sejumlah wang yang sama jumlah-nya dengan jumlah wang yang di-tuntut sebagaimana yang di-sebutkan tadi oleh tuanpunya kapal itu,

tetapi dalam perkara yang terkemudian hak pegangan itu hendak-lah di-lepaskan dengan tidak menyentoh sebarang pembetulan (remedy) yang lain yang tuanpunya kapal mungkin ada bagi mendapatkan kembali biaya pengangkutan itu.

Sharat2 mengenai wang2 pendahuluan oleh tuanpunya2 barang2.

175. (1) Bilamana sesuatu wang pendahuluan sebagaimana yang di-sebutkan tadi di-bayar kapada tuandermaga atau penyelenggara gudang, orang yang membayar-nya boleh, dalam tempoh lima belas hari selepas membayar-nya, memberi kapada tuandermaga atau penyelenggara gudang itu notis bertulis untok menyimpan-nya, dengan menyatakan dalam notis itu jumlah2 wang, jika ada, yang ia akui akan kena di-bayar kapada tuanpunya kapal, atau, mengikut mana yang berkenaan, bahawa ia tidak mengakui yang sebarang jumlah wang akan seharus-nya di-bayar, tetapi jika tiada sebarang notis sedemikian di-berikan maka tuandermaga atau penyelenggara gudang boleh, manakala tamat tempoh lima belas hari itu, membayar jumlah wang yang telah di-dahulukan itu kapada tuanpunya kapal itu.

(2) Jika sesuatu notis di-berikan sebagaimana yang di-sebutkan tadi, tuandermaga atau penyelenggara gudang hendak-lah dengan serta-merta mema'alomkan tuan-punya kapal itu mengenai-nya, dan hendak-lah membayar atau memberikan kapada-nya daripada jumlah wang yang di-dahulukan itu jumlah wang, jika ada, yang telah di-akui dengan notis itu sebagai yang kena di-bayar, dan hendak-lah menyimpan baki-nya, atau, jika tidak ada sebarang jumlah wang yang di-akui sebagai yang kena di-bayar, maka semua jumlah wang yang di-dahulukan, selama tiga puloh hari daripada tarikh notis tersebut.

(3) Manakala tamat tempoh tiga puloh hari itu, kechuali tindakan undang2 telah buat sementara waktu di-mulakan oleh tuanpunya kapal terhadap tuanpunya barang2 untok mendapatkan kembali baki-nya atau jumlah wang tersebut, atau pun bagi penyelesaian sebarang pertikaian yang telah timbul di-antara mereka mengenai biaya pengangkutan atau pengenaan2 bayaran lain sebagaimana yang di-sebutkan tadi, dan notis bertulis mengenai tindakan itu telah di-sampaikan kapada tuandermaga atau penyelenggara gudang, tuandermaga atau penyelenggara gudang hendak-lah membayar baki-nya atau jumlah wang itu kapada tuanpunya barang2 tersebut.

(4) Sesaorang tuandermaga atau penyelenggara gudang ada-lah dengan melakukan sebarang pembayaran di-bawah bab ini di-lepaskan dari segala tanggongan ber-thabit dengan-nya.

(5) Bagi maksud2 bab ini "tindakan undang2" ada-lah di-anggap termasok timbangtara.

Penjualan barang2.

176. (1) Jika hak pegangan itu tidak di-lepaskan dan tidak ada sebarang wang pendahuluan di-bayar sebagaimana yang di-sebutkan tadi, maka tuandermaga atau penyeleng-gara gudang boleh, dan, jika di-kehendaki oleh tuanpunya kapal itu, hendak-lah, manakala tamat-nya tempoh sem-bilan puloh hari daripada ketika bilamana barang2 itu di-tarohkan dalam jagaan-nya, atau, jika barang2 itu sejenis yang tidak boleh tahan lama, dalam tempoh yang lebeh awal lagi yang atas pertimbangan-nya ia memikirkan patut, menjual sechara lelong awam barang2 itu atau beberapa dari-nya yang perlu untok menjelaskan penge-naan2 bayaran yang selepas ini di-nyatakan.

(2) Sebelum melakukan penjualan itu tuandermaga atau penyelenggara gudang hendak-lah memberi notis mengenai-nya sechara i'klan dalam sesabuah akhbar tempatan yang di-edarkan di-Brunei, dan hendak-lah juga, jika alamat tuanpunya barang2 itu telah di-nyatakan di-dalam daftar muatan kapal bagi barang muatan atau di-dalam mana2 dari dokumen2 yang sampai ka-dalam tangan tuandermaga atau penyelenggara gudang itu atau dengan sechara lain di-ketahui oleh-nya, menghantar notis penjualan kapada tuanpunya barang2 itu melalui pos.

(3) Hak sesaorang pembeli yang jujor memileki barang2 itu tidak boleh di-batalkan di-sebabkan oleh tidak menghantar notis yang di-kehendaki oleh bab ini, dan juga mana2 pembeli tidak-lah wajib untok menanyakan sama ada notis itu sudah di-hantar.

Penggunaan hasil2 penjualan.

177. Hasil2 penjualan-nya hendak-lah di-gunakan oleh tuandermaga atau penyelenggara gudang saperti berikut dan mengikut susunan yang berikut :—

(a) pertama, bagi pembayaran apa jua chukai yang di-kenakan bayaran kapada Kerajaan berthabit dengan-nya ; kemudian

(b) bagi pembayaran perbelanjaan2 dan penjualan itu ; kemudian

(c) bagi pembayaran pengenaan2 bayaran oleh tuandermaga atau penyelenggara gudang dan tuanpunya kapal menurut keutamaan sebagaimana yang di-tentukan oleh sharat2 perjanjian, jika ada, bagi maksud itu di-antara mereka, atau, sekira-nya tidak ada sebarang perjanjian sedemikian —

(i) bagi pembayaran sewa, kadar2 chukai dan pengenaan2 bayaran lain yang sepatut-nya di-bayar kapada tuandermaga atau penyelenggara gudang berthabit dengan barang2 tersebut ; dan kemudian pula

(ii) bagi pembayaran jumlah wang yang di-tuntut oleh tuanpunya kapal yang sepatut-nya di-bayar terhadap biaya pengangkutan atau pengenaan2 bayaran lain berthabit dengan barang2 tersebut,

dan baki yang berlebehan, jika ada, hendak-lah di-bayar kapada tuanpunya barang2 tersebut.

Sewa dan perbelanjaan2 penyelenggara gudang.

178. Bilamana saja apa jua barang di-tarohkan dalam jagaan sesaorang tuandermaga atau penyelenggara gudang di-bawah kuatkuasa Bahagian ini, tuandermaga atau penyelenggara gudang itu ada-lah berhak mendapat sewa berthabit dengan-nya, dan boleh juga, yang kena di-bayar oleh tuanpunya barang2 itu, melakukan segala perbuatan yang berpatutan yang pada fikiran tuandermaga atau penyelenggara gudang ada-lah perlu bagi penjagaan dan pemeliharaan barang2 itu dengan betul, dan ada-lah mempunyai hak pegangan keatas barang2 itu kerana sewa dan perbelanjaan2 tersebut ;

E 12 tahun 1982.

Dengan sharat bahawa, berkenaan dengan barang2 yang di-tarohkan dalam jagaan Jabatan Pelabohan2, kadar2 chukai yang sesuai yang di-kenakan di-bawah Undang2 Pelabohan2, 1981 hendak-lah di-bayar berthabit dengan barang2 itu dan bukan sewa yang di-sebutkan tadi, dan hak pegangan Kerajaan keatas barang2 itu dan segala kuasa dan pembetulan2 lain pehak Kerajaan di-bawah Undang2 itu bagi mendapatkan kembali kadar2 sewa sedemikian hendak-lah di-jalankan bagi pehak Kerajaan menurut sharat2 dari Undang2 itu.

Perlindongan penyelenggara gudang.

179. Tiada sebarang apa pun di-dalam Bahagian ini boleh memaksa mana2 tuandermaga atau penyelenggara gudang untok menguasai apa jua barang yang ia sepatut-nya telah tidak bertanggongjawab untok menguasai jika Undang2 ini belum lagi di-luluskan, atau pun ia bertanggongjawab untok memastikan sah-nya apa jua hak pegangan yang telah di-tuntut oleh mana2 tuanpunya kapal di-bawah Bahagian ini.

BAHAGIAN IX

TANGGONGAN PENGANGKUT2, TUANPUNYA2 KAPAL DAN PENYELAMAT2

Pengangkutan Penumpang2 dan Barang2 Bawaan dengan Jalan Laut

Konvenshen yang di-jadualkan akan mempunyai kuatkuasa undang2.

180. (1) Sharat2 Konvenshen yang berhubong dengan Pengangkutan Penumpang2 dan Barang2 Bawaan mereka dengan Jalan Laut sebagaimana yang di-huraikan dalam Bahagian I dari Jadual 1 (selepas ini dalam bab ini dan

dalam Bahagian2 II dan III dari Jadual itu di-sebut sebagai ''Konvenshen tersebut'') ada-lah mempunyai kuatkuasa terta'alok kapada sharat2 Bahagian itu.

(2) Sharat2 Bahagian II dari Jadual itu ada-lah mempunyai kuatkuasa berkaitan dengan Konvenshen tersebut dan cheraian (1) ada-lah mempunyai kuatkuasa terta'alok kapada sharat2 Bahagian itu.

(3) Pada dan selepas tarikh bilamana cheraian ini dan Bahagian III dari Jadual 1 mula berjalan kuatkuasa-nya, Bahagian2 I dan II dari Jadual itu ada-lah mempunyai kuatkuasa dengan pengubahsuaian2 yang di-tentukan dalam Bahagian III tersebut.

(4) Jika pada fikiran Sultan dalam Majlis Mashuarat bahawa terdapat sesuatu perselisehan di-antara sharat2 bab ini atau Bahagian I atau II dari Jadual 1 dengan sebarang sharat yang berhubong dengan pengangkutan penumpang2 atau barang2 bawaan kerana upahan dengan jalan darat, laut atau udara di-dalam —

(a) sebarang konvenshen yang telah di-tanda-tangani atau di-sahkan bagi pehak atau telah di-beri kuatkuasa undang2 di-Brunei sebelum Undang2 ini di-luluskan ;

(b) sebarang undang2 bertulis yang menguat-kuasakan sesuatu konvenshen sedemikian,

maka Baginda boleh dengan peratoran2 membuat pengubahsuaian2 kapada bab ini atau Jadual itu atau sebarang undang2 lain sebagaimana yang Baginda memikirkan wajar bagi menyelesaikan perselisehan itu.

(5) Jika pada fikiran Sultan dalam Majlis Mashuarat bahawa Kerajaan Brunei telah bersetuju dengan mana2 pindaan kapada Konvenshen tersebut atau bahawa sesuatu perjanjian telah di-buat bagi pehak Kerajaan, maka Baginda boleh dengan peratoran2 membuat pengubahsuaian2 kapada Bahagian2 I dan II dari Jadual 1 sebagaimana yang Baginda memikirkan wajar berikutan dengan pindaan itu.

(6) Tiada sebarang apa pun di-dalam cheraian (1), (2) atau (3) atau di-dalam sebarang pengubahsuaian yang di-buat dengan kuatkuasa cheraian (4) atau (5) boleh me-nyentoh sebarang hak atau tanggongan yang berbangkit dari sesuatu kejadian yang berlaku sebelum tarikh ketika

mana cheraian (1), (2) atau (3), atau pengubahsuaian itu yang mana satu berkenaan, mula berjalan kuatkuasa-nya.

(7) Bab ini tidak akan mengikat Kerajaan, dan mana2 peratoran yang di-buat dengan kuatkuasa bab ini boleh mensharatkan bahawa peratoran2 atau sharat2 yang di-tentukan dari peratoran2 itu ada-lah mengikat Kerajaan.

(8) Satu kenyataan dalam *Warta Kerajaan* yang di-buat dengan kuatkuasa bab 1 yang menetapkan tarikh dari mula berjalan-nya kuatkuasa Bahagian III dari Jadual 1 boleh mengandongi sharat2 peralehan sebagaimana yang Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan memikirkan wajar berkaitan dengan mula berjalan-nya kuatkuasa Bahagian itu.

Pengenaan Jadual 1 kapada pengangkutan antarabangsa sebelum berjalan-nya kuatkuasa bab 180(1) dan (2).

181. (1) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh dengan peratoran2 mensharatkan bahawa, dalam sebarang tempoh sebelum berjalan-nya kuatkuasa bab 180(1) dan (2), Bahagian I dari Jadual 1 —

(a) hendak-lah mempunyai kuatkuasa undang2 di-Brunei, dengan pèngubahsuaian2 sebagaimana yang di-tentukan dalam peratoran2 itu, berhubong dengan, dan terhadap perkara2 yang berkaitan dengan, mana2 perjanjian pengangkutan bagi pengangkutan antarabangsa yang di-buat di-Brunei dan mana2 perjanjian pengangkutan bagi pengangkutan antarabangsa di-bawah mana sesabuah tempat di-Brunei ia-lah tempat berlepas atau tempat tujuan ; dan

(b) hendak-lah, sebagaimana yang di-ubahsuai menurut perenggan (a), mempunyai kuatkuasa berhubong dengan, dan terhadap perkara2 yang berkaitan dengan, mana2 perjanjian yang terta'alok kapada sharat2 Bahagian II dari Jadual itu atau kapada sharat2 dengan pengubahsuaian2 yang di-tentukan dalam peratoran2 itu.

(2) Jika satu kenyataan dalam *Warta Kerajaan* yang menetapkan sesuatu tarikh bagi mula berjalan-nya kuatkuasa bab 180(1) dan (2) di-buat menurut bab 1 pada satu ketika bilamana peratoran2 di-buat dengan kuatkuasa cheraian (1) ada-lah berkuatkuasa, maka kenyataan yang menetapkan tarikh itu boleh mengan-

dongi sharat2 sebagaimana yang Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan memikirkan wajar (termasok sharat2 yang mengubahsuai sharat2 dari Jadual 1 oleh kerana sharat2 itu mempunyai kuatkuasa dengan kuatkuasa bab 180(1) dan (2)) bagi maksud mengendalikan perkara2 yang berbangkit, berkaitan dengan sesuatu perjanjian sebagaimana yang di-sebutkan dalam cheraian (1), berikutan dengan mula berjalan-nya kuatkuasa bab 180(1) dan (2).

(3) Peratoran2 yang di-buat dengan kuatkuasa cheraian (1) boleh mensharatkan bahawa peratoran2 itu atau sharat2 tertentu dari Peratoran2 itu ada-lah mengikat Kerajaan.

(4) Di-dalam cheraian (1), perkataan2 kapada mana ma'ana2 ada-lah di-berikan oleh fasal 1 dari Konvenshen tersebut yang di-huraikan sebagaimana yang di-sebutkan dalam bab 180(1) mempunyai ma'ana2 itu tetapi sebarang sebutan mengenai dengan sesuatu perjanjian pengangkutan tidak-lah termasok sesuatu perjanjian yang bukan kerana upah.

Tanggongan tuanpunya2 kapal dan penyelamat2

Had tanggongan.

182. (1) Sharat2 Konvenshen mengenai Had Tanggongan bagi Tuntutan2 berkaitan dengan Laut 1976 (Convention on Limitation of Liability for Maritime Claims 1976) sebagaimana yang di-huraikan dalam Bahagian I dari Jadual 2 (selepas ini dalam bab ini dan dalam Bahagian2 II dan III dari Jadual itu di-sebut sebagai "Konvenshen tersebut") ada-lah mempunyai kuatkuasa undang2 di-Brunei.

(2) Sharat2 Bahagian II dari Jadual itu ada-lah mempunyai kuatkuasa berkaitan dengan Konvenshen tersebut, dan cheraian (1) ada-lah mempunyai kuatkuasa terta'alok kapada sharat2 Bahagian itu.

(3) Pada dan selepas tarikh ketika mana cheraian ini dan Bahagian II dari Jadual 2 mula berjalan kuatkuasa-nya Bahagian2 I dan II dari Jadual itu ada-lah mempunyai kuatkuasa dengan pengubahsuaian2 yang di-tentukan dalam Bahagian III tersebut.

(4) Jika pada fikiran Sultan dalam Majlis Mashuarat bahawa Kerajaan Brunei telah bersetuju dengan mana2 pindaan kapada Konvenshen tersebut atau bahawa

sesuatu perjanjian telah di-buat bagi pehak Kerajaan, maka Baginda boleh dengan peratoran2 membuat pengubahsuaian2 kapada Bahagian2 I dan II dari Jadual 2 sebagaimana yang Baginda memikirkan wajar berikutan dengan pindaan itu.

(5) Satu kenyataan dalam *Warta Kerajaan* yang di-buat dengan kuatkuasa bab 1 yang menetapkan sesuatu tarikh bagi mula berjalan-nya kuatkuasa Bahagian III dari Jadual 2 boleh mengandongi sharat2 peralehan sebagaimana yang Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan memikirkan wajar berkaitan dengan mula berjalan-nya kuatkuasa Bahagian itu.

Terkeluar dari tanggongan.

183. (1) Terta'alok kapada cheraian (3), tuanpunya sesabuah kapal Brunei tidak-lah bertanggongjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan dalam perkara2 yang berikut, ia-itu —

(a) jika sebarang harta-benda di-dalam kapal itu hilang atau rosak oleh sebab kebakaran dalam kapal itu ; atau

(b) jika apa jua emas, perak, jam2 tangan, batu2 permata atau batu2 berharga di-dalam kapal itu hilang atau rosak di-sebabkan oleh kechurian, rompakan atau kelakuan yang tidak jujur yang lain dan jenis serta nilai harga-nya telah tidak pada ketika pengiriman dengan kapal di-nyatakan oleh pemilek atau pengirim-nya kapada tuanpunya atau juragan kapal itu dalam daftar muatan atau lain sechara ber-tulis.

(2) Terta'alok kapada cheraian (3), jika kehilangan atau kerosakan itu berbangkit dari sebarang apa yang telah di-lakukan atau tidak di-lakukan oleh sesiapa jua dalam kedudokan-nya sebagai juragan atau anggota anak2 kapal atau (selain dari dalam kedudokan itu) semasa men-jalankan pekerjaan-nya sebagai seorang pekerja kapada tuanpunya kapal, maka cheraian (1) ada-lah juga mengeluarkan tanggongan —

(a) juragan, anggota anak2 kapada atau pekerja-nya ; dan

(b) dalam perkara jika juragan atau anggota anak2 kapal-nya itu ada-lah pekerja kapada sesaorang yang tanggongan-nya tidak akan terkeluar oleh cheraian itu selain dari perenggan ini, maka orang kapada siapa ia ada-lah pekerja-nya.

(3) Bab ini tidak menyisehkan tanggongan sesiapa jua terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan akibah dari apa jua perbuatan atau ketinggalan-nya sendiri sebagaimana yang di-sebutkan dalam Fasal 4 dari Konvenshen tersebut dalam Bahagian I dari Jadual 2.

(4) Di-dalam bab ini ''tuanpunya'', berhubong dengan sesabuah kapal, termasok sesiapa jua yang mempunyai sebahagian dari kapal itu dan sebarang penyewa (charterer), pengurus atau pengendali (operator) kapal itu.

Pengenaan bab2 182 dan 183.

184. (1) Tiada sebarang apa pun di-dalam bab2 182 dan 183 atau Jadual 2 boleh di-kenakan berhubong dengan apa jua tanggongan yang berbangkit dari sesuatu kejadian yang telah berlaku sebelum berjalan-nya kuatkuasa bab2 itu.

(2) Sharat2 yang mempunyai kuatkuasa undang2 di-bawah bab 182 tidak-lah di-kenakan kapada sebarang tanggongan berthabit dengan kehilangan nyawa atau kechederaan diri yang di-sebabkan kapada, atau kehilangan atau kerosakan kapada apa jua harta-benda, sesaorang yang berada di-dalam kapal berkenaan atau berkerja berkaitan dengan kapal itu atau usaha2 penyelamatan berkenaan jika ia-nya berada di-dalam kapal itu atau berkerja di-bawah perjanjian perkhidmatan (contract of service) yang di-kuasai oleh undang2 Brunei, dan di-dalam cheraian ini ''kapal'' dan ''usaha2 penyelamatan'' mempunyai ma'ana yang sama saperti yang di-dalam sharat2 itu.

BAHAGIAN X

SHARAT2 MENGENAI PELANGGARAN2 DAN HAD

Sharat2 Mengenai Pelanggaran2, dsb

Atoran2 mengenai pembahagian kerugian.

185. (1) Jika, dengan sebab kesalahan dua buah kapal atau lebeh, kerosakan atau kerugian terjadi kapada sebuah

atau lebeh dari kapal2 itu, kapada barang2 muatan atau biaya pengangkutan-nya, atau kapada sebarang harta-benda dalam kapal, maka tanggongan untok membayar kerosakan atau kerugian itu hendak-lah seimbang dengan berat-nya kesalahan tiap2 kapal itu :

Dengan sharat bahawa —

(a) jika, memandang kapada hal2 keadaan perkara itu pada keselurohan-nya, tidak boleh di-tentukan kadar berat-nya kesalahan, maka tanggongan hendak-lah di-bahagikan sama rata ; dan

(b) tiada sebarang apa dalam bab ini boleh berkuatkuasa supaya menyebabkan mana2 kapal bertanggongjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan terhadap mana kesalahan kapal itu telah tidak menyebabkan-nya ; dan

(c) tiada sebarang apa dalam bab ini boleh me-nyentoh tanggongan mana2 orang di-bawah sesuatu kontrek pengangkutan atau sebarang kontrek, atau boleh di-ertikan sebagai mengenakan apa jua tanggongan keatas mana2 orang terhadap mana ia-nya di-kechualikan oleh sebarang kontrek atau oleh mana2 sharat undang2, atau sebagai menyentoh hak mana2 orang untok menghadkan tanggongan-nya dengan chara yang di-persharatkan oleh un-dang2.

(2) Bagi maksud2 Bahagian ini, sebutan "biaya pengangkutan" termasok tambang pelayaran dan sewa, dan sebutan2 terhadap kerosakan atau kerugian yang di-sebabkan oleh kesalahan sesabuah kapal hendak-lah di-ertikan sebagai termasok sebutan2 berthabit dengan sebarang bayaran penyelamatan atau perbelanjaan2 lain, akibah dari kesalahan itu, yang boleh di-perolehi di-segi undang2 dengan chara gantirugi.

Gantirugi terhadap kechederaan2 diri.

186. Jika kehilangan nyawa atau kechederaan diri di-alami oleh mana2 orang dalam sesabuah kapal di-sebabkan oleh kesalahan kapal itu dan sebarang kapal atau kapal2 lain, maka tanggongan tuanpunya2 kapal itu ada-lah bersama-sama dan masing2 :

Dengan sharat bahawa tiada sebarang apa dalam bab ini boleh di-ertikan sebagai meniadakan mana2 orang apa jua hak pembelaan keatas mana, yang tiada kaitan dengan bab ini, ia mungkin bergantong dalam sesuatu tindakan terhadap-nya yang di-ambil oleh orang yang chedera itu, atau mana2 orang atau orang2 yang berhak untok menda'awa berthabit dengan kehilangan nyawa itu, atau boleh menyentoh hak mana2 orang untok menghadkan tanggongan-nya dalam perkara2 yang berhubong dengan bab ini dengan chara yang di-persharatkan oleh undang2.

Hak mendapatkan sumbangan.

187. (1) Jika kehilangan nyawa atau kechederaan diri di-alami oleh mana2 orang dalam sesabuah kapal di-sebabkan oleh kesalahan kapal itu dan sebarang kapal atau kapal2 lain, dan sebahagian dari gantirugi-nya dapat di-perolehi balek dari tuanpunya2 salah sebuah daripada kapal2 itu yang melebehi dari kadar kesalahan kapal itu, maka mereka itu boleh mendapatkan kembali dengan chara sumbangan jumlah yang lebeh itu dari tuanpunya2 kapal atau kapal2 yang lain itu setakat mana kapal2 itu masing2-nya telah bersalah :

Dengan sharat bahawa tiada sebarang jumlah boleh di-perolehi balek yang tidak boleh, atas sebab sebarang had tanggongan di-segi undang2 atau kontrek atau pengechualian dari, tanggongan, atau tidak boleh atas sebarang sebab lain, di-perolehi balek pada mula-nya sebagai gantirugi oleh orang2 yang berhak untok menda'awa bagi mendapatkan-nya.

(2) Selain dari sebarang pembetulan lain yang di-sharatkan oleh undang2, orang2 yang berhak keatas sebarang sumbangan saperti yang di-nyatakan tadi ada-lah, bagi maksud mendapatkan balek sumbangan itu, mempunyai, terta'alok kapada sharat2 Undang2 ini, hak2 dan kuasa2 yang sama saperti orang2 yang berhak untok menda'awa bagi mendapatkan gantirugi pada mula-nya.

Sharat2 'Am

Had2 tindakan.

188. Tiada sebarang tindakan boleh di-teruskan bagi menguatkuasakan mana2 tuntutan atau hak pegangan terhadap sesabuah kapal atau tuanpunya2 kapal itu ber-thabit dengan sebarang kerosakan atau kerugian kapada kapal lain, barang muatan atau biaya pengangkutan-nya, atau sebarang harta-benda di-dalam-nya, atau gantirugi

kerana kehilangan nyawa atau kechederaan diri yang di-alami oleh mana2 orang yang berada di-dalam-nya, di-sebabkan oleh kesalahan kapal yang mula2 itu, sama ada kapal tersebut bersalah pada keselurohan-nya atau sebahagian-nya, atau berthabit dengan sebarang kerja2 menyelamat, kechuali langkah2 tindakan undang2 di-mulakan dalam masa dua tahun dari tarikh bilamana kerosakan atau kerugian atau kechederaan itu terjadi atau kerja2 menyelamat di-berikan, dan sesuatu tindakan tidak boleh di-teruskan di-bawah Undang2 ini untok menguatkuasakan apa jua sumbangan terhadap bahagian sebarang gantirugi yang di-bayar berlebehan kerana kehilangan nyawa atau kechederaan diri kechuali langkah2 tindakan undang2 di-mulakan dalam sa-tahun dari tarikh pembayaran ;

Dengan sharat bahawa mana2 mahkamah yang mem-punyai bidangkuasa untok membicharakan sesuatu tin-dakan yang berhubong dengan bab ini, boleh, menurut atoran2 mahkamah, melanjutkan sebarang tempoh itu, setakat dan dengan sharat2 yang di-fikirkan-nya patut, dan hendak-lah jika berpuas hati bahawa tiada sebarang peluang yang munasabah dalam tempoh itu untok menangkap kapal pehak yang di-tuntut dalam bidangkuasa mahkamah itu, atau dalam perayeran wilayah negeri oleh mana kapal pehak menuntut di-punyai atau dalam mana pehak menuntut tinggal atau mempunyai tempat perniagaan utama-nya, melanjutkan sebarang tempoh itu setakat yang menchukupi untok memberi peluang yang munasabah.

Pengenaan Bahagian.

189. (1) Sharat2 bab ini ada-lah di-kenakan kapada sebarang orang, selain dari tuanpunya2, yang bertang-gongjawab terhadap kesalahan kapal itu seolah2 sebutan ''tuanpunya'' termasok orang2, dan dalam apa jua perkara di-mana, oleh sebab sewaan (charter) atau kematian, atau oleh apa jua sebab lain, tuanpunya2 tidak-lah bertang-gongjawab terhadap pelayaran dan pengendalian kapal itu, maka sharat2 itu hendak-lah di-bacha seolah2 bagi sebutan2 tuanpunya2 telah di-gantikan dengan sebutan2 penyewa atau lain2 orang yang pada masa itu bertang-gongjawab.

8 & 9 Geo. 6 C. 28 Cap. 2

(2) The Law Reform (Contributary Negligence) Act 1945 sebagaimana di-kenakan kapada Brunei oleh Ap-plication of Laws Enactment (Pengenaan Undang2) tidak-

lah di-kenakan kapada mana2 tuntutan terhadap mana bab 185 di-kenakan dan bahagian ini ada-lah berkuatkuasa seolah2 Act of 1945 (Undang2 1945) tersebut telah tidak di-kenakan kapada Brunei.

BAHAGIAN XI

PENGANGKUTAN BARANG2 MELALUI LAUT

Pengenaan Hague Rules (Atoran2 Hague) sebagaimana di-pinda.

190. (1) Di-dalam Bahagian ini, "Atoran2 tersebut" ber-ma'ana Konvenshen Antarabangsa bagi penyatuan atoran2 undang2 tertentu berhubong dengan daftar2 muatan yang di-tandatangani di-Brussels pada 25hb Ogos 1924, sebagaimana di-pinda oleh Protokol (Protocol) yang di-tandatangani di-Brussels pada 23hb. Februari 1968.

(2) Sharat2 dari Atoran2 tersebut, sebagaimana yang di-huraikan dalam Jadual 3 ada-lah mempunyai kuatkuasa undang2.

(3) Dengan tidak menyentoh cheraian (2), sharat2 tersebut ada-lah mempunyai kuatkuasa (dan mempunyai kuatkuasa undang2) berhubong dengan dan berkaitan dengan pengangkutan barang2 melalui laut dalam kapal2 di-mana pelabohan pengiriman-nya dengan kapal ia-lah sesabuah pelabohan atau tempat di-Brunei, sama ada atau tidak pengangkutan itu di-lakukan di-antara pelabohan2 dalam dua buah Negeri yang berlainan dalam bidang ma'ana Fasal X dari Atoran2 tersebut.

(4) Terta'alok kapada cheraian (6), tiada sebarang apa pun di-dalam bab ini boleh di-anggap sebagai mengenakan apa jua yang di-dalam Atoran2 tersebut kapada apa jua perjanjian bagi pengangkutan barang2 melalui laut, kechuali perjanjian itu dengan tegas-nya atau di-ertikan ada mempersharatkan bagi pengeluaran daftar muatan atau apa jua dokumen hakmilek yang serupa.

(5) Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dari masa kesemasa dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* menentukan jumlah2 masing2 yang mana bagi maksud2 perenggan 5 dari Fasal IV dari Atoran2 tersebut dan Fasal IV dari perenggan 5 dari Atoran2 tersebut akan di-anggap sebagai yang bersa-maan dengan jumlah2 wang yang di-nyatakan dalam wang franc yang di-sebutkan dalam perenggan kechil (a) dari perenggan itu.

(6) Dengan tidak menyentoh Fasal X(c) dari Atoran2 tersebut, Atoran2 tersebut ada-lah mempunyai kuatkuasa undang2 berhubong dengan —

(a) apa jua daftar muatan jika perjanjian yang terkandong di-dalam atau di-buktikan oleh-nya dengan nyata mensharatkan bahawa Atoran2 tersebut ada-lah menguasai perjanjian tersebut ; dan

(b) apa jua resit yang bukan dokumen yang boleh di-tukar menjadi wang yang di-tandakan sedemikian jika perjanjian yang terkandong di-dalam atau di-buktikan oleh-nya ada-lah per-janjian bagi pengangkutan barang2 melalui laut yang dengan nyata mensharatkan bahawa Atoran2 tersebut akan menguasai perjanjian itu seolah2 resit itu ia-lah satu daftar muatan,

tetapi terta'alok, jika perenggan (b) di-kenakan, kapada apa jua pengubahsuaian yang perlu dan khusus-nya dengan meninggalkan ayat kedua dari perenggan 4 dan dari perenggan 7 dalam Fasal III dari Atoran2 tersebut.

(7) Jika dan setakat perjanjian yang terkandong di-dalam atau di-buktikan oleh sesuatu daftar muatan atau resit di-dalam cheraian 6 (a) atau (b) di-kenakan kapada barang2 muatan dek atau binatang2 hidup, maka Atoran2 tersebut sebagaimana yang di-beri kuatkuasa undang2 oleh cheraian itu ada-lah mempunyai kuatkuasa seolah2 Fasal I (c) tidak menyisehkan barang2 muatan dek dan binatang2 hidup.

(8) Di-dalam cheraian (7), "barang2 muatan dek" ber-ma'ana barang2 muatan yang mana dengan perjanjian pengangkutan ada-lah di-nyatakan sebagai sedang di-bawa di-atas dek dan di-bawa sedemikian.

Negeri2 yang menyertai perjanjian, dsb.

191. (1) Jika Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mengesahkan dengan kenya-taan dalam *Warta Kerajaan* bahawa bagi maksud2 Atoran2 tersebut —

(a) sesabuah Negeri yang di-nyatakan dalam kenyataan itu ada-lah sebuah Negeri yang menyertai perjanjian, atau sebuah Negeri yang

menyertai perjanjian berthabit dengan mana2 tempat atau wilayah yang di-nyatakan demikian ; atau

(b) mana2 tempat atau wilayah yang di-nyatakan dalam kenyataan itu merupakan sebahagian dari sesabuah negeri yang di-nyatakan demikian (sama ada sesabuah Negeri yang menyertai perjanjian atau tidak),

maka kenyataan itu ada-lah, kechuali setakat ia-nya telah di-ganti oleh sesuatu kenyataan selepas itu, menjadi bukti mu'tamad bagi perkara2 yang telah di-sahkan demikian.

(2) Sesuatu kenyataan di-bawah bab ini boleh di-ubah atau di-batalkan oleh sesuatu kenyataan selepas itu.

Jaminan penoh terhadap keselamatan kapal belayar tidak akan di-sifatkan ada dalam perjanjian2 terhadap mana Atoran2 di-kenakan.

192. Tidak akan di-sifatkan ada dalam sebarang perjanjian pengangkutan barang2 melalui laut terhadap mana Atoran2 tersebut di-kenakan dengan kuatkuasa Undang2 ini suatu jaminan penoh oleh pengangkut barang2 itu untok mengadakan sesabuah kapal yang selamat dilayarkan.

Tambahan.

193. Ada-lah dengan ini di-ishtiharkan bahawa bagi maksud2 Fasal VIII dari Atoran2 tersebut bab 183 ia-lah satu sharat berhubong dengan had tanggongan.

BAHAGIAN XII

LANGKAH2 PEMBICHARAAN DI-SISI UNDANG2

Penda'awaan terhadap Kesalahan2

Penda'awaan2 siapa yang akan memulakan.

194. Tiada sesiapa pun boleh di-tudoh melakukan apa jua kesalahan di-bawah Undang2 ini, selain dari satu kesalahan di-bawah bab 117(1) atau satu kesalahan berhubong dengan tatatertib atau perentah di-dalam sesabuah kapal, kechuali atas aduan atau dengan persetujuan Pengarah, Pendaftar, sesaorang pemereksa Kerajaan atau sesaorang pegawai polis berpangkat atau lebeh tinggi dari pangkat merinyu.

Kenyataan2 tidak benar, pemalsuan, dsb.

195. Dengan tidak menghiraukan bab2 55 dan 56, barang siapa yang —

(a) bagi maksud mana2 sharat dari Undang2 ini membuat apa jua kenyataan yang ia tahu tidak benar atau dengan sembrono membuat sesuatu kenyataan yang tidak benar dalam sesuatu perkara penting yang tertentu ; atau

(b) membuat, menolong dalam membuat atau menyebabkan supaya di-buat sebarang kenyataan yang tidak benar bagi maksud mendapatkan sama ada untok diri-nya sendiri atau mana2 orang lain apa jua sijil, lesen atau dokumen lain yang mungkin di-keluarkan atau di-kehendaki di-bawah Undang2 ini ; atau

(c) memalsukan atau dengan penipuan mengubah, menyembunyikan atau memusnahkan atau menolong dalam memalsukan atau dengan penipuan mengubah, menyembunyikan atau memusnahkan, atau menyebabkan supaya di-palsukan atau dengan penipuan mengubah, menyembunyikan atau memusnahkan mana2 daftar atau mana2 sijil, lesen atau lain2 dokumen sedemikian ; atau

(d) dengan penipuan menggunakan mana2 daftar atau mana2 sijil, lesen atau lain2 dokumen sedemikian yang telah di-palsukan, di-ubah, di-batalkan atau di-gantong, atau terhadap mana ia tidak berhak ; atau

(e) dengan penipuan membenarkan sebarang daftar atau mana2 sijil, lesen atau lain2 dokumen sedemikian supaya di-gunakan oleh sebarang orang lain ; atau

(f) menjual, membeli, melepaskan, menerima atau menggunakan mana2 daftar atau mana2 sijil, lesen atau lain2 dokumen sedemikian terhadap mana ia tidak berhak,

ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak dua ribu ringgit dan penjara selama dua tahun.

Melanggar Undang2 ada-lah suatu kesalahan.

196. Barangsiapa dengan sengaja melanggar sebarang sharat dari Undang2 ini ada-lah bersalah dan jika tiada

sebarang hukuman khas di-kenakan dalam Undang2 ini bagi pelanggaran sedemikian, boleh di-kenakan denda sebanyak sa-ribu ringgit dan penjara selama enam bulan.

Mahkamah untok pembicharaan kesalahan2.

197. Kechuali jika maksud-nya berkehendakkan ma'ana yang lain, sebarang kesalahan di-bawah Undang2 ini boleh di-bicharakan sama ada oleh Mahkamah Tinggi atau sesabuah Mahkamah Majistret dan, Mahkamah Majistret itu ada-lah, dengan tidak menyentoh sharat2 sebarang undang2 bertulis lain, mempunyai bidangkuasa untok menjatohkan hukuman maksima yang di-sharatkan bagi kesalahan itu oleh Undang2 ini.

Tanggongan dan Perlindongan Pegawai2 Kerajaan

Tanggongan dan perlindongan pegawai2 Kerajaan.

198. Setiap orang yang di-lantek atau di-beri kuasa di-bawah Undang2 ini bagi mana2 dari maksud2 Undang2 ini —

(a) hendak-lah, apabila bertindak menurut apa jua maksud itu, di-anggap sebagai sesaorang pegawai kerajaan dalam bidang ma'ana Undang2 Hukuman Jenayah (Penal Code) ; dan Penggal 22.

(b) tidak-lah sendiri-nya bertanggongjawab terhadap sebarang perbuatan yang telah di-lakukan atau tidak di-lakukan oleh-nya dengan sechara jujor dalam melaksanakan atau chadangan melaksanakan sebarang tugas di-bawah Undang2 ini.

Bidangkuasa

Sharat mengenai bidangkuasa jika berlaku kesalahan2.

199. Bagi maksud memberi bidangkuasa di-bawah Undang2 ini, setiap kesalahan hendak-lah di-anggap sebagai telah di-lakukan, dan setiap sebab pengaduan yang telah berbangkit, sama ada di-tempat di-mana kesalahan atau pengaduan itu sebenar-nya telah di-lakukan atau berbangkit atau di-sebarang tempat di-mana pesalah atau orang yang di-adu mungkin berada.

Bidangkuasa keatas kapal2 yang berlaboh dekat pantai.

200. Jika mana2 daerah di-mana sebarang mahkamah mempunyai bidangkuasa sama ada di-bawah Undang2 ini atau mana2 undang2 bertulis yang lain atau common law

bagi apa jua maksud terletak di-pantai mana2 laut, atau berdampingan dengan atau menganjur ka-dalam mana2 telok, selat, danau, sungai atau lain2 perayeran yang boleh di-layari, maka setiap mahkamah itu ada-lah mempunyai bidangkuasa keatas mana2 kapal yang berada, atau berlaboh atau melewati, pesisir pantai itu atau sedang berada di-dalam atau dekat telok, selat, danau, sungai atau perayeran yang boleh di-layari itu dan keatas semua orang dalam kapal itu atau pada masa itu dari kapal tersebut, dengan chara yang sama seolah2 kapal atau orang2 itu berada dalam kawasan bidangkuasa asal mahkamah itu.

Bidangkuasa jika berlaku kesalahan2 di-dalam kapal.

201. Jika mana2 orang, siapa ada-lah seorang warganegara Brunei, di-tudoh telah melakukan apa2 kesalahan di-dalam mana2 kapal Brunei di-laut lepas atau di-mana2 pelabohan atau pengkalan kapal asing atau di-dalam mana2 kapal asing yang ia bukan dari kapal itu, atau, yang bukan sesaorang warganegara Brunei, di-tudoh telah melakukan apa2 kesalahan di-dalam mana2 kapal Brunei di-laut lepas, dan orang itu di-dapati berada di-dalam bidangkuasa mana2 mahkamah di-Brunei yang akan mempunyai hak menjalankan kuasa keatas kesalahan itu kalau-lah kesalahan itu telah di-lakukan di-dalam sesabuah kapal Brunei dalam kawasan bidangkuasa biasa-nya, maka mahkamah ada-lah mempunyai bidangkuasa untok membicharakan kesalahan itu seolah2 kesalahan itu telah di-lakukan saperti tersebut.

Penahanan Kapal dan Penahanan Harta Kapal

Menguatkuasakan penahanan kapal. No. E 12 tahun 1982.

202. Jika di-bawah Undang2 ini sesabuah kapal akan atau mungkin di-tahan, dan selepas penahanan sedemikian, maka sharat2 bab 29 dari Undang2 Pelabohan2, 1981 hendak-lah di-kenakan.

Wang2 yang di-perentahkan supaya di-bayar di-pungut dengan menahan harta kapal.

203. Jika mana2 mahkamah mempunyai kuasa untok membuat sesuatu perentah yang mengarahkan pembayaran supaya di-buat dari gaji mana2 kelasi, denda2 atau jumlah wang yang lain, ketika itu, jika pehak yang di-arahkan supaya membayar jumlah wang tersebut ia-lah juragan atau tuanpunya sesabuah kapal, dan jumlah wang itu tidak di-bayar pada masa itu dan sechara yang di-tetapkan dalam perentah tersebut, maka mahkamah yang telah membuat perentah itu boleh, selain dari sebarang kuasa yang lain yang di-punyai-nya bagi maksud

memaksa pembayaran, mengarahkan supaya jumlah wang yang maseh belum di-bayar di-pungut dengan penahanan harta dan penjualan kapal itu, alat2, perabot dan kelengkapan-nya.

Keterangan dan Penyampaian Dokumen2

Keterangan2 dengan bersumpah hendak-lah di-terima dalam keterangan bilamana saksi tidak dapat di-hadapkan.

204. (1) Bilamana dalam sebarang tindakan undang2 yang di-ambil di-hadapan mana2 mahkamah, atau di-hadapan mana2 orang yang di-beri kuasa oleh undang2 atau dengan persetujuan pehak2 berkenaan untok menerima keterangan, keterangan lisan mana2 saksi ada-lah di-kehendaki berhubong dengan tajok perkara tindakan undang2 itu, maka apabila di-buktikan bahawa saksi itu tidak boleh di-dapati dalam Brunei, apa2 keterangan dengan bersumpah yang telah di-buat sebelum-nya oleh seorang saksi dengan bersumpah berhubong dengan tajok perkara yang sama di-hadapan mana2 hakim atau majistret dalam mana2 negeri Commonwealth atau di-hadapan mana2 pegawai Konsol British di-negeri lain boleh di-terima sebagai keterangan :

Dengan sharat bahawa —

(a) jika keterangan dengan bersumpah itu telah di-buat dalam negeri Brunei, maka keterangan itu tidak boleh di-terima dalam mana2 tindakan undang2 yang di-ambil dalam negeri Brunei, dan

(b) jika tindakan undang2 itu tindakan jenayah, maka keterangan itu tidak boleh di-terima melainkan ia-nya di-buat di-hadapan orang yang di-tudoh itu.

(2) Sesuatu keterangan dengan bersumpah yang di-buat sedemikian hendak-lah di-sahkan dengan tanda-tangan hakim, majistret atau pegawai konsol di-hadapan siapa keterangan itu di-buat ; dan hakim, majistret atau pegawai konsol itu hendak-lah mengesahkan, jika perkara itu benar, bahawa orang yang di-tudoh itu telah hadzir pada ketika keterangan itu di-ambil.

(3) Sesuatu keterangan dengan bersumpah yang di-buat sedemikian hendak-lah di-anggap sebagai telah di-sahkan jika keterangan itu nampak-nya telah di-tandatangani oleh hakim, majistret atau pegawai konsol di-hadapan siapa ia-nya di-buat.

(4) Tidak-lah perlu dalam apa jua perkara untok membuktikan tandatangan atau jawatan rasmi orang yang nampak-nya telah menandatangani sebarang keterangan itu, dan dalam sebarang langkah pembicharaan jenayah sesuatu surat akuan di-bawah bab ini ada-lah, kechuali di-buktikan sebalek-nya, menchukupi sebagai keterangan bahawa orang yang di-tudoh telah hadzir sechara yang di-sahkan itu.

(5) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh menyentoh mana2 kes dalam mana keterangan2 dengan bersumpah yang di-ambil dalam sebarang tindakan undang2 yang di-terima sebagai keterangan oleh sebarang undang2 lain atau mengganggu amalan yang lazim sebarang mahkamah dalam mana keterangan dengan bersumpah yang tidak di-sahkan sebagaimana di-nyatakan sebelum ini boleh di-terima.

Penggunaan buku harian rasmi dan perjanjian anak2 kapal sebagai keterangan.

205. Dalam sebarang langkah pembicharaan dalam mana2 mahkamah terhadap mana2 orang kerana melanggar mana2 sharat Undang2 ini, semua chatetan dalam buku harian rasmi mana2 kapal dan mana2 perjanjian2 anak2 kapal hendak-lah di-terima dalam keterangan ter-taalok kapada semua pengechualian yang saksama.

Penyampaian dokumen2.

206. (1) Jika, bagi maksud2 Undang2 ini, sebarang dokumen yang akan di-sampaikan kapada sesiapa, dokumen itu boleh di-sampaikan —

(a) dalam apa jua perkara dengan menyampaikan satu salinan-nya kapada orang yang akan di-sampaikan itu sendiri, atau dengan meninggalkan salinan itu di-tempat kediaman-nya yang akhir ; dan

(b) jika dokumen itu akan di-sampaikan kapada juragan sesabuah kapal, jika ada, atau kapada sesaorang dari sesabuah kapal, dengan meninggalkan dokumen itu untok-nya dalam kapal itu dengan orang yang atau nampak-nya bertanggongjawab atau berkuasa di-kapal itu ; dan

(c) jika dokumen itu akan di-sampaikan kapada juragan sesabuah kapal, jika juragan tidak ada atau jika ia tidak di-ketahui atau tidak dapat di-

jumpai dan kapal itu berada dalam negeri Brunei, maka dokumen itu boleh di-sampaikan kapada tuanpunya yang mengurus kapal itu, atau jika tuanpunya yang mengurus kapal itu tidak ada atau jika ia tidak di-ketahui atau tidak dapat di-jumpai, boleh di-sampaikan kapada ejen tuanpunya yang ting-gal dalam negeri Brunei, atau jika ejen sedemikian tidak ada atau jika ia tidak di-ketahui atau tidak dapat di-jumpai, dengan melekatkan satu salinan dokumen itu kapada tiang kapal tersebut.

(2) Barangsiapa menghalang penyampaian sebarang dokumen kapada juragan sesabuah kapal ada-lah ber-salah : Hukuman, denda sebanyak lima ribu ringgit ; dan jika tuanpunya, ejen atau juragan kapal itu menyertai atau mengambil bahagian dalam menghalang penyampaian itu, ia ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak dua ribu ringgit atau penjara selama enam bulan.

BAHAGIAN XIII

TAMBAHAN

Kawalan 'Am Jabatan Laut

Pengawasan perkapalan pedagang oleh Jabatan Laut.

207. (1) Jabatan Laut hendak-lah menjadi jabatan yang memikul tanggongjawab bagi pengawasan 'am semua perkara berhubong dengan perkapalan pedagang dan kelasi2, dan Pengarah ada-lah di-beri kuasa, terta'alok kapada cheraian (2), untok melaksanakan sharat2 dari Un-dang2 ini dan dari semua undang2 bertulis yang lain berhubong dengan perkapalan pedagang dan kelasi2 yang pada masa itu berkuatkuasa, kechuali jika sebalek-nya di-persharatkan oleh undang2 bertulis itu, atau kechuali setakat yang undang2 bertulis itu berhubong dengan hasil pendapatan-nya.

(2) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh memberi kapada Pengarah arahan2 jenis 'am atau tertentu, yang tidak bertentangan dengan sharat2 Undang2 ini atau sebarang undang2 bertulis yang lain sebagaimana yang di-sebutkan tadi, tentang perjalanan dan pelaksanaan tugas2 Pengarah di-bawah Undang2 ini atau sebarang undang2 bertulis yang lain itu, dan Pengarah hendak-lah menguatkuasakan arahan2 sademikian.

Kuasa2 bagi menguatkuasakan Pematohan Undang2

Kuasa untok memastikan supaya Undang2 ini di-patohi.

208. (1) Jika Pengarah atau mana2 merinyu di-bawah Undang2 ini atau mana2 pegawai polis yang berpangkat atau lebeh tinggi dari pangkat penolong pengawas ada sebab untok menshaki bahawa sharat2 Undang2 ini atau mana2 undang2 yang pada masa itu berkuatkuasa berhubong dengan kelasi2 pedagang atau pelayaran tidak di-patohi, maka pegawai itu boleh —

(a) menghendaki supaya tuanpunya, juragan atau mana2 anak kapal dari sebarang kapal Brunei supaya mengemukakan mana2 buku harian rasmi kapal atau dokumen2 lain berkenaan dengan kapal itu atau anak2 kapal atau mana2 ahli-nya dalam kepunyaan atau kuasa mereka masing2 ;

(b) menghendaki supaya mana2 juragan itu mengemukakan satu daftar semua orang yang berada dalam kapal-nya, dan mengambil salinan2 buku2 harian rasmi kapal itu atau dokumen2 atau mana2 bahagian-nya ;

(c) mengumpulkan anak2 kapal sebarang kapal itu ; dan

(d) memanggil juragan supaya hadzir dan memberi apa jua penjelasan mengenai kapal itu atau anak2 kapal-nya atau buku2 harian rasmi kapal atau dokumen2 yang di-kemukakan atau di-kehendaki supaya di-kemukakan.

(2) Sesiapa yang, apabila di-kehendaki pada waktu-nya oleh sesaorang pegawai yang di-beri kuasa di-bawah bab ini gagal tanpa sebab yang munasabah untok mengemukakan kapada pegawai itu mana2 buku harian rasmi kapal atau dokumen yang ia di-kehendaki untok mengemukakan di-bawah bab ini, atau siapa yang enggan membenarkan buku atau dokumen tersebut untok di-pereksa atau di-salin, atau menghalang sebarang pengumpulan anak2 kapal yang di-kehendaki di-bawah bab ini, atau enggan atau lalai memberi apa jua penjelasan yang ia di-kehendaki di-bawah bab ini untok memberi, atau dengan setahu-nya mengelirukan atau menipu mana2

pegawai yang di-beri kuasa di-bawah bab ini untok mendesak sebarang penjelasan itu, ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak sa-ribu ringgit.

Pemereksa2 Kerajaan

Lantekan pemereksa2 Kerajaan.

209. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh sama ada bagi maksud am atau bagi maksud2 tertentu atau pada waktu2 tertentu, melantek, mana2 orang sebagai sesaorang pemereksa kerajaan bagi maksud2 Undang2 ini.

Kuasa pemereksa Kerajaan bagi maksud pemereksaan kapal2.

210. (1) Sesaorang pemereksa kerajaan dalam melaksanakan tugas2-nya, boleh menaiki mana2 kapal dalam sesabuah pelabohan atau dalam perayeran Brunei pada bila2 masa yang berpatutan dan memereksa kapal itu atau sebarang bahagian-nya, atau mana2 mesin, bot2, alat kelengkapan atau benda2 di-dalam-nya, atau mana2 sijil sebarang pegawai terhadap mana sharat2 Undang2 ini di-kenakan, dengan tidak saperlu-nya menahan atau melambatkan kapal itu dari meneruskan sebarang pelayaran.

(2) Jika akibah dari sebarang kemalangan kapada kapal itu atau dengan apa jua sebab lain ia memikirkan-nya perlu untok melakukan-nya, ia boleh menghendaki supaya kapal itu di-bawa masok dok bagi maksud untok memereksa badan kapal itu.

Laporan2 oleh pemereksa2 kerajaan.

211. (1) Sesaorang pemereksa Kerajaan hendak-lah membuat kapada Pengarah laporan sebagaimana yang Pengarah boleh menghendaki mengenai reka bentok, ukoran2, dalam-nya kapal dalam ayer, ruang muatan, kadar pelayaran, ruang untok minyak dan jenis dan butir2 keterangan mesin dan alat2 kelengkapan kapal2 yang di-pereksa oleh-nya.

(2) Tiap2 tuanpunya, juragan atau jurutera mana2 kapal yang di-pereksa sedemikian hendak-lah, apabila di-minta, memberi kapada sesaorang pemereksa kerajaan semua ma'alumat dan pertolongan dalam kuasa-nya sebagai mana pemereksa itu menghendaki bagi maksud laporan2 itu.

(3) Mana2 tuanpunya, juragan atau jurutera yang gagal, apabila di-pohon kapada-nya bagi maksud itu, tanpa

sebab yang munasabah memberi apa jua ma'alumat atau pertolongan itu ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak lima ratus ringgit.

Merinyu2

Lantekan merinyu untok melaporkan kemalangan2, dsb.

212. (1) Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, manakala dan apabila Baginda memikirkan patut, melantek mana2 orang sebagai sesaorang merinyu dan boleh menghendaki-nya supaya melaporkan kapada Baginda —

(a) terhadap jenis dan sebab2 sebarang kemalangan atau kerosakan yang di-tanggong atau di-sebabkan oleh atau di-katakan telah di-tanggong atau di-sebabkan oleh mana2 kapal ;

(b) sama ada sharat2 Undang2 ini atau sebarang undang2 bertulis yang lain telah di-patohi ; atau

(c) sama ada badan dan mesin sebarang kapal menchukupi dan dalam keadaan yang baik.

Kuasa2 merinyu.

213. (1) Sesaorang merinyu yang di-lantek sedemikian dan mana2 orang yang mempunyai kuasa2 merinyu itu —

(a) boleh menaiki mana2 kapal dan memereksa kapal itu atau sebarang bahagian-nya, atau mana2 mesin, bot2, alat kelengkapan atau benda2 di-dalam-nya terhadap mana sharat2 Undang2 ini d-kenakan, dengan tidak saperlu-nya menahan atau melambatkan kapal itu dari meneruskan sebarang pelayaran ;

(b) boleh memasoki dan memereksa mana2 bangunan/kawasan yang mana memasoki-nya atau memereksa-nya ada-lah pada fikiran-nya perlu bagi maksud laporan yang ia-nya di-arah untok membuat ;

(c) boleh, dengan menandatangani surat saman, menghendaki semua orang yang di-fikirkan-nya patut supaya hadzir menemui-nya dan memereksa bagi maksud laporan-nya, dan

boleh menghendaki jawapan2 atau laporan2 terhadap apa jua penyiasatan2 yang di-fikirkan-nya patut di-lakukan ;

(d) boleh menghendaki dan menguatkuasakan supaya semua buku, kertas atau dokumen yang di-fikirkan-nya mustahak bagi maksud laporan-nya di-kemukakan ;

(e) boleh mentadbir sumpah atau boleh, sebagai ganti menghendaki atau mentadbir sumpah, menghendaki setiap orang yang di-pereksa oleh-nya supaya membuat dan menan-datangani sesuatu akuan kebenaran pernya-taan2 yang di-buat oleh-nya dalam pemereksaan-nya.

(2) Setiap saksi yang di-panggil di-bawah bab ini akan di-bayar perbelanjaan-nya sebagaimana yang di-bayar kapada sesaorang saksi yang hadzir atas panggilan mahkamah (subpoena) untok memberi keterangan dalam Mahkamah Tinggi.

(3) Jika berlaku apa jua pertikaian terhadap jumlah perbelanjaan2 itu, pertikaian tersebut hendak-lah di-rujokkan kapada sesaorang Pendaftar, siapa yang hendak-lah, atas permintaan yang di-buat kapada-nya bagi maksud itu yang di-tandatangani oleh merinyu atau orang yang mempunyai kuasa2 sesaorang merinyu, menentukan dan mensahkan jumlah perbelanjaan2 yang sepatut-nya.

(4) Barang siapa enggan hadzir sebagai sesaorang saksi di-hadapan sesaorang merinyu atau di-hadapan mana2 orang yang mempunyai kuasa2 sesaorang merinyu, selepas di-kehendakki berbuat demikian dengan sechara yang di-sharatkan oleh bab ini, dan selepas menerima tawaran pembayaran perbelanjaan2 yang di-buat kapada-nya, jika ada, terhadap mana ia berhak di-bawah bab ini, atau yang enggan atau lalai membuat sebarang jawapan, atau memberi apa jua laporan, atau mengemukakan apa jua dokumen dalam pemilekan-nya, atau membuat atau menandatangani sebarang pengakuan yang sesaorang merinyu atau orang yang mempunyai kuasa2 seorang merinyu yang dengan ini di-beri kuasa untok menghendaki-nya, ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak sa-ribu ringgit.

Kemudahan2 untok memereksa dan menyelidek.

214. Juragan mana2 kapal, dan mana2 orang lain yang bertanggongjawab terhadap mana2 orang, bangunan/kawasan atau barang yang boleh di-pereksa atau di-selideki di-bawah Undang2 ini, hendak-lah memberi kapada pegawai yang berhak untok memereksa atau menyelideki itu setiap kemudahan yang berpatutan bagi maksud pemereksaan atau penyelidekan itu, dan jika ia enggan atau gagal berbuat demikian, atau jika sesiapa jua menghalang atau merintangi sebarang pemereksaan atau penyelidekan di-bawah Undang2 ini, maka ia ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak sa-ribu ringgit.

Rampaian

Kuasa2 menangkap dan menaiki kapal.

215. (1) Pengarah atau mana2 pemereksa kerajaan atau pegawai polis boleh menangkap tanpa waran sesiapa jua yang di-dapati melakukan atau yang ia mempunyai sebab untok memperchayai telah melakukan sesuatu kesalahan yang boleh di-kenakan hukuman di-bawah Undang2 ini :

Dengan sharat bahawa tiada sesiapa pun yang telah di-tangkap sedemikian boleh di-tahan lebeh lama dari yang seperlu-nya untok membawa-nya ka-hadapan sesabuah mahkamah kechuali perentah mahkamah di-perolehi untok ia-nya terus di-tahan.

(2) Apa jua barang mengenai, dengan atau terhadap mana sesuatu kesalahan telah di-lakukan boleh di-rampas dan di-bawa ka-sesabuah balai polis atau mahkamah oleh mana2 pegawai tersebut, melainkan di-kembalikan lebeh awal lagi dengan perentah sesabuah mahkamah sehingga tudohan-nya di-selesaikan pada akhir-nya kelak menurut perjalanan undang2.

(3) Mana2 pegawai tersebut boleh sama ada sendiri atau dengan mana2 orang lain menaiki sebarang kapal dalam kawasan perayeran Brunei bilamana sahaja ia men-shaki bahawa apa jua kesalahan sedemikian telah atau kira2 akan di-lakukan dalam kapal itu, atau bilamana sahaja ia fikir perlu bagi-nya untok berbuat demikian dalam menunaikan sebarang tugas yang di-kenakan kapada-nya oleh Undang2 ini atau mana2 peratoran yang di-buat di-bawah-nya atau pun oleh undang2.

(4) Sesiapa jua yang tanpa sebab yang sah di-sisi un-dang2 enggan membenarkan mana2 pegawai tersebut

untok memasoki kapal itu atau untok merampas dan mengambil barang itu ada-lah bersalah : Hukuman, denda sebanyak dua ribu ringgit.

Tugas2 Pengarah dan Pendaftar kapal2 Brunei.

216. Kuasa2 yang di-berikan dan tugas2 yang di-kenakan kapada Pengarah dan Pendaftar kapal2 Brunei di-bawah Undang2 ini atau di-bawah sebarang undang2 bertulis yang pada masa itu berkuatkuasa berhubong dengan perkapalan pedagang dan kelasi2 boleh di-jalankan dan di-laksanakan oleh Pengarah sendiri atau oleh pegawai2 dari Jabatan Laut atau pegawai2 awam yang lain sebagaimana yang Pengarah boleh dari masa ka-semasa dengan nyata atau di-sifatkan telah di-beri kuasa bagi apa jua maksud.

Peratoran2.

217. (1) Selain dari kuasa2 yang telah di-berikan sebelum ini Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh membuat peratoran2 yang tidak bertentangan dengan sharat2 Undang2 ini —

(a) mengator, mengarahkan dan mengawal penggunaan kapal2 dalam perayeran2 Brunei dan mensharatkan pelesenan-nya ;

(b) mengator dan mengawal pengurusan kerja2 menyelamat di-Brunei ;

(c) mensharatkan pengawalan kapal2 yang menguruskan kerja2 dalam kawasan perayeran Brunei terhadap mana tiada sebarang sharat telah di-buat dalam Undang2 ini atau di-bawah sebarang undang2 bertulis yang lain atau yang telah pada keselurohan-nya atau sebahagian-nya di-kechualikan dari sharat2 Undang2 ini ;

(d) mensharatkan perjenisan kapal2, sama ada berhubong dengan keselamatan kapal2 itu di-layarkan atau penempatan kaki-tangan-nya, dan menentukan atau menghadkan kawasan-nya dalam mana apa jua jenis kapal2 itu boleh berulang alek ;

(e) mensharatkan rayuan2 oleh orang2 yang tidak berpuas hati dengan sebab apa jua yang telah di-lakukan atau tidak di-lakukan di-bawah Undang2 ini ;

(f) mensharatkan pengenaan dan pembayaran bayaran2 berthabit dengan pendaftaran atau pemberian sijil2, surat2 kebenaran belayar, lesen2, permit2, pengechualian2 dan dokumen2 lain, atau pelaksanaan kerja2 atau pemereksaan2, atau pemberian kemudahan2 di-bawah Undang2 ini, atau sebarang perkara yang di-lakukan atau yang di-kehendaki supaya di-lakukan di-bawah Undang2 ini ;

(g) menetapkan dokumen2 dan borang2 yang akan di-gunakan bagi maksud Undang2 ini, dan mensharatkan penerimaan dalam keterangan dan pegechualian dari chukai stem keatas dokumen2 dan borang2 tersebut dan keatas apa jua borang yang di-tetapkan oleh Pendaftar di-bawah bab 54 ;

(h) menentukan apa jua jenis kapal yang di-beri lesen Brunei, atau apa jua jenis kapal Brunei yang tidak di-daftarkan di-Brunei atau di-tempat lain dan mengarahkan supaya mana2 dari sharat2 Undang2 ini yang mungkin di-tentukan dalam peratoran2 itu hendak-lah di-perluaskan pengenaan-nya kapada kapal2 se-jenis itu seolah2 kapal2 itu ia-lah kapal2 Brunei yang berdaftar dan kapada juragan2 dan kelasi2 yang berkerja di-dalam-nya, dengan pengechualian2, penyesuaian2 atau pengubahsuaian2 sebagaimana yang mungkin di-tentukan ;

(i) mensharatkan penyesuaian2 mana2 sharat dari Undang2 ini sebagaimana yang di-fikirkan oleh Baginda wajar bagi maksud menggantikan sebutan2 yang di-dalam-nya dengan unit2 selain dari unit2 metric dengan merujok kapada unit2 metric yang sama ada bersamaan dengan-nya atau anggaran yang lebeh kurang dengan-nya sebagaimana di-fikirkan oleh Baginda perlu bagi maksud memastikan bahawa sharat2 yang di-sesuaikan demikian ada-lah di-nyatakan dengan perkataan2 yang sesuai ;

(j) mensharatkan pelaksanaan sharat2 Undang2 ini dengan lebeh baik dan lebeh berkesan lagi.

(2) Mana2 peratoran2 yang di-buat di-bawah Undang2 ini boleh mensharatkan sesuatu hukuman terhadap kemungkiran atau perlanggaran peratoran2 itu tidak lebeh dari denda sebanyak dua ribu ringgit dan penjara selama enam bulan.

Kuasa untok menguat-kuasakan perjanjian2 antarabangsa.

218. (1) Di-dalam bab ini —

(a) ''perjanjian antarabangsa'' berma'ana apa jua perjanjian antarabangsa yang telah di-sahkan oleh atau bagi pehak Brunei dan yang, pada pendapat Sultan dalam Majlis Mashuarat, berhubong dengan perkapalan pedagang atau berhubong dengan apa jua perkara yang ber-bangkit dari atau berkaitan dengan perkapalan pedagang ; dan

(b) ''perjanjian'' termasok-lah sesuatu perjanjian yang mensharatkan pengubahsuaian sesuatu perjanjian lain.

(2) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh dengan Perentah membuat, berhubong dengan Brunei, sesuatu sharat yang di-fikirkan oleh Baginda di-perlukan bagi membolehkan Brunei untok melaksanakan sebarang per-janjian antarabangsa.

(3) Kuasa2 yang di-berikan oleh cheraian (2) untok membuat sharat untok melaksanakan sesuatu perjanjian antarabangsa termasok kuasa untok membuat sharat supaya sharat-nya berkuatkuasa meskipun perjanjian an-tarabangsa itu maseh belum berkuatkuasa.

(4) Dengan tidak menghiraukan keluasan ma'ana cheraian (2), sesuatu Perentah di-bawah bab itu boleh khusus-nya termasok sharat —

(a) bagi meminda Undang2 ini dan sebarang un-dang2 bertulis yang lain setakat yang di-perlukan sebagaimana yang di-sebut tadi ;

(b) berthabit dengan pengenaan perentah itu kapada Kerajaan dan perjalanan di-luar negeri bagi mana2 sharat yang di-buat oleh atau di-bawah perentah tersebut ;

(c) bagi mengenakan hukuman2 berthabit dengan sebarang pelanggaran sharat yang di-buat oleh atau di-bawah perentah tersebut ; dan

(d) bagi menahan mana2 kapal berthabit dengan mana sesuatu pelanggaran ada-lah di-shaki telah berlaku dan, berhubong dengan kapal sedemikian, bagi mengenakan bab 29 dari Undang2 Pelabohan2, 1981 (yang berhubong dengan penahanan sesabuah kapal) dengan pengubahsuaian2, jika ada, sebagaimana yang di-tentukan oleh perentah tersebut.

Bil. E 12
tahun 1982.

(5) Dengan tidak menyentoh keluasan ma'ana cheraian (4)(a), kuasa untok meminda dengan kuatkuasa sharat itu termasok kuasa bagi meminda Undang2 ini dan mana2 undang2 bertulis yang lain bagi meluaskan bidang undang2 tambahan yang boleh di-buat dengan kuatkuasa sharat itu.

(6) Sesuatu perentah di-bawah cheraian (2) boleh —

(a) membuat sharat yang berlainan bagi perihal2 yang berlainan ;

(b) mensharatkan bagi pengechualian2 dari mana2 sharat dari Perentah tersebut ;

(c) mensharatkan bagi perwakilan tugas2 yang boleh di-jalankan dengan kuatkuasa Perentah tersebut ;

(d) memasokkan sharat2 yang berbangkit, tambahan dan peralehan sebagaimana yang difikirkan oleh Sultan dalam Majlis Mashuarat mustahak bagi maksud2 perentah tersebut ;

(e) membenarkan di-buat peratoran2 dan surat-chara2 lain bagi mana2 dari maksud2 bab ini ; dan

(f) mensharatkan supaya sebarang undang2 bertulis yang di-kenakan oleh Perentah tersebut hendak-lah mempunyai kuatkuasa sebagaimana yang di-kenakan terta'alok kapada pengubahsuaian sebagaimana yang mungkin di-tentukan di-dalam Perentah tersebut.

(7) Tiada sebarang Perentah boleh di-buat di-bawah bab ini kechuali satu rang Perentah itu telah di-bentangkan di-hadapan, dan di-luluskan dengan satu ketetapan, Majlis Mashuarat Negeri.

(8) Kuasa2 yang di-berikan kapada Sultan dalam Majlis Mashuarat di-bawah bab ini ada-lah tambahan kapada dan tidak mengurangkan kuasa2 yang telah di-berikan kapada Baginda, di-bawah mana2 sharat dari Bahagian V atau Bahagian IX berhubong dengan mana2 konvenshen yang di-sebutkan di-dalam-nya.

Hak pegangan (lien) Pendaftar dan Pengarah.

219. Semua bayaran yang belum di-bayar yang sepatut-nya di-bayar kapada Pendaftar atau Pengarah di-bawah Undang2 ini atau sebarang undang2 bertulis yang lain ada-lah menjadi hak pegangan perkapalan keatas kapal yang berkenaan, terta'alok hanya kapada hak2 pegangan terhadap upah2 dan gaji2.

Pindaan, pemansokhan dan pengechu-alian2. Bil. 5 tahun 1957.

220. (1) Undang2 Pampasan Pekerja2, 1957 ada-lah mem-punyai kuatkuasa terta'alok kapada pindaan yang di-huraikan dalam Jadual 4.

(2) Undang2 yang di-sebut di-dalam Jadual 5 ada-lah dengan ini di-mansokhkan setakat yang di-tentukan dalam ruang kedua dari Jadual itu.

(3) The Maritime Convention Act 1911 (Akta Konven-shen Laut 1911) setakat yang Akta itu di-kenakan kapada Brunei ada-lah dengan ini di-mansokhkan. 1 & 2 Geo. 5 c. 57

(4) Dengan tidak menghiraukan sharat2 bab 9 dan 10 dari Undang2 Tafsiran dan Perkara2 'Am, 1959 — Bil. 5 tahun 1959.

(a) tiada sebarang apa pun di-dalam bab ini boleh menyentoh mana2 perentah yang di-buat, arahan yang di-berikan atau perkara yang di-lakukan di-bawah sebarang undang2 bertulis yang di-mansokhkan oleh Undang2 ini atau di-bawah Akta tahun 1911 tersebut setakat mana Akta itu di-kenakan kapada Brunei dan tiap2 perentah, arahan atau perkara sedemikian hendak-lah, jika berkuatkuasa pada mula-nya berjalan kuatkuasa Undang2 ini, terus berkuatkuasa, dan, sejauh mana perentah itu boleh di-buat, di-berikan atau di-lakukan di-

bawah Undang2 ini, hendak-lah di-anggap telah di-buat, di-berikan atau di-lakukan di-bawah sharat yang sama dari Undang2 ini ;

(b) sebarang dokumen yang menyebut berkenaan dengan sebarang undang2 bertulis yang di-mansokhkan oleh Undang2 ini atau berkenaan dengan Akta tahun 1911 tersebut setakat mana Akta itu di-kenakan kapada Brunei hendak-lah di-ertikan sebagai sebutan berkenaan dengan Undang2 ini atau berkenaan dengan sharat yang sama dari Undang2 ini.

Bab2 180 dan 181

JADUAL 1

KONVENSHEN BERHUBONG DENGAN PENGANGKUTAN PENUMPANG2 DAN BARANG2 BAWAAN MEREKA MELALUI LAUT

BAHAGIAN I

KANDONGAN KONVENSHEN

FASAL 1

Tafsiran2

Di-dalam Konvenshen ini perkataan2 yang berikut mempunyai ma'ana yang dengan ini di-berikan kapada-nya :

1. (a) ''Pengangkut'' berma'ana sesaorang yang oleh siapa atau bagi pehak siapa sesuatu perjanjian pengangkutan telah di-tandatangani, sama ada pengangkutan-nya sebenar-nya di-laksanakan oleh-nya atau oleh sesaorang pengangkut yang melaksanakan ;

(b) ''pengangkut yang melaksanakan'' berma'ana sesaorang selain dari pengangkut, siapa ia-lah tuanpunya, penchatar atau pengendali sesabuah kapal, yang sebenar-nya melaksanakan keselurohan atau sebahagian dari pengangkutan itu ;

2. ''perjanjian pengangkutan'' berma'ana sesuatu perjanjian yang di-buat oleh atau bagi pehak sesaorang pengangkut bagi pengangkutan sesaorang penumpang atau sesaorang penumpang serta barang2 bawaan-nya melalui laut, yang mana satu berkenaan ;

3. ''kapal'' berma'ana hanya sesabuah kapal yang belayar ka-laut, tidak termasok sesabuah kenderaan beralas udara (air-cushion vehicle) ;

4. ''penumpang'' berma'ana sesiapa jua yang di-bawa dalam sesabuah kapal,

(a) di-bawah sesuatu perjanjian pengangkutan, atau

(b) yang, dengan persetujuan pengangkut-nya, menyertai sesabuah kenderaan atau binatang2 hidup yang di-liputi oleh sesuatu perjanjian bagi pengangkutan barang2 yang tidak di-kuasai oleh Konvenshen ini ;

5. ''barang2 bawaan'' berma'ana apa jua benda atau kenderaan yang di-bawa oleh pengangkut-nya di-bawah sesuatu perjanjian pengangkutan, tidak termasok :

(a) benda2 dan kenderaan2 yang di-bawa di-bawah sesuatu perjanjian penyewaan kapal (charter party), daftar muatan atau perjanjian lain yang berkenaan terutama-nya dengan pengangkutan barang2, dan

(b) binatang2 hidup ;

6. ''barang2 bawaan kabin'' berma'ana barang2 bawaan yang penumpang2 ada mempunyai dalam kabin-nya atau yang sebalek-nya dalam milek, jagaan atau kawalan-nya. Kechuali pemakaian perenggan 8 dari Fasal ini dan Fasal 8, barang2 bawaan kabin termasok-lah barang2 bawaan yang penumpang itu ada mempunyai di-dalam atau di-atas kenderaan-nya ;

7. ''kehilangan atau kerosakan kapada barang2 bawaan'' termasok-lah kehilangan di-segi kewangan akibah dari barang2 bawaan itu telah tidak di-serahkan kembali kapada penumpang itu dalam jangka masa yang ber-patutan selepas ketibaan kapal itu dalam mana barang2 bawaan itu telah atau sepatut-nya telah di-bawa, tetapi tidak termasok kelewatan2 akibah dari pertikaian2 buroh ;

8. ''pengangkutan'' meliputi tempoh2 yang berikut :

(a) berkenaan dengan penumpang dan barang2 bawaan kabin-nya, tempoh-nya dalam mana penumpang itu dan/atau barang2 bawaan kabin-nya berada di-dalam kapal atau semasa menaiki kapal atau mendarat dari kapal, dan tempoh-nya dalam mana penumpang itu dan barang2 bawaan kabin-nya di-angkut dengan jalan ayer dari darat ka-kapal atau sebalek-nya, jika belanja pengangkutan itu di-masokkan dalam tambang-nya atau jika kapal yang di-gunakan bagi maksud pengangkutan tambahan telah di-serahkan untok di-gunakan mengikut sesuka hati penumpang itu oleh pengangkut-nya. Walaubagaimana pun, berke-naan dengan penumpang itu, pengangkutan tidak-lah termasok tempoh dalam mana ia-nya berada di-sesabuah tempat atau seteshen perhentian kapal atau di-sesabuah pengkalan kapal atau di-dalam atau di-mana2 tempat pelabohan yang lain ;

(b) berkenaan dengan barang2 bawaan kabin, juga tempoh-nya dalam mana penumpang itu berada di-sesabuah tempat atau seteshen perhentian kapal atau di-sesabuah pengkalan kapal atau di-dalam atau di-mana2 tempat pelabohan yang lain jika barang2 bawaan itu telah di-ambil aleh oleh pengangkut-nya atau pekerja atau ejen-nya dan belum di-serahkan kembali kapada penumpang itu ;

(c) berkenaan dengan barang2 bawaan lain yang bukan barang2 bawaan kabin, tempoh-nya daripada ketika pengambilan aleh-nya oleh pengangkut-nya atau pekerja atau ejen-nya di-darat atau di-dalam kapal sehingga ketika penyerahan kembali-nya oleh pengangkut-nya atau pekerja atau ejen-nya ;

9. ''pengangkutan antarabangsa'' berma'ana apa jua pengangkutan yang mana, menurut perjanjian pengangkutan-nya, tempat bertolak dan tempat tujuan-nya ada-lah terletak di-dua buah Negeri yang berlainan, atau di-sebuah Negeri sahaja jika, menurut perjanjian pengangkutan-nya atau chatetan perjalanan yang di-jadualkan, ada sesabuah pelabohan singgahan peran-taraan di-sesabuah Negeri lain.

FASAL 2

Pengenaan

1. Konvenshen ini ada-lah di-kenakan kapada apa jua pengangkutan antarabangsa jika :

(a) kapal itu mengibarkan bendera atau di-daftarkan di-sesabuah Negeri Peserta kapada Konvenshen ini, atau

(b) perjanjian pengangkutan-nya telah di-buat di-sesabuah Negeri Peserta kapada Konvenshen ini, atau

(c) tempat bertolak atau tempat tujuan-nya, menurut perjanjian pengangkutan-nya, ia-lah di-sesabuah Negeri Peserta kapada Konvenshen ini.

2. Dengan tidak menghiraukan perenggan 1 dari Fasal ini, Konvenshen ini tidak-lah di-kenakan bilamana pengangkutan itu terta'alok kapada, di-bawah apa jua konvenshen antarabangsa yang lain mengenai pengangkutan penumpang2 atau barang2 bawaan dengan chara pengangkutan lain, sesuatu pentadbiran tanggongan sivil di-bawah sharat2 konvenshen sedemikian, sejauh mana yang sharat2 itu mempunyai kuasa pengenaan termesti terhadap pengangkutan melalui laut.

FASAL 3

Tanggongan Pengangkut

1. Pengangkut ada-lah bertanggongjawab terhadap kerugian yang telah di-alami akibah dari kematian atau kechederaan diri kapada sesaorang penumpang dan kehilangan atau kerosakan kapada barang2 bawaan jika kejadian yang menyebabkan kerosakan yang telah di-alami itu berlaku semasa pengangkutan dan telah di-sebabkan oleh kekhilafan atau kechuaian pengangkut-nya atau pekerja2 atau ejen2-nya yang melakukan perbuatan itu dalam bidang pekerjaan-nya.

2. Beban membuktikan bahawa kejadian yang menyebabkan kehilangan atau kerosakan yang telah

berlaku semasa pengangkutan, dan banyak-nya kehilangan atau kerosakan itu, ada-lah terletak pada orang yang menuntut-nya.

3. Kekhilafan atau kechuaian pengangkut atau pekerja2 atau ejen2-nya yang melakukan perbuatan dalam bidang pekerjaan-nya hendak-lah di-anggap, kechuali sebalek-nya di-buktikan, jika kematian atau kechederaan diri kapada penumpang atau kehilangan atau kerosakan kapada barang2 bawaan kabin telah berbangkit dari atau berkaitan dengan kapal binasa, perlanggaran, kapal terkandas, letupan atau kebakaran, atau kerosakan dalam kapal. Berthabit dengan kehilangan atau kerosakan kapada barang2 bawaan lain, kekhilafan atau kechuaian hendak-lah di-anggap, kechuali sebalek-nya di-buktikan, dengan tidak mengindahkan jenis kejadian yang menyebabkan kehilangan atau kerosakan itu. Dalam semua perkara lain beban membuktikan kekhilafan atau kechuaian ada-lah terletak pada orang yang menuntut-nya.

FASAL 4

Pengangkut yang melaksanakan

1. Jika pelaksanaan pengangkutan atau sebahagian dari-nya telah di-amanahkan kapada sesaorang pengangkut yang melaksanakan, maka pengangkut-nya ada-lah bagaimana pun terus bertanggongjawab terhadap seluroh pengangkutan menurut sharat2 Konvenshen ini. Selain dari itu, pengangkut yang melaksanakan ada-lah terta'alok kapada dan berhak terhadap sharat2 Konven-shen ini bagi bahagian pengangkutan yang telah di-laksanakan oleh-nya.

2. Pengangkut-nya ada-lah, berhubong dengan pengangkutan yang telah di-laksanakan oleh pengangkut yang melaksanakan, bertanggongjawab terhadap per-buatan2 yang di-lakukan atau tidak di-lakukan oleh pengangkut yang melaksanakan dan pekerja2 atau ejen2-nya yang melakukan perbuatan dalam bidang pekerjaan-nya.

3. Apa jua perjanjian khas di-bawah mana pengangkut memegang tanggongjawab yang tidak di-kenakan oleh

Konvenshen ini atau apa jua pengenepian hak2 yang di-berikan oleh Konvenshen ini ada-lah menyentoh pengangkut yang melaksanakan hanya jika di-persetujui oleh-nya dengan nyata dan bertulis.

4. Jika dan setakat yang kedua2-nya pengangkut dan pengangkut yang melaksanakan ada-lah bertanggong-jawab, tanggongan mereka itu ada-lah tanggongan ber-sama dan masing2.

5. Tiada sebarang apa pun di-dalam Fasal ini yang mengurangkan hak mengambil tindakan yang ujud di-antara pengangkut dan pengangkut yang melaksanakan.

FASAL 5

Barang2 berharga

Pengangkut tidak-lah bertanggongjawab terhadap kehilangan atau kerosakan kapada wang2, chagaran2 yang boleh di-niaga, emas, barang2 perak, barang2 kemas, karya2 seni, atau barang2 berharga lain, kechuali jika barang2 berharga sedemikian telah di-berikan kapada pengangkut-nya bagi maksud penyimpanan yang selamat yang telah di-persetujui dalam hal mana maka pengangkut-nya ada-lah bertanggongjawab sehingga had yang di-persharatkan dalam perenggan 3 dari Fasal 8 kechuali sesuatu had yang lebeh banyak lagi ada-lah di-persetujui menurut perenggan 1 dari Fasal 10.

FASAL 6

Kekhilafan yang turut menjadi sebab

Jika pengangkut membuktikan bahawa kematian atau kechederaan diri kapada sesaorang penumpang atau kehilangan atau kerosakan kapada barang2 bawaan-nya telah di-sebabkan atau turut di-sebabkan oleh kekhilafan atau kechuaian penumpang-nya, maka mahkamah yang membicharakan kes itu boleh melepaskan pengangkut-nya pada keselurohan-nya atau sebahagian-nya dari tanggongan-nya menurut sharat2 undang2 mahkamah itu.

FASAL 7

Had tanggongan terhadap kechederaan diri

1. Tanggongan pengangkut terhadap kematian atau kechederaan diri kapada sesaorang penumpang tidak boleh sekali2 melebehi 700,000 franc tiap2 pengangkutan. Jika menurut undang2 mahkamah yang membicharakan kes itu gantirugi ada-lah di-anugerahkan berupa pem-bayaran2 dari hasil pendapatan berkala, nilai modal yang seimbang dengan pembayaran2 itu tidak-lah boleh melebehi had tersebut.

2. Dengan tidak menghiraukan perenggan 1 dari Fasal ini, undang2 negara mana2 Negeri Peserta kapada Konvenshen ini boleh menetapkan, setakat yang mengenai pengangkut2 yang menjadi warganegara2 Negeri2 berkenaan, sesuatu had tanggongan *per capita* (kira kepala) yang lebeh banyak lagi.

FASAL 8

Had tanggongan terhadap kehilangan atau kerosakan kapada barang2 bawaan

1. Tanggongan pengangkut terhadap kehilangan atau kerosakan kapada barang2 bawaan kabin tidak boleh sekali2 melebehi 12,500 franc tiap2 penumpang, tiap2 pengangkutan.

2. Tanggongan pengangkut terhadap kehilangan atau kerosakan kapada kenderaan termasok semua barang ba-waan yang di-bawa di-dalam atau di-atas kenderaan itu tidak boleh sekali2 melebehi 50,000 franc tiap2 kenderaan, tiap2 pengangkutan.

3. Tanggongan pengangkut terhadap kehilangan atau kerosakan kapada barang2 bawaan selain dari yang di-sebutkan dalam perenggan2 1 dan 2 dari Fasal ini tidak boleh sekali2 melebehi 18,000 franc tiap2 penumpang, tiap2 pengangkutan.

4. Pengangkut dan penumpang-nya boleh mempersetu-jui supaya tanggongan pengangkut itu hendak-lah terta'alok kapada sesuatu pemotongan yang tidak

melebehi 1,750 franc berkenaan dengan kerosakan kapada sesabuah kenderaan dan tidak melebehi 200 franc tiap2 penumpang berkenaan dengan kehilangan atau kerosakan kapada barang2 bawaan lain, jumlah wang sedemikian akan di-potong dari kehilangan atau kerosakan itu.

FASAL 9

Unit segi kewangan dan pertukaran

1. Franc yang di-sebutkan dalam Konvenshen ini hendak-lah di-anggap sebagai merujok kapada unit yang terdiri dari 65.5 milligram emas bermutu millesimal fineness 900.

2. Jumlah2 yang di-sebut dalam Fasal 7 dan 8 hendak-lah di-tukar kapada matawang negara Negeri yang mahkamah-nya membicharakan kes itu berasaskan nilai harga rasmi matawang itu, dengan merujok kapada unit yang di-tentukan dalam perenggan 1 dari Fasal ini, pada tarikh keputusan-nya atau tarikh yang di-persetujui oleh pehak2 berkenaan.

FASAL 10

Sharat2 tambahan mengenai had2 tanggongan

1. Pengangkut dan penumpang boleh mempersetujui, dengan nyata dan bertulis, had2 tanggongan yang lebeh banyak lagi dari had2 tanggongan yang di-tetapkan dalam Fasal2 7 dan 8.

2. Faedah (interest) keatas gantirugi dan perbelanjaan undang2 tidak boleh di-masokkan dalam had2 tanggongan yang di-tetapkan dalam Fasal2 7 dan 8.

FASAL 11

Pembelaan2 dan had2 bagi pekerja2 pengangkut

Jika sesuatu tindakan di-ambil terhadap sesaorang pekerja atau ejen pengangkut atau pengangkut yang

melaksanakan yang berbangkit dari kerugian yang di-liputi oleh Konvenshen ini, maka pekerja atau ejen itu, jika ia membuktikan bahawa ia telah melakukan per-buatan dalam bidang pekerjaan-nya, ada-lah berhak memperolehi bagi diri-nya pembelaan2 dan had2 tang-gongan yang mana pengangkut atau pengangkut yang melaksanakan itu berhak menggunakan di-bawah Konvenshen ini.

FASAL 12

Jumlah besar tuntutan2

1. Jika had2 tanggongan yang di-tetapkan dalam Fasal2 7 dan 8 di-kuatkuasakan, maka had2 tanggongan itu ada-lah di-kenakan kapada jumlah besar bagi jumlah2 yang dapat di-perolehi balek dalam semua tuntutan yang berbangkit dari kematian atau kechederaan diri kapada mana2 satu penumpang atau kehilangan atau kerosakan kapada barang2 bawaan-nya.

2. Berhubong dengan pengangkutan yang di-laksanakan oleh pengangkut yang melaksanakan, jumlah besar bagi jumlah2 yang dapat di-perolehi balek daripada pengangkut dan pengangkut yang melaksanakan dan daripada pekerja2 dan ejen2 mereka yang melakukan per-buatan dalam bidang pekerjaan mereka tidak boleh melebehi jumlah yang paling tinggi yang boleh di-anugerahkan terhadap sama ada pengangkut atau pengangkut yang melaksanakan-nya di-bawah Konven-shen ini, tetapi sesiapa pun dari mereka yang di-sebutkan itu bertanggongjawab terhadap jumlah wang yang lebeh dari had yang boleh di-kenakan keatas-nya.

3. Dalam mana2 perkara jika sesaorang pekerja atau ejen pengangkut atau pengangkut yang melaksanakan ada-lah berhak di-bawah Fasal 11 dari Konvenshen ini untok memperolehi bagi diri-nya had2 tanggongan yang di-tetapkan dalam Fasal2 7 dan 8, jumlah besar bagi jumlah2 yang dapat di-perolehi balek daripada pengangkut, atau pengangkut yang melaksanakan yang mana satu berke-naan, dan daripada pekerja atau ejen itu, tidak boleh melebehi had2 itu.

FASAL 13

Kehilangan hak terhadap had tanggongan

1. Pengangkut tidak-lah berhak mendapat faedah had2 tanggongan yang di-tetapkan dalam Fasal2 7 dan 8 dan perenggan 1 dari Fasal 10, jika di-buktikan bahawa kerosakan itu telah di-akibahkan dari sesuatu perbuatan yang telah di-lakukan atau tidak di-lakukan oleh pengangkut yang telah di-lakukan dengan tujuan untok menyebabkan kerosakan itu, atau dengan semborono dan dengan pengetahuan bahawa kerosakan itu mungkin akan terjadi.

2. Pekerja atau ejen pengangkut atau pengangkut yang melaksanakan tidak-lah berhak mendapat faedah had2 itu jika di-buktikan bahawa kerosakan itu telah di-akibahkan dari sesuatu perbuatan yang telah di-lakukan atau tidak di-lakukan oleh pekerja atau ejen itu yang telah di-lakukan dengan tujuan untok menyebabkan kerosakan itu, atau dengan semborono dan dengan pengetahuan bahawa kerosakan itu mungkin akan terjadi.

FASAL 14

Asas tuntutan2

Tiada sebarang tindakan bagi mendapatkan gantirugi terhadap kematian atau kechederaan diri kapada sesaorang penumpang, atau terhadap kehilangan atau kerosakan kapada barang2 bawaan, boleh di-ambil terhadap sesaorang pengangkut atau pengangkut yang melaksanakan selain dari menurut Konvenshen ini.

FASAL 15

Notis bagi kehilangan atau kerosakan kapada barang2 bawaan

1. Penumpang hendak-lah memberi notis bertulis kapada pengangkut atau ejen-nya :

(a) dalam perkara kerosakan yang nyata kapada barang2 bawaan :

(i) bagi barang2 bawaan kabin, sebelum atau pada ketika pendaratan penumpang itu ;

(ii) bagi semua barang bawaan lain, sebelum atau pada ketika penyerahan balek-nya ;

(b) dalam perkara kerosakan kapada barang2 bawaan yang tidak nyata, atau kehilangan barang2 bawaan, dalam tempoh lima belas hari dari tarikh pendaratan atau penyerahan balek sepatut-nya telah berlaku.

2. Jika penumpang itu gagal mematohi Fasal ini, maka ia hendak-lah di-anggap, kechuali sebalek-nya di-buktikan, telah menerima barang2 bawaan-nya itu dalam keadaan tidak rosak.

3. Notis bertulis tidak payah di-berikan jika keadaan barang2 bawaan itu pada ketika penerimaan-nya telah menjadi perkara pengkajian atau pemereksaan bersama.

FASAL 16

Halangan masa bagi tindakan2

1. Apa jua tindakan terhadap gantirugi yang berbangkit dari kematian atau kechederaan diri kapada sesaorang penumpang atau terhadap kehilangan atau kerosakan kapada barang2 bawaan ada-lah di-kenakan halangan masa selepas tempoh dua tahun.

2. Had tempoh hendak-lah di-kira saperti berikut :

(a) mengenai kechederaan diri, dari tarikh pendaratan penumpang-nya ;

(b) mengenai kematian yang berlaku semasa pengangkutan, dari tarikh bilamana penumpang itu sepatut-nya telah mendarat, dan mengenai kechederaan diri yang berlaku semasa pengangkutan dan mengakibahkan kematian penumpang-nya selepas pendaratan, dari tarikh kematian, dengan sharat bahawa tempoh ini tidak boleh melebehi tiga tahun dari tarikh pendaratan ;

(c) mengenai kehilangan atau kerosakan kapada barang2 bawaan, dari tarikh pendaratan atau dari tarikh bilamana pendaratan sepatut-nya telah berlaku, yang mana satu terkemudian.

3. Undang2 mahkamah yang membicharakan kes itu adalah menguasai alasan2 penggantongan dan gangguan had tempoh, tetapi sesuatu tindakan di-bawah Konvenshen ini tidak sekali2 boleh di-ambil selepas tamat-nya tempoh tiga tahun dari tarikh pendaratan penumpang itu atau dari tarikh bilamana pendaratan sepatut-nya telah berlaku, yang mana satu terkemudian.

4. Dengan tidak menghiraukan perenggan2 1, 2 dan 3 dari Fasal ini, had tempoh boleh di-lanjutkan dengan satu perakuan oleh pengangkut-nya atau dengan persetujuan pehak2 berkenaan selepas alasan tindakan telah berbangkit. Perakuan atau persetujuan itu hendak-lah di-buat sechara bertulis.

FASAL 17

Bidangkuasa yang layak

1. Sesuatu tindakan yang berbangkit di-bawah Konvenshen ini hendak-lah, atas pilehan pehak menuntut, di-ambil di-hadapan salah-sebuah mahkamah yang di-senaraikan di-bawah ini, dengan sharat bahawa mahkamah itu bertempat di-sesabuah Negeri Peserta kapada Konvenshen ini :

(a) mahkamah di-tempat kediaman tetap atau tempat perniagaan utama pehak kena tuntut, atau

(b) mahkamah di-tempat bertolak atau tempat tujuan menurut perjanjian pengangkutan, atau

(c) mahkamah di-Negeri tempat tinggal tetap atau kediaman tetap pehak menuntut, jika pehak kena tuntut itu mempunyai tempat perniagaan dan terta'alok kapada bidangkuasa dalam Negeri itu, atau

(d) mahkamah di-Negeri di-mana perjanjian pengangkutan itu telah di-buat, jika pehak kena tuntut mempunyai tempat perniagaan dan terta'alok kapada bidangkuasa dalam Negeri itu.

2. Selepas berlaku-nya kejadian yang telah menyebabkan kerosakan itu, pehak2 berkenaan boleh mempersetujui supaya tuntutan terhadap gantirugi hendak-lah di-hadapkan kapada apa jua bidangkuasa atau timbangtara.

FASAL 18

Tidak sah-nya sharat2 perjanjian

Apa jua sharat perjanjian yang telah di-ikat sebelum berlaku-nya kejadian yang telah menyebabkan kematian atau kechederaan diri kapada sesaorang penumpang atau kehilangan atau kerosakan kapada barang2 bawaan-nya, yang di-maksudkan akan melepaskan pengangkut-nya dari tanggongan-nya terhadap penumpang itu atau untok menetapkan sesuatu had tanggongan yang lebeh rendah lagi dari apa yang di-tetapkan dalam Konvenshen ini kechuali sebagaimana yang di-persharatkan dalam perenggan 4 dari Fasal 8, dan mana2 sharat sedemikian yang di-maksudkan untok menukarkan beban membuktikan yang di-tetapkan dalam perenggan 1 dari Fasal 17, ada-lah terbatal dan tidak sah, tetapi pembatalan sharat itu tidak menjadikan tidak sah perjanjian pengangkutan itu yang mana ada-lah terus terta'alok kapada sharat2 Konvenshen ini.

FASAL 19

Konvenshen2 lain mengenai had tanggongan

Konvenshen ini tidak-lah mengubahsuai hak2 atau kewajipan2 pengangkut, pengangkut yang melaksanakan, dan pekerja2 atau ejen2 mereka yang di-persharatkan dalam konvenshen2 antarabangsa yang berhubong dengan had tanggongan bagi tuanpunya2 kapal2 pelayaran laut.

FASAL 20

Kerosakan nuklear

Tiada sebarang tanggongan boleh berbangkit di-bawah Konvenshen ini kerana kerosakan yang di-sebabkan oleh sesuatu kejadian nuklear :

(a) jika perjalanan sesuatu pemasangan nuklear boleh di-pertanggongjawabkan terhadap

kerosakan di-bawah sama ada Konvenshen Paris bertarikh 29 Julai 1960 mengenai Tanggongan Pehak Ketiga dalam Bidang Tenaga Nuklear sebagaimana yang di-pinda oleh Protokol Tambahan-nya bertarikh 20 Januari 1964, atau Konvenshen Vienna bertarikh 21 Mei 1963 mengenai Tanggongan Sivil terhadap Kerosakan Nuklear ; atau

(b) jika pengendali sesabuah pemasangan nuklear ada-lah di-pertanggongjawabkan terhadap kerosakan sedemikian dengan kuatkuasa undang2 negara yang menguasai tanggongan terhadap kerosakan sedemikian, dengan sharat bahawa undang2 sedemikian ada-lah dalam semua perkara juga memberikan faedah kapada orang2 yang mungkin mengalami kerugian saperti sama ada Konvenshen Paris atau Konvenshen Vienna.

FASAL 21

Pengangkutan perdagangan oleh pehak2 berkuasa awam

Konvenshen ini ada-lah di-kenakan kapada pengangkutan perdagangan yang di-usahakan oleh Pehak2 Berkuasa Negeri atau Awam di-bawah perjanjian2 pengangkutan dalam bidang ma'ana Fasal 1.

BAHAGIAN II

SHARAT2 YANG MEMPUNYAI KUATKUASA BERKAITAN DENGAN KONVENSHEN

Tafsiran

1. Di-dalam Bahagian ini dari Jadual ini sebarang sebutan mengenai Fasal bernombor ada-lah sebutan mengenai Fasal dari Konvenshen tersebut yang di-beri nombor sedemikian dan apa jua perkataan kapada mana sesuatu ma'ana ada di-berikan oleh Fasal 1 dari Konvenshen tersebut ada-lah mempunyai ma'ana itu.

Sharat2 yang menyesuaikan atau menambahkan Fasal2 tertentu dari Konvenshen tersebut

2. Bagi maksud2 perenggan 2 dari Fasal 2, sharat2 dari sesuatu konvenshen antarabangsa sebagaimana yang di-sebutkan di-dalam perenggan itu yang mana selain dari perenggan ini tidak ada pengenaan termesti kapada pengangkutan melalui laut hendak-lah di-anggap sebagai ada pengenaan termesti kapada pengangkutan melalui laut jika ada di-nyatakan dalam perjanjian pengangkutan bagi pengangkutan berkenaan bahawa sharat2 itu hendak-lah di-kenakan berkaitan dengan pengangkutan itu.

3. Sebutan mengenai undang2 mahkamah dalam Fasal 6 hendak-lah di-tafsirkan sebagai sebutan mengenai "the Law Reform (Contributory Negligence) Act 1945 (8 & 9 Geo. 6c. 28)" sebagaimana yang di-kenakan kapada Brunei oleh Pengenaan Undang2 (Penggal 2) (Application of Laws Enactment (Cap. 2)).

4. Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh dengan peratoran2 membuat sharat supaya, berhubong dengan sesaorang pengangkut yang tempat perniagaan utama-nya ada di-Brunei, perenggan 1 dari Fasal 7 hendak-lah mempunyai kuatkuasa dengan penggantian bagi had yang pada masa itu di-tetapkan dalam perenggan itu sesuatu had yang lain yang di-tetapkan dalam peratoran2 itu (yang mana tidak-lah boleh lebeh rendah dari had yang di-tetapkan dalam perenggan itu pada ketika di-luluskan Undang2 ini atau, jika perenggan 1 dari Bahagian III dari Jadual ini telah berjalan kuatkuasa-nya, yang di-tetapkan dalam perenggan 1 dari Fasal 7 sebagaimana yang di-pinda oleh perenggan 1 dari Bahagian itu).

5. Nilai harga yang menurut Fasal 9 hendak-lah di-pertimbangkan sebagai nilai2 harga rasmi di-Brunei bagi jumlah2 dalam matawang franc yang pada masa itu di-tetapkan dalam Fasal2 7 dan 8 ia-lah jumlah dalam ringgit Brunei sebagaimana yang Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh dari masa ka-semasa menetapkan dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan.*

6. Ada-lah dengan ini di-ishtiharkan bahawa dengan kuatkuasa Fasal 12 dari had2 tanggongan yang di-sebutkan di-situ berthabit dengan sesaorang penumpang dan barang2 bawaan-nya ada-lah di-kenakan kapada

jumlah besar tanggongan2 orang2 berkenaan dalam semua tindakan bagi menguatkuasakan tanggongan2 atau mana2 satu dari-nya yang mungkin di-ambil sama ada di-Brunei atau di-tempat lain.

7. Fasal 16 hendak-lah di-kenakan kapada sesuatu timbangtara sebagaimana ia-nya di-kenakan kapada sesuatu tindakan ; dan bagi maksud2 Fasal itu —

(a) sesuatu timbangtara hendak-lah di-anggap bermula manakala satu pehak kapada timbangtara itu menyampaikan kapada pehak atau pehak2 lain sesuatu notis yang menghendaki-nya atau mereka untok melantek sesaorang penimbangtara atau mempersetujui perlantekan sesaorang penimbangtara, atau, jika perjanjian timbangtara itu ada mempersharatkan bahawa rujokan-nya hendak-lah kapada sesaorang yang di-namakan atau di-chalonkan di-dalam perjanjian itu, mengkehendaki-nya atau mereka supaya menghadapkan pertikaian itu kapada orang yang di-namakan atau di-chalonkan demikian ;

(b) apa jua notis sebagaimana yang di-sebutkan tadi boleh di-sampaikan sama ada —

(i) dengan menyerahkan-nya kapada orang kapada siapa ia-nya hendak di-sampaikan ; atau

(ii) dengan meninggalkan-nya di-tempat kediaman orang itu yang lazim atau yang penghabisan di-ketahui di-Brunei ; atau

(iii) dengan mengirimkan-nya melalui pos dengan surat berdaftar yang di-alamatkan kapada orang itu di-tempat kediaman-nya yang lazim atau yang penghabisan di-ketahui di-Brunei ;

dan juga dengan apa jua chara lain yang di-persharatkan dalam perjanjian timbangtara itu ; dan jika sesuatu notis di-kirimkan melalui pos sechara yang di-tentukan oleh perenggan

kechil (iii), penyampaian-nya ada-lah, kechuali sebalek-nya di-buktikan, di-anggap telah di-sempurnakan pada ketika surat itu sepatut-nya telah di-sampaikan jika di-kirimkan mengikut pengiriman melalui pos yang lazim.

8. Mahkamah di-hadapan mana tindakan di-ambil menurut Fasal 17 untok menguatkuasakan sesuatu tanggongan yang di-hadkan dengan kuatkuasa Fasal 12 boleh pada bila2 perengkat tindakan itu membuat perentah2 sebagaimana yang di-fikirkan oleh mahkamah 'adil lagi saksama memandangkan kapada sharat2 dari Fasal 12 dan mana2 tindakan lain yang telah atau mungkin akan di-mulakan di-Brunei atau di-tempat lain untok menguatkuasakan tanggongan itu keselurohan-nya atau sebahagian-nya ; dan dengan tidak menyentoh keluasan ma'ana sharat2 sebelum ini dari perenggan ini sesabuah mahkamah sedemikian ada-lah, jika tanggongan itu ada-lah atau boleh di-kuatkuasakan sebahagian-nya dalam tindakan lain di-Brunei atau di-tempat lain, mempunyai bidangkuasa untok menganugerahkan sesuatu jumlah yang kurang dari mahkamah itu sepatut-nya menganugerahkan jika had itu ada-lah semata2 telah di-kenakan kapada tindakan di-hadapan mahkamah itu atau menjadikan satu sharat bagi mana2 bahagian dari penganugerahan-nya menurut keputusan mana2 tindakan lain.

Sharat2 lain yang menyesuaikan atau menambahkan Konvenshen tersebut

9. Apa jua sebutan di-dalam Konvenshen tersebut mengenai sesuatu perjanjian pengangkutan tidak-lah termasok sesuatu perjanjian pengangkutan yang bukan kerana upah.

10. Jika Sultan dalam Majlis Mashuarat mengishtiharkan dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* bahawa mana2 Negeri yang di-tentukan dalam kenyataan itu ia-lah peserta kapada Konvenshen tersebut berthabit dengan sesabuah negeri tertentu maka kenyataan itu ada-lah, terta'alok kapada sharat2 sebarang kenyataan selepas itu yang di-buat dengan kuatkuasa perenggan ini, bukti keterangan mu'tamad bahawa Negeri itu ia-lah peserta kapada Konvenshen tersebut berthabit dengan negeri itu.

11. Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh dengan peratoran2 membuat sharat —

(a) bagi mengkehendaki sesaorang yang menjadi pengangkut berhubong dengan sesaorang penumpang supaya memberi kapada penumpang itu, dengan chara yang di-tentukan dalam peratoran2 itu, notis mengenai mana2 dari sharat2 dari Bahagian I dari Jadual ini yang di-tentukan demikian ;

(b) bagi sesaorang yang gagal mematohi sesuatu kehendak yang di-kenakan keatas-nya oleh peratoran2 itu melakukan kesalahan dan boleh jika di-dapati thabit kesalahan-nya di-kenakan hukuman denda sebanyak yang tidak melebehi dua ribu ringgit.

Pengenaan bab2 182 dan 183 dari Undang2 ini

12. Tiada sebarang apa pun di-dalam bab 183 boleh melepaskan sesaorang dari sebarang tanggongan yang di-kenakan keatas-nya oleh Konvenshen tersebut.

13. Ada-lah dengan ini di-ishtiharkan bahawa tiada sebarang apa pun di-dalam Konvenshen tersebut menyentoh kuatkuasa bab 182.

BAHAGIAN III

PENGUBAHSUAIAN2 BAHAGIAN2 I DAN II BERIKUTAN DENGAN PROTOKOL BERTARIKH 19HB NOBEMBER 1976

1. Di-dalam Bahagian I dari Jadual ini, dalam Fasal 7 dari Konvenshen tersebut, bagi perkataan2 ''700,000 francs'' atau sebarang perkataan2 lain yang mana, dengan kuatkuasa perenggan 4 dari Bahagian II dari Jadual ini, ada-lah di-tetapkan dalam Fasal itu hendak-lah di-gantikan di-tempat perkataan2 itu dengan perkataan2 ''46,666 units of account''.

2. Di-dalam Bahagian I tersebut, dalam Fasal 8 dari Konvenshen tersebut, bagi perkataan ''francs'' di-mana saja berlaku hendak-lah di-gantikan dengan perkataan2

''units of account'' dan bagi angka2 ''12,500'', ''50,000'', ''18,000'', ''1,750'' dan ''200'' hendak-lah di-gantikan masing2-nya dengan angka2 ''833'', ''3,333'', ''1,200'', ''117'' dan ''13''.

3. Di-dalam Bahagian I tersebut, bagi Fasal 9 hendak-lah di-gantikan dengan berikut —

''FASAL 9

Unit akaun dan pertukaran

Unit Akaun (Unit of Account) yang di-sebutkan dalam Konvenshen ini ia-lah Hak Pengeluaran Khas (Special Drawing Right) sebagaimana yang di-tentukan oleh International Monetary Fund (Kumpulan Wang Antarabangsa). Jumlah2 yang di-sebutkan dalam Fasal2 7 dan 8 hendak-lah di-tukarkan kapada matawang negara Negeri bagi Mahkamah yang membicharakan kes itu berasaskan kapada nilai harga matawang itu pada tarikh keputusan-nya atau tarikh yang di-persetujui oleh Pehak2 berkenaan.''

4. Di-dalam Bahagian II dari Jadual ini bagi perenggan 5 hendak-lah di-gantikan dengan yang berikut —

''5. (1) Bagi maksud menukar dari hak2 pengeluaran khas kapada ringgit Brunei jumlah2 yang di-sebutkan dalam Fasal2 7 dan 8 dari Konvenshen tersebut berthabit dengan mana sesuatu keputusan ada di-berikan, satu hak pengeluaran khas hendak-lah di-anggap sebagai sama dengan sejumlah wang dalam ringgit Brunei sebagaimana yang International Monetary Fund telah menetapkan sebagai yang ber-samaan dengan satu hak pengeluaran khas bagi —

(a) hari ketika mana keputusan di-berikan ; atau

(b) jika tiada sebarang jumlah wang telah di-tetapkan bagi hari itu, hari yang terakhir sebelum hari itu bagi hari yang mana sejumlah wang telah di-tetapkan.

(2) Sesuatu surat akuan yang di-berikan oleh atau bagi pehak Pegawai Kewangan Negara yang menyatakan —

(a) bahawa sesuatu jumlah wang tertentu dalam ringgit Brunei telah di-tetapkan sebagaimana yang di-sebutkan dalam perenggan kechil sebelum ini bagi sesuatu hari tertentu ; atau

(b) bahawa tiada sebarang jumlah wang telah di-tetapkan bagi hari itu dan sejumlah wang tertentu dalam ringgit Brunei telah di-tetapkan bagi sesuatu hari yang mana ia-lah hari terakhir bagi hari yang mana sejumlah wang telah di-tetapkan sebelum hari tertentu,

ada-lah menjadi bukti keterangan mu'tamad bagi perkara2 itu bagi maksud2 Fasal2 7 hingga 9 dari Konvenshen tersebut ; dan sesuatu dokumen yang di-maksudkan sebagai sesuatu surat akuan demikian ada-lah, dalam mana2 perbicharaan, di-terima sebagai bukti keterangan dan, kechuali sebalek-nya di-buktikan, di-anggap sebagai satu surat akuan sedemikian.

(3) Pegawai Kewangan Negara ada-lah berhak mengenakan sesuatu bayaran yang berpatutan bagi apa2 surat akuan yang di-beri oleh-nya atau bagi pehak-nya di-bawah perenggan kechil (2)."

JADUAL 2

KONVENSHEN MENGENAI HAD TANGGONGAN TERHADAP TUNTUTAN2 EHWAL LAUT 1976

Bab2 182, 183 dan 184.

BAHAGIAN I

KANDONGAN KONVENSHEN

PENGGAL I. HAD TANGGONGAN

FASAL 1

Orang2 yang berhak untok menghad tanggongan

1. Tuanpunya2 kapal dan penyelamat2, sebagaimana yang selepas ini di-tafsirkan, boleh menghadkan tanggongan mereka menurut atoran2 Konvenshen ini terhadap tuntutan2 yang di-huraikan dalam Fasal 2.

2. Perkataan ''tuanpunya kapal'' ada-lah berma'ana tuan-punya, penchatar, pengurus atau pengendali sesabuah kapal pelayaran laut.

3. Penyelamat ada-lah berma'ana sesiapa jua yang memberi perkhidmatan2 berkaitan terus dengan usaha2 keselamatan. Usaha2 keselamatan ada-lah juga termasok usaha2 yang di-sebut di-dalam Fasal 2, perenggan 1(d), (e) dan (f).

4. Jika apa jua tuntutan yang di-huraikan dalam Fasal 2 ada-lah di-buat terhadap sesiapa jua kerana perbuatan, kechuaian atau kemungkiran siapa tuanpunya kapal atau penyelamat ada-lah bertanggongjawab, maka orang itu ada-lah berhak untok mendapatkan bagi diri-nya had tang-gongan yang di-persharatkan dalam Konvenshen ini.

5. Di-dalam Konvenshen ini tanggongan sesaorang tuan-punya kapal ada-lah termasok tanggongan dalam sesuatu tindakan terhadap kapal itu sendiri.

6. Sesaorang penanggong insuran bagi tanggongan terhadap tuntutan2 yang terta'alok kapada had menurut atoran2 Konvenshen ini ada-lah berhak mendapat faedah2 dari Konvenshen ini setakat yang sama saperti yang di-insurankan sendiri.

7. Tindakan menggunakan had tanggongan tidak-lah merupakan satu pengakuan tanggongan.

FASAL 2

Tuntutan2 terta'alok kapada had

1. Terta'alok kapada Fasal 3 dan 4 tuntutan2 yang berikut, baik apa pun jua asas tanggongan-nya, ada-lah terta'alok kapada had tanggongan :

(a) tuntutan2 berthabit dengan kehilangan nyawa atau kechederaan diri atau kehilangan atau kerosakan harta-benda (termasok kerosakan kapada binaan pelabohan, bahagian ayer dalam pelabohan dan terusan serta alat2 pem-bantu pelayaran), yang berlaku di-dalam kapal atau yang berkaitan terus dengan pengen-

dalian kapal atau dengan usaha2 penyelamatan dan kerugian berikut-nya akibah dari-nya ;

(b) tuntutan2 berthabit dengan kerugian akibah dari kelewatan dalam pengangkutan melalui laut barang2 muatan, penumpang2 atau barang2 bawaan mereka ;

(c) tuntutan2 berthabit dengan kerugian lain akibah dari pelanggaran hak2, yang berlaku berkaitan terus dengan pengendalian kapal atau usaha2 penyelamatan itu ;

(d) tuntutan2 berthabit dengan menimbulkan, menyingkirkan, memusnahkan atau menjadikan tidak bahaya sesabuah kapal yang tenggelam, binasa, kandas atau terbiar, termasok apa jua yang ada atau telah ada di-dalam kapal sedemikian ;

(e) tuntutan2 berthabit dengan penyingkiran, pemusnahan atau menjadikan tidak bahaya barang2 muatan kapal itu ;

(f) tuntutan2 sesaorang selain dari orang yang bertanggongjawab berthabit dengan langkah2 yang di-ambil untok mengelakkan atau mengurangkan kerugian terhadap mana orang yang bertanggongjawab boleh menghadkan tanggongan-nya menurut Konvenshen ini, dan kerugian selanjut-nya yang di-sebabkan oleh langkah2 sedemikian,

2. Tuntutan2 yang di-huraikan dalam perenggan 1 ada-lah terta'alok kapada had tanggongan walaupun di-hadapkan sechara tindakan atau kerana melepaskan tanggongan di-bawah sesuatu perjanjian atau lain. Walaubagaimana pun, tuntutan2 yang di-huraikan di-bawah perenggan 1(d), (e) dan (f) tidak-lah terta'alok kapada had tanggongan setakat yang tuntutan2 itu berhubong dengan ganjaran di-bawah sesuatu perjanjian dengan orang yang bertanggongjawab.

FASAL 3

Tuntutan2 yang di-kechualikan dari had

Atoran2 Konvenshen ini tidak-lah di-kenakan kapada :

(a) tuntutan2 terhadap bayaran penyelamatan atau sumbangan dalam perbelanjaan 'am ;

(b) tuntutan2 terhadap kerosakan oleh pen-chemaran akibah minyak dalam bidang ma'ana Konvenshen Antarabangsa mengenai Tanggongan Sivil terhadap Kerosakan oleh Penchemaran akibah Minyak bertarikh 29hb Nobember 1969 atau mana2 pindaan atau Pro-tokol kapada-nya yang berkuatkuasa ;

(c) tuntutan2 yang terta'alok kapada mana2 konvenshen antarabangsa atau undang2 negara yang menguasai atau melarang had tanggongan terhadap kerosakan nuklear ;

(d) tuntutan2 terhadap tuanpunya sesabuah kapal nuklear terhadap kerosakan nuklear ;

(e) tuntutan2 oleh pekerja2 tuanpunya kapal atau penyelamat tugas2 siapa ada-lah berkaitan dengan kapal itu atau usaha2 penyelamatan, termasok tuntutan2 waris, tanggongan2 mereka atau orang2 lain yang berhak mem-buat tuntutan2 sedemikian, jika di-bawah un-dang2 yang menguasai kontrek perkhidmatan di-antara tuanpunya kapal atau penyelamat dan pekerja2 tuanpunya kapal atau penyelamat itu tidak-lah berhak untok menghadkan tanggongan-nya berthabit dengan tuntutan2 sedemikian, atau jika ia dengan undang2 sedemikian ada-lah hanya di-benarkan untok menghadkan tanggongan-nya kapada sesuatu jumlah yang lebeh besar dari apa yang di-persharatkan dalam Fasal 6.

FASAL 4

Kelakuan yang menghalang had

Sesaorang yang bertanggongjawab tidak-lah berhak untok menghadkan tanggongan-nya jika di-buktikan bahawa kehilangan itu telah terjadi dari perbuatan yang telah di-lakukan sendiri atau tidak di-lakukan, yang telah di-lakukan dengan tujuan untok menyebabkan kehilangan itu, atau dengan semberono dan dengan pengetahuan bahawa kehilangan itu mungkin akan terjadi.

FASAL 5

Tuntutan2 balas

Jika sesaorang yang berhak mendapat had tanggongan di-bawah atoran2 dari Konvenshen ini mempunyai sesuatu tuntutan terhadap pehak menuntut yang ber-bangkit dari kejadian yang sama, maka tuntutan2 mereka masing2 hendak-lah di-tolak antara satu sama lain dan sharat2 dari Konvenshen ini ada-lah hanya di-kenakan kapada baki-nya, jika ada.

PENGGAL II. HAD2 TANGGONGAN

FASAL 6

Had2 'am

1. Had2 tanggongan terhadap tuntutan2 selain dari yang di-sebutkan dalam Fasal 7, yang berbangkit pada mana2 ketika yang nyata, hendak-lah di-kira saperti berikut :

(a) berthabit dengan tuntutan2 terhadap kehilangan nyawa atau kechederaan diri,

(i) 5 juta unit kewangan bagi sesabuah kapal dengan berat muatan yang tidak melebehi 500 ton,

(ii) bagi sesabuah kapal dengan berat muatan yang melebehi-nya, jumlah yang berikut selain dari yang di-sebutkan dalam (i) :

bagi tiap2 ton dari 501 hingga 3,000 ton, 7,500 unit kewangan ;
bagi tiap2 ton dari 3,001 hingga 30,000 ton, 5,000 unit kewangan ;
bagi tiap2 ton dari 30,001 hingga 70,000 ton, 3,750 unit kewangan ; dan
bagi tiap2 ton yang melebehi 70,000 ton, 2,500 unit kewangan ;

(b) berthabit dengan mana2 tuntutan lain,

(i) 2.5 juta unit kewangan bagi sesabuah kapal dengan berat muatan yang tidak melebehi 500 ton,

(ii) bagi sesabuah kapal dengan berat muatan yang melebehi-nya jumlah yang berikut selain dari yang di-sebutkan dalam (i) :

bagi tiap2 ton dari 501 hingga 30,000 ton, 2,500 unit kewangan ;
bagi tiap2 ton dari 30,001 hingga 70,000 ton, 1,850 unit kewangan ; dan
bagi tiap2 ton yang melebehi 70,000 ton, 1,250 unit kewangan.

2. Jika jumlah yang di-kira menurut perenggan 1(a) itu tidak menchukopi untok membayar tuntutan2 yang di-sebut di-dalam-nya dengan sepenoh-nya, maka jumlah yang di-kira menurut perenggan 1(b) boleh di-adakan bagi pembayaran baki tuntutan2 yang belum di-bayar di-bawah perenggan 1(a) dan baki yang belum di-bayar itu ada-lah sama darjah kadar-nya dengan tuntutan2 yang di-sebutkan di-bawah perenggan 1(b).

3. Had2 tanggongan bagi mana2 penyelamat yang tidak menjalankan usaha dari mana2 kapal atau bagi mana2 penyelamat yang menjalankan usaha semata2 di-atas kapal kapada mana, atau berthabit dengan mana ia-nya memberi perkhidmatan2 penyelamatan, hendak-lah di-kira menurut berat ton sebanyak 1,500 ton.

FASAL 7

Had bagi tuntutan2 penumpang

1. Berthabit dengan tuntutan yang berbangkit dari ketika yang nyata terhadap kehilangan nyawa atau kechederaan diri kapada penumpang2 sesabuah kapal, had tanggongan tuanpunya kapal itu ia-lah jumlah sebanyak 700,000 unit kewangan di-daraf dengan bilangan penumpang2 yang kapal itu di-benarkan membawa menurut sijil kapal itu, tetapi tidak melebehi 375 juta unit kewangan.

2. Bagi maksud Fasal ini ''tuntutan2 terhadap kehilangan nyawa atau kechederaan diri kapada penumpang sesabuah

kapal'' ada-lah berma'ana apa jua tuntutan sedemikian yang di-hadapkan oleh atau bagi pehak mana2 orang yang di-angkut di-dalam kapal itu :

(a) di-bawah sesuatu perjanjian pengangkutan penumpang, atau

(b) siapa yang, dengan persetujuan pengangkut-nya, menyertai sesabuah kenderaan atau binatang2 hidup yang di-liputi oleh sesuatu perjanjian bagi pengangkutan barang2.

FASAL 8

Unit Kewangan

1. Jumlah2 yang di-sebut dalam Fasal2 6 dan 7 hendak-lah di-tukar kapada matawang negara Negeri dalam mana had tanggongan itu di-pohonkan, menurut nilai harga matawang itu pada tarikh kumpulan wang had tanggongan di-tubohkan, pembayaran di-buat, atau jaminan di-berikan yang mana di-bawah undang2 Negeri itu ada-lah bersamaan dengan pembayaran sedemikian.

2. Unit kewangan yang di-sebut dalam Fasal2 6 dan 7 ada-lah bersamaan dengan enam puloh lima setengah miligramme emas bermutu millesimal fineness sembilan ratus. Pertukaran jumlah2 yang di-sebut dalam Fasal2 6 dan 7 kapada matawang negara hendak-lah di-lakukan menurut undang2 Negeri yang berkenaan.

FASAL 9

Jumlah besar tuntutan2

1. Had2 tanggongan yang di-tentukan menurut Fasal 6 ada-lah di-kenakan kapada jumlah besar bagi semua tuntutan yang berbangkit pada mana2 ketika yang nyata :

(a) terhadap orang atau orang2 yang di-sebut dalam perenggan 2 dari Fasal 1 dan mana2 orang kerana perbuatan siapa, kechuaian atau kemungkiran ia atau mereka ada-lah bertanggongjawab ; atau

(b) terhadap tuanpunya sesabuah kapal yang memberi perkhidmatan2 penyelamatan dari kapal itu dan penyelamat atau penyelamat2 yang menjalankan usaha dari kapal itu dan mana2 orang kerana perbuatan siapa, kechuaian atau kemungkiran ia atau mereka ada-lah bertanggongjawab ; atau

(c) terhadap penyelamat atau penyelamat2 yang tidak menjalankan usaha dari sesabuah kapal atau yang menjalankan usaha semata2 di-atas kapal itu kapada mana, atau berthabit dengan mana, perkhidmatan2 penyelamatan di-berikan dan sesiapa jua kerana perbuatan siapa, kechuaian atau kemungkiran ia atau mereka ada-lah bertanggongjawab.

2. Had2 tanggongan yang di-tentukan menurut Fasal 7 ada-lah di-kenakan kapada jumlah besar bagi semua tun-tutan yang terta'alok kapada-nya yang mungkin ber-bangkit pada mana2 ketika yang nyata terhadap orang atau orang2 yang di-sebut dalam perenggan 2 dari Fasal 1 berthabit dengan kapal yang di-sebut dalam Fasal 7 dan mana2 orang kerana perbuatan siapa, kechuaian atau kemungkiran ia atau mereka ada-lah bertanggongjawab.

FASAL 10

Had tanggongan tanpa penubohan sesuatu kumpulan wang had tanggongan

1. Had tanggongan boleh di-pohonkan walaupun sesuatu kumpulan wang had tanggongan sebagaimana yang di-sebutkan dalam Fasal 11 belum di-tubohkan.

2. Jika had tanggongan di-pohon tanpa penubohan sesuatu kumpulan wang had tanggongan, maka sharat2 Fasal 12 hendak-lah di-kenakan sama saperti-nya.

3. Soal2 mengenai tatachara yang berbangkit di-bawah atoran2 dari Fasal ini hendak-lah di-putuskan menurut un-dang2 negara Negeri Peserta dalam mana tindakan di-ambil.

PENGGAL III. KUMPULAN WANG HAD TANGGONGAN

FASAL 11

Penubohan kumpulan wang tersebut

1. Sesiapa jua yang di-katakan bertanggongjawab boleh menubohkan satu kumpulan wang dengan Mahkamah atau pehak berkuasa yang layak yang lain di-dalam mana2 Negeri Peserta dalam mana tindakan undang2 di-mulakan berthabit dengan tuntutan2 yang terta'alok kapada had tanggongan. Kumpulan wang itu hendak-lah di-tubohkan dengan jumlah wang sejumlah yang di-nyatakan dalam Fasal2 6 dan 7 yang boleh di-kenakan kapada tuntutan2 terhadap mana orang itu mungkin bertanggongjawab, bersama dengan faedah-nya dari tarikh kejadian yang menimbulkan tanggongan itu sehingga tarikh penubohan kumpulan wang itu. Apa jua kumpulan wang yang di-tubohkan demikian hendak-lah di-adakan hanya bagi pembayaran tuntutan2 berthabit dengan mana had tanggongan boleh di-pohon.

2. Sesuatu kumpulan wang boleh di-tubohkan, sama ada dengan menarohkan jumlah wang, atau dengan mengemukakan satu jaminan yang boleh di-terima di-bawah undang2 Negeri Peserta di-mana kumpulan wang itu di-tubohkan dan di-fikirkan menchukopi oleh Mahkamah atau pehak berkuasa yang layak yang lain.

3. Sesuatu kumpulan wang yang di-tubohkan oleh salah seorang dari orang2 yang di-sebutkan dalam perenggan 1(a), (b) atau (c) atau perenggan 2 dari Fasal 9 atau penanggong insuran-nya ada-lah di-anggap telah di-tubohkan oleh semua orang yang di-sebutkan dalam perenggan 1(a), (b) atau (c) atau perenggan 2, masing2.

FASAL 12

Pembahagian kumpulan wang tersebut

1. Terta'alok kapada sharat2 perenggan2 1 dan 2 dari Fasal 6 dan dari Fasal 7, kumpulan wang itu hendak-lah di-bahagikan di-antara pehak2 menuntut seimbang dengan tuntutan2 mereka yang telah di-tetapkan terhadap kumpulan wang itu.

2. Jika, sebelum kumpulan wang itu di-bahagikan, orang yang bertanggongjawab, atau penanggong insuran-nya, telah menyelesaikan sesuatu tuntutan terhadap kumpulan wang itu maka orang itu hendak-lah, sehingga jumlah yang ia telah membayar, memperolehi dengan menggantikan hak2 yang orang yang di-beri gantirugi itu akan menikmati di-bawah Konvenshen ini.

3. Hak menggantikan hak yang di-persharatkan dalam perenggan 2 boleh juga di-jalankan oleh orang2 selain dari yang di-sebut di-dalam-nya berthabit dengan apa jua jumlah gantirugi yang mereka mungkin telah membayar, tetapi hanya setakat bahawa penggantian hak ada-lah di-benarkan di-bawah undang2 negara yang di-kenakan.

4. Jika orang yang bertanggongjawab atau mana2 orang lain menetapkan bahawa ia mungkin terpaksa membayar, pada sesuatu tarikh kemudian kelak, pada keselurohan-nya atau sebahagian-nya apa jua jumlah gantirugi berkenaan dengan mana orang itu akan menikmati hak penggantian menurut perenggan2 2 dan 3 kalau-lah gantirugi itu telah di-bayar sebelum kumpulan wang itu di-bahagikan, maka Mahkamah atau pehak berkuasa yang layak yang lain Negeri di-mana kumpulan wang telah di-tubohkan boleh memerentahkan supaya sesuatu jumlah wang yang menchukopi hendak-lah di-ketepikan buat sementara untok membolehkan orang itu pada sesuatu tarikh kemudian kelak untok menguatkuasakan tuntutan-nya terhadap kumpulan wang itu.

FASAL 13

Halangan terhadap tindakan2 lain

1. Jika sesuatu kumpulan wang had tanggongan telah di-tubohkan menurut Fasal 11, sesiapa jua yang telah membuat sesuatu tuntutan terhadap kumpulan wang itu hendak-lah di-halang dari menjalankan apa jua hak berthabit dengan tuntutan sedemikian terhadap apa jua harta kepunyaan lain kepunyaan sesaorang oleh siapa atau bagi pehak siapa kumpulan wang itu telah di-tubohkan.

2. Selepas sesuatu kumpulan wang had tanggongan telah di-tubohkan menurut Fasal 11, mana2 kapal atau harta-benda lain, kepunyaan sesaorang bagi pehak siapa kum-

pulan wang itu telah di-tubohkan, yang telah di-rampas atau di-tahan dalam bidangkuasa sesabuah Negeri Peserta terhadap sesuatu tuntutan yang mungkin di-tubohkan terhadap kumpulan wang itu, atau apa jua jaminan yang di-berikan, boleh di-lepaskan dengan perentah Mahkamah atau pehak berkuasa yang layak yang lain Negeri tersebut. Walaubagaimana pun, perlepasan itu hendak-lah sentiasa di-perentahkan jika kumpulan wang had tanggongan telah di-tubohkan :

(a) di-pelabohan di-mana kejadian itu telah berlaku, atau, jika kejadian itu telah berlaku di-luar pelabohan, di-pelabohan singgahan yang pertama selepas itu ; atau

(b) di-pelabohan pendaratan berthabit dengan tuntutan2 terhadap kehilangan nyawa atau kechederaan diri ; atau

(c) di-pelabohan pemunggahan keluar berthabit dengan kerosakan kapada barang2 muatan ; atau

(d) di-Negeri di-mana perampasan itu di-buat.

3. Atoran2 perenggan2 1 dan 2 ada-lah di-kenakan hanya jika pehak menuntut mungkin membuat sesuatu tuntutan terhadap kumpulan wang had tanggongan sebelum Mahkamah yang mentadbirkan kumpulan wang itu dan kumpulan wang itu sebenar-nya ada di-sediakan dan boleh di-pindahmilek dengan bebas-nya berthabit dengan tuntutan itu.

FASAL 14

Undang2 Yang Menguasai

Terta'alok kapada sharat2 Penggal ini atoran2 yang berhubong dengan penubohan dan pembahagian sesuatu kumpulan wang had tanggongan, dan semua atoran tatachara berkaitan dengan-nya, ada-lah di-kuasai oleh undang2 Negeri Peserta dalam mana kumpulan wang itu di-tubohkan.

PENGGAL IV. BIDANG PENGENAAN

FASAL 15

Konvenshen ini ada-lah di-kenakan bilamana saja mana2 orang yang di-sebut dalam Fasal 1 memohon untok menghadkan tanggongan-nya di-hadapan Mahkamah sesabuah Negeri Peserta atau memohon untok memperolehi perlepasan sesabuah kapal atau harta-benda lain atau pembebasan mana2 jaminan yang telah di-berikan dalam bidangkuasa mana2 Negeri sedemikian.

BAHAGIAN II

SHARAT2 YANG MEMPUNYAI KUATKUASA BERKAITAN DENGAN KONVENSHEN

Tafsiran

1. Di-dalam Bahagian ini dari Jadual ini apa jua sebutan mengenai sesuatu Fasal bernombor ada-lah sebutan mengenai Fasal dari Konvenshen tersebut yang di-beri nombor sedemikian.

Hak untok menghad tanggongan

2. Hak untok menghad tanggongan di-bawah Konvenshen tersebut ada-lah di-kenakan berhubong dengan mana2 kapal sama ada pelayaran laut atau tidak, dan tafsiran ''tuanpunya kapal'' dalam perenggan 2 dari Fasal 1 hendak-lah di-tafsirkan sebagaimana yang di-nyatakan.

Tuntutan2 terta'alok kapada had

3. Perenggan 1(d) dari Fasal 2 tidak boleh di-kenakan berhubong dengan tuntutan2 sejenis yang di-sebutkan di-situ bilamana di-buat oleh atau bagi pehak Kerajaan atau mana2 pehak berkuasa pelabohan atau pemeliharaan.

Hak2 'am

4. (1) Dalam pada mengenakan Fasal 6 kapada sesabuah kapal dengan berat muatan yang kurang dari 300 ton Fasal itu ada-lah mempunyai kuatkuasa seolah2 —

(a) perenggan (a)(i) merujok kapada 2.5 juta unit kewangan ; dan

(b) perenggan (b) (i) merujok kapada 1.25 juta unit kewangan.

(2) Bagi maksud2 Fasal 6 dan perenggan ini berat muatan sesabuah kapal ia-lah jumlah kasar berat muatan-nya yang di-kira sechara yang mungkin di-tetapkan oleh peratoran2 yang di-buat oleh Sultan dalam Majlis Mashuarat.

(3) Sebarang peratoran di-bawah perenggan ini ada-lah, setakat yang di-fikirkan oleh Sultan dalam Majlis Mashuarat sebagai praktik, memberi kuatkuasa kapada peratoran2 di-Tambahan I dari International Convention on Tonnage Measurement of Ships, 1969. (Konvenshen Antarabangsa mengenai Pengukoran Berat Muatan Kapal2, 1969).

Had bagi tuntutan2 penumpang

5. (1) Mengenai sesabuah kapal yang mengangkut penum-pang2 sijil kapal yang di-sebut dalam perenggan 1 dari Fasal 7 ada-lah menjadi sijil kapal penumpang yang di-keluarkan di-bawah peratoran2 yang di-buat di-bawah bab 124(b).

(2) Di-dalam perenggan 2 dari Fasal 7 sebutan mengenai tuntutan2 yang di-buat bagi pehak sesaorang ada-lah termasok sebutan mengenai apa jua tuntutan ber-thabit dengan kematian sesaorang di-bawah Fatal Acci-dent Act 1846 (9 & 10 Vict. c.93) dan Fatal Accident Act 1864 (27 & 18 Vict, c.95) sebagaimana yang di-kenakan di-Brunei di-bawah Pengenaan Undang2 (Penggal 2) (Ap-plication of Laws Enactment (Cap. 2)).

Unit2 Kewangan

6. (1) Penukaran jumlah2 yang di-sebut dalam Fasal2 6 dan 7 daripada unit2 kewangan kapada ringgit Brunei menurut Fasal 8 hendak-lah di-lakukan sechara yang akan menyatakan dalam ringgit Brunei setakat yang boleh akan nilai harga sebenar yang sama bagi jumlah2 yang di-dalam

Fasal2 6 dan 7 sebagaimana yang di-nyatakan dalam unit2 akaun berthabit dengan Fasal2 itu dalam perenggan2 1 dan 2 dari Bahagian III dari Jadual ini.

Halangan terhadap tindakan2 lain

9. Jika perlepasan sesabuah kapal atau harta-benda lain ada-lah di-perentahkan di-bawah perenggan 2 dari Fasal 13 maka orang yang atas permohonan siapa ia-nya ada-lah di-perentahkan supaya di-lepaskan ada-lah di-anggap telah menyerahkan kapada bidangkuasa mahkamah untok memutuskan keatas tuntutan terhadap mana kapal atau harta-benda itu telah di-rampas atau di-tahan.

Ma'ana "mahkamah"

10. Sebutan2 di-dalam Konvenshen tersebut dan sharat2 sebelum ini dari Bahagian ini mengenai mahkamah ia-lah sebutan2 mengenai Mahkamah Tinggi.

Ma'ana "kapal"

11. Sebutan2 di-dalam Konvenshen tersebut dan di-dalam sharat2 sebelum ini dari Bahagian ini mengenai sesabuah kapal termasok-lah sebutan2 mengenai sebarang binaan (sama ada telah siap atau dalam proses persiapan) yang telah di-lanchar dan di-maksudkan untok kegunaan pelayaran sebagai sesabuah kapal atau sebahagian dari sesabuah kapal tetapi tidak termasok —

(a) kenderaan beralas udara ;

(b) pelantar2 terapong yang di-bina bagi maksud penyelidekan atau pengusahaan sumber2 alam dari dasar laut atau bumi bawahan-nya.

Ma'ana "Negeri Peserta"

12. Sesuatu kenyataan dalam *Warta Kerajaan* yang di-siarkan bagi maksud2 perenggan ini oleh Sultan dalam Majlis Mashuarat dan mengishtiharkan bahawa mana2 Negeri yang di-nyatakan dalam kenyataan itu ada-lah peserta kapada Konvenshen tersebut ada-lah, terta'alok

kapada sharat2 mana2 kenyataan selepas itu yang di-buat bagi maksud2 itu, menjadi keterangan yang mu'tamad bahawa Negeri itu ada-lah peserta kapada Konvenshen tersebut.

BAHAGIAN III

PENGUBAHSUAIAN BAHAGIAN2 I DAN II BERIKUTAN DENGAN BRUNEI MENJADI AHLI BAGI KUMPULAN WANG KEWANGAN ANTARABANGSA

1. Di-dalam Bahagian I dari Jadual ini, di-dalam Fasal 6 dari Konvenshen tersebut, bagi perkataan2 ''unit2 kewangan'' di-mana2 saja terdapat hendak-lah di-gantikan dengan perkataan2 ''Unit Akaun'' dan bagi angka2 ''5 juta'', ''7,500'', ''5,000'', ''3,750'', ''2,500'', ''2.5 Juta'', ''2,500'', ''1,850'' dan ''1,250'' hendak-lah di-gantikan dengan angka2 ''333,000'', ''500'', ''333'', ''250'', ''167'', ''167,000'', ''167'', ''125'', dan ''83'' masing2-nya.

2. Di-dalam Bahagian I tersebut, dalam Fasal 7 dari Konvenshen tersebut, bagi perkataan2 ''700,000 unit kewangan'' dan ''375 juta unit kewangan'' hendak-lah di-gantikan dengan perkataan2 ''46,666 Unit Akaun'' dan ''25 juta Unit Akaun'' masing2-nya.

3. Di-dalam Bahagian I tersebut, bagi Fasal 8 hendak-lah di-gantikan dengan berikut —

''FASAL 8

Unit Akaun

1. Unit Akaun yang di-sebut dalam Fasal2 6 dan 7 ada-lah Hak Pengeluaran Khas (Special Drawing Right) sebagaimana yang di-tafsirkan oleh Kumpulan Wang Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund). Jumlah2 yang di-sebut dalam Fasal2 6 dan 7 hendak-lah di-tukar kapada matawang negara Negeri dalam mana had tanggongan di-pohonkan, menurut nilai harga matawang itu pada tarikh kumpulan wang had tanggongan di-tubohkan, pembayaran di-buat, atau jaminan di-berikan yang mana di-bawah undang2 Negeri itu ada-lah sama dengan pembayaran sedemikian.''

4. Di-dalam perenggan 4(1) dari Bahagian II dari Jadual ini, bagi perkataan2 ''2.5 juta unit kewangan'' dan ''1.25 juta unit kewangan'' hendak-lah di-gantikan dengan perkataan2 ''166,667 Unit Akaun'' dan ''83,333 Unit Akaun'' masing2-nya.

5. Di-dalam Bahagian II tersebut —

(a) bagi perkataan2 ''Unit2 Kewangan'' sebaik2 saja di-atas perenggan 6 hendak-lah di-gantikan dengan perkataan2 ''Unit2 Akaun'' ; dan

(b) bagi perenggan 6 hendak-lah di-gantikan dengan yang berikut —

''6. (1) Bagi maksud menukar jumlah2 yang di-sebut dalam Fasal2 6 dan 7 daripada hak2 pengeluaran khas kapada ringgit Brunei sesuatu hak pengeluaran khas hendak-lah di-anggap sebagai sama dengan sejumlah wang dalam ringgit Brunei yang Kumpulan Kewangan Antarabangsa telah menetapkan sebagai yang bersamaan dengan satu hak pengeluaran khas bagi —

(a) tarikh yang berkenaan di-bawah perenggan 1 dari Fasal 8 ; atau

(b) jika tidak ada sebarang jumlah wang telah di-tetapkan bagi tarikh itu, tarikh sebelum itu yang terakhir bagi hari yang mana satu jumlah wang yang telah di-tetapkan.

(2) Sesuatu surat akuan yang di-beri oleh atau bagi pehak Pegawai Kewangan Negara yang menyatakan —

(a) bahawa sesuatu jumlah wang tertentu dalam ringgit Brunei telah di-tetapkan sebagaimana yang di-sebut dalam perenggan kechil (1) bagi sesuatu tarikh tertentu ; atau

(b) bahawa tidak ada sebarang jumlah wang telah di-tetapkan bagi tarikh

itu dan bahawa ringgit sesuatu jumlah wang tertentu dalam ringgit Brunei telah di-tetapkan bagi sesuatu tarikh yang mana ia-lah tarikh sebelum itu yang terakhir bagi sejumlah wang telah di-tetapkan,

ada-lah menjadi keterangan mu'tamad bagi perkara2 itu bagi maksud2 Fasal2 itu ; dan sesuatu dokumen yang di-maksudkan sebagai surat akuan sedemikian ada-lah, dalam mana2 perbicharaan, di-terima sebagai bukti keterangan dan, kechuali sebalek-nya , di-buktikan, di-anggap sebagai surat akuan sedemikian.

(3) Pegawai Kewangan Negara ada-lah berhak mengenakan sesuatu bayaran yang ber-patutan bagi mana2 surat akuan yang di-berikan oleh-nya atau bagi pehak-nya di-bawah perenggan kechil (2).''

JADUAL 3

ATORAN2 HAGUE SEBAGAIMANA DI-PINDA OLEH PROTOKOL BRUSSELS 1968

FASAL I

Di-dalam Atoran2 ini perkataan2 yang berikut ada-lah di-gunakan dengan ma'ana2 yang di-huraikan di-bawah ini :—

(a) ''Pengangkut'' termasok-lah tuanpunya atau penchatar yang mengikat sesuatu perjanjian pengangkutan dengan sesaorang pengirim.

(b) ''Perjanjian pengangkutan'' di-kenakan hanya kapada perjanjian2 pengangkutan yang di-liputi oleh sesuatu daftar muatan atau apa jua dokumen hakmilek yang serupa, setakat yang dokumen2 sedemikian berhubong dengan pengangkutan barang2 melalui laut, termasok apa jua daftar muatan atau mana2 dokumen yang serupa saperti yang di-sebutkan tadi yang di-keluarkan di-bawah atau menurut sesuatu

perjanjian penyewaan kapal (charter party) daripada ketika bilamana daftar muatan itu atau dokumen hakmilek yang serupa itu mengator perhubongan2 di-antara sesaorang pengangkut dan sesaorang pemegang-nya.

(c) ''Barang2' termasok-lah barang2, barang2 buatan kilang, barang2 dagangan, dan benda2 jenis apa pun jua kechuali binatang2 hidup dan barang2 muatan yang mana dengan perjanjian pengangkutan ada-lah di-nyatakan sebagai sedang di-angkut di-atas dek dan ada-lah di-angkut sedemikian.

(d) ''Kapal'' berma'ana apa jua kapal yang di-gunakan bagi pengangkutan barang2 melalui laut.

(e) ''Pengangkutan barang2'' meliputi tempoh daripada ketika bilamana barang2 itu di-punggah masok sehingga ketika barang2 itu di-punggah keluar dari kapal itu.

FASAL II

Terta'alok kapada sharat2 Fasal VI, di-bawah tiap2 perjanjian pengangkutan barang2 melalui laut pengangkut, berhubong dengan pemunggahan masok, pengendalian, penempatan, pengangkutan, penyimpanan, penjagaan dan perlepasan barang2 sedemikian, ada-lah terta'alok kapada tanggongjawab2 dan tanggongan2, dan berhak kapada hak2 dan kebebasan2 yang selepas ini di-huraikan.

FASAL III

1. Pengangkut ada-lah terikat sebelum dan pada permulaan pelayaran untok menjalankan usaha2 untok —

(a) Menjadikan kapal itu selamat di-layarkan.

(b) Dengan sewajar-nya menempatkan kaki-tangan, memperlengkapkan dan membekal-kan kapal itu.

(c) Menjadikan tempat2 menyimpan barang2, bilek2 pendingin dan penyejuk, dan semua

bahagian kapal yang lain dalam mana barang2 ada-lah di-angkut, sesuai dan selamat bagi penerimaan, pengangkutan dan pemeliharaan-nya.

2. Terta'alok kapada sharat2 Fasal IV, pengangkut hendak-lah memunggah masok, mengendalikan, menempatkan, mengangkut, menyimpan, menjaga, dan memunggah keluar barang2 yang di-angkut dengan betul dan teliti.

3. Selepas menerima barang2 itu di-bawah jagaan-nya pengangkut atau juragan atau ejen pengangkut itu hendak-lah, atas permintaan pengirim-nya, mengeluarkan kapada pengirim satu daftar muatan yang menunjokkan di-antara perkara2 lain —

(a) Tanda2 tunjok yang perlu bagi mengenalkan barang2 ada-lah sama saperti yang di-berikan sechara bertulis oleh pengirim sebelum pemunggahan masok barang2 itu di-mulakan, dengan sharat tanda2 itu ada-lah di-chap atau dengan chara lain di-tunjokkan dengan jelas di-atas barang2 itu jika tidak di-tutup, atau di-atas kotak2 atau penutup2 dalam mana barang2 itu terkandong, sechara yang biasa-nya dapat di-bacha sehingga tamat pelayaran.

(b) Sama ada bilangan bungkusan2 atau keping2, atau banyak-nya, atau berat-nya, yang mana satu berkenaan, sebagaimana yang di-berikan sechara bertulis oleh pengirim.

(c) Susunan dan keadaan barang2 itu yang ter-nyata.

Dengan sharat bahawa tiada sebarang pengangkut, juragan atau ejen pengangkut boleh terikat untok menyatakan atau menunjokkan di-dalam daftar muatan sebarang tanda, bilangan, banyak-nya, atau berat-nya yang mana ia mempunyai alasan yang berpatutan untok mengshaki tidak tepat merupakan barang2 yang sebenar-nya di-terima, atau yang mana ia telah tidak mempunyai jalan yang berpatutan untok memereksa-nya.

4. Sesuatu daftar muatan sedemikian ada-lah menjadi bukti keterangan pada zahir-nya akan resit oleh pengangkut barang2 itu saperti yang di-terangkan di-

dalam-nya menurut perenggan 3(a), (b) dan (c). Walaubagaimana pun, bukti sebalek-nya tidak boleh di-terima bilamana daftar muatan itu telah di-pindah milek kapada pehak ketiga dengan sechara jujor.

5. Pengirim ada-lah di-anggap telah menjamin kapada pengangkut ketepatan-nya pada ketika pengiriman akan tanda2, bilangan, banyak-nya dan berat-nya, sebagaimana yang di-berikan oleh-nya, dan pengirim-nya hendak-lah melepaskan tanggongan pengangkut-nya terhadap semua kerugian, kerosakan dan perbelanjaan yang berbangkit atau akibah dari tidak ketepatan dalam butir2 keterangan-nya. Hak pengangkut terhadap lepas-tanggongan itu tidak-lah sekali2 menghadkan tanggongjawab dan tanggongan-nya di-bawah perjanjian pengangkutan terhadap mana2 orang selain dari pengirim-nya.

6. Kechuali notis kehilangan atau kerosakan dan jenis 'am kehilangan atau kerosakan sedemikian di-berikan sechara bertulis kapada pengangkut atau ejen-nya di-pelabohan pemunggahan keluar sebelum atau pada ketika pemindahan barang2 itu kapada penyimpanan orang yang berhak menyerahkan-nya di-bawah perjanjian pengangkutan, atau, jika kehilangan atau kerosakan tidak ternyata, dalam tempoh tiga hari, maka pemindahan itu ada-lah menjadi keterangan pada zahir-nya akan penyerahan oleh pengangkut barang2 yang di-nyatakan dalam daftar muatan itu.

Notis bertulis itu tidak perlu di-berikan jika keadaan barang2 itu telah, pada ketika penerimaan-nya, menjadi perkara penyelidekan atau pemereksaan bersama.

Terta'alok kapada 6bis pengangkut-nya dan kapal-nya ada-lah dalam apa jua perkara di-bebaskan dari segala tanggongan apa pun jua berthabit dengan barang2 itu, kechuali da'awaan di-hadapkan dalam tempoh satu tahun dari penyerahan-nya atau dari tarikh ketika mana barang2 itu sepatut-nya telah di-serahkan. Tempoh ini boleh, bagaimana pun, di-lanjutkan jika pehak2 berkenaan mempersetujui selepas alasan tindakan berbangkit.

Dalam perkara apa jua kehilangan atau kerosakan yang sebenar atau di-jangka pengangkut-nya dan penerima-nya hendak-lah memberikan segala kemudahan yang berpatutan kapada masing2 untok memereksa dan menyelaraskan barang2 itu.

6bis. Sesuatu tindakan lepas tanggongan terhadap sesaorang pehak ketiga boleh di-ambil walaupun selepas tamat-nya tahun yang di-persharatkan dalam perenggan sebelum ini jika di-ambil dalam masa yang di-benarkan oleh undang2 Mahkamah yang membicharakan kes itu. Walaubagaimana pun, masa yang di-benarkan tidak boleh kurang dari tiga bulan, mulai dari hari-nya bilamana orang yang mengambil tindakan lepas tanggongan itu telah menyelesaikan tuntutan atau telah di-sampaikan surat perentah mengenai tindakan terhadap-nya.

7. Selepas barang2 itu di-punggah masok daftar muatan yang akan di-keluarkan oleh pengangkut, juragan, atau ejen pengangkut itu, kapada pengirim-nya hendak-lah, jika pengirim-nya meminta demikian, sebagai satu daftar muatan ''kiriman'', dengan sharat bahawa jika pengirim-nya sebelum ini telah mengambil apa jua dokumen hakmilek terhadap barang2 itu, maka ia hendak-lah menyerahkan-nya sebagai ganti pengeluaran daftar muatan ''kiriman'' itu, tetapi atas pilehan pengangkut itu dokumen hakmilek itu boleh di-chatetkan di-pelabohan pengiriman oleh pengangkut, juragan, atau ejen-nya dengan nama atau nama2 kapal atau kapal2 dengan mana barang2 itu telah di-kirimkan dan tarikh atau tarikh2 pengiriman, dan bilamana di-chatetkan demikian, jika di-tunjokkan butir2 yang di-sebutkan dalam perenggan 3 dari Fasal III, hendak-lah bagi maksud Fasal ini di-anggap merupakan satu daftar muatan ''kiriman''.

8. Mana2 fasal, wa'ad, atau perjanjian dalam sesuatu perjanjian pengangkutan yang melepaskan pengangkut atau kapal dari tanggongan terhadap kehilangan atau kerosakan kapada, atau berkaitan dengan, barang2 yang berbangkit dari kechuaian, kekhilafan, atau kegagalan dalam tugas2 dan tanggongjawab2 yang di-persharatkan dalam Fasal ini atau mengurangkan tanggongan sedemikian selain dari yang di-persharatkan dalam Atoran2 ini, ada-lah terbatal dan tidak sah dan tidak berkesan. Faedah insuran bagi kebaikan pengangkut atau fasal yang serupa ada-lah di-anggap sebagai fasal yang melepaskan pengangkut dari tanggongan.

FASAL IV

1. Sama ada pengangkut atau pun kapal-nya tidak-lah bertanggongjawab terhadap kehilangan atau kerosakan yang

berbangkit atau berakibah dari tidak selamat pelayaran kechuali di-sebabkan oleh kekurangan usaha yang seharus-nya di-pehak pengangkut-nya untok menjadikan kapal itu selamat di-layarkan, dan untok memastikan bahawa kapal itu di-tempatkan dengan kakitangan, di-perlengkapkan dan di-bekalkan dengan sewajar-nya, dan untok menjadikan tempat2 simpanan, bilek2 pendinginan atau penyejukan dan semua bahagian kapal dalam mana barang2 ada-lah di-angkut sesuai dan selamat bagi peneri-maan, pengangkutan dan pemeliharaan menurut sharat2 perenggan 1 dari Fasal III. Bilamana kehilangan atau kerosakan telah terjadi di-sebabkan oleh tidak selamat pelayaran maka beban membuktikan perjalanan usaha yang seharus-nya di-lakukan ada-lah terletak keatas pengangkut-nya atau orang lain yang menuntut pengechualian di-bawah Fasal ini.

2. Sama ada pengangkut atau pun kapal-nya tidak-lah ber-tanggongjawab terhadap kehilangan atau kerosakan yang berbangkit atau berakibah dari —

(a) Perbuatan, kechuaian, atau kemungkiran juragan, pelaut, jurupandu, atau pekerja2 pengangkut dalam pelayaran atau dalam pengurusan kapal itu.

(b) Kebakaran, kechuali di-sebabkan oleh kesalahan atau pengetahuan sebenar pengangkut itu.

(c) Bahaya2 (perils, dangers) dan kemalangan2 laut atau perayeran yang boleh di-pelayari yang lain.

(d) Benchana Alam.

(e) Perbuatan Peperangan.

(f) Perbuatan musoh2 awam.

(g) Penangkapan atau penyekatan putera2 raja, pemerentah2 atau orang atau perampasan di-bawah tindakan undang2.

(h) Sekatan2 kerantina.

(i) Perbuatan yang di-lakukan atau tidak di-lakukan oleh pengirim atau tuanpunya barang2, ejen-nya atau wakil-nya.

(j) Mogok atau larangan2 masok berkerja atau penahanan atau penyekatan buroh dari apa jua sebab, sama ada sebahagian saja atau pada 'am-nya.

(k) Rusohan dan kekachauan awam.

(l) menyelamatkan atau chuba menyelamatkan nyawa atau harta-benda di-laut.

(m) Pembaziran besar2an atau apa jua kehilangan atau kerosakan lain yang ber-bangkit dari kerosakan yang sedia ada, mutu atau kechachatan barang2.

(n) Pembungkusan yang tidak sempurna.

(o) Tanda2 yang tidak sempurna atau tidak menchukopi.

(p) Kerosakan2 terpendam yang tidak boleh di-ketahui dengan usaha yang seharus-nya.

(q) apa jua sebab lain yang berbangkit bukan kerana kesalahan sebenar atau pengetahuan pengangkut-nya, atau bukan kerana kesalahan atau kechuaian ejen2 atau peker-ja2 pengangkut-nya, tetapi beban mem-buktikan ada-lah terserah kapada orang yang menuntut faedah dari pengechualian ini untok menunjokkan bahawa sama ada kesalahan sebenar atau pengetahuan pengangkut-nya atau pun kesalahan atau kechuaian ejen2 atau pekerja2 pengangkut itu telah tidak menyebabkan kehilangan atau kerosakan itu.

3. Pengirim tidak-lah bertanggongjawab terhadap kehilangan atau kerosakan yang di-alami oleh pengangkut atau kapal-nya yang berbangkit atau berakibah dari apa jua sebab yang bukan kerana perbuatan, kesalahan atau kechuaian pengirim-nya, ejen atau pekerja-nya.

4. Sebarang penyimpangan dalam menyelamatkan atau chuba menyelamatkan nyawa atau harta-benda di-laut atau sebarang penyimpangan yang berpatutan tidak-lah boleh di-anggap sebagai satu pelanggaran atau

kemungkiran terhadap Atoran2 ini atau terhadap perjan-jian pengangkutan, dan pengangkut-nya tidak-lah boleh di-pertanggongjawabkan terhadap kehilangan atau kerosakan akibah-nya.

5. (a) Kechuali jenis dan nilai harga barang2 itu telah di-nyatakan oleh pengirim-nya sebelum pengiriman dan di-masokkan ka-dalam daftar muatan, maka sama ada pengangkut-nya atau pun kapal-nya tidak-lah dalam apa perkara pun boleh atau men-jadi bertanggongjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan kapada atau berkaitan dengan barang2 itu dengan jumlah yang melebehi jumlah yang bersamaan dengan 10,000 franc tiap2 bungkusan atau unit atau 30 franc tiap2 kilo berat kasar barang2 yang telah hilang atau rosak, yang mana satu yang lebeh tinggi.

(b) Jumlah besar yang boleh di-perolehi balek hendak-lah di-kira dengan merujokkan kapada nilai harga barang2 itu di-tempat dan masa-nya ketika mana barang2 itu di-punggah keluar dari kapal itu menurut per-janjian pengangkutan-nya atau sepatut-nya telah di-punggah keluar.

Nilai harga barang2 hendak-lah di-tetapkan menurut harga pertukaran barang2 dagangan, atau, jika tidak ada harga sedemikian, menurut harga pasaran semasa, atau, jika tidak ada harga pertukaran barang2 dagangan atau harga pasaran semasa, dengan merujokkan kapada nilai harga biasa barang2 sejenis dan mutu yang sama.

(c) Jika kontena (container), liput jerami (pallet) atau alat pengangkutan yang serupa ada-lah di-gunakan untok menghimpunkan barang2, maka bilangan bungkusan atau unit yang di-nyatakan dalam daftar muatan sebagaimana yang di-bungkus dalam alat pengangkutan sedemikian hendak-lah di-anggap menjadi bilangan bungkusan atau unit bagi

maksud2 perenggan ini setakat yang mengenai bungkusan atau unit2 ini. Kechuali sebagaimana yang di-sebutkan tadi alat pengangkutan sedemikian hendak-lah di-anggap sebagai bungkusan atau unit.

(d) satu franc berma'ana satu unit terdiri dari 65.5 milligramme emas bermutu millesimal fineness 900. Tarikh pertukaran jumlah wang yang di-anugerahkan kapada matawang negara ada-lah di-kuasai oleh undang2 mahkamah yang membicharakan kes itu.

(e) Sama ada pengangkut-nya atau pun kapal-nya tidak-lah berhak mendapat faedah had tanggongan yang di-persharatkan dalam perenggan ini jika di-buktikan bahawa kerosakan itu berakibah dari sesuatu perbuatan yang di-lakukan atau tidak di-lakukan oleh pengangkut-nya yang telah di-lakukan dengan tujuan untok menyebabkan kerosakan, atau dengan sembrono dan dengan pengetahuan bahawa kerosakan itu mungkin akan terjadi.

(f) Pengakuan yang di-sebut dalam perenggan kechil (a) dari perenggan ini, jika di-masokkan dalam daftar muatan, ada-lah menjadi keterangan pada zahir-nya, tetapi tidak-lah terikat atau mu'tamad keatas pengangkut-nya.

(g) Dengan persetujuan di-antara pengangkut, juragan atau ejen pengangkut dan pengirim-nya jumlah2 maksima selain dari yang di-sebut dalam perenggan kechil (a) dari perenggan ini boleh di-tetapkan, dengan sharat bahawa tiada sebarang jumlah maksima yang di-tetapkan demikian boleh di-tetapkan kurang dari maksima yang bersesuaian yang di-sebut dalam perenggan kechil itu.

(h) Sama ada pengangkut-nya atau pun kapal-nya tidak boleh di-pertanggongjawabkan dalam apa jua perkara terhadap kehilangan atau kerosakan kapada, atau berkaitan dengan, barang2 jika jenis atau nilai harga-nya telah dengan setahu-nya salah di-nyatakan oleh pengirim-nya dalam daftar muatan-nya.

6. Barang2 sejenis yang mudah terbakar, letupan atau yang merbahaya kapada pengiriman-nya yang mana pengangkut-nya, juragan atau ejen pengangkut itu telah tidak membenarkan dengan mempunyai pengetahuan tentang jenis dan sifat-nya, boleh pada bila2 masa sebelum di-punggah keluar di-turunkan di-mana2 tempat, atau di-musnahkan atau di-jadikan tidak merbahaya oleh pengangkut-nya tanpa gantirugi dan pengirim barang2 sedemikian ada-lah bertanggongjawab terhadap semua kerugian dan perbelanjaan yang berbangkit sechara langsong atau tidak langsong atau akibah dari pengiriman sedemikian. Jika mana2 barang sedemikian yang di-kirimkan dengan pengetahuan dan kebenaran akan men-jadi merbahaya kapada kapal itu atau barang2 muatan-nya, maka barang2 itu boleh saperti itu juga di-turunkan di-mana2 tempat, atau di-musnahkan atau di-jadikan tidak merbahaya oleh pengangkut-nya tanpa tanggongan di-pehak pengangkut-nya kechuali kerana keselamatan kapal, jika berlaku.

FASAL IV BIS

1. Pembelaan2 dan had2 tanggongan yang di-persharatkan dalam Atoran2 ini ada-lah di-kenakan dalam mana2 tin-dakan terhadap pengangkut berthabit dengan kehilangan atau kerosakan kapada barang2 yang di-liputi oleh sesuatu perjanjian pengangkutan sama ada tindakan itu berasaskan contract atau tort.

2. Jika sesuatu tindakan sedemikian di-ambil terhadap sesaorang pekerja atau ejen pengangkut (yang mana pekerja atau ejen itu bukan pemborong bebas), maka pekerja atau ejen itu ada-lah berhak memperolehi bagi diri-nya pembelaan2 dan had2 tanggongan yang pengangkut berhak memohonkan di-bawah Atoran2 ini.

3. Jumlah2 kasar yang boleh di-dapati balek dari pengangkut, dan pekerja2 dan ejen2 itu, tidak boleh dalam apa jua perkara pun melebehi had yang di-persharatkan dalam Atoran2 ini.

4. Walaubagaimana pun, sesaorang pekerja atau ejen pengangkut tidak-lah berhak mempergunakan bagi diri-nya sharat2 dari Fasal ini, jika di-buktikan bahawa kerosakan itu berakibah dari sesuatu perbuatan yang di-

lakukan atau tidak di-lakukan oleh pekerja atau ejen itu yang telah di-lakukan dengan tujuan menyebabkan kerosakan atau dengan semberono dan dengan pengetahuan bahawa kerosakan mungkin akan terjadi.

FASAL V

Sesaorang pengangkut ada-lah bebas untok menyerahkan keselurohan atau sebahagian segala atau mana2 darihal2 dan kebebasan2-nya atau untok menambah mana2 dari tanggongjawab2 dan tanggongan2-nya di-bawah Atoran2 ini, dengan sharat penyerahan atau penambahan sedemikian hendak-lah di-masokkan ka-dalam daftar muatan yang di-keluarkan kapada pengirim. Sharat2 Atoran2 ini tidak boleh di-kenakan kapada penyewa kapal, tetapi jika daftar2 muatan di-keluarkan mengenai dengan kapal di-bawah perjanjian penyewaan kapal maka mereka hendak-lah mematohi sharat2 Atoran2 ini. Tiada sebarang apa pun di-dalam Atoran2 ini boleh di-anggap menchegah kemasokan ka-dalam daftar muatan apa jua sharat yang sah di-segi undang2 mengenai penyelamatan kapal.

FASAL VI

Dengan tidak menghiraukan sharat2 dari Fasal2 sebelum ini, sesaorang pengangkut, juragan atau ejen pengangkut dan sesaorang pengirim ada-lah berhubong dengan mana2 barang tertentu bebas untok mengikat apa jua perjanjian dalam apa jua bentok sharat mengenai dengan tanggongjawab dan tanggongan pengangkut-nya terhadap barang2 itu, dan mengenai dengan hak2 dan kebebasan2 pengangkut berthabit dengan barang itu, atau tanggongjawab-nya tentang keselamatan pelayaran, asalkan sharat ini tidak bertentangan dengan dasar awam, atau penjagaan atau usaha pekerja2 atau ejen2-nya berkenaan dengan pemunggahan masok, pengendalian, penempatan, pengangkutan, penyimpanan, penjagaan dan pemunggahan keluar barang2 yang di-angkut melalui laut, dengan sharat bahawa jika tidak ada sebarang daftar muatan telah atau akan di-keluarkan dan bahawa sharat2 yang di-persetujui hendak-lah di-masokkan ka-dalam sesuatu resit yang mana hendak-lah menjadi dokumen yang tidak boleh di-niaga dan hendak-lah di-tandakan sedemikian.

Apa jua perjanjian yang di-ikat ada-lah mempunyai kuatkuasa undang2 sepenoh-nya

Dengan sharat bahawa Fasal ini tidak boleh di-kenakan kapada pengiriman2 perdagangan biasa yang di-lakukan dalam perjalanan perniagaan biasa, tetapi hanya kapada pengiriman2 lain yang jenis atau keadaan harta-benda yang akan di-angkut atau keadaan2-nya, sharat2 dan penentuan2 di-bawah mana pengangkutan itu akan di-lakukan ada-lah dengan munasabah mematutkan sesuatu perjanjian khas.

FASAL VII

Tiada sebarang apa pun yang terkandong di-dalam Fasal ini boleh menchegah sesaorang pengangkut atau sesaorang pengirim dari mengikat sebarang perjanjian, penetapan, penentuan, penyimpanan atau pengechualian mengenai dengan tanggongjawab dan tanggongan pengangkut atau kapal terhadap kehilangan atau kerosakan kapada, atau berkaitan dengan, penyimpanan dan penjagaan dan pengendalian barang2 sebelum pemunggahan masok, dan selepas pemunggahan keluar dari, kapal dalam mana barang2 itu di-angkut melalui laut.

FASAL VIII

Sharat2 Atoran2 ini tidak-lah menyentoh hak2 dan tanggongjawab2 pengangkut di-bawah mana2 undang2 (statute) yang pada masa itu berkuatkuasa berhubong dengan had tanggongan tuanpunya2 kapal layaran laut.

FASAL IX

Atoran2 ini tidak-lah menyentoh sharat2 mana2 Konvenshen antarabangsa atau undang2 negara yang menguasai tanggongan terhadap kerosakan nuklear.

FASAL X

Sharat2 Atoran2 ini hendak-lah di-kenakan kapada tiap2 daftar muatan berhubong dengan pengangkutan barang2 di-antara pelabohan2 dalam dua buah Negeri yang berlainan jika :

(a) daftar muatan itu di-keluarkan dalam sebuah Negeri yang mengikat perjanjian, atau

(b) pengangkutan itu ia-lah daripada sesabuah pelabohan dalam sesabuah Negeri yang mengikat perjanjian, atau

(c) perjanjian itu mengandongi di-dalam atau yang di-terangkan oleh daftar muatan mensharatkan bahawa Atoran2 ini atau undang2 mana2 Negeri yang menguatkuasakan-nya hendak-lah menguasai perjanjian itu,

baik apa pun jua kebangsaan kapal, pengangkut, pengirim, penerima, atau mana2 orang yang mempunyai kepentingan yang lain.

(Dua perenggan yang terakhir dari Fasal ini tidak-lah di-terbitkan semula. Perenggan2 itu mengkehendaki Negeri2 yang mengikat perjanjian untok mengenakan Atoran2 tersebut kapada daftar2 muatan yang di-sebut dalam Fasal itu dan membenarkan mereka untok mengenakan Atoran2 tersebut kapada daftar2 muatan yang lain.)

(Fasal2 11 hingga 16 dari Konvenshen Antarabangsa bagi penyatuan atoran2 undang2 tertentu berhubong dengan daftar2 muatan yang telah di-tandatangani di-Brussels pada 25hb Ogos 1924 tidak di-terbitkan semula. Fasal2 tersebut menguruskan mengenai dengan mula berjalan-nya kuatkuasa Konvenshen tersebut, tatachara bagi pengesahan, penambahan atau penamatan, dan hak untok mengundang persidangan baharu untok menimbangkan pindaan2 kapada Atoran2 yang terkandong dalam Konvenshen tersebut.)

JADUAL 4

Bab 220(1)

PINDAAN UNDANG2 PAMPASAN PEKERJA2, 1957

(No. 5 tahun 1957)

Bagi bab 22 dari Undang2 Pampasan Pekerja2, 1957 hendak-lah di-gantikan dengan bab yang berikut :—

"Sharat2 khas berhubong dengan kelasi2.

22. (1) Terta'alok kapada sharat2 cheraian (3), Undang2 ini ada-lah di-kenakan kapada juragan2 dan kelasi2 jika orang2 sedemikian ada-lah pekerja2 dalam bidang ma'ana Undang2 ini, dan ada-lah menjadi anggota2 dari anak2 kapal mana2 kapal Brunei yang berdaftar, atau mana2 kapal Brunei yang lain yang tuanpunya, atau (jika ada lebeh dari seorang tuanpunya) tuanpunya yang mengurus, atau pengurus-nya tinggal atau mempunyai tempat perniagaan utama-nya di-Brunei, terta'alok kapada pengubahsuaian2 yang berikut —

(a) notis kemalangan dan tuntutan terhadap gantirugi boleh, kechuali jika orang yang chedera itu ia-lah juragan-nya, di-berikan kapada juragan kapal itu seolah2 ia-nya ia-lah majikan-nya, tetapi jika kemalangan itu telah berlaku dan ketidakupayaan-nya bermula di-dalam kapal itu, maka tidak-lah menjadi perlu untok memberikan sebarang notis mengenai kemalangan itu ;

(b) berkenaan dengan kematian juragan atau kelasi, permohonan bagi mendapatkan gantirugi hendak-lah di-buat dalam tempoh tiga bulan selepas perkhabaran mengenai kematian itu telah di-terima oleh pehak menuntut ;

(c) jika juragan atau kelasi yang chedera di-lepaskan atau di-tinggalkan di-sesabuah pelabohan atau tempat di-luar Brunei, keterangan2 sumpah berthabit dengan perihal2 dan jenis kechederaan boleh di-ambil oleh mana2 hakim atau majistret dalam mana2 negeri Commonwealth, atau oleh mana2 pegawai konsol British di-tempat lain, dan jika telah di-ambil sedemikian hendak-lah di-kirimkan oleh orang oleh siapa keterangan2 sumpah itu telah di-ambil kapada Menteri Besar, dan keterangan2 sum-

pah sedemikian atau salinan2 yang di-perakui-nya boleh dalam mana2 per-bicharaan untok menguatkuasakan tuntutan itu di-terima sebagai bukti keterangan sebagaimana yang di-persharatkan dalam bab 209 dari Un-dang2 Perkapalan Pedagang, 1982, dan bab itu hendak-lah di-kenakan menurut-nya :

E. 16 tahun 1983.

(d) berkenaan dengan kematian sesaorang juragan atau kelasi yang tidak mening-gal tanggongan2, tiada sebarang gan-tirugi boleh di-bayar, jika majikan-nya boleh di-bawah Undang2 Perkapalan Pedagang, 1982, di-kenakan bayaran perbelanjaan pengkebumian ;

E. 16 tahun 1983.

(e) pembayaran berkala tidak boleh di-bayar berthabit dengan mana2 tempoh dalam mana majikan-nya boleh di-bawah Undang2 Perkapalan Pedagang, 1982, di-kenakan bayaran perbelanjaan sara hidup juragan atau kelasi yang chedera itu ;

(f) langkah perbicharaan bagi men-dapatkan balek gantirugi oleh tang-gongan2 juragan2 atau kelasi2 yang hilang bersama kapal mereka dengan semua anak kapal-nya boleh di-senggarakan jika permohonan-nya ada-lah di-buat dalam tempoh enam bulan dari tarikh ketika mana kapal itu ada-lah di-anggap telah hilang dengan semua anak kapal-nya ;

(g) bagi maksud2 perenggan (f) sesabuah kapal ada-lah di-anggap telah hilang dengan semua anak kapal-nya jika Pengarah Laut mengishtiharkan demi-kian dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* selepas sesuatu penyiasatan yang di-fikirkan-nya patut, dan tarikh kehilangan sedemikian hendak-lah di-anggap sebagai tarikh penyiaran kenyataan tersebut.

(2) Terta'alok kapada sharat2 cheraian (3), Undang2 ini ada-lah juga di-kenakan kapada sesiapa jua, yang bukan sesaorang juragan atau kelasi, yang berkerja di-dalam mana2 kapal itu sebagaimana yang ada di-sebut dalam bab ini, jika ia-nya berkerja demikian bagi maksud2 kapal itu atau mana2 penumpang2 atau barang2 muatan atau mel2 yang di-angkut oleh kapal itu, dan jika ia-nya ada-lah sebalek-nya seorang pekerja dalam bidang ma'ana Undang2 ini.

(3) Undang2 ini tidak boleh di-kenakan —

(a) kapada anggota2 dari anak2 kapal sesabuah kapal Brunei yang di-daftarkan atau di-leseni di-luar Brunei jika di-tempat pendaftaran atau pelesenan kapal itu suatu undang2 yang berhubong dengan pampasan pekerja2 ada-lah berkuatkuasa dan di-kenakan kapada anggota2 dari anak2 kapal sedemikian ;

(b) kapada mana2 anggota2 dari anak2 kapal sesabuah kapal menangkap ikan yang mendapat saraan pada keselurohan-nya atau terutama-nya dari bahagian2 dalam keuntongan2 atau pendapatan2 kasar dari kerja2 kapal tersebut, kechuali dalam perkara dan terta'alok kapada pengubahsuaian2 yang Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh dengan perentah memper-sharatkan.

(4) Di-dalam bab ini, ''kapal Brunei'', ''juragan'', ''kelasi'' dan ''kapal'' mempunyai ma'ana2 masing2 yang di-berikan kapada perkataan2 itu oleh Undang2 Perkapalan Pedagang, 1982.''

E. 16 tahun 1983.

JADUAL 5

PEMANSOKHAN2

Undang2	Takat Pemanshokhan
Lights and Small Shipping Enactment (Cap. 89)	Bab2 1, 2 dan 14 hingga 32.
	Jadual Kedua.
Undang2 Pelabohan2, 1961 (No. 8 tahun 1961)	Bahagian IV.

Di-luluskan pada 13 haribulan Disember, 1982.

DATO PADUKA HAJI JUDIN HAJI ASAR
Jurutulis,
Majlis Mashuarat Negeri,
Brunei.